

**PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM QIRAAT DI DARUL
QURAN DAN MA'AHAD TAHFIZ AL-QUR'AN
DI MALAYSIA**

ZAINORA BINTI DAUD

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM QIRAAT DI DARUL
QURAN DAN MA'AHAD TAHFIZ AL-QUR'AN
DI MALAYSIA**

ZAINORA BINTI DAUD

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM QIRAAT DI
DARUL QURAN DAN MA'AHAD TAHFIZ AL-QUR'AN
DI MALAYSIA**

ZAINORA BINTI DAUD

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **ZAINORA BINTI BAUD** (No. K.P/Pasport: **750415-04-5044**)

No. Pendaftaran/Matrik: **IHA 110014**

Nama Ijazah: **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH USULUDDIN**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja Ini"):

**PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM DIKAAT
BI BARUL QURAN DAN MAHAAD TAHFIZ
AL-QURAN BI MALAYSIA**

Bidang Penyelidikan: **AL-QURAN (AGAMA)**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya. kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon




Tarikh **28/7/15**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksa: **ASSOC. PROF. DR MUSTAFFA ABDULLAH**

Nama:
Jawatan:



Department of al-Qur'an and al-Hadith
Academy of Islamic Studies
University of Malaya
50603 Kuala Lumpur

Tarikh **29/7/15**

ABSTRAK

Kurikulum *qirā'āt* ialah satu bidang yang membincangkan perselisihan bacaan yang berlaku antara imam-imam dan perawi-perawi *Qirā'āt Sab'ah* yang bertepatan dengan tiga rukun bacaan *qirā'āt* dan dipelajari secara *talaqqī* dan *mushāfahah*. Kurikulum *qirā'āt* telah diperkenalkan di Darul Quran, JAKIM sejak penubuhannya lagi pada tahun 1966 serta penglibatan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia hingga kini telah melalui pelbagai bengkel pemurnian dan perubahan dari aspek tempoh pengajian, isi kandungan dan kaedah penilaian. Kajian deskriptif ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di Darul Quran, JAKIM dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia. Reka bentuk kajian ini berbentuk triangulasi yang menggabungkan antara kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Kesemua instrumen pengutipan data telah diubahsuai oleh pengkaji dan disahkan kandungannya oleh panel rujukan pakar. Tahap nilai kebolehpercayaan Alfa Cronbach yang diperolehi bagi semua instrumen dalam dua set soal selidik adalah tinggi (>0.8). Kajian ini telah dijalankan di Darul Quran dan sembilan buah Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia. Responden terdiri daripada 46 orang pensyarah yang mengajar *qirā'āt* dan 136 orang pelajar semester 6 yang mengikuti Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM telah dipilih untuk kajian ini. Kajian ini menggunakan dua set soal selidik yang diedarkan kepada pensyarah dan pelajar untuk mendapatkan data penilaian kurikulum, kandungan serta pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* dan satu set ujian *shafawī qirā'āt* juga digunakan untuk memperoleh data penilaian pencapaian. Manakala temu bual semi struktur dan pemerhatian berstruktur juga digunakan untuk mendapatkan data kualitatif dalam proses pelaksanaan kurikulum *qirā'āt*. Data kuantitatif daripada dua set soal selidik dan ujian *shafawī qirā'āt* dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Secara keseluruhan, dapatan kajian deskriptif menunjukkan elemen-elemen penilaian

kurikulum *qirā'āt*, iaitu kerelevanan kurikulum *qirā'āt*, penilaian sendiri pensyarah adalah tinggi tetapi penilaian sendiri pelajar terhadap kurikulum *qirā'āt* pada tahap sederhana tinggi dan elemen-elemen penilaian kandungan kurikulum *qirā'āt*, iaitu kandungan silibus kurikulum *qirā'āt*, peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran dan kemudahan ABM pada tahap sederhana tinggi. Dapatan penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* pula menunjukkan bahawa hanya kaedah Qirā'āt 'Ilm dan kaedah Qirā'āt Amali berada pada tahap tinggi tetapi penggunaan ABM yang berbentuk ICT dan elektronik berada pada tahap sederhana rendah. Hanya elemen penggunaan buku teks atau buku rujukan serta papan tulis berada pada tahap tinggi. Begitu juga dengan dapatan penilaian tahap pencapaian *qirā'āt* berada pada tahap sederhana rendah. Dapatan kajian ini berguna kepada penggubal polisi dalam usaha mengukuhkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum *qirā'āt* serta meningkatkan penguasaan *qirā'āt* pelajar-pelajar institut pengajian tahfiz di Malaysia selaras dengan misi dan visi pendidikan *qirā'āt*.

ABSTRACT

Qirā'āt curriculum is a field of study that deals with disputes between imams, the islamic scholars, and reliable narrators of *Qirā'āt Sab'ah* which coincides with the three pillars of reading *qirā'āt* that are to be learned in *talaqqī* and *mushāfahah* methods. *Qirā'āt* curriculum has undergone improvements and modification in terms of the duration of study, contents and methods appraisal through various workshops since the inception of Darul Quran JAKIM in 1966 as well as the involvement of other Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran in Malaysia. The aim of this descriptive study is to evaluate the implementation of the *qirā'āt* curriculum in Darul Quran, JAKIM dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran in Malaysia. The triangulation was carried out by combining the qualitative and quantitative methods. All data collection instruments had been modified by the researcher and its contents had been approved by panel of experts. The level of the reliability of Alpha Cronbach's obtained for all the instruments in both questionnaires is relatively high (>0.8). This research had been conducted in Darul Quran, JAKIM and 9 Ma'ahad Tahfiz al-Quran in Malaysia. The respondents consist of 46 lecturers who teach *qirā'āt* and 136 of the 6th semester students who undertake a Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Darul Quran, JAKIM. This study uses two sets of questionnaires, distributed to lecturers and students in order to get the data for curriculum evaluation, content and implementation of the *qirā'āt* curriculum. A set of *shafāwī qirā'āt* test is also used to obtain the data for the achievement evaluation. Simultaneously, interviews and observations were conducted to get the qualitative data for the implementation of the *qirā'āt* curriculum. Those quantitative data from the two sets of questionnaires and a set of *shafāwī qirā'āt* test were analyzed descriptively using the Statistical Package for Social Science (SPSS) in order to obtain the frequency, percentage, mean and standard deviation. The findings indicate that the elements of evaluation for *qirā'āt* curriculum such as *qirā'āt* curriculum relevance, self-assessment

of lecturers are high, however, moderately high for self-assessment of students. The elements of *qirā'āt* curriculum content evaluation like the content of the syllabus in *qirā'āt* curriculum, teaching and learning duration and ABM facilities are also leveled at moderately high. The finding of the *qirā'āt* curriculum implementation evaluation also show that Qirā'āt 'Ilm method and Qirā'āt Amali method are at high level, however, the ABM usage in the form of ICT and electronics are at moderate low level. Only the elements of text book or references book and writing board usage are at high level. Similarly, the results of the evaluation of the level of achievement of *qirā'āt* is relatively at moderate low level. The findings of this study will not only useful to policy makers in an effort to strengthen the implementation of curriculum in teaching and learning Quran, but also to improve the *qirā'āt* capability of students at tahfiz institutes in Malaysia which will be in line with the mission and vision of *qirā'āt* education.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji pujian ke hadrat Allah S.W.T serta selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana dengan limpahan rahmat, inayah dan hidayah yang berterusan daripada Ilahi serta iltizam yang berpanjangan, penulis berjaya menyempurnakan penulisan tesis ini bagi memenuhi syarat memperoleh ijazah Doktor Falsafah Usuluddin, di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ini ditujukan khas buat penyelia, Prof.Madya Dr. Mustaffa bin Abdullah yang sentiasa memberi panduan, tunjuk ajar, bimbingan serta inspirasi dalam menjayakan kajian ini. Semoga Allah S.W.T mengurniakan kebaikan dan rahmat buatnya. Begitu juga buat semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini secara langsung atau tidak langsung, iaitu para pensyarah serta rakan-rakan seperjuangan yang turut memberikan idea dan cadangan di dalam memantapkan kajian ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih buat para penilai pakar dalam bidang qiraat, kuantitatif dan kualitatif, iaitu Dr. Sabri Muhammad, Dr. Abd Rahman bin Abd Ghani, Dr. Zanaton Ikhsan, Dr. Bahyah bte Abd Halim, Ustaz Azhari bin Othman, Ustaz Mohd Nazri bin Abdullah, Ustaz Ab Malek bin Ab Manaf, Ustaz Mohd Fazli bin Ibrahim dan Ustaz Mohd Helmi bin Abdul yang memberi komen dan penilaian yang bernas dalam meningkatkan lagi mutu kajian ini.

Seterusnya buat para responden kajian, Pengarah Darul Quran, pengetua-pengetua Ma'ahad Tahfiz al-Quran, ketua-ketua bahagian Akademik, bahagian peperiksaan, bahagian kurikulum serta pensyarah dan semua pelajar yang terlibat sama ada dalam temu bual, soal selidik atau pemerhatian di atas kesudian dan layanan baik yang diberikan sepanjang penulis menjalankan kajian. Seterusnya buat sesiapa sahaja

yang memberi input dan membantu pengkaji dalam menjayakan kajian ini yang tidak dapat semuanya disebutkan dalam ruangan terhad ini.

Akhir sekali, khusus buat suami tercinta Yazir Araafad bin Mohd Arrifin di atas sokongan, dorongan, pengorbanan, kasih sayang serta sumber inspirasi ketika suka dan duka. Buat anak-anak yang menjadi *qurratu a'yun* di hati ummi, iaitu Arham Sakinah, Abrar Hakimi dan Anwaarul Fauzan, terima kasih di atas pengorbanan kalian. Selain itu, penulis titipkan jutaan penghargaan untuk ayahanda dan bonda yang disayangi, iaitu Daud bin Md. Said dan Allahyarhamah Seenah bte Kassim di atas segala jasa, kebaikan dan pengorbanan yang telah diberikan selama ini. Semoga kita semua mendapat kebaikan serta keberkatan di dunia dan akhirat. *Amīn Yā Rabb al-‘Ālamīn*.

Zainora binti Daud

(IHA 11014)

Jabatan al-Quran dan al-Hadith,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur .

No.182, Jalan Taman Mulia 9,
Seri Pajam,
77000 Mantin,
Negeri Sembilan.
019-2623681

KANDUNGAN

	Halaman
PERAKUAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	ix
SENARAI JADUAL	xix
SENARAI TRANSLITERASI	xxiv
SENARAI SINGKATAN	xxv
SENARAI LAMPIRAN	xxviii
1. Latar Belakang Kajian	1
2. Pernyataan Masalah	4
3. Soalan Kajian	17
4. Objektif Kajian	17
5. Kepentingan Kajian	18
6. Skop Kajian	20
6.1 Tempat Institusi	20
6.2 Institusi Kajian	20
6.3 Sampel Kajian	21
6.4 Aspek Kajian	21
7. Definisi Operasional	21
7.1 Penilaian Pelaksanaan	22
7.2 Kurikulum	22
7.3 Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	23
7.4 Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia	24
8. Tinjauan Literatur	24
9. Sistematika Penulisan	31
10. Penutup	33

BAB I MODEL DAN KURIKULUM QIRĀ'ĀT

1.1	Pengenalan	35
1.2	Kurikulum	35
1.2.1	Definisi Kurikulum Kebangsaan	39
1.2.2	Penilaian Kurikulum	40
1.2.3	Tujuan Penilaian	41
1.2.4	Model-model Penilaian Kurikulum	42
1.2.4 (a)	Model Objektif	42
1.2.4 (b)	Model Taba	43
1.2.4 (c)	Model Stake	43
1.2.4 (d)	Model Holistik	44
1.2.4 (e)	Model Illumatif	45
1.2.4 (f)	Bobbit dan Charters	45
1.2.4 (g)	Model Konteks, Input, Proses dan Produk	45
1.3	Kurikulum Qirā'āt	47
1.3.1	Konsep Kurikulum Qirā'āt	47
1.3.2	Kepentingan dan Keperluan Kurikulum Qirā'āt	49
1.3.3	Matlamat dan Objektif Kurikulum Qirā'āt	54
1.3.4	Perkembangan Kurikulum Qirā'āt di Zaman Rasuluallah	56
1.3.5	Perkembangan Kurikulum Qirā'āt di Malaysia	61
1.3.6	Pelaksanaan Kaedah P&P Kurikulum Qirā'āt	65
1.3.6 (a)	Zaman Rasulullah	66
1.3.6 (b)	Zaman Sahabat	68
1.3.6 (c)	Zaman Tabi'in	70
1.3.6 (d)	Zaman Kurun Pertama Ke atas Serta Zaman Pembukuan dan Penulisan	71
1.3.6 (e)	Zaman Kini	76
1.1.1	Adab-adab P&P Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	78
1.1.2	Asas-asas Kandungan Sukatan Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	79
1.4	Penutup	85

BAB II	PENGAJIAN <i>QIRĀ'ĀT</i> DI DARUL QURAN DAN MA'AHAD TAHFIZ AL-QURAN (DQ DAN MTQ) DI MALAYSIA	
2.1	Pengenalan	87
2.2	Pengajian <i>Qirā'āt</i> di Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia	87
2.2.1	Institut al-Quran Terengganu	90
2.2.2	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Kedah	92
2.2.3	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak (INTIM)	93
2.2.4	Ma'ahad Tahfiz Kerajaan Negeri Johor	95
2.2.5	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Kerajaan Negeri Perlis	96
2.2.6	Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN)	97
2.2.7	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat MAIK (Kelantan)	99
2.2.8	Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang	101
2.2.9	Ma'ahad Tahfiz al-Quran Masjid Syaidina Ali Melaka	103
2.2.10	Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Sabah	105
2.2.11	Ma'ahad Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (KITAB) Pulau Pinang	106
2.2.12	Institut Pengajian Islam (INSPI) di Yayasan Islam Terengganu	108
2.2.13	Institut Kemahiran Majlis Agama Sarawak IKMAS	109
2.2.14	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Pulau Chondong	110
2.2.15	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat ADDIN Perak	112
2.3	Falsafah dan Objektif Pengajian <i>Qirā'āt</i> di DQ dan MTQ	113
2.4	Program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM	115
2.4.1	Struktur Kurikulum Pengajian <i>Qirā'āt</i>	117
	2.4.1 (a) Nama-nama Kursus	118

2.4.2	Jam Kredit dan Semester Diajar	118
2.4.3	Objektif Mata Pelajaran	119
2.4.4	Hasil Pembelajaran Bagi Setiap Subjek	122
2.5	Kandungan Kurikulum Pengajian <i>Qirā'āt</i> di DQ dan MTQ	123
2.5.1	Kursus Asas <i>Qirā'āt</i> 'Ilm	123
2.5.2	Kursus Asas <i>Qirā'āt</i> Amalī	124
2.5.3	Kursus <i>Qirā'āt</i> 'Ilm I	124
2.5.4	Kursus <i>Qirā'āt</i> 'Ilmī II	125
2.5.5	Kursus <i>Qirā'āt</i> Amali I	125
2.5.6	Kursus <i>Qirā'āt</i> Amali II	125
2.5.7	Kursus <i>Qirā'āt</i> Amali III	126
2.6	Kitab Rujukan	126
2.7	Kaedah Penilaian	127
2.8	Rancangan Mengajar Pensyarah	130
2.9	Pelaksanaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran <i>Qirā'āt</i> di DQ dan MTQ	131
2.9.1	Kaedah Kuliah	131
	2.9.1 (a) Metode Membaca <i>Matan</i>	131
	2.9.1 (b) Metode <i>Sharh Matan</i>	132
2.9.2	Kaedah Hafazan	133
2.9.3	Kaedah <i>Talaqqī</i> dan <i>Mushāfahah</i>	134
2.9.4	Kaedah <i>Simā'</i>	136
2.9.5	Kaedah Soal Jawab	136
2.9.6	Kaedah Perbincangan Dalam Kumpulan	137
2.9.7	Kaedah Pembentangan	138
2.10	Penutup	139
BAB III METODOLOGI KAJIAN LAPANGAN		
3.1	Pengenalan	141
3.2	Reka bentuk Kajian	143
3.3	Lokasi Kajian	146
3.4	Populasi Kajian	148
3.5	Sampel dan Kaedah Persampelan	149

3.6	Instrumen Kajian	154
	3.6.1 Soal Selidik	154
	3.6.1 (a) Soal Selidik Pensyarah	156
	3.6.1 (a) i- Bahagian A	156
	3.6.1 (a) ii- Bahagian B	156
	3.6.1 (a) iii- Bahagian C	156
	3.6.1 (a) iv- Bahagian D	157
	3.6.1 (a) v- Bahagian E	157
	3.6.1 (b) Soal Selidik Pelajar	157
	3.6.1 (b) i- Bahagian A	157
	3.6.1 (b) ii- Bahagian B	157
	3.6.2 Ujian <i>Shafawī Qirā'āt</i>	158
	3.6.2 (a) Skema Pemarkahan	158
	3.6.2 (b) Skema Markah <i>Shafawī Qirā'āt</i>	158
	3.6.2 (c) Penggredan Markah <i>Shafawī Qirā'āt</i>	159
	3.6.3 Pemerhatian	160
	3.6.3 Soalan Temu bual Pensyarah dan Pelajar	161
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	162
	3.7.1 Kajian Rintis	163
	3.7.2 Kebolehpercayaan Instrumen	165
	3.7.3 Triangulasi Data Kajian	167
3.8	Metode Kajian	169
	3.8.1 Metode Penentuan Subjek	170
	3.8.2 Metode Pengumpulan Data	171
	3.8.2 (a) Metode Pengkajian Perpustakaan	171
	3.8.2 (b) Metode Dokumentasi	172

	3.8.2 (c) Metode Tinjauan (<i>Survey</i>)	173
	3.8.2 (d) Metode Temu bual	174
	3.8.2 (e) Metode Pemerhatian	176
3.8.3	Metode Analisis Data	177
	3.8.3 (a) Metode Induktif	177
	3.8.3 (b) Metode Deduktif	178
	3.8.3 (c) Metode Komparatif	178
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	179
	3.9.1 Pengumpulan Soal Selidik dan Ujian <i>Shafawī Qirā'āt</i>	179
	3.9.2 Pengumpulan Data Pemerhatian dan Temu bual	181
3.10	Kaedah Analisis Data	181
	3.10.1 Analisis Data Kuantitatif	182
	3.10.2 Analisis Data Kualitatif	184
3.11	Penutup	184
BAB IV	ANALISIS KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	186
4.2	Profil Responden Kajian	186
	4.2.1 Profil Pensyarah <i>Qirā'āt</i>	187
	4.2.2 Profil Pelajar <i>Qirā'āt</i>	192
4.3	Penilaian Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	195
	4.3.1 Kerelevanan Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	195
	4.3.1 (a) Keperluan Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	199
	4.3.1 (b) Matlamat Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	198
	4.3.1 (b) i. Temu bual Pensyarah Tentang Matlamat KQ	200
	4.3.1 (c) Objektif Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	201
	4.3.1 (b) i. Temu bual Pensyarah Tentang Objektif KQ	201

	4.3.1 (d) Kesesuaian Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	202
	4.3.1 (e) Hasil Pembelajaran KQ Dari Persepsi Pensyarah	204
	4.3.2 Penilaian Kendiri Pensyarah	205
	4.3.3 Penilaian Kendiri Pelajar	206
4.4	Penilaian Kandungan Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	208
	4.4.1 Penilaian Kandungan Silibus Kurikulum <i>Qirā'āt</i> dari Perspektif Pensyarah	210
	4.4.1 (a) Temu Bual Pensyarah Tentang Kandungan Silibus KQ	211
	4.4.1 (b) Penilaian Kandungan Silibus KQ dari Perspektif Pelajar	213
	4.4.2 Peruntukan Masa P&P <i>Qirā'āt</i> dari Perspektif Pensyarah	215
	4.4.2 (a) Peruntukan Masa P&P <i>Qirā'āt</i> Perspektif Pelajar	217
	4.4.2(b) Temu Bual Pensyarah dan Pelajar Terhadap Peruntukan Masa	220
	4.4.3 Kemudahan Alat Bantu Mengajar Perspektif Pensyarah	221
	4.4.3 (a) Kemudahan Alat Bantu Mengajar Perspektif Pelajar	222
4.5	Penilaian Pelaksanaan Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	223
	4.5.1 Kaedah P&P <i>Qirā'āt</i> 'Ilm Persepsi Pensyarah	225
	4.5.1 (a) Temu Bual Pensyarah Terhadap Kaedah P&P <i>Qirā'āt</i> 'Ilm	226
	4.5.1 (b) Kaedah P&P <i>Qirā'āt</i> 'Ilm dari Persepsi Pelajar	227
	4.5.1 (c) Pemerhatian Kaedah <i>Qirā'āt</i> 'Ilm	229
	4.5.1 (d) Temu Bual Pelajar Terhadap Kaedah <i>Qirā'āt</i> 'Ilm	230
	4.5.2 Kaedah P&P <i>Qirā'āt</i> Amali Perspektif Pensyarah	231
	4.5.2 (a) Pemerhatian Kaedah <i>Qirā'āt</i> Amali	234

4.5.2 (b)	Temu Bual Pensyarah Kaedah <i>Qirā'āt</i> Amali	234
4.5.2 (c)	Kaedah P&P <i>Qirā'āt</i> Amali Perspektif Pelajar	235
4.5.2 (d)	Temu Bual Pelajar Kaedah <i>Qirā'āt</i> Amali	237
4.5.3	Aktiviti P&P <i>Qirā'āt</i> 'Ilm dari Perspektif Pensyarah	238
4.5.3 (a)	Aktiviti P&P <i>Qirā'āt</i> 'Ilm dari Perspektif Pelajar	241
4.5.3 (b)	Temu Bual Pensyarah Aktiviti P&P <i>Qirā'āt</i> 'Ilm	243
4.5.4	Aktiviti P&P <i>Qirā'āt</i> Amali dari Persepsi Pensyarah	245
4.5.4 (a)	Aktiviti P&P <i>Qirā'āt</i> 'Amali dari Perspektif Pelajar	248
4.5.4 (b)	Temu Bual Pensyarah Aktiviti <i>Qirā'āt</i> Amali	250
4.5.5	Kekerapan Penggunaan ABM dari Perspektif Pensyarah	251
4.5.5 (a)	Kekerapan Penggunaan ABM daripada Perspektif Pelajar	252
4.5.5 (b)	Pemerhatian Penggunaan ABM	254
4.5.5 (c)	Temu Bual Pensyarah Penggunaan ABM	254
4.6	Penilaian Pencapaian <i>Qirā'āt</i>	255
4.6.1	Penilaian Hasil Pengajaran <i>Qirā'āt</i> dari Perspektif Pensyarah	256
4.6.1 (a)	Penilaian Hasil Pembelajaran <i>Qirā'āt</i> dari Perspektif Pelajar	260
4.6.1 (b)	Temu Bual Pensyarah Terhadap Penilaian dalam Pencapaian <i>Qirā'āt</i>	265
4.6.2	Pencapaian Ujian <i>Shafawī Qirā'āt</i> Pelajar	265

4.7	PENUTUP	267
BAB V	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	269
5.2	Ringkasan Kajian	269
5.3	Kesimpulan dan Rumusan Dapatan Kajian	272
5.3.1	Penilaian Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	272
5.3.1 (a)	Kerelevanan Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	273
5.3.1 (b)	Penilaian Kendiri Pensyarah	276
5.3.1 (c)	Penilaian Kendiri Pelajar	277
5.3.1 (d)	Rumusan Penilaian Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	278
5.3.2	Penilaian Kandungan Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	280
5.3.2 (a)	Kandungan Silibus Kurikulum <i>Qirā'āt</i> 'Ilm dan <i>Qirā'āt</i> Amali	280
5.3.2 (b)	Peruntukan Masa P&P Pengajian <i>Qirā'āt</i>	281
5.3.2 (c)	Kemudahan ABM dalam P&P Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	283
5.3.2 (d)	Rumusan Penilaian Kandungan Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	283
5.3.3	Penilaian Pelaksanaan Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	284
5.3.3 (a)	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran <i>Qirā'āt</i> 'Ilm	285
5.3.3 (b)	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran <i>Qirā'āt</i> Amali	285
5.3.3 (c)	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran <i>Qirā'āt</i> 'Ilm	286

	5.3.3 (d) Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran <i>Qirā'āt</i> Amalī	288
	5.3.3 (e) Kekerapan Penggunaan ABM dalam P&P <i>Qirā'āt</i>	288
	5.3.3 (f) Rumusan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	290
	5.3.4 Penilaian Pencapaian Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	293
	5.3.4 (a) Persepsi Terhadap Hasil P&P <i>Qirā'āt</i>	293
	5.3.4 (b) Pencapaian Ujian <i>Shafawī Qirā'āt</i> Pelajar Terhadap KQ	295
	5.3.4 (c) Rumusan Penilaian Pencapaian Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	295
5.4	Implikasi Kajian	300
	5.4.1 Implikasi Penilaian Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	300
	5.4.2 Implikasi Penilaian Kandungan Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	302
	5.4.3 Implikasi Penilaian Pelaksanaan Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	304
	5.4.4 Implikasi Penilaian Pencapaian Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	306
5.5	Cadangan	307
	5.5.1 Cadangan kepada Kementerian Pelajaran dan KPT	308
	5.5.2 Cadangan kepada Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran	309
	5.5.3 Cadangan kepada Pelaksana Kurikulum	311
	5.5.4 Cadangan kepada Penyelidikan Lanjutan	311
	BIBLIOGRAFI	313

SENARAI JADUAL

No.Jadual		Halaman
1.	Keputusan Peperiksaan Qirā'āt Amali III Berdasarkan DQ dan MTQ	14
2.1	Komponen Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat	116
2.2	Taburan Kursus <i>Qirā'āt</i> di dalam Kursus Pengajian Teras	118
2.3	Taburan Kursus <i>Qirā'āt</i> di dalam Kursus Pengajian Shu'bah Qirā'āt	118
2.4	Taburan kursus-kursus <i>Qirā'āt</i> Mengikut Kredit dan Semester	119
2.5	Gred Prestasi Akademik Pelajar DQ dan MTQ bagi Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	128
2.6	Gred Prestasi Akademik Pelajar DQ Dan MTQ bagi Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	129
2.7	Penilaian Prestasi Akademik Pelajar DQ dan MTQ bagi KQ	129
3.1	Senarai Nama Institusi Kajian	146
3.2	Maklumat dan Populasi Pelajar Semester Enam DQ dan MTQ	147
3.3	Bilangan Pensyarah <i>Qirā'āt</i> Mengikut DQ dan MTQ	148
3.4	Populasi Kajian Berdasarkan Institusi dan Aliran	149
3.5	Bilangan Pensyarah <i>Qirā'āt</i> Mengikut DQ dan MTQ	152
3.6	Pemilihan Sampel Mengikut Teknik <i>Proportionate Stratified Random Sampling</i>	153
3.7	Skala Likert Lima Mata dan Interpretasi dalam Semua Komponen Penilaian	156
3.8	Penggredan Skor Ujian	160
3.9	Skala Likert Lima Mata dan Interpretasi dalam Ujian <i>Shafawī Qirā'āt</i>	160
3.10	Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan Nilai Alfa Cronbach	165
3.11	Nilai Alfa Cronbach bagi Soal Selidik Pensyarah dan Pelajar	166
3.12	Interpretasi Min Dimensi Tingkah laku Afektif	182
3.13	Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Afektif	183
4.1	Bahagian A Profil Pensyarah Mengikut Institusi	187

4.2	Bahagian A Profil Pensyarah Mengikut Jantina	187
4.3	Bahagian A Profil Pensyarah Mengikut Umur	188
4.4	Bahagian A Profil Pensyarah Mengikut Tahap Pengajian	188
4.5	Bahagian A Profil Pensyarah Mengikut Pengalaman Mengajar	189
4.6	Bahagian A Profil Pensyarah Mengikut Kekkerapan Menghadiri Kursus	190
4.7	Bahagian A Profil Pensyarah Mengikut Tugas Utama Berkaitan Ilmu <i>Qirā'āt</i>	191
4.8	Bahagian A Profil Pensyarah Mengikut Anugerah Yang Pernah Diperolehi	191
4.9	Bahagian A Profil Pelajar Mengikut Institusi dan Jantina	192
4.10	Bahagian A Profil Pelajar Mengikut Kelulusan Masuk	193
4.11	Bahagian A Profil Pelajar Mengikut Pernah Mempelajari <i>Qirā'āt</i> / Pernah Mendengar Bacaan <i>Qirā'āt</i> Selain <i>Riwāyah Hafṣ</i> Sebelum ke DQ atau MTQ	193
4.12	Bahagian A Profil Pelajar Mengikut Pendorong Mempelajari <i>Qirā'āt</i>	194
4.13	Bahagian A Profil Pelajar Mengikut Tahap Penguasaan <i>Qirā'āt</i> , al-Quran dan Tajwid	194
4.14	Min Lima Elemen Penilaian Kerelevenan KQ dari Persepsi Pensyarah	196
4.15	Min Satu Elemen Penilaian Kendiri Pensyarah	196
4.16	Min Satu Elemen Penilaian Kendiri KQ dari Persepsi Pelajar	197
4.17	Taburan Kekkerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Persetujuan Pensyarah Terhadap Keperluan KQ	197
4.18	Taburan Kekkerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Persetujuan Pensyarah Terhadap Matlamat KQ	199
4.19	Taburan Kekkerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Objektif KQ	201

4.20	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Persetujuan Pensyarah Terhadap Kesesuaian KQ	203
4.21	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Persetujuan Pensyarah Terhadap Hasil Pembelajaran <i>Qirā'āt</i>	205
4.22	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Penilaian Kendiri Pensyarah	206
4.23	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Penilaian Kendiri Pelajar	207
4.24	Min Tiga Elemen Penilaian Kandungan KQ dari Persepsi Pensyarah	209
4.25	Min Tiga Elemen Penilaian Kandungan KQ dari Persepsi Pelajar	209
4.26	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Penilaian Kandungan Silibus KQ dari Persepsi Pensyarah	210
4.27	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Penilaian Kandungan Silibus KQ dari Persepsi Pelajar	214
4.28	Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Penilaian Kandungan Silibus KQ dari Persepsi Pensyarah dan Pelajar	215
4.29	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Peruntukan Masa P&P <i>Qirā'āt</i> dari Persepsi Pensyarah	216
4.30	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Peruntukan Masa P&P <i>Qirā'āt</i> dari Persepsi Pelajar	218
4.31	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Kemudahan Alat Bantu Mengajar <i>Qirā'āt</i> dari Persepsi Pensyarah	221
4.32	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Kemudahan Alat Bantu Mengajar <i>Qirā'āt</i> dari Persepsi Pelajar	222
4.33	Min Lima Elemen Penilaian Pelaksanaan KQ dari Persepsi Pensyarah	223
4.34	Min Lima Elemen Penilaian Pelaksanaan KQ dari Persepsi Pelajar	224

4.35	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Kaedah P&P <i>Qirā'āt</i> 'Ilm dari Persepsi Pensyarah	226
4.36	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Kaedah P&P <i>Qirā'āt</i> 'Ilm dari Persepsi Pelajar	228
4.37	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Kaedah P&P <i>Qirā'āt</i> Amali bagi Persepsi Pensyarah	232
4.38	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Kaedah P&P <i>Qirā'āt</i> Amali dari Persepsi Pelajar	236
4.39	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Aktiviti P&P <i>Qirā'āt</i> 'Ilm bagi Persepsi Pensyarah	239
4.40	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Aktiviti P&P <i>Qirā'āt</i> 'Ilm dari Persepsi Pelajar	241
4.41	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Aktiviti P&P <i>Qirā'āt</i> Amali dari Persepsi Pensyarah	246
4.42	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Aktiviti P&P <i>Qirā'āt</i> Amali dari Persepsi Pelajar	248
4.43	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Kekekapan Penggunaan ABM dari Persepsi Pensyarah	252
4.44	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Kekekapan Penggunaan ABM dari Persepsi Pelajar	253
4.45	Min Tiga Elemen Penilaian Pencapaian <i>Qirā'āt</i> dari Persepsi Pensyarah dan Pelajar	255
4.46	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Hasil Pengajaran bagi Persepsi Pensyarah	256
4.47	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Hasil Pengajaran bagi Persepsi Pelajar	261

4.48	Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Keputusan Ujian <i>Shafawī Qirā'āt</i>	266
5.1	Model Penilaian Pelaksanaan Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	300

SENARAI TRANSLITERASI

Konsonan

Arab	Roman
ا, آ, ؤ	a, 'a
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	h
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	'
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	Ml
ن	N
و	H
ي	Y
ة	h,t

Vokal

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا, آ, ؤ	ā	كُبْرَى, بَابُ	bāb, kubrā
ي	ī	وَكَيْلٌ	Wakīl
و	ū	سُورَةٌ	Sūrah

Sumber: Buku Panduan Penulisan Ilmiah, (Edisi Ketiga, 2012), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

SENARAI SINGKATAN

AS	<i>'Alayhi al-Salam</i>
ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ABM	Alat Bantu Mengajar
APIUM	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
Bah.Peng.	Bahagian Pengajian
BAHEIS	Bahagian Hal Ehwal Islam
Bil	Bilangan
Cet.	Cetakan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DQ	Darul Quran
Dr.	Doktor
Ed.	Edisi
et.al	dan lain-lain
Fak.	Fakulti
FPQS KUIM	Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Kolej Universiti Islam Malaysia
H	Hijrah
IAIN	Institut Agama Islam Indonesia
<i>Ibid.</i>	<i>Ibidem</i> ; Rujukan sama dengan sebelumnya
INDAH	Institut Dakwah dan Latihan Islam
INTIM	Institut Tadbiran Islam Malaysia
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JAIM	Jabatan Agama Islam Melaka
JAIP	Jabatan Agama Islam Pahang

JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JHEAINS	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan
Jil.	Jilid
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KDIAM	Kulliyah Dirasat al-Islamiyyah wa al-‘Arabiyyah Melaka
KIM	Kolej Islam Melaka
KITAB	Kolej Islam Teknologi Antarabangsa
KPLI	Kursus Perguruan Lanjutan Ijazah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KQ	Kurikulum <i>Qirā’āt</i>
KUIM	Kolej Universiti Islam Melaka
KUIN	Kolej Universiti Insaniyyah
LAN	Lembaga Akreditasi Negara
M	Masihi
MABIMS	Majlis Agama Brunei Indonesia Malaysia Singapura
MAIK	Majlis Agama Islam Kelantan
MAIM	Majlis Agama Islam Melaka
MARPA	Markaz Pengajian Islam
MP3	Media Player 3
MTNP	Ma’ahad Tahfiz Negeri Pahang
MTQMSA	Ma’ahad Tahfiz al-Quran Masjid Syaidina Ali
MTQ	Ma’ahad Tahfiz al-Quran
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran

PMR	Penilaian Menengah Rendah
Prof.	Profesor
SAW	<i>Sallallāhu ‘Alayhi wa Sallam</i>
SWT	<i>Subhānahū wa Ta’ālā</i>
Sdn. Bhd	Sendirian Berhad
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
t.t	tanpa tarikh
Ter.	Terbitan
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UNISZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UPENA	Pusat Penerbitan Universiti
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
vol.	<i>volume</i>
YIK	Yayasan Islam Kelantan
YINK	Yayasan Islam Negeri Kedah

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran dan Kelulusan Penyelidikan
- B Surat Pelantikan Panel
- C Soal Selidik Pensyarah
- D Soal Selidik Pelajar
- E Borang Pengakuan dan Pengesahan Transkrip
- F Ujian *Shafawī Qirā'āt*
- G Skema Ujian *Shafawī Qirā'āt*
- H Borang Pemarkahan *Qirā'āt* Amali
- I Senarai Pakar Rujukan dan Pengesahan Instrumen
- J Senarai Panel Penilai Ujian *Shafawī Qirā'āt*

PENDAHULUAN

Tesis ini mengkaji tentang penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di Darul Quran, JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia. Penulis cuba menilai pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* dari aspek keperluan, matlamat, objektif serta kesesuaiannya, hasil pembelajaran dan penilaian sendiri pensyarah dan pelajar terhadap Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat.

Malahan tesis ini juga mengenalpasti kandungan kurikulum *qirā'āt* dari aspek silibusnya, peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan ABM. Kajian ini juga memfokuskan kaedah-kaedah, aktiviti-aktiviti, penggunaan ABM dalam pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan dalam proses pengajian *qirā'āt*. Penilaian juga dibuat terhadap tahap pencapaian *qirā'āt* dalam kalangan para pelajar serta dikemukakan cadangan-cadangan untuk meningkatkan kualiti pendidikan *qirā'āt* di DQ, JAKIM dan MTQ di Malaysia.

Bab ini membincangkan pengenalan kajian yang dilakukan meliputi pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional dan tinjauan literatur. Selain daripada itu, bab ini juga mengemukakan skop kajian yang terdiri daripada tempat, institusi dan aspek yang dikaji. Di akhir bab ini membincangkan sistematika penulisan, iaitu penyusunan bab yang merangkumi bab pertama sehingga bab lima.

1. LATAR BELAKANG KAJIAN

Kurikulum merupakan skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sekolah dan lain-lain, senarai kesemua mata pelajaran (kursus pengajian) di sekolah dan lain-lain.¹ Konsep kurikulum terdiri antaranya sebagai kursus pengajaran yang menjadi dokumen khas, dikaitkan dengan isi kandungan pelajaran, sebagai program pengajian yang merujuk kepada mata pelajaran yang diajar, sebagai pengalaman pembelajaran yang

¹ *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (cet.per-1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 856, entri "kurikulum".

terancang, sebagai siri hasil pembelajaran yang berstruktur dan sebagai pelan tindakan (bertulis).²

Berdasarkan kepada huraian definisi dan konsep kurikulum di atas, mata pelajaran *qirā'āt* merupakan subjek teras yang termasuk dalam kurikulum pendidikan tahfiz. Kandungan kurikulum telah dirancang dan disusun berdasarkan Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM.

Kurikulum ilmu *qirā'āt* al-Quran merupakan '*ulūm aqdam* di dalam perkembangan Islam dan ia adalah semulia-mulia ilmu daripada '*ulūm al-dīn* yang pertama dipelajari oleh para sahabat dari aspek *talaqqī* serta *mushāfahah* dan *ḥifz*. Namun begitu, apabila berlaku perselisihan *wajh-wajh qirā'āt* dan bacaan al-Quran, ia memerlukan satu ilmu yang membezakan antara *qirā'āt ṣaḥīḥah* yang *mutawātir* dan *qirā'āt shādh* yang *nadīr* sehingga mewujudkan *qirā'āt* yang boleh dibaca atau *qirā'āt* tidak boleh dibaca yang menjadi satu benteng atau garis panduan daripada sebarang penyelewengan atau perubahan di dalam ayat-ayat al-Quran dan lahirlah ilmu *qirā'āt* yang telah disusun oleh para ulama *mutaqaddimīn*. Penyusunan ilmu *qirā'āt* ini memberi impak yang besar kepada umat Islam khususnya, untuk kemudahan di dalam pembacaan kalimah-kalimah al-Quran.

Al-Quran merupakan kalam Allah yang menjadi sumber utama bagi *qirā'āt - qirā'āt mutawātirah*. Al-Quran merangkumi tiga syarat-syarat berikut yang menjadikan bacaan *qirā'āt* nya diterima dan *ṣaḥīḥ* iaitu sah *sanad*, bertepatan dengan rasm '*uthmānī* dan bertepatan dengan bahasa Arab. Allah memelihara dan menjamin keaslian al-Quran daripada sebarang perubahan dan penyelewengan.

Hal ini dapat dilihat dengan metodologi pengajian *qirā'āt* yang diamalkan di zaman Rasulullah sehingga sekarang. Bermula daripada zaman Rasulullah sehingga ke hari ini, pengajian ilmu *qirā'āt* terus dilaksanakan secara *talaqqī* dan *mushāfahah*.

² Ishak Ramly, *Inilah Kurikulum Sekolah* (2003, cet.ke-3, Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd, 2008), 60-61.

Rasulullah bertalaqqī *qirā'āt* dengan malaikat Jibril sama ada bacaan secara *uṣūl* atau *farsh ḥurūf*. Para sahabat r.a bertalaqqī daripada Rasulullah tanpa menambah dan mengurangkan satu *ḥuruf qirā'āt* dan mengamalkannya dari aspek *taḥqīq* atau *tashīl hamzah*, bacaan *al-faṭḥ* dan *imālah*, *idghām* dan *izhār* dan sebagainya daripada *qirā'āt - qirā'āt* yang dibolehkan dan diriwayatkan secara *mutawātir* sama ada dengan satu *wajh* atau banyak *wajh*, begitu juga diikuti dengan golongan salafussaleh yang sangat prihatin dan gigih mempelajari dan mengamalkan al-Quran dan *qirā'āt* di dalam jiwa mereka secara *ḥifẓ* dan *tartīl* dalam situasi pengajian *qirā'āt* terus berkembang di masjid-masjid dan rumah-rumah. Pengajian ilmu *qirā'āt* terus berkembang pada kurun 2 Hijrah sehingga ke 8 Hijrah sehingga muncul imam Mujāhid dan al-Jazarī dan tersebar *Qirā'āt Sab'ah* dan *Qirā'āt 'Asharah*.

Pada masa kini, ilmu *qirā'āt* bukan merupakan suatu ilmu yang asing di dalam masyarakat kerana masyarakat semakin berminat dan ingin tahu lebih mendalam berkaitannya disebabkan ilmu ini semakin dikomersialkan di media-media massa seperti program Akademi al-Quran, pertumbuhan yang pesat institusi-institusi tahfiz swasta dan kewujudan Darul Quran itu sendiri sebagai institusi tahfiz tertua di Malaysia yang kini berusia lebih 40 tahun. Pengajian *qirā'āt* terus bercambah dan berkembang sama ada di institusi swasta atau kerajaan serta di peringkat sekolah atau institusi pengajian tinggi. Sehubungan dengan itu, pengkaji merasakan perlu diadakan satu kajian ilmiah yang mendalam di atas landasan penyelidikan untuk menilai tahap pelaksanaan pengajian *qirā'āt* dari aspek kurikulum, pelajar serta tenaga pengajar dan mengkaji permasalahan yang wujud di dalam proses pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* supaya dapat menjamin kelangsungan ilmu *qirā'āt* di Malaysia. Pengkaji juga memfokuskan kajian ini hanya kepada Darul Quran (DQ) serta Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran (MTQ) di bawah pentadbiran JAKIM kerana ia merupakan satu institusi yang tertua

pelaksanaannya dari sudut pengajian al-Quran dan *al-Qirā'āt* dan telah mengeluarkan ribuan *qurrā'* dan *huffāz* di Malaysia.

2. PERNYATAAN MASALAH

Kurikulum *qirā'āt* merupakan satu bidang pengajian yang berkait rapat dengan ilmu al-Quran yang memfokuskan tentang bentuk-bentuk bacaan al-Quran. Ia semakin bercambah seiring dengan pertumbuhan institusi-institusi pengajian tahfiz al-Quran yang banyak menawarkan pengajian *qirā'āt* lebih-lebih lagi yang mengambil pengkhususan di dalam bidang tahfiz al-Quran. Masalah yang sering dihadapi ialah kemahiran untuk menguasai ilmu *qirā'āt* apabila setiap institusi tersebut membawa metode pengajian masing-masing dalam pengajaran dan pembelajaran kurikulum *qirā'āt*.

Kajian ini adalah menjurus untuk menilai pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* yang telah dilaksanakan di DQ dan MTQ dan akan memberikan gambaran sebenar apa yang berlaku dengan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan pelaksanaan yang digunakan dalam beberapa tahap bagi melahirkan golongan hafiz yang benar-benar mantap, kompeten dan mahir dalam bidang *qirā'āt* di samping menilai fungsinya sebagai Institusi Pendidikan Tertinggi yang tertua di Malaysia yang menawarkan program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat secara sistematik dan berkualiti.

Apabila program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dilaksanakan pada tahun 1966, maka kurikulum *qirā'āt* juga turut digubal dan dilaksanakan di Darul Quran dan penglibatan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia bermula sejak menjalin kerjasama dengan DQ dari tahun 1984 sehingga 2011 yang melibatkan tiga belas buah institusi pengajian tahfiz, iaitu Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak (INTIM), Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang, Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat (Yayasan Islam Perlis), Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Kelantan (MAIK), Institut al-Quran Terengganu, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Ma'ahad

Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Sabah, Institut Pengajian Islam (INSPI) di Yayasan Islam Terengganu, Ma'ahad Tahfiz Masjid Syaidina Ali Bukit Katil Melaka, Institut Kemahiran Majlis Agama Sarawak IKMAS, KITAB Pulau Pinang, Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Kedah dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Masjid Syaidina Ali, Melaka.

Antara isu kurikulum di dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat yang dinyatakan ialah ketiadaan buku teks yang khusus, penggunaan kitab-kitab rujukan mengikut latar belakang pendidikan tenaga pengajar dan perkembangan ma'ahad-ma'ahad tahfiz swasta yang menggunakan kurikulum masing-masing menyebabkan sistem pengajian yang dilaksanakan tidak menggunakan satu kurikulum yang sistematik.³

Darul Quran berfungsi sebagai pusat yang bertanggungjawab membentuk, mengendalikan dan menyelaraskan pengurusan akademik, program akademik, kurikulum dan peperiksaan kepada semua MTQ yang menawarkan Program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM. Satu Lembaga Darul Quran yang terdiri daripada Pengarah DQ, Pengetua-pengetua MTQ dan IPTA telah dibentuk sebagai badan tertinggi yang berperanan sebagai pembuat dasar dan hala tuju DQ untuk memastikan kualiti pengurusan dan program akademik yang ditawarkan di DQ sentiasa memenuhi standard keperluan semasa sebagai IPT.⁴

Fasa penambahbaikan di dalam kurikulum juga turut dilakukan apabila pada tahun 1984, satu penyelarasan kurikulum *qirā'āt* telah dibuat di bawah pentadbiran pentadbiran BAHEIS dan telah dinaiktaraf sebagai salah satu bahagian di JAKIM pada tahun 1997 sehingga 2011 di antara Ma'ahad Tahfiz al-Quran dari aspek kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al Qiraat sehingga terbentuk Jawatankuasa Penasihat Akademik, Jawatankuasa Akademik Darul Quran, Lembaga Peperiksaan Darul Quran,

³ Wan Mohamad Abd Aziz, "*Permasalahan Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran*" Jurnal Darul Quran, bil. 4 (cet.per-1, Kuala Lumpur :DQ, JAKIM, 1998), 2.

⁴Darul Quran, JAKIM, "Persidangan Pengetua-pengetua Ma'had Tahfiz al-Quran Negeri Peringkat Kebangsaan kali ke 22" (laporan peperiksaan, Darul Quran, JAKIM, 29 Mac 2011), 1-7.

Nazir Peperiksaan yang bertanggungjawab sebagai pengawal, penyelia dan pemantau program-program akademik bagi melahirkan graduan yang berkualiti dan profesional tetapi masih di tahap yang kurang memuaskan.⁵

Ini disokong dengan analisis kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang sangat signifikan di dalam kefahaman para pelajar, hafalan *matan*, penguasaan para pelajar terhadap pengajian *qirā'āt* yang dilaksanakan di Darul Quran terhadap bacaan *qirā'āt* Ḥamzah yang diajar boleh difahami oleh semua para pelajar tetapi terdapat 50% para pelajar tidak memahami *wajh-wajh waqf qirā'āt*. Hafalan *matan* di kalangan para pelajar juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan terhadap kemampuan hafalan antara para pelajar lelaki dan perempuan tetapi masih lagi terdapat pelajar yang kurang ingat *matan-matan qirā'āt*. Malahan terdapat 60% para pelajar yang kurang mampu menerangkan kaedah-kaedah bacaan *Qirā'āt* Ḥamzah dan terdapat sebilangan pelajar yang tidak mengetahui *turuq-turuq* dan *sanad-sanad* serta biografi imam tersebut.⁶

Ini satu persoalan yang menarik, walaupun penyelarasan telah dibuat pada tahun 1997 tetapi terdapat perbezaan yang ketara terhadap pelaksanaan kurikulum pengajian Diploma Tahfiz al-Quran dan wal Qiraat termasuk kurikulum *qirā'āt*. Pengkaji berpendapat satu kajian tentang penilaian terhadap pelaksanaan pengajian *qirā'āt* amat relevan dilakukan kerana usia Darul Quran hampir mencecah 45 tahun diikuti dengan usia Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia pula melebihi 10 tahun di dalam bidang pengajian *qirā'āt*.

Proses perkembangan kurikulum *qirā'āt* telah berlaku pada peringkat penubuhan Darul Quran pada tahun 1966 dan penyertaan Ma'ahad Tahfiz al-Quran yang bermula pada tahun 1984, iaitu dari aspek sistem penggal ke sistem tahun, aspek struktur kurikulum *qirā'āt* dari satu subjek *qirā'āt* sehingga ke tujuh subjek yang merangkumi *Qirā'āt* 'Ilm dan *Qirā'āt* Amali, aspek peperiksaan dari satu peperiksaan *Qirā'āt* Tahfīrī

⁵ *Ibid.*

⁶ Sedek Ariffin, "Kaedah Bacaan *Qirā'at* Ḥamzah: Kajian di Darul Quran, Kuala Kubu Bharu, Selangor" (tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), 116.

kepada *Qirā'āt Shafawī* dan *Qirā'āt Amali* bermula pada tahun 1999 sehingga ke hari ini⁷ tetapi bagaimanakah pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* dan permasalahan yang berlaku dalam pengajian *qirā'āt*? Satu kajian yang menyeluruh mesti dilakukan untuk mengenalpasti kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran (p&p) pengajian *qirā'āt* yang diamalkan di semua institusi pengajian yang terlibat dengan kurikulum *qirā'āt*.

Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa walaupun guru-guru yang terlibat dengan p&p kurikulum *Qirā'āt Sab'ah* mempunyai kelayakan dan ilmu pengetahuan yang tinggi dan mencukupi dalam bidang *qirā'āt*, ditambah dengan faktor kaedah p&p dapat diterimakai oleh para pelajar, namun bahan-bahan p&p seperti ABM, buku-buku latihan yang dibekalkan oleh pihak Kementerian Pelajaran masih tidak mencukupi terutama buku teks pengajaran. Bahkan kajian ini juga merumuskan keperluan mengadakan kursus-kursus *qirā'āt* dan kelas-kelas kemahiran di peringkat negeri untuk meningkatkan penguasaan pelajar terhadap kurikulum *qirā'āt*.⁸

Laporan tersebut telah disokong dengan kajian yang telah dijalankan oleh Aishah Juri⁹ juga telah mencadangkan dalam rumusan tesisnya bahawa satu kajian lanjutan yang lebih menyeluruh dan terperinci mesti dilakukan terhadap sistem pembelajaran dan pengajaran *qirā'āt* di seluruh institusi-institusi yang menawarkan pengajian *qirā'āt* tetapi dalam skop dan sampel yang lebih besar dan mendalam seperti permasalahan yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt*.

Ini juga bertepatan dengan keputusan ahli-ahli persidangan antara DQ dan MTQ bersetuju untuk mengadakan kursus kemahiran khas dalam bidang *qirā'āt* di kalangan pengetua dan pensyarah-pensyarah MTQ.¹⁰

⁷Mohd Nazri Abdullah (Ketua Unit Kurikulum Darul Quran), dalam temu bual dengan penulis, 10 Disember 2012.

⁸Shahrin Nizama bin Muhammad Sukarman, "Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Qirā'āt al-Sab' di Kelas Kemahiran al-Quran di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Negeri Selangor Darul Ehsan", (tesis kesarjanaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, 2006), 65-67.

⁹Aishah binti Juri, "Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu *Qirā'at* di Darul al-Quran dan KUIS", (tesis kesarjanaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, 2009), 144.

¹⁰Darul Quran, JAKIM, Persidangan Pengetua-pengetua Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Peringkat Kebangsaan kali ke 22 (laporan, Darul Quran, JAKIM, 29 Mac 2011), 5.

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa satu kajian tentang sejarah perkembangan pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di Malaysia perlu dikaji dengan memperkenalkan semua bentuk-bentuk kurikulum *qirā'āt* dari aspek bahan pengajaran, aktiviti pengajaran dan alat bantu mengajar terhadap pencapaian para pelajar yang digunakan oleh semua pusat pengajian yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt*.

Bahkan Yusof bin Abdul Kadir¹¹ juga turut mengesyorkan cadangan yang sama dalam bab lima kajiannya yang bertajuk, “Analisis Diskrepansi Pelaksanaan Kurikulum Sab’ah di Sebuah Sekolah Menengah” bahawa kajian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* ini perlu lebih diperluaskan lagi kepada sampel yang lebih besar dan peringkat pengajian yang lebih tinggi supaya dapat menyeragamkan kandungan sukatan kurikulum *qirā'āt*.

Hasil Seminar Kebangsaan Pendidikan dan Penyelidikan *Qirā'āt* yang diadakan pada 25-26 Disember 2010 di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) merumuskan bahawa tahap penguasaan dan pemahaman para pelajar tahfiz terhadap ilmu *qirā'āt* berada di tahap yang sederhana walaupun proses pengajaran dan pembelajaran berada di tahap yang tinggi.¹² Ini menunjukkan ketidakseimbangan antara proses pengajaran dan pembelajaran serta tahap pencapaian para pelajar. Kegagalan ini mungkin bukan disebabkan oleh faktor kelemahan tenaga pengajar tetapi disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti masalah-masalah yang berpunca daripada para pelajar, persekitaran dan sebagainya.

Walaupun sudah ada usaha-usaha untuk mengatasi kelemahan ini, tetapi masalah ini didapati terus berlanjutan. Pengkaji melihat kelemahan yang berlaku dalam kalangan pelajar seperti ini, bukan perkara baharu malah ia telah menjadi faktor utama yang menjejaskan prestasi para pelajar. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat adakah

¹¹Yusof Abdul Kadir, “Analisis Diskrepansi Pelaksanaan Kurikulum Sab’ah di Sebuah Sekolah Menengah”, (tesis kesarjanaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2007), 101.

¹²Laporan Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pendidikan *Qirā'at*, Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS, Bangi, Selangor. 24-25 Disember 2010, 3.

benar masih terdapat pelajar yang lemah dan bermasalah dari segi penguasaan dan kemahiran pengajian *qirā'āt* di Darul Quran dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia? Sekiranya terdapat kelemahan, apakah faktor yang menyumbang permasalahan ini berlaku?

Dapatan kajian juga menunjukkan kebanyakan guru ilmu *qirā'āt* kurang mahir menjalankan aktiviti-aktiviti yang melibatkan ilmu *qirā'āt* dan kurang mengambil berat dengan permasalahan pelajar disebabkan faktor masa pengajaran yang terhad, kandungan yang padat serta bebanan tugas portfolio.¹³

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia¹⁴ juga turut memberi keprihatinan yang sepenuhnya terhadap penggubalan, penyediaan, semakan dan mengemaskini isi kandungan kurikulum semua penawaran subjeknya di dalam Diploma Tahfiz supaya selari dengan kehendak dan perubahan semasa negara dalam bidang pengajian tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dengan mengadakan beberapa bengkel semakan kurikulum, iaitu:

- i. Bahagian Latihan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyediaan Kurikulum Baru Darul Quran pada 1-3 Julai 2007 bertempat di Hotel Quality Shah Alam Selangor.
- ii. Bengkel Semakan Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran wal Qiraat dan Diploma Tahfiz al-Quran wal Da'wah, Darul Quran pada 15-17 April 2008 bertempat di Hotel Bayview Melaka.
- iii. Bengkel Kemaskini Kurikulum Program Diploma Tahfiz al-Quran wal Mu'amalat pada 24 Februari 2010, Bahagian Latihan (JAKIM) telah mengadakan Bengkel Kemaskini Program Diploma Tahfiz al-Quran wal Mu'amalat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi.

¹³Abdul Jalal bin Abdul Manaf, "Pengetahuan Pedagogi Kandungan dalam Kalangan Guru Ilmu *Qirā'at* di Malaysia" (tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 144

¹⁴JAKIM, "Darul Quran", laman sesawang Jakim dicapai 12 September 2011 <http://www.islam.gov.my/jakim>.

- iv. Unit Kurikulum DQ telah ditubuhkan pada bulan Mei 2011 untuk merangka dan memantapkan kurikulum program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat arahan pengarah DQ, iaitu Tuan Haji Paimuji bin Yahya.¹⁵
- v. Hasil lawatan Pengarah DQ pada tahun 2011 ke Ma'ahad Shubra, Universiti al-Azhar Mesir telah mengesyorkan *Qirā'āt* Sepuluh dimasukkan dalam kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat sebagai pengkhususan. Pada tahun 2012, *Qirā'āt* Sepuluh telah mula dipelajari oleh para pelajar.¹⁶
- vi. Bengkel Semakan Semula Kurikulum Darul Quran pada 9-11 November 2011 di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands.
- vii. Bengkel Pemurnian Semakan Kurikulum Darul Quran 2012 pada 14-16 Februari 2012 di Port Dickson.¹⁷

Berdasarkan laporan-laporan tersebut jelas menunjukkan keseriusan fenomena pengajian *qirā'āt* di Malaysia semakin bercambah dan mendapat tempat di hati kalangan masyarakat. Lantaran itu, penulis merasakan kajian dan penilaian perlu dibuat terhadap pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran di bawah JAKIM khusus untuk mendapat gambaran sebenar dalam mengenalpasti sejauh mana kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* dari semua aspek dengan lebih terperinci, sama ada pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* dari aspek keperluan, matlamat, objektif dan kesesuaiannya, aspek peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran, kandungan silibus kurikulum dan alat bantu mengajar yang disediakan, aktiviti-aktiviti p&p, alat bantu yang digunakan dan aspek pencapaian para pelajar menepati kehendak dan keperluan atau objektif pengajian *qirā'āt* dan tahap kualiti pencapaian mereka di Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran. Kajian-kajian lepas yang berkaitan *qirā'āt* di Malaysia masih kurang dikaji dan wajar diketengahkan

¹⁵Laporan Aktiviti dan Program Tahun 2007-2010, Unit Kurikulum, Cawangan Akademik, Darul Quran.

¹⁶Mohd Nazri Abdullah (Ketua Unit Kurikulum, Darul Quran), dalam temu bual dengan penulis, 4 Februari 2013.

¹⁷Laporan Aktiviti dan Program Tahun 2011-2012, Unit Kurikulum, Cawangan Akademik, Darul Quran.

kepada masyarakat, khususnya kepada pelajar-pelajar dalam bidang pengajian Islam dan sebagai pemangkin kepada kajian-kajian lain.

Penyelidikan ini amat signifikan dilakukan kerana hasil daripada analisis data yang dibuat oleh Sabri Mohamad¹⁸ kepada para pelajar UKM yang mengambil subjek Pengantar Qirā'āt dan Hafazan menunjukkan ketidakseimbangan hasil dapatan antara tahap keberkesanan p&p berada pada tahap yang sederhana sedangkan pendekatan p&p, sukatan mata pelajaran dan penilaian pengajaran berada pada tahap tinggi.

Kajian ini amat penting dilakukan bertepatan dengan bukti daripada analisis yang dibuat tentang pendidikan Islam menurut al-Nadawī bahawa:

“Antara keperluan dalam mendirikan universiti-universiti Islam ialah menyediakan persiapan ilmu dan pengetahuan agama yang matang, yang mempunyai kepekaan dan keprihatinan yang membolehkannya meneliti perkembangan terbaharu di zaman moden ini dengan berbekalkan iman yang teguh dan berusaha meneruskan kelangsungan risalah agama Islam dan pelaksanaannya bagi semua zaman dan tempat. Lantaran itu, keseluruhan universiti Islam perlu mantap dari segi persiapan teks-teksnya, peraturan di dalamnya, nilai-nilainya dan semua proses kerja di dalamnya”.

Sehubungan dengan itu, selain daripada al-Quran, al-Sunnah, *sīrah al-Nabawiyyah*, *fiqh*, *uṣūl fiqh*, sejarah *tashrī'* dan ilmu-ilmu moden sebagai bahan-bahan pendidikan asasi yang diperlukan dalam pendidikan Islam, langkah-langkah penyusunan subjek-subjek tersebut dalam kurikulum dan amali dalam pembahagian masa pengajian yang sesuai dengan tahun pengajian juga amat penting di dalam melahirkan para siswazah yang cemerlang di dunia dan akhirat. Bahkan para pendidik dan proses pendidikan juga memainkan peranan yang amat penting dalam sejarah dan pendidikan Islam sebagai *mu'allim*, *murabbī*, *mu'addib*, *murshid* dan *mudarris* di dalam menggembleng dan melahirkan para ilmuwan yang gemilang dalam pendidikan.¹⁹

¹⁸Sabri Mohamad et. al., “Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran *Qirā'at* Pengantar Qirā'āt dan Hafazan di UKM” (prosiding, Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pendidikan Qirā'āt, Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS, Bangi, Selangor. 24-25 Disember 2010), 1.

¹⁹Muhammad Uthman el-Muhammady, “*Pendidikan Islam Menurut al-Nadwi: Satu Analisis*” *Jurnal Usuluddin* 11 cet.per-1, Bah.Peng.Usuluddin APIUM (2000), 112-118.

Kajian penilaian ini dibuat dalam pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ bertujuan untuk mengenalpasti objektif, kandungan silibus, kaedah pelaksanaan KQ serta tahap pencapaian *qirā'āt* dalam kalangan pelajar dan permasalahan yang berlaku.

Ini bertepatan dengan penilaian formatif (penilaian semasa, ketika program sedang berjalan) dibuat dalam dimensi konteks dan input bagi mengawal perancangan yang menjadi dasar pembentukan kurikulum berdasarkan keperluan dan situasi semasa. Penilaian formatif ditekankan kerana untuk meningkatkan pembinaan kurikulum.²⁰ Penilaian sumatif dibuat pada akhir program, ia merupakan proses menilai suatu aktiviti bagi mengesan setakat mana objektif tercapai.²¹

Sepertimana yang telah dinyatakan oleh Najib Tun Razak (1999), hasil daripada kajian terhadap penilaian sesuatu kurikulum, membolehkan kita melihat relevansi antara objektif yang hendak dicapai dengan isi kandungan kurikulum itu sendiri terhadap amalan sebenar yang berlaku di maktab-maktab perguruan Malaysia dan sekolah yang memungkinkan tindakan sewajarnya diambil untuk mengisi lompang-lompang kurikulum yang belum dipenuhi.²²

Hal ini jelas menunjukkan bahawa penilaian pelaksanaan kurikulum amat wajar dilaksanakan bertepatan dengan usia Darul Quran yang telah beroperasi selama 45 tahun serta misi Darul Quran untuk mendidik dan melatih pelajar dalam bidang Tahfiz al-Quran dan al Qiraat. Kajian ini juga penting dilakukan agar dapat melihat sejauh mana kursus tersebut berjalan dengan mengadaptasi dan mengubahsuai model kurikulum seperti Model Kurikulum CIPP mengikut kesesuaian kajian ini. Justeru, kajian ini akan memberi satu implikasi terhadap penilaian pelaksanaan kurikulum dan membawa satu anjakan paradigma atau penambahbaikan yang berguna kepada sesebuah institusi sama ada kurikulum akan dipinda, ditambah atau dikurangkan.

²⁰J.Stanley Ahman, *Aspects of Curriculum Evaluation: A Synopsis* (USA: Colarado State University, 1986), 87.

²¹Abdul Rahim Hamdan, *Pengajian Kurikulum* (UTM: Skudai, 2007), 80.

²²Najib Tun Razak, *Amanah Tahun Baru 1999* (Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999), 3.

Bahkan antara syor yang dibuat oleh Hj.Wan Mohammad bin Hj.Wan Aziz²³ di dalam jurnalnya yang bertajuk “Peranan *Huffāz* al-Quran di Alaf Baru Antara Kejutan dan Perancangan” bahawa satu Panel Perkembangan Kurikulum Tahfiz al-Quran yang dianggotai oleh pakar hafiz setiap negeri mesti ditubuhkan untuk mengkaji dan mengubahsuai atau menggubal kurikulum untuk kursus baharu yang akan ditawarkan dengan mengutamakan:

- i. Kursus Tahfiz al-Quran dan Dakwah
- ii. Kursus Tahfiz al-Quran dan Aqidah
- iii. Kursus Tahfiz al-Quran dan Syariah

Berasaskan kenyataan-kenyataan tersebut, timbul beberapa persoalan, mendorong kajian dilakukan terhadap penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā’āt* yang dilaksanakan di Darul Quran dan Ma’ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia antaranya, bagaimanakah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran *qirā’āt* dilakukan?, bagaimanakah struktur kurikulum pengajian *qirā’āt* yang telah dijalankan serta apakah kaedah dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di Darul Quran dan semua Ma’ahad Tahfiz al-Quran? Kajian ini juga diharap dapat menjawab permasalahan yang berlaku mengapa tahap pencapaian para pelajar berada di tahap sederhana dalam pengajian *qirā’āt* sepertimana yang telah dibentangkan pada Seminar Kebangsaan Pendidikan dan Penyelidikan Qiraat di KUIS pada 24-25 Disember 2010. Situasi ini dibuktikan dengan tahap penguasaan ilmu *qirā’āt* dalam kalangan pelajar di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS masih lagi pada peringkat sederhana (62.2%), begitu juga kemampuan mereka untuk mengaplikasi dan mengamalkan *qirā’āt*, kebanyakannya masih lagi pada peringkat lemah (51.1%).²⁴

²³Wan Mohamad Wan Abd Aziz, “Peranan *Huffāz* al-Quran di Alaf Baru Antara Kejutan dan Perancangan” *Jurnal Darul Quran* 4 cet. per-1 (1998), 7.

²⁴ Abd Rahman Abd Ghani dan Zainora, “Pengajian dan Permasalahan *Qirā’at* di IPT: Kajian di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS” (prosiding, Seminar Keb.Penyelidikan dan Pendidikan Qiraat, Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS, Bangi, Selangor 24-25 Disember 2010), 28.

Jadual 1. Keputusan Peperiksaan Qirā'āt Amali III Berdasarkan DQ dan MTQ

GRED/ TAHUN	DARUL QURAN		MTQ	
	2010	2009	2010	2009
A	100	134	59	71
Bt	10	5	21	21
B		1	11	6
Ct			3	3
C			1	2
Dt			7	1
D			2	
F			2	1
TD	4			
JUMLAH	114	140	106	105

Sumber: Unit Peperiksaan Darul Quran, 2009-2010

Pengkaji juga turut membuat perbandingan keputusan peperiksaan terhadap subjek Qirā'āt Amali III pada tahun 2009 dan 2010 antara DQ dan MTQ. Rajah di bawah menunjukkan terdapat perbezaan keputusan yang ketara antara DQ dan MTQ. MTQ mencatatkan 7% pada tahun 2009 berbanding dengan tahun 2010, peratusan keputusan peperiksaan meningkat sehingga 14%, iaitu antara gred Ct hingga F. Ini menunjukkan berlaku kemerosotan yang jelas di dalam subjek Qirā'āt Amali III berbanding dengan DQ kerana tiada para pelajarnya yang mendapat Ct hingga F pada tahun 2009 dan 2010.

Kurikulum *qirā'āt* telah dilaksanakan di Darul Quran (DQ) sejak tahun 1966. Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran juga telah melaksanakan kurikulum *qirā'āt* antara tahun 1984 sehingga tahun 2011 mengikut penubuhan tahun ma'ahad yang berbeza-beza. Pada tahun 1984, Ma'ahad Tahfiz Negeri yang menduduki peperiksaan bersama iaitu, Ma'ahad Tahfiz Kedah, Ma'ahad Tahfiz Perak, Ma'ahad Tahfiz Melaka, Ma'ahad Tahfiz Johor dan Ma'ahad Tahfiz Wilayah Persekutuan.²⁵

Manakala pada tahun 1994 pula, Ma'ahad Tahfiz Selangor pula mengambil bahagian di dalam program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Darul Quran telah dinaiktaraf sebagai salah satu bahagian di JAKIM pada tahun 1997 dan terdapat

²⁵Hazaruddin, "Pengajian Tahfiz al-Quran di Malaysia" Jurnal Darul Quran bil.3. 17-1.

Ma'ahad Tahfiz Kedah, Ma'ahad Tahfiz Kelantan, Ma'ahad Tahfiz Negeri Sembilan dan Pahang juga telah mengambil bahagian dengan program Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Darul Quran JAKIM. Darul Quran menjadi pusat kepada seluruh Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran di seluruh negeri penyelarasan dari segi sukatan pelajaran, kurikulum, buku-buku teks, peperiksaan diploma dan persijilan tetapi masih terdapat perbezaan di dalam pelaksanaannya mengikut Ma'ahad Tahfiz masing-masing.²⁶

Darul Quran pada asalnya digubal sebagai institusi pertama pengajian al-Quran di Malaysia telah mengadaptasi dan melaksanakan kurikulum *qirā'āt*, ini diikuti dengan penyertaan seluruh Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia dengan membuat pengubahsuaian kepada pendekatan pelaksanaannya. Kurikulum *qirā'āt* belum pernah dinilai secara menyeluruh dan mendalam dengan menggunakan model-model pendidikan sejak mula dilaksanakan. Kajian ini ingin melihat sejauh mana kurikulum *qirā'āt* telah berjaya mencapai matlamatnya dengan meninjau pandangan, pengalaman dan perasaan pelaksana seperti pengetua, guru, pelajar dan ibu bapa.

Azizi Yahya²⁷ menyatakan bahawa tujuan penilaian sesuatu program pendidikan adalah untuk menentukan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program. Di samping itu juga penilaian ini dibuat untuk memperbaiki sesuatu program dan bukan menjurus untuk membuktikan akan sesuatu kebenaran.

Justeru, kajian ini akan menilai pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ secara menyeluruh dari empat komponen, iaitu program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di DQ dan MTQ, kandungan kurikulum, pengajaran dan pembelajaran dan pencapaian para pelajar terhadap pembelajaran *qirā'āt*.

²⁶*Ibid.*

²⁷Azizi Hj. Yahaya, "Satu Penilaian Terhadap Keberkesanan Program Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah Di Malaysia Berdasarkan Model KIPP" (tesis kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 1998), 7.

Bagi tujuan kajian ini, penyelidik mengadaptasi suatu alat heuristik mengikut objektif dan soalan kajian ini, iaitu membolehkan atau dapat membantu seseorang mempelajari, mengetahui dan sebagainya sesuatu perkara melalui pengalaman sendiri (bukan kaedah pengajaran atau pembelajaran): dalam kaedah ini pelajar dibimbing untuk membuat penemuan sendiri bahan pembelajaran dan menggunakan konsep dalam latihan²⁸ (*Heuristic device*) yang diperkenalkan oleh Stufflebeam (2003)²⁹ dan dikenali sebagai CIPP (*context, input, process, product*) tetapi tidak digunakan secara sepenuhnya.

Menurut Azizi Yahya,³⁰ CIPP adalah satu pendekatan umum yang dimajukan bagi menilai pelbagai aspek program penilaian. Tujuan utama penilaian ini ialah untuk mengaitkan matlamat, konteks, input dan proses dengan hasil program. Walaupun CIPP dimajukan tidak spesifik untuk menilai kurikulum *qirā'āt*, tetapi alat ini boleh digunakan kerana kerangka organisasinya yang luas merangkumi berbagai-bagai aktiviti pendidikan. CIPP lazimnya digunakan oleh penyelidik kuantitatif. Penstrukturan dan pengkategorian antara empat komponen dalam DQ dan MTQ akan memudahkan kajian penilaian ini. Semua aspek yang terdapat dalam empat komponen DQ dan MTQ dapat dikategorikan di bawah penilaian konteks, input, proses dan produk dalam CIPP tetapi telah diubahsuai mengikut objektif kajian. Cara kajian ini dijalankan tidaklah sepenuhnya mengikut langkah-langkah yang biasanya terdapat dalam model penilaian CIPP. Sebaliknya, CIPP digunakan sebagai alat heuristik (kaedah kumpulan), inkuiri (kaedah penemuan, perbincangan, penyoalan dan penyelesaian masalah) untuk memudahkan pelaksanaan kajian, penganalisan data dan perbincangan.

²⁸*Kamus Dewan*, ed. ke-4 (cet.per-1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 530, entri "heuristik".

²⁹Daniel L. Stufflebeam, *The CIPP Model for Evaluation* (Dordrecht: Kluwer Academic Publisher International Handbook of Education 2003), 1.

³⁰Azizi Hj. Yahaya, "Satu Penilaian Terhadap Keberkesanan Program", 1.

3. SOALAN KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah digariskan penulis akan mengemukakan beberapa soalan melalui kajian ini, iaitu:

- i. Kurikulum *qirā'āt* di Darul Quran dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran dari aspek kerelevanan, hasil pembelajaran serta aspek penilaian sendiri pensyarah dan pelajar.
- ii. Pelaksanaan kandungan silibus kurikulum *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali* di Darul Quran dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran, peruntukan masa dan kemudahan ABM.
- iii. Bentuk-bentuk kaedah pengajaran dan pembelajaran, aktiviti-aktiviti p&p dan penggunaan ABM dalam kurikulum *qirā'āt* yang dilaksanakan di Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia mengikut perspektif pelajar dan guru.
- iv. Pencapaian *qirā'āt* dalam kalangan para pelajar.

4. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah untuk menilai pelaksanaan pengajian *qirā'āt* di Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia di bawah JAKIM yang menawarkan subjek *qirā'āt* yang telah diiktiraf oleh JPA. Objektif ini akan menjawab beberapa persoalan yang timbul daripada pelaksanaan subjek *qirā'āt* di Darul Quran sejak penubuhannya 1966 serta Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia sejak lingkungan 1980an dan 2010an. Kajian ini akan dapat memberikan gambaran yang sebenar terhadap pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* dengan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan atau permasalahan yang berlaku di dalam pelaksanaan kurikulum tersebut.

Secara khususnya objektif tersebut dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. Untuk mengenalpasti kurikulum *qirā'āt* di Darul Quran dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran yang merangkumi keperluan kurikulum *qirā'āt*, matlamat

- kurikulum *qirā'āt*, objektif kurikulum *qirā'āt*, kesesuaian kurikulum *qirā'āt* serta hasil pembelajaran kurikulum *qirā'āt* dan penilaian sendiri pensyarah serta pelajar.
- ii. Untuk menilai kandungan kurikulum *qirā'āt* di Darul Quran dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran yang merangkumi kandungan silibus kurikulum Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali, peruntukan masa p&p dan kemudahan alat bantu mengajar.
 - iii. Untuk menganalisis pelaksanaan *qirā'āt* yang dilaksanakan di Darul Quran dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran merangkumi kaedah, aktiviti dan kekerapan penggunaan ABM di dalam p&p Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali.
 - iv. Untuk menilai pencapaian *qirā'āt* di kalangan para pelajar Darul Quran dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran merangkumi pencapaian hasil pembelajaran dan pengajaran.

5. KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan bermaksud perihal, keadaan atau sifat penting, peri mustahak, keperluan atau sesuatu yang penting (dituntut, dihargai dsbg) demi kebaikan, keuntungan atau kesejahteraan diri, faedah atau manfaat.³¹

Sehubungan dengan itu, kajian mengenai penilaian pelaksanaan dalam kurikulum *qirā'āt* ini penting kerana kurikulum ini telah diamalkan di Darul Quran sejak empat puluh enam tahun lalu dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran. Aspek kurikulum yang dinilai akan memberikan maklumat dan data sebenar dari perspektif pensyarah terhadap keperluan, matlamat, objektif, kesesuaian dan hasil pembelajaran *qirā'āt* serta pandangan mereka terhadap kurikulum ini. Hasil kajian ini akan memberi kesan positif atau kesan negatif ke atas kesesuaian kurikulum *qirā'āt* yang ditawarkan di DQ dan MTQ dalam keperluan pengajian tahfiz di Malaysia hari ini.

³¹*Kamus Dewan*, ed. ke-4 (cet.per-1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1174, entri "penting".

Penilaian juga dilakukan terhadap guru dan pelajar yang terlibat secara langsung dengan proses p&p kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ dengan menilai sendiri guru dan sendiri pelajar serta persepsi pelajar terhadap tahap penguasaan kurikulum *qirā'āt*. Begitu juga dengan kajian ini, akan mengenalpasti kandungan silibus *qirā'āt*, peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt*. Kemudahan p&p yang disediakan turut dinilai termasuk alat bantu mengajar dalam proses p&p kepada guru dan pelajar dalam melaksanakan kurikulum *qirā'āt* tersebut. Ini adalah penting kerana jarang sekali terdapat kajian secara mendalam dan terperinci berkaitan dengan penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di Darul-Quran dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia.

Kajian ini juga akan menilai dalam konteks proses pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* dengan menilai aspek kaedah, aktiviti dan peruntukan masa yang dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* dan tahap kekerapan penggunaan ABM dalam p&p *qirā'āt* yang dilaksanakan. Dan akhirnya kajian ini juga akan menilai tahap pencapaian dan penguasaan pelajar dalam p&p *qirā'āt*.

Walaupun kini semakin banyak kajian berkaitan *qirā'āt* dihasilkan oleh penulis-penulis sarjana, tetapi kewujudannya masih banyak berkisar pada kajian *riwāyah* bacaan imam-imam *qirā'āt* mengikut lokasi kajian. Maka kajian yang berkaitan penilaian ini amat perlu dikaji kerana ia akan memberi gambaran sebenar tahap pelaksanaan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* di Darul-Quran dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia. Hasil kajian juga diharap dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* dan sejauh mana pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* ini mampu membentuk pelajar menguasai *qirā'āt*.

Oleh itu, kajian ini amat penting untuk diamati oleh pihak-pihak tertentu di JAKIM atau Kementerian Pengajian Tinggi terutama Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran. Hasil dapatan yang bakal diperolehi nanti mungkin dapat merangsangkan

sektor berkenaan untuk merancang kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat yang benar-benar mampu mempertingkatkan pelaksanaan kurikulum *qirā'āt*.

6. SKOP KAJIAN

Skop kajian atau batas kajian bermaksud had kajian yang bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang situasi masalah bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang situasi masalah bagi memudahkan sesuatu kajian dibuat dengan skop yang lebih kecil tetapi bersifat “*in-depth*”.³² Skop kajian ini akan menerangkan tentang tempat kajian, institusi kajian, sampel kajian dan aspek yang dikaji.

6.1 Tempat Kajian

Kajian ini secara umumnya dilakukan di Malaysia. Penulis telah memilih sepuluh buah institusi tahfiz yang berada di bawah pentadbiran JAKIM kerana institusi tahfiz ini terlibat secara sepenuhnya dengan pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* berbanding dengan pusat pengajian tahfiz swasta lain yang hanya menumpukan kepada pengajian tahfiz sahaja.

6.2 Institusi Kajian

Lokasi kajian ini akan menumpukan kepada Darul Quran dan sembilan buah Ma'ahad Tahfiz al-Quran sahaja kerana empat buah lagi, iaitu Institut Pengajian Islam (INSPI) di Yayasan Islam Terengganu, Institut Kemahiran Majlis Agama Sarawak IKMAS, Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Kedah dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Pulau Pinang tidak mempunyai pelajar semester enam yang terlibat sebagai responden kajian. Sepuluh buah Ma'ahad Tahfiz al-Quran terdiri daripada, iaitu:

- i. Darul Quran
- ii. Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN)
- iii. Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak (INTIM)
- iv. Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang

³²Abdul Fatah Abdul Malik dan Mohd Majid Konting, *Memahami Penyelidikan Pendidikan: Satu Pengenalan* (Serang: Fakulti Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia, 1993), 161.

- v. Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat (Yayasan Islam Perlis)
- vi. Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Kelantan (MAIK)
- vii. Institut al-Quran Terengganu (IQT)
- viii. Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)
- ix. Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Sabah
- x. Ma'ahad Tahfiz Masjid Syaidina Ali Bukit Katil Melaka

6.3 Sampel Kajian

Kajian ini telah menetapkan untuk memilih para pelajar yang telah berada di tahun akhir, iaitu semester enam di setiap institusi tahfiz yang dipilih. Pengkaji telah menghadkan responden yang terlibat dengan kemasukan sesi 2011/2012 dalam Shu'bah Qirā'āt sahaja. Pemilihan ini adalah bagi memudahkan pengkaji untuk menganalisis data-data yang diperolehi berdasarkan pengetahuan dan pengalaman para pelajar yang matang serta telah mempelajari dan memahami kurikulum *qirā'āt* sepanjang pengajian mereka. Ia juga bertujuan bagi mendapatkan sampel yang lebih banyak dari setiap institut tahfiz yang dipilih.

6.4 Aspek Kajian

Kajian ini hanya akan memfokuskan kepada penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di Darul Quran dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran dengan memfokuskan Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali dari aspek program, kandungan kurikulum, proses pelaksanaan kurikulum dan hasil p&p, iaitu pencapaian pelajar. Kajian ini tidak akan melibatkan subjek-subjek pengajian lain seperti tahfiz dan pengajian Islam.

7. DEFINISI OPERASIONAL

Definisi operasional akan menjelaskan tentang istilah-istilah yang digunakan dalam tajuk tesis ini. Tajuk kajian ini ialah “Penilaian Pelaksanaan Kurikulum *Qirā'āt* di Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia”. Definisi bagi istilah tajuk ini adalah seperti berikut:

7.1 Penilaian Pelaksanaan

Penilaian ialah perihal atau perbuatan menilai dan pentaksiran.³³ Penilaian dalam pendidikan merupakan suatu proses atau suatu sistem yang merangkumi aktiviti-aktiviti mengumpul maklumat tentang strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk membuat analisis dan keputusan dengan tujuan mengambil tindakan yang sewajarnya.³⁴

Pelaksanaan ialah membawa maksud perihal, perbuatan atau proses melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan tugas.³⁵ Pelaksanaan juga didefinisikan sebagai aktiviti yang melibatkan usaha merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal penglibatan anggota dalam organisasi untuk sama-sama berusaha ke arah mencapai matlamat yang satu.³⁶

Dalam konteks kajian ini, pengkaji merumuskan penilaian pelaksanaan ialah satu proses untuk mengumpul semua data-data yang merangkumi matlamat dan objektif, hasil sukatan pembelajaran *qirā'āt*, penilaian sendiri, kandungan silibus, aktiviti-aktiviti, kaedah-kaedah p&p dan pencapaian pelajar di dalam kurikulum *qirā'āt* Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat yang dipraktikkan untuk dikaji dan dianalisis. Hasil dapatan akan memberi kesan kepada objektif dan hasil sukatan pembelajaran kurikulum *qirā'āt* seterusnya akan memberi input yang berguna di dalam penambahbaikan serta peningkatan terhadap pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia.

7.2 Kurikulum

Kurikulum ialah kurikulum ialah sebagai suatu pengalaman pembelajaran yang terancang ke arah mencapai hasrat penghasilan yang ditentukan, iaitu kurikulum berfungsi sebagai alat untuk mendidik individu dalam mencapai objektif pembelajaran,

³³*Kamus Dewan*, ed. ke-4 (cet. per-1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1081, entri "nilai".

³⁴Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam: KPLI Pengajian Islam & JQAF* ed. ke-2 (Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd, 2011), 319.

³⁵*Kamus Dewan*, ed. ke-4 (cet.per-1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 871, entri "laksana".

³⁶Rahim Abdullah, *Asas Pengurusan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications& Distributors, 2001), 25.

memberi pengalaman pembelajaran dan menentukan hasrat pembelajaran.³⁷ Manakala kurikulum yang baik susunannya adalah yang eksperimental dan bersifat fleksibel.³⁸

Hass mendefinisikan kurikulum dengan memberi lima faktor yang perlu diberi pertimbangan, iaitu:

- a) sebagai satu pra-rancangan.
- b) rancangan yang terdapat di dalamnya objektif, teori dan beberapa kajian sebagai panduan pra-rancangan.
- c) rancangan pengajaran guru.
- d) pengalaman pelajar sebagai kurikulum sebenar.
- e) perancangan yang cekap dan profesional berdasarkan objektif, asas dan kriteria kurikulum.³⁹

7.3 Kurikulum *Qirā'āt*

Berdasarkan kajian ini, kurikulum ditakrifkan sebagai isi kandungan yang meliputi keseluruhan bidang pelajaran *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali* yang diajar dan diperolehi di DQ dan MTQ termasuk penentuan dan pengurusan mata pelajaran *qirā'āt*, panduan pensyarah, bahan pembelajaran serta bahan sokongan yang berkaitan. Secara keseluruhannya, melalui kajian ini akan dapat mengetahui sejauh mana pelaksanaan, keberkesanan, kelemahan, kekuatan dan sebagainya.

Kurikulum *qirā'āt* ialah kurikulum yang telah digunapakai di Darul Quran dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran yang merangkumi dua subjek *qirā'āt* dalam subjek kursus pengajian teras iaitu Asas *Qirā'āt 'Ilm* dan Asas *Qirā'āt Amali* dan lima subjek *qirā'āt* kursus pengajian shu'bah *qirā'āt* yang wajib dipelajari pelajar-pelajar di Darul

³⁷Sharifah Nor Puteh, *Penyemakan Semula Kurikulum Persekolahan* (Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia 2000), 3.

³⁸Imam Barnadib, *Sistem-sistem Filsafat Pendidikan* c.iv (Jogjakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, 1969), 29.

³⁹Saedah Siraj, *Perkembangan Kurikulum, Teori dan Amalan* (Kuala Lumpur: Alam Pintar Enterprise, 2000), 12.

Quran, iaitu Qirā'āt 'Ilm I, Qirā'āt 'Ilm II, Qirā'āt Amali I, Qirā'āt Amali II dan Qirā'āt Amali III.

7.4 Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia

Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia di dalam kajian ini bermaksud institusi tahfiz di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang menyediakan shu'bah qirā'āt dan menjadikan kurikulum *qirā'āt* sebagai satu mata pelajaran wajib kepada pelajar dan ia merupakan limitasi lokasi kajian penulis tentang pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* yang dilaksanakan di institusi pengajian terbabit.

8. TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur adalah amat penting dalam satu-satu kajian kerana ia merupakan tindakan pertama seseorang penyelidik setelah mengenalpasti masalah yang hendak dikajinya. Ia adalah amat penting kerana akan membantu penyelidik untuk membina kerangka teoritikal kajian kualitatif⁴⁰ dan juga membantu penyelidik dalam usaha mengkhususkan isu, mengenalpasti permasalahan kajian, membantu mencari kaedah dan pendekatan terbaik serta sesuai dengan pernyataan permasalahan kajian dan banyak lagi.⁴¹

Tinjauan Literatur bagi kajian ini melibatkan dua bahagian, iaitu:

- i. Sorotan berkaitan pelaksanaan kurikulum pengajian dan yang berkaitan dengannya.
- ii. Sorotan berkaitan *qirā'āt* serta penulisan yang membincangkannya.

Terdapat tidak banyak kajian dan penulisan yang dikenalpasti memfokuskan kepada kurikulum *qirā'āt* tetapi hanya di peringkat kajian awalan sahaja. Sebagai contoh, penulisan tentang silibus pengajian *qirā'āt* telah dilakukan oleh Muhammad

⁴⁰Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif (Pengenalan kepada Teori dan Metod)* (Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 79.

⁴¹Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal dan tesis)* (Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd, 2005), 43.

Fairuz A. Adi⁴² dengan tajuk “Perbandingan Kurikulum *Qirā’āt* di Ma’ahad Qiraat Shubra dan Darul Quran (JAKIM)”. Penulisan ini hanya menumpukan kepada pengenalan ringkas Ma’ahad Qiraat Shubra dan Darul Quran (JAKIM) dan sistem pengajian *qirā’āt* mengikut tahun. Sebagaimana tajuknya, penulisan ini telah memperkenalkan perbandingan silibus *qirā’āt* yang agak baik tetapi agak ringkas terhadap kedua-dua institusi.

Kajian seterusnya juga memfokuskan silibus *qirā’āt* yang telah dilakukan oleh Hayati Hussin⁴³ dengan tajuk “Perbandingan Kurikulum *Qirā’āt* di Universiti Mohammed V-Agdal Morocco dan KUIS”. Penulisan ini juga hanya melibatkan pengenalan tentang Universiti Mohammed V-Agdal Morocco dan Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS dan struktur kurikulum pengajian *qirā’āt* secara ringkas. Walaupun penulisannya agak ringkas tetapi penulisnya membuat metodologi yang hampir sama dengan penulis pertama tadi tetapi tempat kajiannya berbeza.

Ikmal Zaidi Hashim⁴⁴ dalam tesis sarjannya telah mengupas dengan terperinci tentang sumbangan Abū Bakr Ibn Mujāhid terhadap perkembangan ilmu *qirā’āt* dengan menganalisis kitab al-Sab’ah dengan menjuruskan kriteria-kriteria pemilihan tujuh imam, pembentukan rukun-rukun *qirā’āt* serta mendedahkan karya-karya *qirā’āt* pasca kitab al-Sab’ah. Beliau juga turut mencadangkan dalam kajiannya supaya metodologi p&p pengajian *qirā’āt* membudayakan kaedah *talaqqī* secara *halaqah* dengan kepelbagaian imam-imam *qirā’āt* secara konsisten dalam kalangan para pelajar dan tenaga pengajar, pengajian ilmu *qirā’āt* di IPT perlu lebih menyeluruh dan komprehensif dan Pengantar Ilmu *Qirā’āt* juga perlu dijadikan sebagai salah satu subjek

⁴²Muhammad Fairuz A. Adi et.al, “Silibus Pengajian *Qirā’at* di Ma’ahad Qiraat Shubra di Mesir dan Darul Quran JAKIM: Kajian Perbandingan” (Prosiding Seminar ICIED, Bangi, Selangor: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaya, 29 November-1 Disember 2010), 439.

⁴³Hayati Hussin et.al, “Silibus Pengajian *Qirā’at* di Universiti Muhammad V Morocco dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor: Kajian Perbandingan” (Prosiding, Seminar ICIED, Bangi, Selangor: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, 29 November-1 Disember 2010), 227.

⁴⁴Ikmal Zaidi Hashim, “Abū Bakr Ibn Mujāhid dan Sumbangannya Terhadap Perkembangan Ilmu *Qirā’at* Berasaskan Kitab al-Sab’ah” (tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), 114.

wajib universiti supaya semua pelajar memahami lebih tepat berkaitan dengan pengajian *qirā'āt* yang mempunyai hubungan yang amat signifikan dengan pengajian al-Quran.

Sharun Nizam bin Muhammad Sukarman⁴⁵ dalam tesis sarjananya yang bertajuk “Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Al-Qirā'āt Al-Sab' di Kelas Kemahiran al-Quran di Sekolah Menengah Agama Negeri Selangor Darul Ehsan” telah membicarakan pengenalan Qirā'āt Sab'ah dan perkara-perkara yang berkaitan dengan mengaitkan kaedah pengajaran dan pembelajaran Al-Qirā'āt Al-Sab' di Kelas Kemahiran al-Quran di Sekolah Menengah Agama Negeri Selangor Darul Ehsan serta telah membuat rumusan bahawa tiada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang khusus menyebabkan para guru menggunakan pelbagai kaedah p&p.

Aishah binti Juri⁴⁶ juga telah mengemukakan pengenalan dan perkembangan ilmu *qirā'āt* dan sistem pengajaran dan pembelajaran ilmu *qirā'āt* di Darul Quran dan KUIS dalam tesisnya yang bertajuk “Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu *Qirā'āt* di Darul Quran dan KUIS”. Perbincangannya amat menarik sekali difokuskan kepada struktur, pendekatan, strategi serta teknik pembelajaran dan pengajaran, tahap pengetahuan, kefahaman dan pencapaian para pelajar dalam bidang *qirā'āt*. Pada akhir kajiannya juga telah memberi cadangan bahawa satu kajian lanjutan perlu dilakukan agar dapat mempertingkatkan lagi pengajian *qirā'āt* di institusi pengajian.

Yusof Abdul Kadir juga turut membincangkan dalam tesisnya⁴⁷ “Analisis Diskrepansi Pelaksanaan Kurikulum Sab'ah di Sebuah Sekolah Menengah” dengan menumpukan diskrepansi yang wujud antara sebelum dan selepas melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kurikulum Qirā'āt Sab'ah di sebuah sekolah menengah di Jajahan Machang, Kelantan terhadap aspek-aspek hasrat, minat dan akhlak pelajar serta

⁴⁵Sharun Nizam bin Muhammad Sukarman, “Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran *Al-Qirā'āt Al-Sab'* di Kelas Kemahiran Al-Quran di Sekolah Menengah Agama Negeri Selangor Darul Ehsan” (tesis kesarjanaan, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, 2006), 118-120.

⁴⁶Aishah binti Juri, “Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu *Qirā'at* di Darul al-Quran dan KUIS” (tesis kesarjanaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2009), 139-144.

⁴⁷Yusof Abdul Kadir, “Analisis Diskrepansi Pelaksanaan Kurikulum *Sab'ah* di Sebuah Sekolah Menengah” (tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007), 118-119.

faktor-faktor yang mendorong terhadap kejayaan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum *Qirā'āt Sab'ah*.

Muhammad Hana Pizi Abdullah⁴⁸ dalam tesisnya, iaitu Pengajian *al-Qirā'āt* di Ma'ahad Tahfiz Majlis Agama Islam Kelantan: Suatu Kajian Terhadap Riwāyah Shu'bah" juga telah membicarakan pengenalan Ma'ahad Tahfiz Al-Quran (MAIK) berkaitan penubuhan, sistem pengajiannya, prestasi pelajar serta sukatan kursus yang dipelajari, pengenalan ringkas Majlis Agama Islam Kelantan dalam bab satu, takrif *qirā'āt*, bentuk-bentuk *wajh qirā'āt* dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya serta penurunan al-Quran dalam sab'ah ahṛuf dalam bab dua, pengenalan riwāyah Shu'bah, *uṣūl riwāyat* dan *farsh ḥurūf* riwāyah Shu'bah dalam bab tiga, diikuti dengan analisis pengajian *qirā'āt* ma'ahad tersebut berkaitan sukatan kursus, bahan-bahan pengajaran, metodologi pembelajaran dan pengajaran serta penilaian pelajar di dalam bab empat.

Penyelidik juga telah mencadangkan agar satu kajian lanjutan perlu dibuat tetapi dalam aspek *riwāyah-riwāyah* lain yang belum dibuat dan pengkajian yang lebih luas dalam bidang *qirā'āt* masih diperlukan kerana pencapaian mahasiswa terhadap subjek *qirā'āt* masih lagi berada di tahap sederhana.

Azmil bin Hashim⁴⁹ dari UKM telah membuat kupasan yang sangat menarik dalam penulisannya tentang penilaian pelaksanaan kurikulum dan karyanya adalah bertajuk “ Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN) telah membincangkan pelaksanaan kurikulum tahfiz dengan menghubungkan konsep model-model penilaian kurikulum tetapi perbincangannya hanya terhad kepada kurikulum tahfiz al-Quran dan tidak melibatkan subjek-subjek pengajian Islam lain.

⁴⁸Muhammad Hana Pizi Abdullah, “Pengajian *al-Qirā'āt* di Ma'ahad Tahfiz Majlis Agama Islam Kelantan: Suatu Kajian Terhadap Riwāyah Shu'bah” (tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007), 137.

⁴⁹Azmil bin Hashim, “Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri” (tesis kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 2010), 116.

Penulisan seterusnya juga memfokuskan kepada pelaksanaan kurikulum tetapi terhadap Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia oleh Alias Mat Saad⁵⁰. Penulis juga telah menilai pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik KPTM dengan menggunakan model kurikulum dan telah menganalisis dokumen Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan amat baik sekali.

Ghazali Yusri⁵¹ telah membincangkan dalam penulisannya yang bertajuk “Penilaian Kemahiran Lisan dalam Kurikulum Bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah menggunakan Model Penilaian CIPP dari empat segi aspek, iaitu aspek konteks, aspek produk, aspek input dan aspek proses dalam menilai kemahiran lisan dalam kurikulum bahasa Arab dengan tulisan yang baik. Walaupun dari aspek yang berbeza tetapi penulis amat tertarik dengan model yang digunakan kerana berjaya menghasilkan penilaian yang lebih sistematik dan berkesan.

Mohd Yunus Abd Aziz⁵² juga telah membuat kajian penilaian terhadap kurikulum pengajian Islam yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar meliputi subjek al-Quran, al-Hadith, aqidah, fiqh, sirah, akhlak dan bahasa Arab dengan membuat analisis dan perbandingan antara IPTA dan IPTS terhadap tahap penguasaan bahasa Arab mereka. Kajian yang dijalankan amat menarik sekali tetapi fokus kajian yang dijalankan tertumpu kepada penggunaan bahasa Arab sahaja dalam kalangan para pelajar dan pensyarah.

Mohamad Rabeh Abdullah⁵³ juga menilai pelaksanaan kurikulum al-Azhar yang dijalankan di sekolah-sekolah agama menengah di bawah JAIS, Selangor dengan menumpukan pelaksanaan kurikulum, keberkesanan dan masalah-masalah yang

⁵⁰Alias Mat Saad, “Penilaian Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik KPTM”, (Prosiding, Seminar Penyelidikan Siswazah UKM, Selangor: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010), 159.

⁵¹Ghazali Yusri et.al., “Penilaian Kemahiran Lisan dalam Kurikulum Bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM)” (Prosiding, Seminar Penyelidikan Siswazah UKM, Selangor: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010), 171.

⁵²Md Yunus Abd Aziz dan Mohamad Khair Hasb al-Rasoul, “Penilaian terhadap Kurikulum Pengajian Islam yang menggunakan Bahasa Arab sebagai Bahasa Pengantar” (prosiding, Seminar Hasil Penyelidikan KUIIM 2003.KUIM. Nilai, Negeri Sembilan), 179.

⁵³Mohamad Rabeh Abdullah, (2010) “Penilaian Pelaksanaan Kurikulum al-Azhar di Sekolah Menengah Agama Jabatan Agama Islam Selangor” (tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010), v.

dihadapi dalam kalangan guru-guru yang berkelulusan dalam negara dan luar negara atau yang mempunyai kelulusan ikhtisas. Hasil kajiannya menunjukkan 50 peratus guru memahami keseluruhan kurikulum al-Azhar tetapi dari sudut teknik p&p, teknik syarahan adalah teknik yang paling popular dan penggunaan buku teks sebagai bahan utama. Malahan terdapat perbezaan yang ketara antara guru-guru yang berkelulusan dalam negara yang memahami kurikulum al-Azhar dengan baik seramai 28.7 peratus berbanding dengan guru lulusan luar negara seramai 71.3 peratus tetapi tiada perbezaan ketara antara guru yang memiliki ikhtisas atau sebaliknya.

Terdapat banyak lagi kajian dan penulisan yang dikenalpasti berkaitan *qirā'āt* tetapi dari pelbagai aspek antaranya:

1. Adnan bin Mat Ali⁵⁴ dalam tesisnya yang bertajuk “Sejarah Pertumbuhan *Qirā'āt* al-Quran 2005”, Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden hanya menumpukan kajiannya kepada sejarah pertumbuhan dan perkembangan *qirā'āt* yang bermula pada zaman Rasuluallah SAW sehingga zaman tabi'in dengan memfokuskan kepada jenis-jenis *qirā'āt* dari aspek *sanad*, rukun-rukun *qirā'āt* yang diterima, sejarah penyusunan, pembukuan ilmu *qirā'āt* dan latar belakang *qurrā'* dalam kalangan tabi'in.
2. Muḥammad 'Umar bin Sālim Bazmūl⁵⁵ dalam tulisannya, banyak memfokuskan kesan-kesan *qirā'āt* di dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran yang membawa kepada perbezaan hukum dari aspek menerangkan makna, memperbanyakkan makna ayat atau menyelesaikan permasalahan makna ayat. Di samping itu, di dalam kitab jilid pertamanya beliau mengupas perbincangan ilmu *qirā'āt* dari aspek pengertian, bahagian-bahagiannya, perkembangan *qirā'āt* dan tokoh *qurrā'* di zaman sahabat dan tabi'in, sejarah penulisan *qirā'āt* mengikut kurun pertama

⁵⁴Adnan Mat Ali, “Sejarah Pertumbuhan *Qirā'āt* al-Quran” (tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005). 106-107.

⁵⁵Muḥammad 'Umar bin Sālim Bazmūl, *al-Qirā'āt wa Āthāruhā fī al-Tafsīr wa al-Aḥkām*. (cet.per-1, Riyadh: Dār al-Hijrah, 1417H/1996M), 1:11-18.

Hijrah sehingga ke-14 Hijrah. Malahan ia juga turut mengupas hubungan ilmu *qirā'āt* di dalam bidang-bidang ilmu lain seperti ilmu tafsir, hadith, ulum al-Quran dan *naḥw*.

3. Ikmal Zaidi Hashim⁵⁶ *et.al* dalam prosiding Seminar Warisan Al-Quran dan al-Hadith Nusantara 2008 juga telah membincangkan sumbangan Sheikh Abdullah al-Sanquri (Tok Senggora) sebagai ulama Nusantara yang masyhur terhadap Pengajian al-Quran di dalam kitabnya “*Mawrid al-Zam'an fi mā yata'allaq bi Tajwīd al-Qur'ān*” dengan mengiktiraf sumbangan beliau sebagai seorang ulama' yang menguasai bacaan *qirā'āt* tujuh atau *qirā'āt* tujuh imam. Malahan beliau juga berguru dengan dua orang tokoh *qurrā'*, iaitu Shaykh Aḥmad Ḥijāzī dan Shaykh Aḥmad 'Ubayd. Dalam kajiannya juga turut disenaraikan beberapa kitab tajwid berdasarkan riwāyah Ḥafṣ 'an 'Āṣim, *qirā'āt* Nāfi' dan riwāyah Shu'bah 'an 'Āṣim. Bahkan karya asalnya juga turut dibincangkan dengan perbincangan meliputi pelbagai *qirā'āt* 'an riwāyah selain Ḥafṣ 'an 'Aṣim dan disokong oleh sumber rujukan yang muktabar dalam bidang *qirā'āt*.
4. Wawan Djunaedi⁵⁷ juga telah mengupas perbincangannya tentang sejarah *qirā'āt* di Nusantara dalam penulisannya yang bertajuk “Sejarah *Qirā'āt* al-Quran di Nusantara” telah membincangkan sejarah *qirā'āt* dari zaman Rasulullah sehingga zaman tabi'in, hubungan *qirā'āt* dengan Aḥruf Sab'ah. Malahan penulis juga telah memfokuskan dengan baik sejarah mazhab *Qirā'āt* 'Āṣim *Riwāyah* Ḥafṣ di Nusantara dan juga susur galur sanad dan ijazah *qirā'āt* di Nusantara.

⁵⁶Ikmal Zaidi Hashim, “Sumbangan Sheikh Abdullah al-Sanquri (Tok Senggora) sebagai ulama Nusantara yang masyhur terhadap Pengajian al-Quran di dalam kitabnya “*Mawrid al-Zam'an fi mā yata'allaq bi Tajwīd al-Quran*” (2008), (prosiding, Seminar Warisan al-Quran dan al-Hadith Nusantara, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur) 1:110-129.

⁵⁷Wawan Djunaedi, *Sejarah Qirā'āt* (Indonesia: Jakarta, Pustaka STAINU, 2008), 241-244.

5. Siti Saudah binti Hj. Hassan⁵⁸ dalam tesis kedoktorannya, iaitu “Pembinaan Tatabahasa Arab Berasaskan *Qirā’āt*” juga telah membuat kupasan yang menarik berkaitan sumbangan *qirā’āt* sebagai sumber asas pembentukan *ilm nahw*, pembahagian *qirā’āt*, kedudukan dan penggunaannya di sisi ulama Basrah dan Kufah, *qirā’āt* sebagai bahan asas, hujah dan dalil dalam kalangan ahli bahasa untuk mempertahankan kaedah-kaedah nahu dan juga sebagai penolak kepada kaedah yang bertentangan dengan kaedah asal.
6. Sabri Mohamad⁵⁹ tesisnya yang bertajuk “Peranan *Qirā’āt Shādhah* di dalam Penafsiran Al-Quran: Satu Kajian Terhadap Surah Al-Baqarah Ayat 1 hingga 100” memperkenalkan pengenalan *Qirā’āt Shādhah*, syarat-syarat penerimaan dalam penafsiran, hukum beramal, *qurrā’*, karya-karya, hubungan dengan ilmu tafsir dan perbahasan peranan *qirā’āt* tersebut melalui analisis ayat satu hingga seratus dalam surah al-Baqarah.

9. SISTEMATIKA PENULISAN

Bagi memberikan gambaran yang jelas tentang kajian ini, penulis akan membahagikan kajian ini kepada lima bab. Dalam pendahuluan penulis telah menggariskan latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi operasional, tinjauan literatur serta sistematika penulisan.

Bab pertama penulis akan mendapatkan data berkaitan definisi kurikulum, serta model-model penilaian kurikulum. Penulis juga akan menggariskan kurikulum *qirā’āt* di Malaysia daripada sudut konsep kurikulum, kepentingan dan keperluan kurikulum *qirā’āt*, matlamat dan objektif kurikulum *qirā’āt*, perkembangan kurikulum *qirā’āt* pada zaman Rasulullah dan di Malaysia, pelaksanaan kaedah p&p kurikulum *qirā’āt*

⁵⁸Siti Saudah binti Hj. Hassan, “Pembinaan Bahasa Arab Berasaskan *Qirā’āt*” (tesis kedoktoran, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991), vi.

⁵⁹Sabri Mohamad, “Peranan *Qirā’at Shādhah* di Dalam Penafsiran Al-Quran: Satu Kajian Terhadap Surah Al-Baqarah Ayat 1 hingga 100” (tesis kesarjanaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2003), iv.

pada zaman Rasulullah sehingga masa kini, adab-adab p&p kurikulum *qirā'āt* dan asas-asas kandungan silibus kurikulum *qirā'āt*.

Dalam bab kedua pula penulis akan mengemukakan pengajian *qirā'āt* di semua sampel kajian institusi tahfiz. Tumpuan kajian penulis adalah Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran di bawah pentadbiran JAKIM yang merupakan institusi tahfiz al-Quran dari tahun 1966 hingga ke tahun 2011. Bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan jitu, penulis telah menggariskan supaya institut tersebut mesti wujud dan telah lama serta masih beroperasi hingga ke hari ini. Penulis akan menjelaskan dari aspek sejarah penubuhan DQ dan MTQ, objektif penubuhannya, falsafah dan objektif pengajian *qirā'āt*, program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dari aspek struktur kurikulum *qirā'āt* dan kandungannya, objektif dan hasil pembelajaran kurikulum *qirā'āt*, kitab rujukan, rancangan mengajarnya serta pelaksanaannya bagi aspek kaedah pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* serta rumusan yang berkaitan pelaksanaan pengajaran serta pembelajaran *qirā'āt*.

Bab ketiga penulis akan menyorot secara mendalam metodologi kajian dari aspek reka bentuk, lokasi kajian, populasi kajian, sampel dan kaedah persampelan, instrumen kajian yang terdiri daripada soal selidik, pemerhatian dan temu bual, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen serta prosedur-prosedur penyelidikan seperti prosedur pengumpulan data kajian dan prosedur penganalisan data. Kebanyakan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* merupakan kaedah yang dibawa masuk dari luar negara. Penulis akan melakukan observasi serta temu bual dan mengedarkan soal selidik kepada bekas-bekas pelajar dan guru-guru yang mengajar institusi tahfiz yang berpengalaman dalam p&p yang dibawa dari tempat pengajian masing-masing

Manakala dalam bab yang keempat, penulis akan menganalisis penilaian secara terperinci dapatan yang berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran serta pembelajaran *qirā'āt* daripada aspek penilaian kurikulum, penilaian kandungan kurikulum, penilaian

pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* serta tahap pencapaian *qirā'āt*. Seterusnya, penulis akan menemukan pelaksanaan kurikulum manakah yang sering diamalkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* dalam pendidikan aliran tahfiz al-Quran. Soal selidik, temu bual dan pemerhatian dilakukan ke atas para pelajar dan para pensyarah di sepuluh buah institut tersebut dan soal selidik akan dianalisis melalui program SPSS versi 20.0.

Dalam bab kelima, iaitu bab yang terakhir penulis akan menggariskan penemuan-penemuan baharu yang dapat dihasilkan dari kajian. Penulis juga akan mengetengahkan cadangan-cadangan kepada pengkaji yang akan datang dan semua pihak yang difikirkan terlibat berdasarkan pengalaman yang didapati dalam kajian ini.

10. PENUTUP

Pengajian *qirā'āt* memerlukan kepada suatu kurikulum yang tersusun yang menjadi asas kepada kejayaannya. Penilaian terhadap kurikulum merupakan satu komponen yang penting di dalam kurikulum demi memastikan perjalanan kurikulum memenuhi keperluan dan objektif kurikulum *qirā'āt* sekaligus bertepatan dengan objektif dan falsafah pengajian tahfiz al-Quran. Kejayaan sesuatu kurikulum bergantung kepada sejauh mana hasil keberkesanan pelaksanaannya. Kejayaan pelaksanaan kurikulum akan mencorakkan bentuk kejayaan dalam membentuk satu sistem pendidikan yang cemerlang, sekaligus memberi impak positif terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

Oleh itu, penilaian kurikulum *qirā'āt* ini perlu dikaji kerana tidak terdapat sebarang kajian penilaian yang dilakukan secara terperinci kerana sebelum ini banyak kajian-kajian yang dijalankan berkisar kepada *manhaj* bacaan imam-imam di lokasi-lokasi kajian. Bahkan tempoh penubuhan DQ sejak tahun 1966 yang hampir mencecah usia 40an dan juga melibatkan penyertaan tiga belas buah ma'ahad tahfiz al-Quran lain

yang juga menyokong kajian penilaian ini dilakukan dengan tumpuan kajian kepada Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali.

BAB I

MODEL DAN KURIKULUM *QIRĀ'ĀT*

1.1 PENGENALAN

Bab ini akan mengemukakan sorotan penulisan tentang dua perkara asas utama kurikulum dan kurikulum *qirā'āt*. Aspek kurikulum akan merangkumi definisi kurikulum, penilaian kurikulum, tujuan sesuatu penilaian kurikulum, dan model-model penilaian kurikulum. Aspek kedua pula mengemukakan kurikulum *qirā'āt* dari aspek konsep kurikulum *qirā'āt*, kepentingan serta keperluan, matlamat dan objektif, perkembangan kurikulum *qirā'āt* pada zaman Rasulullah SAW dan di Malaysia, pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran kurikulum *qirā'āt* dari zaman Rasulullah SAW sehingga masa kini, adab-adab p&p dan asas-asas kandungan sukatan kurikulum *qirā'āt*.

1.2 KURIKULUM

Kurikulum memainkan peranan yang amat penting di dalam pendidikan. Pendidikan yang baik dan bermutu adalah hasil daripada kurikulum yang baik dan bermutu. Persoalan yang dihadapi kini, bagaimana pendidikan yang baik dan bermutu ditentukan? Terdapat kepelbagaian definisi tentang kurikulum. Dari segi bahasa, kurikulum adalah perkataan yang diadaptasi daripada bahasa Inggeris, iaitu *curriculum*. Perkataan kurikulum berasal daripada perkataan "*curriculum*" yang bermaksud ruang tempat di mana pembelajaran berlaku. Perkataan ini telah digunakan sejak zaman Plato kira-kira tahun 400 SM. Pada masa tersebut, kanak-kanak Yunani di bandar Athens telah belajar mengikuti satu kurikulum pendidikan seperti belajar membaca, menulis, mengira, muzik, gimnastik, sastera, matematik, geografi dan sebagainya.⁶⁰

⁶⁰Mok Soon Sang, *Pengurusan Kurikulum* (Puchong, Selangor : Multimedia, 2009), 43.

Dari segi istilah kurikulum ialah meliputi aktiviti yang dilakukan oleh pelajar di bawah naungan sesebuah sekolah atau institusi pendidikan.⁶¹ Menurut Abu Bakar,⁶² walaupun kaedah dan teknik untuk mencari kepastian tentang mutu sesuatu kurikulum itu tidak ada, pakar-pakar penilaian khususnya dalam bidang psikologi dan pendidikan masih berpegang bahawa sesuatu yang wujud pasti ada dalam suatu kuantiti dan kewujudan dalam suatu kuantiti sudah pasti boleh diukur.

Franklin Bobbit mendefinisikan kurikulum melalui dua cara, iaitu pertama, ia adalah pengalaman langsung atau tidak langsung untuk mengenal potensi individu, kedua ialah siri pembelajaran secara langsung yang secara sedar untuk menyempurnakan potensi individu.⁶³ Begitu juga menurut Rugg. H. (1927), Hollis Caswell Caswell and Campbell (1935) dan Ralph Tyler (1957), masing-masing mendefinisikan yang sama tentang kurikulum sebagai pengalaman pembelajaran murid demi keperluan kehidupan murid-murid.⁶⁴ Kurikulum adalah satu reka bentuk atau pun perancangan sesebuah institusi atau negara dan kurikulum itu sendiri mempunyai pengertian yang luas yang mencakupi seluruh program yang dirancang.⁶⁵

Manakala pengertian kurikulum dari perspektif pendidikan Islam didapati dalam kalimah *manhaj* (kurikulum) dalam kamus-kamus bahasa Arab yang bermaksud jalan atau terang, atau jalan terang yang dilalui oleh manusia pada pelbagai bidang kehidupannya. Kurikulum (*manhaj*) di dalam bidang pendidikan bermaksud sebagai jalan terang yang dilalui oleh pendidik atau guru pelatih dengan orang-orang yang dididik atau dilatihnya untuk mengembangkan pengetahuan, ketrampilan dan sikap mereka.⁶⁶ Sebagaimana ayat al-Quran yang menggunakan perkataan *minhāj*, iaitu:

⁶¹A S Hornby, *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English* (Oxford New York: Oxford University Press, 1998), 287.

⁶²Abdul Rahim Hamdan, *Pengajian Kurikulum* ed.per-1 (Skudai,Johor: UTM, 2007), 3.

⁶³Mohd Daud Hamzah, *Penerokaan Teori Kurikulum* (Kuala lumpur: DBP, 1993), 3.

⁶⁴*Ibid.*, 66-79.

⁶⁵Saedah Siraj, *Kurikulum Masa Depan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2008), 1.

⁶⁶Umar Muḥammad al-Thoumī al-Shaybanī, *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah: Falsafah Pendidikan Islam*, dirumikan oleh Hassan Langgulung (cet.per.1, Jakarta: Bulan Bintang, 1979), 478.

لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَا جَا^ع وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَٰكِن لِّيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ^ط فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ^ع إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ
بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ^ح خٰتِلِفُونَ ﴿٤٨﴾

Al-Ma'idah 5: 48.

Terjemahan: Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan kalau sekiranya Allah menghendaki nescaya ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi ia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh kerana itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka ia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya.

Al-Zuḥaylī mentafsirkan maksud *minhāj* di dalam ayat tersebut adalah jalan terang yang dilalui oleh manusia.⁶⁷ Konsep kurikulum meliputi semua pengalaman, aktiviti-aktiviti suasana dan pengaruh-pengaruh yang diberikan kepada murid-murid atau mereka mengerjakan atau mereka jumpai dalam sekolah dan di bawah kelolaan sekolah kerana semuanya itu memberi pengaruh pada tingkah laku mereka dan memberi sumbangan dalam perkembangan yang menyeluruh dan saling lengkap-melengkapi. Mengikut pengertian baharu tentang kurikulum ini, kurikulum itu bukan hanya meliputi mata pelajaran dan pengalaman-pengalaman yang tersusun yang berlaku dalam kelas, tetapi meliputi juga semua kegiatan kebudayaan, kesenian, olah raga dan sosial yang dikerjakan oleh murid-murid di luar jadual dan di luar kelas dalam dan di bawah kelolaan sekolah.⁶⁸

⁶⁷Wahbah al-Zuḥaylī, *Al-Tafsīr al-Munīr fi al-'Aqīdah wa al-Sharī'at wa al-Manḥaj*. (Damshik: Dār al-Fikr, 1423H/2003M), 5-6: 569.

⁶⁸Al-Shaybanī, *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*, 483-484.

Kurikulum bermaksud suatu usaha bersepadu untuk menggabungkan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kemahiran hidup dengan ilmu pengetahuan serta penghayatan Islam bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah dalam melahirkan sekumpulan masyarakat yang dinamik, tinggi kerohaniannya serta luas keupayaan intelektualnya serta jelas kefahaman dalam memahami tasawwur Islam.⁶⁹ Manakala Nik Azis juga menggariskan terdapat banyak tafsiran bagi perkataan kurikulum seperti kurikulum adalah perkara yang diajar di sekolah, kurikulum adalah satu set objek, kurikulum adalah satu program pengajaran dan kurikulum adalah satu set objektif perlakuan.⁷⁰

Kerajaan Bani Umayyah di Damshik telah meneruskan sistem pendidikan sebelumnya. Kurikulumnya meliputi kemahiran asas, fiqh, tauhid, al-Quran, hadith, *qirā'āt*, khat, bahasa, sastera, moral, syarahan, matematik, sejarah, geografi, falsafah, sains, perubatan, kimia, anatomi, atronomi, muzik dan kesenian.⁷¹

Laporan Kabinet 1979 memperakukan bahawa peranan kurikulum dalam pendidikan negara adalah untuk membina potensi individu secara menyeluruh, seimbang dan sepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, menanam dan memupuk nilai-nilai akhlak mulia dan menyampaikan ilmu pengetahuan berpandukan prinsip Rukun Negara ke arah melahirkan tenaga rakyat yang terlatih untuk keperluan dan kepentingan negara.⁷²

Kurikulum merujuk kepada segala yang berlaku dalam bilik darjah termasuk pengajaran, pembelajaran, penilaian dan bahan-bahan. Ia juga merujuk kepada keseluruhan aktiviti yang dikendalikan di sekolah termasuk aktiviti-aktiviti permainan dan persatuan.⁷³

⁶⁹Nik Azis Nik Pa, *Isu-isu Kritikal dalam Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab*, (Selangor: Hazrah Enterprise, 2007), 77.

⁷⁰*Ibid.*, 148.

⁷¹Yūsuf al-Qardāwī, *Al-Hal al-Islāmī Farīdah wa Darūrah* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1993), 55.

⁷²Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, (laporan, Kementerian Pendidikan Islam, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979) Para 114, 6.

⁷³Sivachandralingham Sundar Raja dan Ayadurai lechumanan, *Tamadun Dunia* (Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1999), 364.

Kesimpulannya, pengkaji menggariskan beberapa pengertian kurikulum, iaitu sebagai kandungan subjek yang dimasukkan ke dalam bidang pengajian yang diajar, satu reka bentuk atau pun perancangan sesebuah institusi atau negara, satu program pengajaran dan satu set objektif perlakuan. Ringkasnya kurikulum merujuk proses membina semula pengetahuan dan pengalaman pelajar menerusi institusi yang bertujuan untuk mempertingkatkan kemajuan pelajar mengawal pengetahuan dan pengalaman sendiri menerusi objektif-objektif kurikulum, kandungan kurikulum, aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta proses penilaian kurikulum.

1.2.1 Definisi Kurikulum Kebangsaan

Akta Pendidikan pada tahun 1996 telah mendefinisikan kurikulum sebagai suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan ko-kurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.⁷⁴

Visi kurikulum ialah menjadikan sekolah berkualiti untuk pendidikan negara bertaraf dunia dengan menjalankana satu misi membangunkan kurikulum sekolah yang bersepadu dan berguna untuk perkembangan potensi individu sepenuhnya dan untuk memenuhi keperluan negara. Beberapa objektif telah digariskan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu:

- a) Menggubal kurikulum yang bersepadu dan berguna bagi semua peringkat persekolahan.
- b) Mengesan pelaksanaan kurikulum di semua peringkat persekolahan.

⁷⁴Ab Rahim Selamat, *Pengurusan Sekolah Bestari* (Johor: Penerbit Badan Cemerlang Sdn.Bhd, 2005), 16.

- c) Menilai dan meningkatkan mutu kurikulum secara berterusan selaras dengan keperluan semasa dan masa depan.⁷⁵

Berdasarkan kurikulum kebangsaan, beberapa sukatan pelajaran telah ditetapkan di dalam sistem pendidikan *qirā'āt* antaranya *Hifz* al-Quran, *Hifz Matan* dan *Qirā'āt* merupakan subjek teras, manakala Bahasa Arab Komunikasi, Bahasa Inggeris dan Pengenalan Asas Komputer termasuk subjek tambahan teras dan subjek umum Pengajian Islam juga turut diambil, iaitu Aqidah, Fiqh, Hadith dan Adab *Hamlah* al-Quran.

Kurikulum mempunyai tiga komponen penting. Pertama, kurikulum diharapkan, iaitu kurikulum yang digubal, dirancang dan disusun untuk mencapai hasrat sesuatu pendidikan itu. Kedua, kurikulum dilaksanakan, iaitu setakat mana kurikulum tadi dapat dilaksanakan dan direalisasikan. Ketiga, kurikulum dicapai, iaitu sejauh mana kurikulum itu dicapai seperti yang dirancang.⁷⁶

1.2.2 Penilaian Kurikulum

Penilaian ialah proses untuk menentukan kesesuaian dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran atau program pendidikan.⁷⁷ Menurut Oliva penilaian kurikulum merujuk kepada suatu proses untuk membuat keputusan tentang keberkesanan sesuatu kurikulum.⁷⁸ Penilaian dalam kurikulum merupakan aktiviti yang mempunyai kaitan dengan aktiviti lain dalam kurikulum seperti pembangunan kurikulum, implementasi kurikulum dan pengubahsuaian kurikulum.⁷⁹

Proses penilaian akan melibatkan pelbagai aktiviti seperti mengenalpasti rasional dan tujuan penilaian, aspek-aspek yang hendak dinilai, kaedah penilaian, kaedah analisis maklumat, menginterpretasi penemuan dan membuat keputusan. Menurut

⁷⁵Kementerian Pendidikan Malaysia, *Akta Pendidikan 1996* {Peraturan-peraturan (Kurikulum Kebangsaan) Pendidikan 1997}. (Kuala Lumpur: KPM, 1997), 3.

⁷⁶Nik Aziz dan Ng See Ngean, "Kajian Tentang Pelaksanaan Matematik KBSM: Fenomena Tahun Pertama 1989 dan Kedua 1990" (laporan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 1991), 18.

⁷⁷Yusup Hashim, *Teknologi Pengajaran* (Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd, 1998), 12-13

⁷⁸Noor Hisham Md.Nawi, *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam* (cet.per-1, Perak: UPSI, 2011), 161-162.

⁷⁹Abdul Rahim Hamdan, *Pengajian Kurikulum* ed.per-1 (Skudai, Johor: UTM, 2007), 81-82.

Saylor, Alexander dan Lewis penilaian kurikulum terbahagi kepada dua berdasarkan reka bentuk penilaiannya, iaitu:

- i) Menilai keseluruhan program pendidikan termasuk matlamat, sub matlamat dan objektif, keberkesanan instruksi dan pencapaian pelajar dalam segmen tertentu.
- ii) Menilai program itu sendiri. Proses penilaian membenarkan perancang kurikulum menentukan sama ada matlamat institusi dan objektif instruksi dapat dipenuhi atau tidak.⁸⁰

1.2.3 Tujuan Penilaian

Tujuan penilaian dibuat untuk menilai dan meninjau daripada pengurusan, arah tuju dan keberkesanan, akauntabiliti, pembangunan dan penyebaran program. Secara keseluruhannya aspek-aspek yang diteliti dan dikaji berkaitan pengoperasian dan perkhidmatan seperti ciri-ciri kakitangan, objektif, aktiviti, pentadbir dan hasil pencapaian serta keberkesanan.⁸¹ Bahkan penilaian juga dibuat bertujuan untuk mengukur pencapaian dan perubahan yang dicapai.⁸²

Terdapat dua aspek dalam penilaian, iaitu aspek formatif dan aspek sumatif. Aspek formatif merupakan proses menilai kurikulum daripada segi aspek seperti objektif, jika penggubal menggunakan model objektif, kandungan, kaedah pengajaran dan sistem penilaian dalam kelas. Penilaian ini bertujuan untuk menentukan sama ada sistem pendidikan yang diperkenalkan adalah sebagaimana yang telah dirancang.⁸³ Penilaian ini bertujuan mengukur keberkesanan pengajaran guru terutama kualiti pengajaran dan kelemahan-kelemahan guru.⁸⁴

⁸⁰Yusup Hashim, *Konsep dan Perkembangan Kurikulum dan Instruksi* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2000), 62-63.

⁸¹Vincet Pang dan Denis Lajium, *Penilaian dalam Pendidikan* (Sabah: UMS, 2010), 18-19.

⁸²Abd Rahim Abd Rashid, *Falsafah Budaya dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003), 88.

⁸³Hamdan, *Pengajian Kurikulum* ed.1 (Johor: UTM, 2007), 79-80.

⁸⁴Abd Rahim, *Falsafah Budaya*, 88.

Aspek sumatif pula merupakan proses menilai suatu aktiviti bagi mengesan setakat mana objektif yang ditentukan telah tercapai. Andaiannya ialah bahawa aspek kurikulum seperti objektif, kandungan dan kaedah mengajar telah digunakan dengan tepat. Penilaian kurikulum merupakan suatu aktiviti untuk mendapatkan suatu matlamat bagi membolehkan pihak berkuasa membuat keputusan tentang rancangan pendidikan.⁸⁵ Penilaian yang bertujuan untuk menilai kesan pembelajaran terhadap murid daripada segi aspek pembelajaran, kebolehan murid, kecerdasan, aspek kognitif dan afektif.⁸⁶

Lin & Gronlund dan Nitko mengkategorikan terdapat lima jenis penilaian, iaitu penilaian kesediaan, penilaian penempatan, penilaian formatif, penilaian diagnostik dan penilaian sumatif yang bergantung kepada tujuan, fungsi dan jangka masa penilaian.⁸⁷

Kesimpulannya, pengkaji melihat penilaian dibuat adalah untuk menilai dan mengukur tahap pengajaran dan pembelajaran sesuatu program, keberkesanannya dalam kalangan semua pihak yang terlibat melalui proses pendidikan sama ada daripada segi objektif, silibus kurikulum, proses p&p, tahap pencapaiannya dan secara tidak langsung memperbaiki kelemahan-kelemahan dalam proses pendidikan.

1.2.4 Model-Model Penilaian Kurikulum

Setiap penilaian kurikulum yang dilakukan akan dikemukakan berdasarkan model-model penilaian yang direka oleh pakar-pakar kurikulum pendidikan. Antara model-model penilaian yang biasa menjadi rujukan ialah:

1.2.4(a) Model Objektif

Model yang berbentuk terus atau langsung ini juga dikenali sebagai Model Tyler (1949). Model ini memperkenalkan “Prinsip-prinsip Asas Kurikulum dan Instruksi” yang menggariskan pendekatan-pendekatan terhadap pembinaan kurikulum dan instruksi. Ia melihat apa yang penilai ingin tahu. Oleh itu, penilai kurikulum perlu jelas apakah tujuan penilaian dan perkara yang hendak dilakukan. Dalam model ini, penilaian

⁸⁵Abdul Rahim, *Pengajian Kurikulum*, 79-80.

⁸⁶Abd Rahim, *Falsafah Budaya*, 88.

⁸⁷Vincet Pang & Denis Lajium, 7-11

adalah berasaskan kepada tujuan kurikulum dan melihat apa jua yang dijelmakan dalam perlakuan yang dapat dinilai, iaitu hasil yang diharapkan daripada pelajar. Ia juga memastikan pengalaman pendidikan berhubung kait dengan objektif serta bagaimana pengalaman-pengalaman itu diurus dan objektif-objektif diukur. Tyler mencadangkan empat langkah untuk pembinaan kurikulum, iaitu a) Menentukan tujuan pendidikan. b) Menentukan pengalaman pendidikan yang berkaitan dengan tujuan pendidikan. c) Menentukan susunan pengalaman. d) Menentukan penilaian pengalaman.⁸⁸

1.2.4(b) Model Taba

Hida Taba menggunakan pendekatan *grass root* untuk membina kurikulum dalam modelnya (1962), Taba berpendapat guru hendaklah terlibat dalam pembinaan kurikulum⁸⁹ dan kaedah-kaedah yang digunakan oleh model ini hampir sama dengan Model Tyler. Model Taba (1962) telah mencadangkan lima langkah untuk membina kurikulum, iaitu:

- i) Menghasilkan unit kecil pelajaran mengikut gred dan mata pelajaran.
- ii) Mencuba unit yang dihasilkan.
- iii) Menyemak semula pelajaran dan membuat pembedulan dan penambahan.
- iv) Menyemak semula skop dan urutan program.
- v) Mengguna dan menyebarkan hasil pelajaran.⁹⁰

1.2.4(c) Model Stake

Model Stake (1967) merupakan satu corak penilaian pendidikan menyeluruh. Penilaian pendidikan adalah berorientasikan kepada keadaan yang kompleks dan dinamik. Ia memberi penekanan kepada beberapa kontigensi, iaitu latar belakang, aktiviti di dalam bilik darjah dan hasil para ilmunan. Data yang terkumpul terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:

⁸⁸Allan C.Ornstein dan Francis P.Hinkins, *Curriculum Foundations, Principles and Issues* ed. ke-5 (United State: Pearson International Edition, 2009), 214

⁸⁹*Ibid.*, 214-215.

⁹⁰Yusup Hashim, *Konsep dan Perkembangan*, 59-60.

- i. *Antecedent* ialah keadaan yang terdapat sebelum berlakunya pengajaran dan pembelajaran yang berhubungan dengan hasil.
- ii. Transaksi pula melihat interaksi yang berlaku antara guru dengan murid, murid dengan murid dan lain-lain.
- iii. Hasil pula merupakan maklumat yang telah dikumpulkan yang termasuk pengukuran yang diperolehi akibat daripada kesan pengajaran oleh guru, pentadbir dan murid-murid.

Stake mengemukakan model tambahan dari Model Tyler, iaitu model penilaian responsif yang menekankan aktiviti program lebih daripada kehendak program yang menumpukan keperluan pakar penilai kurikulum membuat perancangan terhadap penilaian tanpa terikat kepada objektif dan matlamat program yang hendak dinilai dan ia lebih bersifat kepada matlamat penilaian yang bebas.

1.2.4(d) Model Holistik

Model ini merupakan penilaian mengikut kajian kes, iaitu penilai kurikulum dapat menyenaraikan apa atau apakah keadaan yang hendak dinilai itu. Perkara-perkara yang hendak dinilai antaranya ialah perlakuan manusia dalam institusi pendidikan yang didapati adalah amat berlainan kerana perlakuan itu dipengaruhi oleh pelbagai angkubah. Model ini juga melihat kesan atau akibat pembaharuan atau inovasi bukanlah untuk mendapatkan satu hasil yang berasingan tetapi mendapatkan pelbagai pelaksanaan hasil daripada sesuatu kurikulum yang mewujudkan pelbagai perlakuan.

Mac Donald (1971) menggunakan satu reka bentuk dan satu bentuk penilaian yang meluas. Reka bentuk dan penilaian dapat memberikan pandangan terhadap pendidikan dengan meluas terutamanya terhadap perkara yang hendak diubah. Reka bentuk dan penilaian juga menyatukan pendekatan pengukuran dan kajian kes dalam proses penilaiannya. Pendekatan holistik mendefinisikan penilaian pendekatan sebagai satu

proses memikirkan, mendapatkan dan menyalurkan maklumat untuk membuat keputusan dalam bidang pendidikan terhadap projek pendidikan.⁹¹

1.2.4(e) Model Illumatif

Parlet dan Hamilton (1978) menjelaskan model ini berbentuk penilaian penerangan yang mempertimbangkan konteks program pendidikan yang lebih luas. Penilaian ini lebih mementingkan huraian dan tafsiran berbanding pengukuran dan ramalan. Ia dijalankan untuk mengkaji sesuatu program secara keseluruhan. Penilaian ini dijalankan dalam tiga peringkat, iaitu pemerhatian, kajian lanjutan dan penerangan.

1.2.4(f) Model Bobbit dan Charters

Model ini memfokuskan kepada pembinaan kurikulum untuk mencari aktiviti-aktiviti yang sesuai untuk menjadikan kehidupan pelajar bermanfaat, menampilkan kebolehan dan kualiti keperibadian yang perlu bagi penampilan yang sempurna. Objektif pendidikan diperolehi daripada menganalisa aktiviti-aktiviti. Bobbit juga menganalisa aktiviti-aktiviti sebenar manusia dan mempertimbangkan semua pengalaman manusia.⁹²

Charters juga menganalisa kepada semua aktiviti-aktiviti tetapi beliau juga mengemukakan bahawa perubahan kurikulum selalu didahului dengan pengubahsuaian konsep dalam objektif pendidikan untuk mempengaruhi kandungan dan pengalaman program. Ia juga telah mengemukakan empat langkah pembinaan kurikulum, iaitu: 1)Memilih objektif. 2)Membahagikan objektif antara matlamat dan aktiviti. 3)Menganalisa setiap tahap kemampuan unit-unit pekerja. 4)Mengumpulkan metode-metode pencapaian.⁹³

1.2.4(g) Model Konteks, Input, Proses dan Produk (CIPP).

Stufflebeam (2003) menjelaskan bahawa Model CIPP adalah satu panduan yang sangat komprehensif untuk memberi struktur penilaian sesuatu program, projek, kakitangan, produk, institusi dan juga sistem. Model ini dibina pada akhir tahun 1960 untuk

⁹¹Abdul Rahim, *Pengajian Kurikulum*, 83.

⁹²Allan C.Ornstein dan Francis P.Hunkins, *Curriculum Foundations*, 213

⁹³*Ibid.*

membantu dalam peningkatan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah yang berada di kawasan bandar dan kawasan pedalaman. Bertahun-tahun model ini terus dibangunkan dan digunakan dalam program pendidikan di dalam dan luar Amerika Syarikat.⁹⁴ CIPP ialah akronim bagi satu siri penilaian yang berdasarkan empat aspek yang berterusan, iaitu konteks (*context*), input (*input*), proses (*process*) dan produk (*product*). Penilaian konteks menentukan matlamat-matlamat umum dan objektif-objektif sesuatu program. Penilaian input ialah pentaksiran sumber dan ini merupakan satu cabaran untuk menjamin kejayaan dalam melaksanakan sesuatu program. Manakala penilaian proses ialah pelaksanaan prosedur-prosedur dan strategi-strategi program dan penilaian produk mengukur kejayaan sesuatu program dengan cara membandingkan hasil dan objektif program.⁹⁵

Kesimpulannya, berdasarkan ketujuh-tujuh model yang dinyatakan ada menunjukkan kesamaan dan kelainan. Tyler, Taba serta Bobbit dan Charters menggariskan satu urutan langkah yang harus diikuti untuk membina kurikulum. Stake, Mac Donald, Parlet dan Hamilton menggambarkan komponen-komponen yang terlibat dalam proses pembinaan kurikulum seperti reka bentuk, pelaksanaan dan penilaian. Model-model ini berbentuk umum kerana ia hanya menjelaskan keputusan yang diambil oleh tiap-tiap komponen dan tidak mempreskripsikan langkah-langkah yang perlu diambil oleh perancang kurikulum berbanding dengan Model Stufflebeam. Pengkaji memilih untuk menggunakan model CIPP tetapi bukan secara sepenuhnya dengan membuat kesesuaian berdasarkan persoalan dan objektif kajian dalam penyelidikan ini kerana ia mengutamakan proses penilaian pembangunan bahan kurikulum secara sistematik dan efektif yang berfokus kepada membuat keputusan tentang pengurusan dan pentadbiran berdasarkan data dan maklumat yang diperolehi.

⁹⁴ Daniel L. Stufflebeam, *The CIPP Model for Evaluation* (Dordrecht: Kluwer Academic Publisher International Handbook of Education 2003), 31.

⁹⁵ Vincet Pang & Denis Lajium, *Penilaian dalam Pendidikan*, 23-25.

1.3 KURIKULUM *QIRĀ'ĀT*

Kurikulum *qirā'āt* dibahagikan kepada teori dan amali berkaitan dengan pengajian *qirā'āt* yang terdiri daripada konsep *qirā'āt*, kepentingan dan keperluan kurikulum *qirā'āt*, matlamat dan objektif kurikulum *qirā'āt*, perkembangan kurikulum *qirā'āt* dan pelaksanaan kaedah kurikulum *qirā'āt*. Malahan pengkaji juga akan mengupas adab-adab p&p serta kandungan kurikulum *qirā'āt* yang merangkumi latar belakang Imam Shāṭibī dan Imam al-Jazarī serta imam-imam *Qirā'āt* Sab'ah dan perbandingannya dengan *Qirā'āt* 'Asharah serta perawi-perawinya dari perspektif teori.

1.3.1 Konsep Kurikulum *Qirā'āt*

Qirā'āt dari segi bahasa ialah kata *jam'* bagi perkataan *qirā'ah* yang bererti bacaan. *Qirā'ah* ialah kata nama terbitan bagi kata kerja perbuatan masa lalu, iaitu *qarā'a* dan perbuatan masa kini, iaitu *yaqra'u*. Orang yang membaca dipanggil *qārī* dan *Qur'ān* adalah sesuatu yang dibaca.⁹⁶

Terdapat pelbagai istilah *qirā'āt* yang dinyatakan para ulama dalam kitab-kitab mereka. Imam Ibn al-Jazarī mendefinisikan *qirā'āt* sebagai ilmu berkenaan cara menyebut kalimah-kalimah al-Quran dan perbezaannya yang disandarkan kepada pembawa-pembawanya.⁹⁷ Al-Zarkashī menjelaskan bahawa *qirā'āt* ialah perselisihan lafaz-lafaz wahyu sama ada cara menulis huruf-hurufnya atau cara menyebutnya dari segi *takhfīf*, *tasydīd* dan lain-lain. Ia hanya terhasil dengan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* kerana ia adalah sesuatu yang tidak boleh dihukumkan kecuali melalui pendengaran dan *mushāfahah*.⁹⁸ Al-Dimyāṭī pula mendefinisikan ilmu *qirā'āt* sebagai ilmu yang diketahui daripadanya kesepakatan orang-orang yang *menaqlkan* kitab Allah dan juga perbezaan mereka pada *ḥadhaf*, *ithbāt*, *taḥrīk*, *taskīn*, *al-faṣl*, *al-waṣl* dan

⁹⁶Al-Fayrūz Abādī, "*Qarā'a*," dalam *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, (Beirut: Mua'ssah al-Risālah 1419H/1998M), 49.

⁹⁷Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin 'Alī bin Yūsuf Ibn al-Jazarī, *Munjid al-Muqrī' in wa Murshīd al-Ṭālibīn* (Kaheerah: Maktabah al-Qudsī, 1400H/1980M), 3.

⁹⁸Badr al-Dīn Muḥammad bin 'Abd Allāh Al-Zarkashī, *Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Kaheerah: Maktabah 'Isā al-Bāb al-Ḥalabī, 1972), 318.

sebagainya dari segi keadaan, menyebut, pertukaran dan pendengaran.⁹⁹ ‘Abd al-Fattāh al-Qāḍī pula menerangkan bahawa *qirā’āt* sebagai suatu ilmu yang membahaskan tentang cara menyebut kalimah-kalimah al-Quran dan jalan menunaikannya dari segi persamaan dan perselisihan serta menyandarkan setiap bentuk bacaan kepada perawinya.¹⁰⁰

Hal ini jelas menunjukkan bahawa *qirā’āt* berkaitan perkataan-perkataan dalam al-Quran yang diperselisihkan bacaan-bacaannya, pemindahan yang *ṣaḥīḥ* dan benar sama ada secara *mutawātir* atau *āḥād* dan hakikat sebenar bentuk-bentuk perbezaan antara *qirā’āt* -*qirā’āt*.¹⁰¹

Pengkaji merumuskan ilmu *qirā’āt* ialah berkaitan dengan cara-cara sebutan kalimah-kalimah al-Quran dengan pelaksanaan yang disepakati dan diperselisihkan bersandarkan *sanad* yang *ṣaḥīḥ* yang diriwayatkan oleh imam-imam *qirā’āt* merangkumi *ḥadhaf*, *ithbāt*, *tahrīk*, *taskīn*, *al-faṣl*, *al-waṣl* dan seumpamanya dari aspek pendengaran.

Al-Quran dan *al-Qirā’āt* merupakan dua subjek yang saling memerlukan, kaitan antara keduanya tidak dapat dipisahkan. Para ulama berselisih pendapat dalam menyatakan sama ada kedua-duanya merupakan sesuatu yang sama atau berbeza. Terdapat dua pandangan dalam permasalahan ini.

a) Kumpulan pertama menyatakan al-Quran dan *al-Qirā’āt* adalah dua perkara yang berbeza seperti yang dinyatakan oleh al-Zarkashī bahawa al-Quran merupakan wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w sebagai mukjizat. Manakala *al-*

⁹⁹Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Abd al-Ghānī Al-Dimyāṭī, *Ithāf al-Fuḍalā’ al-Bashar bī al-Qirā’āt al-‘Arba’ ‘Ashr* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1419H/1998), 6.

¹⁰⁰‘Abd al-Fattāh al-Qāḍī, *al-Budūr al-Zāhirah fī al-Qirā’āt al-‘Ashr al-Mutawātirah min tariqay al-Shāhibīyyah wa al-Durrah* (Kaherah: Maktabah ‘Īsā al-Bāb al-Ḥalabī, (1415H/1955M), 5.

¹⁰¹Khayr al-Dīn Sayyib. *Al-Qirā’āt al-Qur’āniyyah wa Athāruhā fī al-Ikhtilāf al-Aḥkām al-Fiqhiyyah* (cet. per-1, Beirut, Lubnan: Dār Ibn Ḥazam, 1429H/2008M), 26.

Qirā'āt perselisihan lafaz-lafaz wahyu tersebut pada huruf-huruf, tatacaranya seperti *takhfīf*, *tasydīd* dan sebagainya dan diperolehi secara *talaqqī* dan *mushāfahah*.¹⁰²

b) Pandangan kumpulan kedua pula menjelaskan bahawa al-Quran dan *al-Qirā'āt* merupakan dua hakikat yang membawa satu pengertian. Berdasarkan hadith-hadith yang berkaitan dengan penurunan *al-Qirā'āt* dan dari aspek bahasa membuktikan bahawa tiada perbezaan antara al-Quran dan *al-Qirā'āt* yang merupakan wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.¹⁰³

Berdasarkan pendapat kedua-dua kumpulan, Sha'bān telah menolak kedua-dua pandangan bahawa sekiranya pandangan al-Zarkashī terhadap perbezaan seluruh al-Quran kerana tiada perbezaan penuh di antara al-Quran dan *al-Qirā'āt* kerana *qirā'āt ṣaḥīḥ* yang disepakati penerimaannya oleh umat Islam merupakan sebahagian al-Quran. Manakala pandangan al-Muḥaysīn tertolak kerana *qirā'āt* dengan perbezaan jenis-jenisnya tidak merangkumi kalimat al-Quran sepenuhnya, *qirā'āt* cuma wujud pada sebahagian lafaz-lafaz al-Quran sahaja. *Qirā'āt* hanya merangkumi *Qirā'āt Mutawātirah* yang boleh dibaca sebagai al-Quran dan para ulama bersepakat menolak *Qirā'āt Shāhdhah* sebagai al-Quran.¹⁰⁴

1.3.2 Kepentingan dan Keperluan Kurikulum *Qirā'āt*

Para ulama bersepakat menjelaskan bahawa hukum mengajar dan mempelajari ilmu *qirā'āt* adalah fardhu kifayah.¹⁰⁵ Ilmu *qirā'āt* bersumberkan apa yang dipindahkan (*al-Naql*) secara *ṣaḥīḥ* dan *mutawātir* daripada imam *qirā'āt* yang bersambung *sanad* mereka dengan Rasulullah s.a.w.¹⁰⁶ Ilmu *qirā'āt* merupakan semulia-mulia ilmu¹⁰⁷

¹⁰² Al-Zarkashī, *Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 318.

¹⁰³ Muḥammad Sālim Muḥaysīn, *Fī Rihāb al-Qur'ān al-Kārim* juz.1 Beirut: Dār al-Jīl, 1409H/1989M), 209-210.

¹⁰⁴ Muḥammad Ismā'īl Sha'bān, *al-Qirā'āt Aḥkāmuhāwa Maṣḍaruhā* ed.ke-2 (Kaherah: Dār al-Salām, (1420H/1999M), 21-22.

¹⁰⁵ 'Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī, *al-Budūr al-Zāhirah*, 6.

¹⁰⁶ Muḥammad 'Umar bin Sālim al-Bazmūl, *Al-Qirā'āt wa Āthāruhā fī al-Tafsīr wa al-Aḥkām*. (cet.per-1, Riyadh: Dār al-Hijrah, 1417H/1996M), 1: 94.

¹⁰⁷ Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Sharīḥ al-Ra'īnī al-Andalusī, *Al-Kāfī fī al-Qirā'āt al-Sab'* (*taḥqīq*) Aḥmad Maḥmūd 'Abd al-Samī' al-Shafī'ī (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1421H/2000M), 9.

kerana ia mempunyai hubung kait yang sangat kuat dengan al-Quran.¹⁰⁸ Kedudukan atau perbandingan *qirā'āt* ialah berbeza dari bidang ilmu-ilmu al-Quran yang lain.¹⁰⁹

Ia merupakan suatu ilmu yang berkaitan dengan ilmunya sendiri tanpa melibatkan ilmu-ilmu lain.¹¹⁰ Namun begitu ilmu *qirā'āt* diperlukan dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran dan hukum-hukum fiqh. Antara salah satu syarat bagi *mufasssir* hendaklah mempunyai pengetahuan ilmu *qirā'āt*.¹¹¹ Malahan ilmu *qirā'āt* juga menjadi hujah bagi ahli fuqaha' dalam mengeluarkan hukum-hukum syariat.¹¹² Dan ilmu tajwid juga berkait rapat serta merupakan pecahan daripada ilmu *qirā'āt*. Hal ini menunjukkan ilmu *qirā'āt* membahaskan bentuk-bentuk lafaz kalimah-kalimah al-Quran tetapi ilmu tajwid membincangkan cara-cara sebutan bagi huruf-huruf hija'iyah dalam al-Quran, *qirā'āt* itu lafaz dan tajwid itu pelaksanaan.¹¹³ Imam-imam *qirā'āt* merupakan pelopor atau pengasas ilmu *qirā'āt* tetapi ada pendapat yang mengatakan Abū 'Umar Ḥafṣ ibn 'Umar al-Dūrī. Orang pertama yang menghimpunkan ilmu *qirā'āt* dalam satu kitab ialah Abū 'Ubayd al-Qāsim ibn Salām.¹¹⁴ Beliau telah menulis dengan menghimpunkan dua puluh lima jenis *qirā'āt* dalam satu kitab.¹¹⁵

Para ulama menggariskan terdapat tiga kriteria dan rukun *qirā'āt* yang dapat diterima keshahihannya, iaitu bertepatan dengan penulisan salah satu maṣḥaf 'Uthmāniyyah sama ada daripada aspek *taqdīr* dan *iḥtimāl*¹¹⁶, bertepatan dengan *wajh*

¹⁰⁸: Abd al-Fattāh al-Qādī, *al-Budūr al-Zāhirah*, 5.

¹⁰⁹: Alī Muḥammad al-Ḍabbā', *Kitābān fī al-Qirā'āt al-Ashr (taḥqīq)* Ibrāhīm 'Utawah 'Iwaḍ (Kaherah: Maktabah wa Maṭba'ah al-Bābī al-Halabī 1404H/1974M), 5.

¹¹⁰: Muḥammad 'Abd al-Ḥakīm Sa'īd al-'Abd Allāh, *al-Ma'mūl fī Sharh al-Uṣūl yahtawī 'alā Sharh li Uṣūl al-Shāṭibiyyah*, (Sūriyyah: al-Maktabah al-'Arabiyyah, 1422H/2001M), 13.

¹¹¹: Abd Raḥmān Abī Bakr Al-Suyūṭī, *Al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1427H/2006M), 1: 178.

¹¹²: Abī Shāmāh al-Dimashqī, *Ibrāz al-Ma'ānī min ḥirz al-Amānī fī al-Qirā'āt al-Sab'* (Kaherah: Maktabah wa Maṭba'ah al-Bābī al-Halabī 1402H/1891M), 12.

¹¹³: Abd al-Ḥalīm bin Muḥammad al-Hādī Qābah, *Al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah tārikhuha, thubūtuhā, hujjiyatuhā wa aḥkamuhā* (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1999), 34.

¹¹⁴: Muḥammad Sālim Muhaysin, *al-Muḥadhdhab fī al-Qirā'āt al-Ashr wa tawjīhihā min ṭarīq Tayyibah al-Nashr* (Kaherah: al-Idārah al-'Ammah lil Ma'āhid al-Azhariyyah, 1412H/1992M), 1:5.

¹¹⁵: Alī Muḥammad Tawfīq al-Nuḥḥās, *Muqaddimah fī 'Ulūm al-Qirā'āt* (Ṭanṭā: Dār al-Ṣaḥābah li al-Turāth, 1425H/2004M), 26.

¹¹⁶: Muḥammad Abū al-Khayr, *Al-Uṣūl wa al-Thawābit lil Qur'rā' min Ṭarīq al-Shāṭibiyyah* (Ṭanṭā: Dār al-Ṣaḥābah lil Turāth, 1422H/2002M), 7-8.

atau kaedah bahasa Arab¹¹⁷ dan *sanad* yang *ṣaḥīḥ*.¹¹⁸ Kepelbagaian pendapat-pendapat ulama dalam pembahagian *qirā'āt* adalah mengikut tarikh wafat mereka. Di antara ulama yang memberikan pendapat ialah Ibn Jinnī (tarikh wafatnya 396H) telah membahagikan ilmu *qirā'āt* kepada dua bahagian, iaitu al-Qirā'āt al-Mutawātirah yang dikumpulkan oleh majoriti *qurr'ā-qurr'ā* di Mesir, iaitu kitab yang ditulis oleh Abū Bakr Aḥmad bin Mūsā bin Mujāhid, iaitu kitab Qirā'āt Sab'ah dan *qirā'āt* yang terkeluar daripada qirā'āt sab'ah, iaitu Qirā'āt Shadh. Perkara ini menunjukkan bahawa *qirā'āt al-Qur'āniyyah* terbahagi kepada dua, iaitu al-Qirā'āt al-Ṣaḥīḥah dan al-Qirā'āt al-Shadhah.¹¹⁹

Makkī ibn Abī Ṭālib menggariskan tiga bahagian *qirā'āt*, iaitu al-Qirā'āt al-Ṣaḥīḥah yang terdiri daripada tiga rukun *qirā'āt*, al-Qirā'āt al-Āhād, iaitu bacaan yang telah dipindahkan secara *āḥād*, disepakati kaedah bahasa Arabnya tetapi berbeza dari segi penulisan maṣḥaf rasm 'uthmānī dan al-Qirā'āt Shādhah yang *dinaqlkan* oleh orang-orang yang tidak *thiqah* atau *thiqah* tetapi tiada dalam *wajh* bahasa Arab.¹²⁰

Jalāl al-Dīn al-Bulqīnī juga telah membahagikan *qirā'āt* kepada tiga bahagian, iaitu qirā'āt mutawātir yang mengandungi Qirā'āt al-Sab'ah yang masyhur, Qirā'āt Āhād yang terdiri daripada Qirā'āt Thalathah, iaitu Qirā'āt al-'Ashr, iaitu tambahan daripada Qirā'āt Sab'ah termasuk *qirā'āt* para sahabat, Qirā'āt Shādh pula terdiri daripada *Qirā'āt* Tabi'in seperti al-A'mash, Yaḥyā ibn Wathāb, Ibn Jubayr dan sebagainya.¹²¹

Ibn al-Jazarī telah menjustifikasikan dengan Qirā'āt Ṣaḥīḥah yang bertepatan dengan tiga rukun *qirā'āt* dan *qirā'āt* yang tidak menepati salah satu rukun

¹¹⁷ *Ibid.*, 19-20.

¹¹⁸ Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin 'Alī bin Yusuf ibn al-Jazarī, *Ṭayyibah al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr* (Madinah: Maktabah Dār al-Hūdā, 1415H/1994M), 32.

¹¹⁹ Abī al-Faṭḥ 'Uthmān ibn Jinnī, *Al-Muḥtasab fī Tibyīnī Wujūh Syawādh al-Qirā'āt wa al-Īdāḥ 'anhā*. (al-Qāherah: al-Majlis al-'A'lā al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1415H/1994M), 1:32.

¹²⁰ Alī Muḥammad Makkī bin Abī Ṭālib al-Qaysī, *al-Kashf 'an Wujūh al-Qirā'āt al-Sab' wa 'Ilalluhā wa Hujajihā (taḥqīq)* 'Abd al-Raḥīm al-Ṭarḥūnī (al-Qāherah: Dār al-Ḥadīth, 1428H/2007M), 1: 41-43.

¹²¹ 'Abd Raḥmān Abī Bakr Al-Suyūṭī, *Al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1427H/2006M), 1: 203.

dikategorikan sebagai Qirā'āt Da'īfah, Qirā'āt Shādhah atau Qirā'āt Bāṭilah¹²² tetapi dia juga telah membahagikan kepada tiga bahagian *qirā'āt*, iaitu *mutawātirah*, *ṣahīhah* yang dimaksudkan merangkumi tiga rukun dan sekiranya tidak disepakati dari segi rasm 'uthmāniyyah juga diterima sebagai qirā'āt ṣahīhah dengan syarat sah *sanadnya* dan Qirā'āt Shādhah ialah *qirā'āt* yang tidak *dinaqlkan* secara sah *sanadnya*.¹²³

Imam al-Suyūṭi telah menuqilkan daripada imam al-Jazarī telah membahagikan ilmu *qirā'āt* kepada enam bahagian, iaitu Qirā'āt Mutawātir yang telah *dinaqlkan* oleh sekumpulan *qurrā'* yang tidak mungkin terlibat bersama dalam pendustaan ketika proses menerima *sanad* sehingga sampai kepada Rasulullah, Qirā'āt Mashūr, iaitu sah *sanadnya* dan menepati kaedah bahasa Arab dan rasm 'uthmānī tetapi tidak mencapai tahap *mutawātir*. Qirā'āt Āhād ialah *qirā'āt* yang terdiri daripada *sanad* yang sah tetapi tidak disepakati daripada segi bahasa Arab dan rasm uthmānī. Qirā'āt Shādh ialah yang tidak sah *sanadnya*. Qirā'āt Mawḍū' ialah *qirā'āt* yang direka-reka seperti Qirā'āt al-Khuzā'i. Qirā'āt al-Mudrajah, iaitu *qirā'āt-qirā'āt* yang ditambah dari aspek ilmu *tafsīr* seperti *qirā'āt* Sa'ad ibn Abī Waqāṣ.¹²⁴

Imam ibn al-Jazarī menjelaskan jenis-jenis *qirā'āt* itu di dalam kitab Ṭayyibah kepada dua bahagian, iaitu *qirā'āt* yang ditolak merangkumi tiga jenis, iaitu *Qirā'āt* yang bertepatan dengan rasm 'Uthmānī tetapi tidak menepati *wajh* bahasa Arab, *qirā'āt* yang tidak sah *sanadnya* dan *qirā'āt* yang tiada sanad. Manakala *qirā'āt* yang diterima, iaitu semua *qirā'āt* yang sah *sanadnya*, bertepatan dengan *wajh* bahasa Arab dan tidak menepati *rasm maṣḥaf*. *Qirā'āt* yang tidak *ṣahīh* boleh dipelajari dan diambil hukum-hukumnya, *tafsīr* dan bahasa tetapi tidak boleh diamalkan di dalam ibadah.¹²⁵

¹²² Abī al-Khayr Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin 'Alī bin Yūsuf al-Dimashqī Ibn al-Jazarī, *Al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1423H/2002M), 1: 15-19.

¹²³ Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin 'Alī bin Yusuf ibn al-Jazarī, *Munjid al-Muqri'in* (Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah, 1977), 62.

¹²⁴ Al-Suyūṭi, *Al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, 1: 234-235.

¹²⁵ Amānī bintu Muḥammad 'Āshūr Umm Walīd, *al-'Uṣūl al-Nayyirāt fī al-Qirā'āt*. (Riyadh: Madār al-Waṭan li al-Nashr, 1432H/2011M), 54-55.

Imam ibn al-Jazarī juga membahagikan kepada enam jenis, iaitu Qirā'āt Mutawātir ialah *qirā'āt* yang diriwayatkan oleh satu kumpulan yang besar yang tidak mungkin berlaku pendustaan, seperti *qirā'āt* yang terdapat dalam Ṭāriq al-Shāṭibī, Qirā'āt Mashūr ialah *qirā'āt* yang sah *sanadnya* tetapi tidak mencapai tahap *mutawātir*, perawinya adil dan *dābiṭ* serta menepati kaedah bahasa Arab dan menepati salah satu maṣḥaf 'Uthmānī, sama ada daripada Imam al-Sab' atau Imam al-'Ashr serta masyhur dalam kalangan Imam *qurrā'* tetapi berlawanan jalan *riwāyahnya* dengan Imam Tujuh dan setengahnya tidak, *Qirā'āt* yang sah *sanadnya* tetapi menyalahi kaedah bahasa Arab atau bacaannya tidak masyhur dalam kalangan imam *qurrā'* seperti yang dibaca oleh Rasulullah dalam surah al-Taubah ayat 128 *أَنْفُسِكُمْ* dengan membaca huruf fā' dengan baris fathah, iaitu *أَنْفُسِكُمْ*, Qirā'āt Shādh ialah *qirā'āt* yang tidak ada *sanadnya* seperti *qirā'āt* Ibn al-Samīfi' al-Yamānī dengan membariskan *fathah* pada huruf lām pada kalimah *خلفك* *ءاية* serta Qirā'āt Mawdū' ialah *qirā'āt* yang dinisbahkan kepada perawi tanpa sumber yang asal seperti *qirā'āt* yang dihimpunkan oleh Muḥammad bin Ja'afar al-Khuzā'i dan dinisbahkan kepada Abī Hanīfah seperti *qirā'āt* yang membariskan *dammah* ke atas kalimah *ها* *إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ*, manakala ulama membaca huruf hā' *اللَّهِ* dengan baris *fathah* dan Qirā'āt Mudraj, iaitu apa yang ditambah dalam *qirā'āt* dalam aspek pentafsiran seperti *qirā'āt* Sa'ad bin Abī Waqāṣ dengan penambahan *من أم* dalam ayat *وله أخ أو*

(أخت).¹²⁶

¹²⁶Sabir Hasan Abū Sulaymān, *al-Taysīr fī al-Qirā'āt al-Sab' al-Mashūrah wa Tawjīhahā* (Riyadh: Dār 'Ālam al-Kutub, 1415H/1994M), 15-16.

Kesimpulannya, *Qirā'āt Ahād*, *Qirā'āt Shādh* dan *Qirā'āt Mawḍū'* tidak boleh dibaca kerana ia bukan dinamakan al-Quran walaupun *sanadnya* ṣaḥīḥ seperti *sanad Āhād*, tetapi *qirā'āt* tersebut tidak terdapat dalam rasm 'Uthmānī.

1.3.3 Matlamat dan Objektif Kurikulum *Qirā'āt*

Matlamat utama pengajian kurikulum *qirā'āt* ialah untuk mencintai al-Quran, menumbuhkan dan menguatkan keimanan kepada Allah SWT, memahami tafsiran dan makna-makna al-Quran dan mengamalkan syariat Islam yang dianjurkan dalam al-Quran dan sangat komited dan prihatin dengan al-Quran sama ada daripada aspek spritual dan dakwah.¹²⁷ Al-Dakhīl menjelaskan matlamat utama dalam pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* ialah mengetahui dan memahami kitab Allah secara ilmi dan amali yang digunakan oleh para ulama salaf. Sebagaimana di dalam firman Allah:

الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتْلُونَهُ حَقَّ تِلَاوَتِهِ أُولَٰئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِ ۗ وَمَن يَكْفُرْ بِهِ ۗ

فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْخٰسِرُونَ ﴿١٢١﴾

Al-Baqarah 2: 121

Terjemahan: Orang-orang yang Kami berikan kitab kepada mereka, sedang mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan (tidak mengubah dan memutarakan maksudnya), mereka itulah orang-orang yang beriman kepadanya, dan sesiapa yang mengingkarinya maka mereka itulah orang-orang yang rugi.

Antara matlamatnya juga menjelaskan hubungannya dengan pembentukan nilai iman. Pembentukan iman mempunyai kaitan rapat dengan pendidikan *qirā'āt* al-Quran yang membawa kepada implikasi yang baik di dunia dan akhirat.¹²⁸

¹²⁷Dakhīl ibn 'Abdullāh Al-Dakhīl, *Iqra' al-Qur'ān al-Karīm Manhajuhu wa Shurūṭuhū wa Asālībuhu wa Adābuhu* (Jeddah: Markaz al-Dirāsāt wa al-Ma'lūmāt al-Qur'āniyyah bi Ma'had al-Imām al-Shāṭibī, 1429H/2008M), 57-67.

¹²⁸*Ibid.*, 70-101.

Malahan matlamat pembentangan *qirā'āt* al-Quran antara Rasulullah SAW dan malaikat Jibril juga bertujuan untuk menunjukkan permulaan pengajian *qirā'āt* dari aspek p&p yang memfokuskan penekanan hukum-hukum fiqh secara mendalam yang membawa pentafsiran yang tepat dan betul dari sudut lafaz-lafaz al-Quran yang sahih, memelihara kemutawātiran al-Quran, menjiwai al-Quran dan melaksanakan syariat Islam.¹²⁹

Objektif utama pengajian *qirā'āt* ialah untuk membaca al-Quran dengan sebutan yang betul melalui *talaqqī* dan *mushāfahah* sebagaimana yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW antara malaikat Jibril dengan inisiatif sangat komited dan prihatin dengan *qirā'āt* al-Quran. Ia juga menunjukkan proses *talaqqī* dan *mushāfahah* p&p *qirā'āt* dalam proses pembentangan kedua antara Rasulullah dan Jibril a.s dan juga proses p&p *qirā'āt* yang berterusan antara Rasulullah dan para sahabat.¹³⁰

'Abd al-Fattāh al-Qādī menyatakan bahawa objektif kurikulum *qirā'āt*, iaitu dapat memelihara daripada sebarang kesalahan membaca atau menyebut kalimah-kalimah al-Quran, dapat menjaga kalimah-kalimah al-Quran daripada penyelewengan dan perubahan daripada yang asal, dapat mengetahui bacaan daripada para Imam *qurrā'* dan dapat membezakan antara bacaan *qirā'āt* yang boleh dibaca dan tidak boleh dibaca.¹³¹

Malahan al-Bazmūl juga menghuraikan objektifnya supaya dapat membezakan bacaan yang boleh dibaca dan sebaliknya sama ada *mutawātirah*, *āhād* atau *shādh*, dapat mentafsir makna ayat-ayat al-Quran mengikut perbezaan bacaan *qirā'āt* dan dapat mengeluarkan hukum-hukum fiqh dan syariat berdasarkan perbezaan bacaan *qirā'āt* - *qirā'āt*.¹³²

Objektif pendidikan *qirā'āt* juga untuk menjelaskan ayat-ayat yang berkaitan hukum-hukum syariat dari aspek *pentarjīhan* hukum, perbezaan hukum di dalam

¹²⁹ *Ibid.*, 27-40.

¹³⁰ *Ibid.*

¹³¹ 'Abd al-Fattāh al-Qādī, *al-Budūr al-Zāhirah*, 5..

¹³² Al-Bazmūl, *Al-Qirā'āt wa Āthāruhā fī al-Tafsīr*, 73-75.

perbezaan *qirā'āt*, menunjukkan keagungan al-Quran sebagai sebuah kitab perundangan syariat, memudahkan untuk menghafaz al-Quran.¹³³

1.3.4 Perkembangan Kurikulum *Qirā'āt* di Zaman Rasulullah

Pengajian kurikulum *qirā'āt* ini boleh dibahagikan kepada beberapa fasa, iaitu:

Penurunan ilmu *qirā'āt* ini dapat dilihat dengan jelas hadith-hadith yang berkaitan ilmu *qirā'āt* dan fasa pertama berlaku pada zaman Rasulullah kerana Rasulullah terlibat dengan proses penurunan dan penyampaian wahyu daripada Allah SWT melalui malaikat Jibril. Lantaran itu, Rasulullah SAW merupakan orang pertama yang terlibat dengan pengajian *qirā'āt* yang telah bertalaqqī dengan malaikat Jibril semua *wajh-wajh qirā'āt mutawātirah* sama ada bacaan *taḥqīq*, *tashīl hamzah*, *bacaan taghyīr*, *isqāt*, *fath al-alif*, *taqlīl*, *ijtimā'*, *imālah*, *idghām al-Ṣaghīr*, *idghām al-Kabīr* dan semua *farsh ḥurūf* yang disandarkan kepada semua imam-imam hingga imam 'Asharah.¹³⁴

Kemudian baginda telah mengambil inisiatif sebaik sahaja al-Quran diwahyukan kepadanya dengan mengajar al-Quran dan *al-Qirā'āt* kepada para sahabat dan menyuruh sebahagian daripada mereka mengajar orang lain ayat dan surah al-Quran. Antara para sahabat yang awal tiba di Madinah untuk mengajar al-Quran ialah Mus'ab bin 'Umayr, 'Abd Ḥalīm bin Umm Maktūm, Bilāl dan 'Ammār. Apabila Rasulullah membuka kota Mekah, Mu'āz bin Jabal diperintahkan tinggal untuk mengajar al-Quran kepada penduduk Mekah. Terdapat beberapa hadith yang menunjukkan penurunan al-Quran dalam tujuh *ḥuruf*¹³⁵ antaranya:

1) Hadith daripada Ibn 'Abbās (r.a) menceritakan bahawa Nabi s.a.w telah bersabda:

أن ابن عباس حدثه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: أقرأني جبريل عليه السلام على حرف فراجعته، فلم أزل أستزیده فيزيدي حتى انتهی إلى سبعة احرف.

¹³³Khayr al-Dīn Sayyib. *Al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah wa Athāruhā*, 55-59.

¹³⁴Muḥammad al-Ḥabash, *Al-Qirā'āt al-Mutawātirah: wa atharuhā fī al-Rasm al-Qur'ānī wa al-Aḥkām al-Shar'iyyah* (1419H/1999M), cet.per-1, Beirut: Dār al-Fikr, 41-42.

¹³⁵Mannā' Al-Qaṭṭān, *Mabāḥith fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Kaherah: Maktabah Wahbat, 1996), 26.

Terjemahan: Jibril membaca kepadaku (al-Quran) dalam satu *huruf* (bentuk), aku pun mengulanginya, maka aku terus meminta ditambahkan lagi (bentuk lain) dan Jibril pun menambahkannya sehingga terhenti kepada tujuh *huruf* (bentuk).¹³⁶

2) Hadith peristiwa perselisihan bacaan surah al-Furqan yang dibaca oleh Hishām bin Ḥakīm dalam sembahyang dengan Saydinā ‘Umar bin al-Khaṭṭāb sehingga diadukan kepada Rasulullah SAW dengan diperdengarkan kedua-dua bacaan di hadapan baginda, lalu Nabi SAW bersabda:

فقال: "هكذا أنزلت. أن هذا القرآن أنزل على سبعة أحرف، فاقروا ما تيسر منه.

Terjemahan: Maka Rasulullah bersabda: “Begitulah ia diturunkan, Sesungguhnya al-Quran ini telah diturunkan dengan tujuh *huruf*, maka bacalah apa yang mudah daripadanya.¹³⁷

Hadith-hadith di atas menjelaskan bahawa al-Quran telah diturunkan dengan sebahagian *lahjah-lahjah* atau loghat bahasa Arab yang dikenali untuk memudahkan mereka di dalam pembacaan al-Quran dan memahami maksud dan isi-isi pengajarannya.¹³⁸

Subḥī Ṣāliḥ¹³⁹ telah membahaskan maksud sab’ah aḥruf merangkumi perbezaan dari segi *i’rāb*, *huruf* sama ada berubah maksud tanpa bentuk susunan atau sebaliknya,

¹³⁶Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍā’il al-Qur’ān, Bāb Unzila al-Qur’ān ‘alā Sab’ah Aḥruf, no. Hadith 4991, dan Muslim, Kitāb Ṣalāh al-Musāfirīn wa Qaṣaruhā, Bāb al-Qur’ān Anzala ‘alā Sab’ah Aḥruf, no. *Ḥadīth* 272. Lihat Ahmad ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1421H/2000M), 9:27-28. Maḥyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *al-Minhāj fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Ḥajjāj al-Musammā Ikhtṣārān Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. (cet.per-1, Beirut: Dār al-Khayr, 1414H/1994M),4:423.

¹³⁷Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍā’il al-Qur’ān, Bāb Unzila al-Qur’ān ‘alā Sab’ah Aḥruf, no. Hadith 4992, dan Muslim, Kitāb Ṣalāh al-Musāfirīn wa Qaṣaruhā, Bāb al-Qur’ān Anzala ‘alā Sab’ah Aḥruf, no. *Ḥadīth* 270. Al-Nasa’i, Kitāb Faḍā’il al-Qur’ān, Bāb 3 ‘Alā Kam Nazal al-Qur’ān, no. *Ḥadīth* 1/7985. Lihat Ahmad ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1421H/2000M), 9:27-28. Maḥyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *al-Minhāj fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Ḥajjāj al-Musammā Ikhtṣārān Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. (cet.per-1, Beirut: Dār al-Khayr, 1414H/1994M),4:422. Abī ‘Abd al-Rahmān Ahmad bin Shu’ayb al-Nasā’ī, *al-Sunan al-Kubrā*. (cet.per-1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah 1411H/1991M), 5:5.

¹³⁸Khayr al-Dīn Sayyib. *Al-Qirā’āt al-Qur’āniyyah wa Athāruhā*, 50.

¹³⁹Subḥī Ṣāliḥ, *Mabāḥith fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 1409H/1990M), 115.

nama-nama seperti *mufrad*, *thāniyyah*, *jam'*, *tazkīr* dan *ta'nīs*, dengan menukarkan perkataan dengan perkataan, kedudukan perkataan sama ada mendahului atau mengakhiri, menambah atau mengurangkan perkataan, loghat atau dialek.

Pengajaran yang boleh dilihat daripada hadith-hadith tersebut:

- a) Perselisihan yang berlaku merujuk kepada cara bacaan al-Quran.¹⁴⁰ Situasi ini dibuktikan dengan perkataan *qara'* yang terdapat dalam hadith-hadith tersebut.
- b) Sumber kepada segala cara bacaan tersebut ialah dari Rasulullah SAW dan bukan ijihad atau pendapat para sahabat. Hal ini terbukti dengan perkataan *al-iqrā'* yang membuktikan berlakunya proses pemindahan bacaan daripada Rasulullah kepada para sahabat seterusnya menunjukkan bahawa *qirā'āt* merupakan sesuatu yang bersifat *tawqifi* (bersumberkan wahyu sahaja).¹⁴¹
- c) Rasulullah tidak mengajar setiap sahabat dengan semua *qirā'āt*, bahkan setiap orang dengan satu bacaan. Ini terbukti apabila berlaku perselisihan di antara mereka tentang bacaan masing-masing dan akhirnya kesemua bacaan tersebut diperakui daripada Rasulullah.¹⁴²
- d) Memberi keizinan serta kemudahan dan keringanan kepada setiap kabilah Arab untuk membaca al-Quran mengikut loghat dan dialek mereka. Ini menunjukkan mukjizat al-Quran dan keagungan Allah menurunkan al-Quran dalam tujuh *ahruf*.¹⁴³

Kebenaran periwayatan hadith tentang penurunan al-Quran dalam tujuh *huruf* ini amat jelas, kerana ia bukan sahaja hadith-hadith *ṣaḥīḥ*, malah turut diriwayatkan oleh sekumpulan para sahabat yang terkenal. Di antaranya ialah Ubay ibn Ka'ab, Anas ibn Mālik, Ḥudhayfah ibn al-Yaman, Zayd ibn Arqam, Sumrah ibn Jundub, Sulayman ibn

¹⁴⁰Muḥammad Muḥammad Sālim Muḥaysin, *Al-Irshādāt al-Jaliyyah fī al-Qirā'āt al-Sab' min Ṭarīq al-Shāḥibīyyah* (Kaherah: al-Idārah al-'Ammah lil Ma'āhid al-Azhariyyah, 1402H/1982M), 16-17.

¹⁴¹Ḥasan Ḍiyā' al-Dīn 'Iṭr. *Al-Aḥruf Sab'ah wa Manzilah al-Qirā'āt minhā* (Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 1988), 66-71.

¹⁴²Abd Ḥalim ibn Muḥammad al-Hādī Qābāh, *al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah: Tārīkhuhā, Thubūtuhā, Ḥujjiyatihā, wa Aḥkamihā* (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1999), 105.

¹⁴³Muḥammad al-Mukhtar Wulad Abbah, *Tārīkh al-Qirā'āt fī al-Mashrīq wa al-Maghrib*. (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. 2008), 56-57.

Ṣard, Ibn ‘Abbās, Ibn Mas’ūd, ‘Abd Raḥman bin ‘Auf, ‘Uthmān ibn ‘Affān, ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb, ‘Umar ibn Abī Salamah, ‘Amrū ibn al-‘Āṣ, Mu’ādh ibn Jabal, Hishām ibn Hakīm, Abī Bakrah, Abī Jaḥīm, Abī Sa’īd al-Khudrī, Abī Ṭalḥah al-Anṣārī, Abī Ḥurayrah dan Abī Ayyūb.¹⁴⁴

Penyebaran kurikulum *qirā’āt* boleh dilihat pada tempat pertama pengajian *qirā’āt* bermula. Terdapat dua pendapat ulama yang menjelaskan permulaan pengajian *qirā’āt* di zaman Rasulullah SAW, iaitu:

Pendapat pertama berpendapat ilmu *qirā’āt* bermula di Mekah al-Mukarramah sebagaimana yang telah dibuktikan dengan dua hadith.¹⁴⁵ Hadith pertama menjelaskan al-Quran diturunkan dengan tujuh *ḥuruf*, iaitu:

أقرأني جبريل عليه السلام على حرف، فراجعته فلم أزل أستزیده فيزيدني حتى انتهى
إلى سبعة أحرف.

Terjemahan: Jibril a.s membaca kepadaku (al-Quran) dalam satu *ḥuruf* (bentuk), aku pun mengulanginya, maka aku terus meminta ditambahkan lagi (bentuk lain) dan Jibril pun menambahkannya sehinggalah terhenti kepada tujuh *ḥuruf* (bentuk).¹⁴⁶

Hadith kedua berkaitan dengan perbezaan bacaan di dalam surah al-Furqan yang telah diajari oleh Rasulullah kepada sahabatNya. Kedua-dua hadith diturunkan di Mekah.¹⁴⁷ Ini disokong dengan hujah kebanyakan surah-surah al-Quran adalah

¹⁴⁴Mannā’ Al-Qaṭṭān, *Nuzūl al-Qur’ān ‘alā Sab’ah Aḥruf* (al-Qāherah: Maktabat Wahbat, 1991M/1411H), 19-20.

¹⁴⁵Khayr al-Dīn Sayyib. *Al-Qirā’āt al-Qur’āniyyah wa Athāruhā*, 52-53.

¹⁴⁶Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb Fadā’il al-Qur’ān, Bāb Unzila al-Qur’ān ‘alā Sab’ah Aḥruf, no. Hadith 4991, dan Muslim, Kitāb Ṣalāh al-Musāfirīn wa Qaṣaruhā, Bāb al-Qur’ān Anzala ‘alā Sab’ah Aḥruf, no. *Ḥadīth* 272. Lihat Aḥmad ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1421H/2000M), 9:27-28. Mahyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *al-Minhāj fī Sharh Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Hajjāj al-Musammā Ikhtṣārān Sharh Ṣaḥīḥ Muslim*. (cet.per-1, Beirut: Dār al-Khayr, 1414H/1994M), 4:423.

¹⁴⁷Muḥammad al-Zafzaf, *al-Ta’rīf bi al-Qur’ān wa al-Ḥadīth*. (Kuwait: Maktabah al-Fallāh, 1984M/1404H), 49.

Makkiyyah, iaitu sebanyak lapan puluh tiga surah dan surah-surah tersebut yang mengandungi *qirā'āt*.¹⁴⁸

Pendapat kedua menjelaskan *qirā'āt* telah bermula selepas hijrah di Madinah al-Munawwarah dan ini dibuktikan melalui hadith-hadith yang membincangkan perbezaan bacaan *qirā'āt* melalui para sahabat dalam bacaan al-Quran yang tidak *ditalaqqī* dari Rasulullah berlaku di Madinah berdasarkan kisah Banī Ghiffār yang berlaku berhampiran Madinah. Ini menunjukkan sebelum Hijrah berlaku, al-Quran hanya diturunkan dalam satu huruf sahaja.¹⁴⁹

Muḥaysin telah menggariskan bahawa pendapat yang paling *rājih qirā'āt* telah bermula di Mekah al-Mukarramah¹⁵⁰ dan ini turut disokong oleh Khayr al-Dīn Sayyb¹⁵¹ kerana:

- a) Kebanyakan surah-surah al-Quran, iaitu lapan puluh tiga surah diturunkan di Mekah yang merangkumi Aḥruf Sab'ah.
- b) Kelonggaran untuk membaca al-Quran di dalam Aḥruf Sab'ah tidak terbatas kepada surah-surah yang diturunkan di Madinah tetapi merangkumi seluruh al-Quran sama ada yang diturunkan sebelum atau selepas Hijrah kerana lafaz al-Quran yang disebut di dalam hadith mengandungi dua-dua keadaan sebagaimana yang telah ditunjukkan dalam perbezaan bacaan Saydinā Umar ibn al-Khaṭṭāb dan Hishām bin Ḥakīm dalam surah al-Furqan yang diturunkan di Mekah.
- c) Keringanan membaca al-Quran dalam tujuh *ḥuruf* yang diberikan kepada umat Rasulullah telah bermula di Mekah.
- d) Peristiwa Bani Ghiffār yang telah disebut dalam riwayat ṣaḥīḥ Muslim¹⁵² yang menjadi perbincangan lokasi sebenar Banī Ghiffār sama ada di Madinah atau Mekah.

¹⁴⁸Muḥammad Sālim Muḥaysin, *al-Mughnī fī Tawjīh al-Qirā'āt al-'Ashr al-Mutawātirah*, (Beirut Dār al-Jil dan Kaheerah: Maktabah al-Kulliyah al-Azhariyyah, 1413H/1993M), 1:85.

¹⁴⁹Qābāh, *al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah*, 50-51. Lihat juga Sha'bān, *al-Qirā'āt Aḥkāmuhāwa*, 50-51.

¹⁵⁰Muḥaysin, *Fī Rihāb al-Qur'ān al-Kārim*, 233-234.

¹⁵¹Khayr al-Dīn Sayyb. *al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah wa Athāruhā*, 54-55.

1.3.5 Perkembangan Kurikulum *Qirā'āt* di Malaysia

Kurikulum *Qirā'āt* di Malaysia telah digubal pada 1 Mac 1966 selepas penubuhan Kelas Menghafaz al-Quran di Masjid Negara yang bertempat di Dewan Syarahan Masjid Negara dengan kemasukan pelajar seramai lapan orang yang menjadi perintis telah dipilih dari seluruh negeri-negeri di Malaysia. Tuanku Abdul Rahman Putera al-Haj yang menubuhkan Kelas Menghafaz al-Quran ini yang dikenali sebagai sebuah Institut Pengajian al-Quran di Malaysia adalah Perdana Menteri Malaysia yang pertama pada ketika itu.¹⁵³

Idea penubuhan ini tercetus daripada Musabaqah al-Quran yang diadakan semenjak tahun 1960 serta lawatan Syakh Maḥmūd Shaltut sebagai rektor Universiti al-Azhar ketika majlis perasmian Masjid Negara. Pada awal penubuhannya, Institut Pengajian al-Quran ini dikenali sebagai Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat dan merupakan salah satu unit di Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur. Ma'ahad Tahfiz ini di bawah kelolaan pentadbiran Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada tahun 1966 hingga tahun 1978.¹⁵⁴

Institut Pengajian al-Quran ini diberi nama sebagai “Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat” pada tahun 1972. Seterusnya pada awal tahun 1979 Ma'ahad Tahfiz telah dipindahkan di bawah kelolaan Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1980. Proses perpindahan juga berlaku apabila Ma'ahad Tahfiz dipindahkan ke Bangunan JKR 588/33, Jalan Chenderasari, Kuala Lumpur dan kemudiannya diletakkan di bawah kelolaan Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1983.¹⁵⁵

¹⁵²Riwayat Muslim, Kitāb Ṣalāh al-Musāfirīn wa Qaṣaruhā, Bāb al-Qur'ān Anzala 'alā Sab'ah Aḥruf, no. Hadīth 272. Hasan 'Abbās Quṭb, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharh al-Nawawī, (cet.per-1, Riyadh: Dār 'Ālam al-Kutub, 1423H/2003M), 5:106-107.

¹⁵³Darul Quran, laman sesawang dicapai 18 Januari 2012, <http://www.darulquran.gov.my>

¹⁵⁴*Ibid.*

¹⁵⁵*Ibid.*

Pada tahun 1984 pula, Ma'ahad Tahfiz menjadi sebagai sebuah cawangan di Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri dengan organisasinya yang tersendiri. Manakala pada tahun 1992, Ma'ahad Tahfiz ini telah dipindahkan ke Taman Tun Dr. Ismail bagi penempatan pelajar lelaki dan pelajar perempuan pula ditempatkan di Jalan Ledang. Pada tahun 1994, pelajar perempuan kemudiannya dipindahkan ke Taman Tun Dr. Ismail, manakala pelajar lelaki dipindahkan ke Batu 14 Sg. Semunggis Hulu Langat, Selangor. Pada tahun 1997, Ma'ahad Tahfiz Al-Quran wal-Qiraat telah dinaikkan taraf sebagai salah satu bahagian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan diberi nama Darul Quran. Akhirnya pada 1 November 1998, Darul Quran ditempatkan ke kampus tetap di Kompleks Darul Quran di Ampang Pecah Kuala Kubu Bharu, Selangor.¹⁵⁶

Perkembangan kurikulum *qirā'āt* juga juga berlaku seiring dengan pertumbuhan yang pesat institusi-institusi pengajian tahfiz negeri-negeri lain di Malaysia seperti di Kelantan pada tahun 1979, pada tahun 1980an di Terengganu, Perak, Kedah, Perlis dan Selangor. Seterusnya pada awal tahun 1990an di Negeri Sembilan, Melaka, Pahang serta Sabah dan yang terakhir pada tahun 1996 di Johor dan Pulau Pinang.¹⁵⁷

Di samping itu, Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz swasta juga turut bercambah dan berkembang pesat sehingga meningkat dalam bilangan yang banyak, seperti di Selangor sahaja terdapat lebih daripada 150 buah cawangan dan hanya 85 buah cawangan sahaja yang berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).¹⁵⁸

Tidak dinafikan juga bahawa sebelum itu telah wujud ilmu *qirā'āt* di Malaysia tetapi hanya sebilangan kecil sahaja, itu pun bukan secara meluas hanya *qirā'āt* tertentu

¹⁵⁶*Ibid.*

¹⁵⁷Syed Alwi Tarmizi et.al, *Isu Semasa Pengajian Quran dan Sunnah* (Nilai, Negeri Sembilan: FPQS KUIM, 2005), 53.

¹⁵⁸Ma'ahad Tahfiz, laman sesawang dicapai 19 Januari 2012, <http://www.islam.gov.my/informasi/islam/pelbagai/ma'had.html>.

sahaja sehingga sesiapa yang membaca *qirā'āt* ketika itu dianggap salah kerana orang awam tiada pendedahan tentang ilmu tersebut.¹⁵⁹

Kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa DQ merupakan perintis kurikulum *qirā'āt* di Malaysia yang terlibat dengan p&p secara formal berbanding dengan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia sama ada di bawah pentadbiran jabatan agama Islam atau swasta yang lebih menumpukan terhadap pengajian tahfiz dan tidak mempelajari kurikulum *qirā'āt* secara sepenuhnya.

Realitinya di Malaysia, pengajian subjek-subjek yang berkaitan dengan *qirā'āt* tidak banyak ditawarkan kepada para mahasiswa di pusat-pusat pengajian tinggi, melainkan jika terdapat pengkhususan bidang tersebut di peringkat sarjana muda seperti Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Qiraat ditawarkan di peringkat IPT seperti di KUIS dan KUIN atau program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat seperti di Darul Quran, Ma'ahad Tahfiz al-Quran di bawah pentadbiran JAKIM. Bahkan UNISZA juga dalam proses penyediaan untuk menawarkan Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Sunnah serta digabungkan dengan bidang *al-Qirā'āt* pada tahun 2012.

Namun begitu, pelaksanaan subjek *qirā'āt* di IPTA seperti di Akademi Pengajian Islam, UM, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Fakulti Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, USIM dan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UNISZA biasanya dikhususkan pada pengenalan *qirā'āt* berbanding dengan institusi yang terlibat sepenuh masa dengan pengajian tahfiz yang sememangnya mesti mendalami bidang *qirā'āt* kerana salah satu misi dan visi pembelajaran mereka mesti mahir dalam bidang *qirā'āt*, tetapi baru-baru ini pihak UNISZA dalam usaha mencadangkan dalam memorandumnya untuk menawarkan Sarjana Muda al-Quran dan al-Sunnah yang digabungkan dengan bidang *al-Qirā'āt* yang akan dilaksanakan pada tahun 2012.¹⁶⁰

¹⁵⁹Rahim Jusoh, *Pengenalan Ilmu Qirā'at* (Batu Caves, Selangor: Mahsuri Timur, 2001), 5.

¹⁶⁰Informan 1, (Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, UNISZA), dalam temu bual dengan pengkaji pada 3 Jun 2012.

Contohnya, Fakulti Pengajian Islam, UKM telah menawarkan Subjek Pengantar Qirā'āt dan Hafazan sejak tahun 1978 merupakan salah satunya subjek utama yang ditawarkan. Subjek ini dikenali sebagai PF3013, iaitu Ilmu al-Qirā'āt. Kandungan kursus ini membincangkan berkenaan *wajh-wajh qirā'āt* yang berbeza-beza dan periwayatannya beserta penetapan terhadap kaedah bahasa dan pengajian makna dan isyaratnya juga pembelajaran melibatkan hafazan terhadap beberapa surah antaranya surah Yasin, surah al-Dukhan, surah al-Rahman, surah al-Waqi'ah dan surah al-Mulk.¹⁶¹

Malahan subjek *qirā'āt* ini terus berkembang dan telah ditawarkan sebagai kursus teras fakulti bagi program Sarjana Muda Pengajian Islam (al-Quran dan al-Sunnah), iaitu Pengantar Qirā'āt pada tahun satu ia membincangkan secara terperinci tentang pengenalan ilmu *qirā'āt* dari semua sudut yang bermula daripada sejarah kemunculannya hingga ke zaman lahirnya ilmu tersebut sebagai ilmu yang dikenali. Perbincangan juga tertumpu terhadap perselisihan antara Qurrā' al-Sab'ah tentang pembacaan al-Quran. Manakala subjek Pengajian Qirā'āt pula ditawarkan pada tahun dua yang membincangkan tentang perkembangan *qirā'āt*, kaedah-kaedah umum tentang bacaan tujuh disertai dengan latihannya. Penekanan kepada pembacaan al-Quran *riwāyah* Ḥafṣ 'an 'Āṣim berasaskan kaedah-kaedah tajwid yang ada di dalamnya. Pelajar juga dikehendaki menghafal beberapa surah seperti surah Yasin, surah al-Jumu'ah dan surah al-Munafiqun.¹⁶²

UIAM¹⁶³ juga turut menawarkan pengajian *qirā'āt* sepuluh tetapi di peringkat sijil di Kelas Umum Tilawah al-Quran (KUTAQ) di Institut Kemajuan Bahasa (IfLA). Pengajian ini hanya dikhususkan pada *qirā'āt* sepuluh dari *ṭarīq al-Shāṭibī* dan *Durrah al-Jazarī*. Peserta kursus hanya dihadkan kepada 15-20 orang sahaja selepas ditemuduga dengan kemahiran membaca al-Quran dan Tajwid. Manakala tempoh pengajian ini

¹⁶¹Buku Panduan Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam 2010.(Bangi Selangor : FPI,UKM, 2010), 233-247

¹⁶²*Ibid.*

¹⁶³Rahim Jusoh, *Pengajian Qirā'at Sepuluh di UIAM* (prosidinig Seminar Kebangsaan Pendidikan dan Penyelidikan, KUIS: Bangi, Selangor, pada 24-25 Disember 2010), 37.

adalah mengikut sesi semester universiti, iaitu 10 semester atau lima tahun enam bulan sahaja. Kursus ini bermula dengan imam Nāfi' al-Madanī dan berakhir dengan imam Khalaf al-Bazzār yang kesepuluh dan pembelajaran satu imam *Qirā'āt* pada setiap semester dan diikuti dengan imam-imam *Qurrā'* yang lain mengikut jadual yang ditetapkan.

Keseriusan kerajaan terhadap perkembangan pengajian *qirā'āt* ini juga dapat dilihat dengan kewujudan pengajian *qirā'āt* di dalam Kelas Kemahiran al-Quran di SMKA dan Kelas Aliran Agama semenjak 1986 di seluruh Malaysia. Manakala di peringkat sekolah rendah, kurikulum *qirā'āt* tidak diajar, melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982 hanya memberi tumpuan kepada al-Quran dari aspek bacaan, hafazan dan pemahaman.¹⁶⁴

Ma'ahad Tahfiz al-Quran, Pulau Chondong yang ditubuhkan pada tahun 1990 juga merupakan sebuah sekolah agama (Arab) di bawah pengurusan YIK yang merangkumi tiga bidang pengajian, iaitu al-Quran, *al-Qirā'āt* serta bahasa Arab dan akademik. Silibus kurikulum adalah mengikut sekolah-sekolah di bawah YIK, manakala pengajian al-Quran dan *al-Qirā'āt* berdasarkan kurikulum Ma'ahad Qiraat al-Azhar.¹⁶⁵

1.3.6 Pelaksanaan Kaedah P&P Kurikulum *Qirā'āt*

Kaedah ialah suatu siri tindakan guru yang sistematik dan berurutan serta bertujuan mencapai objektif spesifik satu-satu pelajaran.¹⁶⁶ Kaedah juga merupakan satu perancangan atau prosedur bagi melaksanakan pengajaran secara teratur, kemas dan sistematik. Ia merupakan langkah-langkah atau peringkat-peringkat pengajaran yang tersusun rapi dan kesinambungan yang harus dituruti dengan saksama bagi mencapai

¹⁶⁴Kementerian Pendidikan Malaysia, *Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982)

¹⁶⁵Ab Rahman al-Qari bin Abdullah, "Bacaan al-Quran menurut Nāfi': Kajian di Ma'ahad Tahfiz al-Quran Pulau Chondong, Kelantan" (tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, Akademi Peng.Islam, Kuala Lumpur, 2003), 135-138.

¹⁶⁶Ee Ah Meng, *Ilmu Pendidikan Pengetahuan dan Ketrampilan Ikhtisas* (Shah Alam: Fajar Bakti. 2005), 145.

sesuatu pelajaran.¹⁶⁷ Kaedah ialah satu cara pengajaran yang digunakan pada keadaan-keadaan tertentu mengikut kesesuaian dan kehendak tajuk yang diajar serta guru yang mengajar dan dikatakan ia kaedah umum yang dilaksanakan hampir semua mata pelajaran.¹⁶⁸

Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang teratur adalah sangat diperlukan kerana keteraturan itu dapat menarik minat pelajar dan memudahkan mereka memahami kursus tersebut. Minat dan kefahaman itu akan dapat ditimbulkan atau dirangsangkan oleh guru yang menguasai kaedah serta teknik persediaan yang lengkap dan memiliki sahsiah yang baik di dalam proses p&p.

Islam telah membekalkan struktur perkaedahan pengajaran yang komprehensif, sempurna dan menyeluruh. Kaedah-kaedah tersebut terpancar dalam aspirasi al-Quran serta metode-metode penurunannya kepada Rasulullah termasuk tindak-tanduk serta perlakuan Rasulullah ketika menerima wahyu dan menyampaikannya kepada umat Islam. Hasil gabungan antara Allah sebagai *murabbī* dan Rasulullah sebagai pelajar menerusi Malaikat Jibril telah membentuk perlakuan memberi dan menerima yang menjadi kaedah utama p&p.¹⁶⁹

Pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* dapat dibahagikan kepada tiga fasa, iaitu zaman Rasulullah, zaman sahabat dan zaman tabi'in serta zaman pembukuan dan penulisan.

1.3.6 (a) Zaman Rasulullah

Pengajian *qirā'āt* di zaman Rasulullah merupakan satu permulaan bagi perkembangan pengajian *qirā'āt*. Rasulullah bertalaqqī al-Quran dan *al-Qirā'āt* melalui malaikat Jibril semasa proses penurunannya. Rasulullah memelihara al-Quran dengan menggunakan metodologi hafazan, baginda sentiasa bertadarus al-Quran setiap bulan ramadhan sebanyak sekali setahun kecuali pada tahun terakhir kewafatan baginda sebanyak dua

¹⁶⁷Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam*, 98-99.

¹⁶⁸Mohd Yusuf Ahmad, *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005), 78.

¹⁶⁹Ghazali Darusalam, *Pedagogi Pendidikan Islam* terb.1 (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 2001), 73-74.

kali setahun. Para sahabat bertalaqqī al-Quran daripada Rasulullah dengan cara hafazan bukan berdasarkan dokumentasi tertulis sama ada berbentuk *ṣuḥuf* atau *muṣḥaf*.¹⁷⁰

Tiga kaedah Rasulullah dalam proses pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* dengan kaedah *tasmī'*, iaitu Rasulullah memperdengarkan ayat-ayat al-Quran dengan cara bertalaqqī dan hafazan secara langsung melalui malaikat Jibril dengan cara menggerak-gerakkan lidahnya ketika proses p&p kerana ditakuti hilang hafazannya, menumpukan perhatian dengan sepenuh jiwa, bertanya dengan segera dalam maksud-maksud yang tidak jelas, minat yang mendalam. Kaedah *'arad*, iaitu Rasulullah juga menggunakan teknik pembentangan, iaitu mempelajari lafaz-lafaz sebutan ayat-ayat al-Quran, mendalami maksud-maksud ayat, menguatkan hafazan, berulang-ulang.¹⁷¹

Rasulullah bertadarus al-Quran pada setiap malam bulan Ramadhan setiap tahun kecuali pada tahun kewafatannya sebanyak dua kali. Objektif utama proses *'aradh* dilakukan untuk menguatkan hafazan al-Quran, menetapkan bacaan al-Quran yang merangkumi sebutan *makhraj* huruf yang betul. Proses hafazan juga digunakan oleh Rasulullah sebelum diilhamkan makna dan huraian ayat-ayat al-Quran. Rasulullah menumpukan teknik bacaan yang betul, iaitu dengan memulakan bacaan dengan niat ikhlas kerana Allah, mendapat keredhaan Allah semata-mata, berterusan memohon rahmat dan pertolongan daripada Allah di dalam memelihara hafazan, kaedah *imlā'*, *talqīn* dan *ilham*, kaedah *tartīl*, kaedah *ta'nī* (bacaan satu persatu secara perlahan). Kaedah berlagu, kaedah *tarjī'* (bacaan kuat), kaedah *tadabbur*.¹⁷²

Teknik menjiwai (*Ta'āhud*) dengan al-Quran, iaitu Rasulullah membaca *qirā'āt* dalam sembahyang, istiqamah dalam melakukan *qiyām al-layl*, kaedah *tahzīb* (membahagi-bahagikan ayat), kaedah *tikrār*, mengetahui fadhilat kelebihan ahli-ahli al-Quran.¹⁷³

¹⁷⁰ Ibn al-Jazarī, *al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr*, 1: 6.

¹⁷¹ Al-Dakhīl, *Iqra' al-Qur'ān al-Karīm*, 27-70.

¹⁷² *Ibid.*, 70-112

¹⁷³ *Ibid.*, 113-129.

Rasulullah juga menggunakan kaedah *kitābah*, iaitu dengan melantik kalangan para sahabat sebagai jurutulis wahyu yang bertindak mencatat setiap ayat-ayat al-Quran yang diturunkan. Antaranya keempat-empat khalifah, ‘Abd Allāh bin Mas’ūd, Maṣ’ab bin ‘Umayr, Abū Dardā’, Ubayy bin Ka’ab, Zayd bin Thābit, Mu’āz bin Jabal, Abū Mūsā al-Ash’arī dan lain-lain.¹⁷⁴

Penurunan al-Quran dalam tujuh *ḥuruf* sebagai rahmat dan kemudahan kepada masyarakat Arab untuk membaca dan menghafaz al-Quran. Bahkan penulisan al-Quran di zaman Rasulullah masih dalam bentuk *ṣuḥuf* seperti pelepah tamar, kulit binatang, tulang binatang dan batu¹⁷⁵ dan tulisan Arab ketika itu terdiri daripada huruf hija’iyah yang tidak dilengkapi dengan titik dan baris sehingga menimbulkan pelbagai bentuk *qirā’āt* sebagai contoh ayat 10 dalam surah al-Baqarah يَكْذِبُونَ dibaca dengan dua *qirā’āt* iaitu *qirā’āt* pertama dibaca dengan bacaan *fathah* huruf ya dan dengan baris *sukūn* huruf kaf dan *qirā’āt* kedua dengan bacaan *dammah* huruf ya dan dengan baris *fathah* huruf kaf serta dengan baris *tashdīd* dan baris *kasrah* huruf dhal.¹⁷⁶

1.3.6 (b) Zaman Sahabat

Para sahabat juga menerima bacaan al-Quran secara bertalaqqī dan *mushāfahah* daripada Rasulullah dengan pelbagai *wajh qirā’āt*. Terdapat dalam kalangan para sahabat yang mengambil satu *ḥuruf*, ada yang mengambil dua *ḥuruf* atau lebih *ḥuruf*.¹⁷⁷ Sama ada secara perseorangan atau berkumpulan dan para sahabat sentiasa membaca *qirā’āt* antara mereka.¹⁷⁸ Ramai para sahabat yang sentiasa mendampingi baginda ketika baginda masih hidup. Selepas kewafatan Rasulullah, ilmu *qirā’āt* berkembang

¹⁷⁴ Muḥammad al-Mukhtār, *Tārīkh al-Qirā’āt*, 9.

¹⁷⁵ Ṣubḥī Ṣāliḥ, *Mabāḥith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, 69-70.

¹⁷⁶ Abd al-Fattāḥ al-Qādī, *al-Budūr al-Zāhirah fī al-Qirā’āt al-‘Ashr al-Mutawatirah min tāriq al-Shāḥibīyyah wa al-Durrah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arābī, 1401H/1981M), 21.

¹⁷⁷ Sha’bān al-Qirā’āt *Aḥkāmuhā wa Maṣdāruhā*, 49.

¹⁷⁸ Abd al-Ḥalīm. *Al-Qirā’āt al-Qur’āniyyah*, 51-52

luas di pelusuk Tanah Arab. Para sahabat mengajar dan membaca al-Quran mengikut *qirā'āt -qirā'āt* yang telah ditalaqqī daripada Rasulullah s.a.w.¹⁷⁹

Menurut Makkī bin Abī Ṭalib bahawa selepas Rasulullah wafat, sekumpulan jemaah para sahabat keluar untuk mengajar masyarakat tentang al-Quran dan ilmu agama mengikut pelbagai *qirā'āt* yang telah dipelajari dari Rasulullah s.a.w.¹⁸⁰

Berikutan peristiwa peperangan al-Yamamah yang berlaku pada dua belas Hijrah telah mengorbankan beratus-ratus umat Islam termasuk tujuh puluh orang *ḥuffāz*. Peristiwa tersebut telah mencetuskan idea untuk menyalin semula dan mengumpulkan al-Quran dalam satu *maṣḥaf* di zaman khulafā' al-rāshidīn. Bahkan pada zaman Saydinā 'Uthmān juga telah tercetus pertelingkahan antara umat Islam tentang perbezaan *qirā'āt* sebagaimana yang telah diadu oleh Ḥuzayfah kepada Saydinā 'Uthmān sehingga Saydinā 'Uthmān bertindak mengumpulkan al-Quran dalam satu *maṣḥaf* kemudian mengedarkan *maṣḥaf-maṣḥaf* tersebut ke seluruh Tanah Arab dan membakar *maṣḥaf-maṣḥaf* lain dan memerintahkan para *Qurra'* untuk menggunakan *maṣḥaf-maṣḥaf* tersebut sahaja.¹⁸¹ Para sahabat yang bertanggungjawab menyebarkan *qirā'āt* dan mengajar umat Islam *maṣḥaf* pada masa itu secara *talaqqī* dan *mushāfahah*,

Ramai para sahabat berminat mendalami ilmu *qirā'āt* sehingga bilangan mereka bertambah. Di antara para sahabat yang masyhur di dalam ilmu *qirā'āt* ialah Saydinā Uthmān bin 'Affān, Saydinā 'Alī bin Abī Ṭalib, Ubay bin Ka'āb, 'Abd Allāh bin Mas'ūd, Zayd bin Thābit al-Anṣārī dan Abū Mūsā al-Asha'rī. Mereka telah melahirkan ramai para pelajar yang mahir dalam ilmu *qirā'āt* antaranya al-Mughīrah bin Abī Shihāb al-Makhzūmī, Abī 'Abd Raḥmān al-Sulamī, 'Abd Allāh bin 'Abbās, 'Alqamah bin Qays, Abū Ḥurayrah, Abū Raja' al-'Aṭaridī, Sa'īd bin al-Musayyab dan lain-lain.¹⁸²

¹⁷⁹ Aḥmad al-Beirut, *Al-Ikhtilāf baina al-Qirā'āt* (Beirut: Dār al-Jīl, 1404H/1984M), 39-41

¹⁸⁰ Amānī bintu Muḥammad 'Āshūr, *al-Uṣūl al-Nayyirāt fī al-Qirā'āt*, 44.

¹⁸¹ Aḥmad al-Baylī, *Al-Ikhtilāf baina al-Qirā'āt*, 57.

¹⁸² Sha'bān, *al-Qirā'āt Ahkāmuhā*, 51-52.

Malahan sahabat pertama yang dikenali sebagai *muqrī*' ialah Maṣ'ab bin 'Umayr, beliau merupakan orang pertama yang dipilih oleh Rasulullah untuk pergi ke Madinah untuk menyebarkan al-Quran dan *al-Qirā'āt* sebelum hijrah Rasulullah.¹⁸³

1.3.6 (c) Zaman *Tabi'in*

Pada zaman *tabi'in*, Islam berkembang dengan luas sehingga banyak negara-negara Islam dibuka, ramai para *huffāz* al-Quran yang lahir dan mereka sangat mahir dalam bidang pengajian *qirā'āt* telah bertalaqqī daripada para sahabat di pelusuk Tanah Arab yang mendapat kiriman *maṣḥaf-maṣḥaf* al-Quran di zaman Saydinā 'Uthmān seperti di Madinah iaitu Abū Ja'afar Yazīd bin al-Qa'qā' dan Nāfi' bin 'Abd Raḥmān bin Abī Nu'aym, di Mekah 'Abd Allāh bin Kathīr, di Baṣrah Abū 'Amrū bin al-'Alā' al-Baṣrī, Ya'qūb bin Ishāq al-Ḥaḍramī, di Shām 'Abd Allāh bin 'Āmir al-Shāmī al-Yahṣabī, di Kūfah 'Āṣim bin Buhdalah bin Abī Najūd, Ḥamzah bin Ḥabīb al-Ziyāt, 'Alī bin Ḥamzah al-Kisā'ī,¹⁸⁴ Dan di Baghdād pula Abū Muḥammad Khalaf bin Hishām al-Bazzār.¹⁸⁵

Pada zaman ini juga bermulanya perbezaan dalam meriwayatkan *wajh-wajh qirā'āt*. Selepas mereka, muncul segolongan ulama yang secara khusus mendalami dan menguasai bidang pengajian *qirā'āt* sehingga terhasil kitab-kitab *qirā'āt* dan muncul imam-imam *qirā'āt* yang menjadi tempat rujukan dan dikenali dengan istilah Qirā'āt Sab'ah dan Qirā'āt 'Asharah.¹⁸⁶

Maka lahir para ulama yang masyhur antara Qurrā' 'Asharah yang dinisbahkan dengan *qirā'āt* yang *mutawātir* pada zaman dan tempat kelahiran mereka antaranya Abū Ja'far dan Nāfi' di Madinah, Ibn Kathīr di Mekah, Ibn Āmir di Sham, Abū 'Amrū al-Baṣrī dan Ya'qūb al-Ḥaḍramī di Basrah, 'Āṣim, Ḥamzah, Kisā'ī, Khalaf al-Bazzār di

¹⁸³ Abd al-Ḥalīm. *Al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah*, 54.

¹⁸⁴ Sālim Muḥaysin, *Fī Riḥāb al-Qur'ān*, Juz 1, H.274-281.

¹⁸⁵ Abd al-Ḥalīm. *Al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah*, 58.

¹⁸⁶ Sha'bān, *al-Qirā'āt Aḥkāmuhā*, 54.

Kufah. Dan setiap dari mereka muncul dua orang para perawi *qirā'āt* yang amat *thiqah* dan *dābiṭ* dalam bidang *qirā'āt*.¹⁸⁷

1.3.6 (d) Zaman Kurun Pertama Ke atas Serta Zaman Pembukuan dan Penulisan

Bermula era penulisan dan pembukuan *qirā'āt* apabila para *Qurrā'* yang masyhur telah *menaqlkan* *qirā'āt -qirā'āt* dari imam-imam *qirā'āt* yang *muttaqīn* dan masyhur dengan ilmu *riwāyah* dan *dirāyah* bertepatan dengan rukun-rukun *qirā'āt*. Kitab pertama yang menulis ilmu *qirā'āt* ialah al-Qirā'āt oleh Abū 'Ubayd bin Sallām (224H) yang telah mengumpulkan 25 orang imam *qirā'āt* bersama tujuh imam dalam kitabnya.¹⁸⁸

Walau bagaimanapun, penulisan *qirā'āt* sebenarnya telah bermula pada kurun pertama tetapi tidak masyhur iaitu kitab yang ditulis oleh Yaḥyā bin Ya'mar (90H) yang mengumpulkan semua *riwayāt* beliau tentang perbezaan *qirā'āt* yang selari dengan rasm al-'Uthmānī. Pada kurun kedua, terdapat tiga buah kitab *qirā'āt* yang ditulis oleh Abān ibn Thaghlab al-Kūfī, Muqātil ibn Sulayman dan Za'idah ibn Qudamah al-Thaqāfī.¹⁸⁹

Selepas itu kitab *qirā'āt* yang ditulis oleh Abū Ḥātim al-Sajastānī (255H) tetapi tidak masyhur. Kemudian diikuti dengan Aḥmad bin Jubayr al-Kūfī (285H) yang telah mengumpulkan lima orang imam dalam kitabnya, al-Qāḍī Ismā'il bin Ishāq al-Malikī Ṣāḥib Qālūn telah mengumpulkan dua puluh imam *qirā'āt* termasuk imam tujuh dalam kitabnya, Abū Ja'afar Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (310H) telah menulis dalam kitabnya al-Jāmi' lebih dua puluh orang imam *qirā'āt* dalam kitabnya. Kemudian al-Imam Abū Bakr al-Dājūnī telah mengumpulkan sebelas orang imam *qirā'āt* termasuk

¹⁸⁷ Al-Nuḥḥās, *Muqaddimāt fī 'Ulūm al-Qirā'āt*, 22-24,

¹⁸⁸ Abī Shāmah al-Dimashqī, *Ibrāz al-Ma'ānī min Hirz al-Amānī fī al-Qirā'āt al-Sab'*. (Kaherah: Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1402H/1891M), 22.

¹⁸⁹ Bazmūl, *Al-Qirā'āt wa Athāruhā fī al-Tafsīr*, 2: 197-198.

Abū Ja'afar. Abū Bakr Aḥmad bin Mūsā al-'Abbās yang dikenali dengan Mujāhid ialah orang pertama yang menjelaskan imam tujuh.¹⁹⁰

Kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* serta *al-kitābah* adalah kaedah yang digunakan dalam pengajian *qirā'āt* oleh imam-imam *qirā'āt* seperti Ibn Mujāhid telah menggunakan metode *talaqqī* dan *mushāfahah* dalam pengajian *qirā'āt* nya contoh mengambil bacaan daripada Qunbul sebanyak sepuluh cara bacaan, kaedah halaqah iaitu terdapat 15 orang buta yang membaca dengan Qirā'āt 'Āṣim dalam halaqah ibn Mujāhid¹⁹¹ dan kaedah *al-kitābah*, antara contoh karyanya yang paling masyhur kitab *al-Sab'ah fī al-Qirā'āt*.¹⁹²

Beliau merupakan orang pertama yang mengumpulkan tujuh *qirā'āt* daripada tujuh imam. Nama beliau ialah al-Imam Abū Bakr Aḥmad bin Mūsā bin al-'Abbās yang masyhur. Beliau telah mengumpulkan tujuh *qirā'āt* daripada tujuh imam yang terdiri dari Ḥaramayn, Iraq.¹⁹³

Begitu juga Abū 'Amrū 'Uthmān bin Sa'id bin 'Uthmān bin S'aīd bin 'Umar al-Dānī al-Umawī merupakan seorang ulama di dalam ilmu *qirā'āt* juga turut menggunakan kaedah-kaedah tersebut dalam pengajian *qirā'āt*nya seperti mempelajari ilmu *qirā'āt* secara '*araḍ* dan *sima*' dengan Abī al-Qāsim Khalaf bin Ibrāhīm bin Khaqanī al-Miṣrī al-Khaqanī, Abī al-Qāsim 'Abd al-'Azīz bin Ja'far ibn Khawasiṭī al-Fārisī kemudian al-Baghdādī, Abī al-Faṭḥ Fāris bin Aḥmad bin Mūsā al-Ḥimṣī, Abī al-Ḥasan Ṭahir bin 'Abd al-Mun'im bin Ghalībūn al-Ḥalabī, Abī al-Farj Muḥammad Yūsuf bin Muḥammad al-Umawī al-Andalusī al-Qurtubī, 'Ubayd Allāh bin Salamah bin Ḥizam al-Yaḥṣabī al-Andalusī, Abī Muslim Muḥammad bin Aḥmad bin 'Abbās al-Khāṭib al-Baghdādī, 'Abd Allāh bin Abī 'Abd al-Raḥman al-Maṣaḥafī, Aḥmad bin

¹⁹⁰*Ibid.*

¹⁹¹Abū Abd Allāh Muḥammad ibn Aḥmad al-Dhahabī, *Ma'rifah al-Qurrā' al-Kibār 'alā Ṭabaqāt wa al-'Aṣr* (Beirut: Dār Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 153-154.

¹⁹²Abū Zar'ah 'Abd Raḥman ibn Muḥammad ibn Zanjalah, *Hujjah al-Qirā'āt* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2001), 17.

¹⁹³Muḥammad Rashīd Rāghīb Qabbanī, *al-Tibyān fī Aḥkām Tilāwah al-Kitāb al-Mubīn* (Beirut: Dār al-Ma'rifah 1420H/1999M), 92-92.

Muhammad bin ‘Umar bin Muhammad bin Maḥfuz al-Miṣrī al-Jayzī, Muhammad bin ‘Abd al-Wahid al-Baghdādī, al-Ḥasan bin Muhammad bin Ibrāhīm al-Baghdādī, al-Ḥasan bin Sulayman al-Anthakī, ‘Abd al-Raḥman bin ‘Umar bin Muhammad al-Mu’dil al-Nuḥās dan lain-lain. Dan ramai tokoh-tokoh *qurrā’* dan *qirā’āt* yang bertalaqqī secara *mushāfahah* dengan Imam Abī ‘Amrū al-Dānī iaitu Abū Daud Sulayman bin Najah al-Umawī penulis kitab al-Bayān al-Jāmi’ li ‘Ulūm al-Quran yang terdiri 300 juzu’, kitab al-I’timād fī Usūl al-Qirā’ah wa al-Diyanah dan sebagainya, Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ibrāhīm bin Ilyās al-Lakhamī yang dikenali dengan ibn Syuayb, Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin ‘Isā bin Farj al-Tajībī al-Maghamī al-Thalilī dan Imam Abī ‘Amrū al-Dānī juga menganugerahkan *sanad* ijazahnya kepada Abū ‘Abd Allāh Aḥmad bin Muhammad bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Raḥman bin ‘Uthmān al-Khawlanī dan Abū al-Qāsim Aḥmad bin ‘Abd al-Mālik bin Mūsā ibn Abī Ḥamzah al-Sūsī. Malahan beliau juga menulis kitab-kitab *qirā’āt* iaitu sebanyak 25 buah kitab antaranya kitab Jāmi’ al-Bayān fī al-Qirā’āt al-Sab’, Manzūmah al-Iqtisād Arjūzah dan sebagainya.¹⁹⁴

Malahan imam al-Shāṭibī juga menggunakan kaedah *ḥifẓ*, *talaqqī* dan *mushāfahah* serta *kitābah* dalam pengajaran dan pembelajaran *qirā’āt* dengan menghafaz dan bertalaqqī *qirā’āt* dari Abī Abd Allāh Muhammad bin Abī al-‘Āṣ al-Nafarī.¹⁹⁵ Beliau juga telah menghafaz dan bertalaqqī kitab al-Taysīr dari gurunya Abī ‘Amrū al-Dānī dan al-Imam Ibn Huzayl, Abī ‘Abd Allāh Muhammad bin bin Ḥamīd dan lain-lain. Imam Shāṭibī juga menggunakan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* dalam semua proses p&p *qirā’āt* di pusat pengajiannya di Kaherah sehingga lahir ramai tokoh-

¹⁹⁴ Abū ‘Amrū ‘Uthmān bin Sa’īd Al-Dānī, *Kitāb al-Taysīr fī al-Qirā’āt al-Sab’* (Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1426H/2005M), 4-8.

¹⁹⁵ Sayyid Lashīn Abū al-Farah dan Khālid Muhammad al-Ḥāfīz, *Taqrīb al-Ma’ānī fī Sharh Ḥirz al-Amānī wa wajh al-Tahānī fī al-Qirā’āt al-Sab’* (cet.per-1, Madinah: Maktabah Dār al-Zamān li al-Nashr wa al-Tawzī, 1413H/1993M), 8.

tokoh *qurrā'*.¹⁹⁶ Hasil penulisanannya yang sangat terkenal ialah Kitab *Ḥirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī* merupakan kitab ringkasan *Qirā'āt* Tujuh oleh Imam Abī 'Amrū 'Uthmān bin Sa'īd al-Dānī¹⁹⁷ dan digunapakai sebagai rujukan utama di dalam institusi-institusi pengajian tahfiz di Malaysia serta menjadi rujukan utama dalam asas pengajian *qirā'āt* di Mesir. Shu'lah juga mengiktiraf al-Shāṭibiyyah salah seorang pelopor *qirā'āt* tujuh yang masyhur kitabnya dengan *Matan al-Shāṭibiyyah*.¹⁹⁸

Imam al-Jazarī menggunakan kaedah *ḥifẓ*, *talaqqī* dan *mushāfahah* serta *kitābah* dalam pengajian *qirā'āt* iaitu mula belajar *qirā'āt* ketika berumur dua belas tahun dengan Imam ibn al-'Asqalānī dan telah menyempurnakan bacaan *qirā'āt* sepuluh daripada bapanya dengan membaca dua kitab iaitu al-Nashr dan al-Taqrīb. Beliau juga menggunakan kaedah *tikrār* iaitu membaca berulang kali dan menghafal kitab "al-Ṭayyibah" dan telah menulisnya daripada al-Shaykh al-Ḥāfīz al-I'rāqī. Beliau turut menghafaz kitab al-Shāṭibiyyah, al-Ra'īyyah dan al-Ṭayyibah.¹⁹⁹

Beliau bertalaqqī *qirā'āt* dengan ulama-ulama Damshik, Mesir dan Hijaz. Antaranya di Damshiq seperti 'Abd al-Wahāb bin al-Salar, al-Shaykh Ibn al-Ṭaḥḥān dan al-Laban dan Aḥmad bin al-Ḥusīn serta di Mesir seperti al-Shaykh al-Jundī, al-Shaigh dan al-Bagdahī serta di Hijaz seperti Muḥammad bin Ṣāliḥ. Beliau suka mengembara ke negara-negara Islam untuk mencari ilmu seperti Mesir, Madinah, Basrah, Samarqand, Khurasan, Asbahan, Shiraz sehingga ke 'Anizah di Najd sehingga telah

¹⁹⁶ Abd al-Fattāḥ al-Qādī, *Al-Wāfi fī Sharh al-Shāṭibiyyah* (Jumhuriyyah Miṣr al-'Arabiyyah: Dār al-Salam, 1429H/2008), 3.

¹⁹⁷ Abd al-Fattāḥ al-Qādī, *Al-Wāfi fī Sharh al-Shāṭibiyyah* (al-Qāherah: Dār al-Salam, 1423H/2003M), 3-4.

¹⁹⁸ Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin al-Ḥusyan al-Mūsilī Shu'lah, *Sharh Shu'lah 'alā al-Shāṭibiyyah*. Jamal al-Dīn Muḥammad Sharaf (*taḥqīq*) (Ṭantā: Dār al-Ṣaḥābah li al-Turath, 1428H/2008M), 6.

¹⁹⁹ Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin 'Alī bin Yūsuf ibn al-Jazarī, *Sharh Ṭayyibah al-Nashr* (Mesir: Dār al-'Ammah lil Ma'āhid al-Azhariyyah, 1412H/1992M), 5.

membina sebuah pusat pengajian *qirā'āt* di Shīraz yang diberi nama 'Dār al-Qur'ān'.²⁰⁰
Antara kitabnya yang terkenal dalam bidang *qirā'āt* ialah "Taqrīb al-Nashr".²⁰¹

Zaman pembukuan dan penulisan berkembang pesat sehingga al-Shams ibn al-Jazarī telah *menaqlkan* seluruh imam-imam dengan *ṭarīq* yang *ṣahīḥ* daripada kira-kira seribu *ṭarīq* yang *ṣahīḥ* yang terdiri daripada lebih enam puluh kitab dengan memindahkan dan menghalusinya dengan *sanadnya* serta membezakan dengan *qirā'āt ṣahīḥ* dan *qirā'āt* tidak *ṣahīḥ*. Kemudian selepas itu lahir kitab al-Taysīr fī al-Qirā'āt al-Sab' oleh imam Abū 'Amrū al-Dānī dan kitab ini merupakan ringkasan *qasīdah* yang diberi nama Ḥirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī oleh imam al-Shāṭibī dan Kitab Taḥbīr al-Taysīr fī al-Qirā'āt al-Thalāthah al-Mutimmah li al-'Ashr oleh imam ibn al-Jazarī dan merupakan ringkasan dari Qasīdah al-Durrah al-Muḍī'ah. Semua mereka mengambil dengan satu *ṭarīq* daripada setiap perawi imam tujuh dan ditambah dengan tiga perawi ketiga-tiga imam termasuk Abī Ja'afar, Ya'qūb dan Khalaf.²⁰²

Kesimpulannya menunjukkan bahawa kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dalam kurikulum *qirā'āt* di zaman Rasulullah dalam bentuk hafazan, *talaqqī* dan *mushāfahah*, *tikrār*, kefahaman serta syarahan, apabila di zaman para sahabat sehingga ke sembilan hijrah semakin berkembang di dalam bentuk hafazan, *talaqqī* dan *mushāfahah*, *tikrār* serta *kitābah*.

Manakala penulisan ilmu *qirā'āt* telah bermula pada awal kurun pertama serta kurun kedua²⁰³ atau ketiga hijrah, namun perkembangannya tidak begitu meluas ketika itu, malahan perkembangan ilmu *qirā'āt* masih berkurangan pada kurun keempat dan kelima hijrah sehingga kurun ke sembilan hijrah tiada pembukuan baru yang ditulis.²⁰⁴

²⁰⁰Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin 'Alī bin Yusuf ibn al-Jazarī, *Taḥbīr al-Taysīr fī al-Qirā'āt al-'Ammah al-'Asharah* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983), 5.

²⁰¹*Ibid.*

²⁰²al-Nuḥḥās, *Muqaddimāt fī 'Ulūm al-Qirā'āt*, 28.

²⁰³Bazmūl, *al-Qirā'āt wa Athāruthā fī al-Tafsīr*, 2: 197-198.

²⁰⁴Muḥaysīn, *Fī Rihāb al-Qur'ān*, Juz 1: 284.

1.3.6 (e) Zaman Kini

a) Kaedah *Talaqqī* dan *Mushāfahah*

Kaedah ini memberi penjelasan tentang isi kandungan *matan* al-Shāṭibiyyah mengikut *usūl* dan terus dipraktikkan dalam bentuk contoh ayat. Selepas menamatkan tajuk-tajuk *usūl*, guru memulakan tajuk *farsh ḥurūf*, serentak dengan itu pelajaran praktikal bermula dari surah al-Baqarah. Pada permulaan praktikal bacaan mereka membaca semua *wajh* yang boleh dibaca, selepas pelajar memahami konsep mereka menentukan semua *wajh* yang untuk dibaca dalam satu-satu masa seperti memilih *wajh qaṣr* pada *mad jā'iz munfaṣil* serta *ṣilah* pada *mīm al-Jam'* untuk *riwāyah* Qālūn. Manakala untuk *riwāyah* Warsh dipilih *wajh tawassuṭ* pada *mad badal* serta *taqlīl* pada *dhawāt al-yā'*. *Wajh-wajh* ini dipilih adalah untuk mendapat kelainan daripada *wajh* sentiasa dibaca di dalam *riwāyah* Ḥafṣ.²⁰⁵

Teknik *talqīn* juga diamalkan dalam kaedah ini iaitu teknik wajib yang digunakan dalam proses p&p al-Quran dan teknik ini berlaku dalam proses pertuturan iaitu *mushāfahah* secara langsung dan berulang kali melalui pancaindera antara guru dan pelajar.²⁰⁶ Antara teknik-teknik talqin dalam proses p&p al-Quran ialah:

- a) Guru membaca ayat di hadapan pelajar.
- b) Pelajar diam ketika proses bacaan guru.
- c) Pelajar mendengar dan menghayati setiap bacaan guru.
- d) Pelajar mengulangi kembali ayat-ayat tersebut di hadapan guru
- 5) Pelajar akan mengulangi semula bacaan tersebut sehingga guru berpuashati.²⁰⁷

²⁰⁵ Ab Rahman al-Qari bin Abdullah, "Bacaan al-Quran menurut Nafi': Kajian di Ma'had Tahfiz al-Quran Pulau Chondong, Kelantan" (tesis sarjana, Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam: Kuala Lumpur, 2003), 143-144.

²⁰⁶ Al-Majīdī, 'Abd al-Salām Maqbal, *Talaqqī al-Nabī Alfāz al-Qur'ān al-Karīm*. (cet. Per-1, Beirut, Lubnan: Mu'assasah al-Risālah, 1421H/2000M), 130.

²⁰⁷ *Ibid.*, 137-138.

b) Kaedah *Hifẓ*

Kaedah *hifẓ* ialah kaedah hafazan dengan membaca secara *ifrād* iaitu membaca secara berasingan setiap *riwāyah* serta mempraktikkannya di dalam ayat-ayat al-Quran dan bukan secara *jam*’ iaitu menghimpunkan semua *qirā’āt* di dalam setiap ayat, membaca *matan-matan* al-Shāṭibī dan tenaga pengajar mempunyai kelayakan dan *sanad* serta penggunaan pelbagai kitab rujukan selain kitab utama iaitu kitab al-Durrah al-Muntakhabah fī Riwāyah Shu’bah karangan oleh Syeikh Nuh Jamal al-Din al-Kelantani dalam bahasa Melayu membantu tahap penguasaan pelajar walaupun pada keseluruhannya di tahap sederhana.²⁰⁸

c) Kaedah Kuliah dan Syarah

Kaedah kuliah ialah dengan cara membaca *matan-matan Qirā’āt* yang terdapat di dalam kitab *Ḥirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī fī al-Qirā’āt al-Sab’* dengan menggunakan metode syarahan dengan menghuraikan *matan-matan qirā’āt* yang telah dibaca dengan cara menghuraikan *rumūz ifrād* dan *rumūz jam*’. Menerangkan maksud setiap perkataan yang terdapat dalam *matan*. Seterusnya menerangkan bentuk-bentuk bacaan yang terdapat di dalam *matan*.²⁰⁹

d) Kaedah *Tikrār*

Kaedah *tikrār* digunakan oleh para pensyarah semasa proses p&p melebihi tiga kali secara berulang-ulang dalam keadaan kitab dibuka depan pelajar. Para pelajar diminta menyebutnya secara berulang-ulang semula. Para pelajar lain akan menyemak bacaan pelajar yang disuruh oleh pensyarah membaca *matan* tersebut di dalam kelas.²¹⁰

²⁰⁸Muhammad Hana Pizi bin Abdullah, “Pengajian *al-Qirā’at* di Ma’ahad Tahfiz al-Quran Majlis Agama Islam Kelantan: Suatu Kajian Terhadap Riwayat Shu’bah ‘an ‘Āṣim” (tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur, 2007), 95.

²⁰⁹Sedek Ariffin, “Kaedah Bacaan *Qirā’at* Hamzah: Kajian di Darul Quran Kuala Kubu Bharu” (tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur, 2008), 80-91.

²¹⁰*Ibid.*

Malahan kaedah-kaedah lain juga turut digunakan dalam p&p *Qirā'āt* seperti kaedah soal jawab, perbincangan dalam kumpulan dan pembentangan dalam kelas.²¹¹

Kesimpulannya dalam p&p kurikulum *qirā'āt* kaedah atau strategi atau teknik yang utama dilaksanakan ialah kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* lebih-lebih lagi di dalam bab-bab *uṣūl*. Sebagaimana Faḍl Ḥasan 'Abbās menjelaskan ilmu *qirā'āt* mesti dipelajari dan diambil secara *talaqqī* dan *mushāfahah* supaya dapat menyebutnya dengan sebutan yang betul.²¹² Sehubungan dengan itu, pelaksanaan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran kurikulum *qirā'āt* merangkumi kaedah hafazan, *talaqqī* dan *mushāfahah*, kuliah dan syarahan, *tikrār*, tadarrus, semak bacaan, *kitābah*, membaca *matan-matan qirā'āt*, soal jawab, perbincangan dalam kumpulan, pembentangan dalam kelas, memberi penjelasan serta kefahaman isi kandungan *qirā'āt* praktik bacaan, *tasmī'* bacaan, faham maksud ayat, '*araḍ, talqīn, taḥzīb, ta'ani*, kaedah *ifrād*, kaedah *ḥalaqah* dan *tadabbur*. Bahkan pengajian *qirā'āt* di Malaysia secara umumnya dipelajari secara berperingkat-peringkat bermula dengan *Qirā'āt Sab'ah*, *Qirā'āt 'Asharah Ṣuḡhrā* dan *Qirā'āt 'Asharah Kubrā*. Kebanyakan pengajian *qirā'āt* di Malaysia tertumpu pada *Qirā'āt Sab'ah* mengikut Ṭarīq al-Shāṭibiyah kecuali institusi pengajian tahfiz yang menggunakan sukatan kurikulum dari Universiti al-Azhar yang mempelajari *Qirā'āt 'Asharah Kubrā*.

1.3.7 Adab-adab P&P Kurikulum *Qirā'āt*

Abī bin Syāmah al-Dimashqī menjelaskan adab-adab menuntut ilmu *qirā'āt* hendaklah menjaga adab dan berakhlak mulia dengan guru seperti mengawal tingkah laku, pertuturan dan sikap bila berhadapan dengan guru serta menghormatinya, wajib berniat ikhlas menuntut ilmu kerana Allah, membersihkan diri daripada sifat-sifat mazmumah, mempunyai asas pengetahuan ilmu *fiqh*, ilmu *naḥw* dan *ṣaraf* dan ilmu *tafsīr*, sentiasa melazimi menghafaz kitab-kitab yang berkaitan *qirā'āt*, sentiasa prihatin dan komited

²¹¹*Ibid.*

²¹²Faḍl Ḥasan 'Abbās, *al-Qiraat al-Qur'ānīyyah wa mā Yata'allaqu bihā*. ('Amman: Dār al-Nafā'is, 1428H/ 2008M), 122.

dalam pembelajaran ilmu *qirā'āt*, sentiasa dalam keadaan *tahārah*, hendaklah berguru yang bertauliah dan mempunyai *sanad*.²¹³ Para qari juga tidak boleh membaca *qirā'āt* al-Quran melainkan apa yang dipelajarinya dan apa yang diambil bacaannya daripada gurunya sahaja.²¹⁴

Mencintai kalam Allah dan mengagungkan ayat-ayatnya juga merupakan adab-adab di dalam pengajian *qirā'āt*, menghayati dan *mentadabbur* ayat-ayat al-Quran, menjauhi tempat-tempat awam dan bising dan duduk di dalam keadaan tenang ketika membaca *qirā'āt* al-Quran dan dalam keadaan berwudhu.²¹⁵

1.3.8 Asas-asas Kandungan Sukatan Kurikulum *Qirā'āt*

Asas-asas kandungan sukatan kurikulum *qirā'āt* ialah satu kandungan silibus yang amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran kerana pengajian ilmu *qirā'āt* ialah berkait rapat dengan bagaimana untuk melafazkan dan menyebut ayat-ayat al-Quran yang *dinaqlkan* dalam al-Quran sama ada daripada aspek tempat-tempat *khilāf* dalam *qirā'āt*, *naql* yang *ṣahīh* sama ada *mutawātirah* atau *āhād* daripada ulama-ulama *qirā'āt* yang bersambung *sanad* hingga Rasulullah s.a.w dan hakikat *ikhtilāf* antara *qirā'āt* sama ada daripada aspek bahasa, *i'rāb*, *ḥazaf*, *ithbāt*, *tahrīk wa iskān*, *faṣl wa al-ittiṣāl*, *takhfīf* dan *tashdīd* dan lafaz-lafaz al-Quran.²¹⁶

Untuk memastikan p&p dilaksanakan dengan baik maka beberapa aspek penting perlu dikenalpasti dan diberikan perhatian oleh pelaksana-pelaksana kurikulum *qirā'āt* iaitu istilah-istilah penting dalam sukatan kandungan *qirā'āt* iaitu *qirā'āt* merujuk setiap *khilāf* yang disandarkan kepada salah satu imam-imam Sepuluh yang disepakatinya periwayat daripadanya. *Riwāyah* ialah apa yang disandarkan periwayatannya daripada imam-imam. *Ṭarīq* ialah setiap apa yang disandarkan cara pengambilannya daripada perawi daripada asal pengambilannya contoh menetapkan bacaan *basmalah* antara dua

²¹³Abī Shāmah al-Dimashqī, *Ibrāz al-Ma'ānī*, 9-19.

²¹⁴Jamal al-Dīn Muḥammad Sharaf, *Muṣḥaf Dār al-Ṣahābah fī al-Qirā'āt al-'Ashr al-Mutawātirah min Ṭarīq al-Shāhibiyyah wa al-Durrah* (Ṭantā: Dār al-Ṣahābah, 1426H/2006M), ð.

²¹⁵Husnī Shaykh 'Uthmān, *Ḥaq al-Tilāwah* ('Amman: Dār Juhaynah, 1424H/2004M), 55-58.

²¹⁶Khayr al-Dīn Sayyib, *al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah*, 26.

surah ialah bacaan Ibn Kathīr, *riwāyah* imam Qālūn daripada imam Nāfi' dan *ṭarīq al-Azrāq* daripada imam Warsh. *Khilāf Wājib* ialah perselisihan yang disandarkan kepada *qirā'āt -qirā'āt*, *riwāyah-riwāyah* dan *ṭarīq-ṭarīq*. Pembaca wajib membaca kesemua bacaannya dengan apa yang *ditalaqqīnya* di dalam seluruh al-Quran. Jika tidak ia akan mencatitkan *wajh-wajh* bacaan *qirā'āt*. *Khilāf* tersebut adalah yang paling banyak dalam al-Quran.²¹⁷

Khilāf Jā'iz pula perselisihan di dalam *wajh-wajh* yang ada pilihan seperti *wajah waqf* mad 'ārid al-sukūn, *wajh-wajh* bacaan isti'ādah, bacaan basmalah antara dua surah. Pembaca mempunyai pilihan untuk mendatangkan salah satu *wajh* bacaan di dalam mad 'ārid al-sukūn sama ada dengan membaca *wajh al-tawīl* iaitu dengan kadar 6 *ḥarakah*, *wajh al-tawassuṭ* iaitu dengan kadar 4 *ḥarakah* atau *wajh al-Qaṣr* dengan kadar bacaan 2 *ḥarakah* dan tidak dikira berlaku kecacatan bacaan dan *wajh-wajh* pilihan ini dinamakan *wajh dirāyah*.²¹⁸

Rumūz ialah simbol-simbol yang digunakan oleh Imam al-Shāṭibiy berupa huruf-huruf *hijā'iyah* yang merujuk kepada imam *Qirā'āt* Tujuh. *Rumūz al-Infirād* mewakili satu huruf *hijā'iyah* untuk seorang imam. Seperti huruf alif mewakili imam Nāfi', huruf ba' mewakili imam Qālūn dan sebagainya. *Rumūz al-Ijtimā'* ialah mewakili satu simbol huruf *hijā'iyah* dengan beberapa orang imam, seperti huruf tha' mewakili imam 'Āṣim, imam Ḥamzah dan imam Kisā'ī, Huruf kha' mewakili imam Ibn Kathīr, imam Abī 'Amrū, imam Ibn Āmir, imam 'Āṣim, imam Ḥamzah dan imam Kisā'ī.²¹⁹

Uṣūl qirā'āt ialah perkara-perkara asas yang menjadi *khilāf* bagi imam-imam *qirā'āt* tujuh. Permasalahan-permasalahan ilmu *qirā'āt* yang ada kaedah-kaedahnya yang tertentu yang terdapat di bawah bahagian-bahagiannya seperti *izhār*, *idghām*, *iqḷāb*, *ikhfā'*, *ṣilah*, *mad*, *tawassuṭ*, *qaṣr*, *ishbā'*, *taḥqīq*, *tashīl*, *ibdāl*, *isqāt*, *naql*, *takhfīf*, *fath*,

²¹⁷Sālim Muḥaysin, *al-Irshādāt al-Jaliyyah fī al-Qirā'āt*, 13.

²¹⁸Alī Muḥammad Ḍabba', *Al-Īdā'ah fī Bayān 'Uṣūl al-Qirā'āt* (Mesir: al-Mursalāt, 1404H/1985M), 6.

²¹⁹Abd al-Fattāh al-Ghānī, *al-Wāfī fī Sharh al-Shāṭibiyah*, 20-21.

imālah, taqlīl, tarqīq, tafkhīm, taghlīz, ikhtilāf, tashdīd, tathqīl, waqf, saktah, qata', iskān, rawm, ishmām, hazaf, yā'at al-Idāfah, yā'at al-Zawā'id dan sebagainya.²²⁰

Farsh hurūf ialah perkataan-perkataan yang mempunyai *khilāf* dari segi bacaannya. Setiap surah di dalam al-Quran mempunyai kaedah pembacaan yang berbeza. Ini bermakna sebanyak 114 surah yang terkandung di dalam al-Quran pasti terdapat kalimah-kalimah yang berbeza dari segi bacaannya oleh imam-imam *Qirā'āt* Tujuh. Di dalam *matan* al-Shāṭibī, beliau telah menyusun *farsh hurūf* daripada surah al-Baqarah dan diakhiri dengan surah al-Nas. *Al-Qawā'id al-Kulliyah* ialah kurikulum *qirā'āt* dari segi amali adalah berkaitan iaitu kaedah-kaedah umum seperti setiap huruf alif yang ditukarkan daripada huruf ya yang dibaca secara *imālah kubrā* oleh Ḥamzah, al-Kisā'ī dan Khalaf al-'Āshir, tetapi Warsh membacanya dengan *imālah ṣughrā* dan *taqlīl* dengan *khilāf*.²²¹ dan setiap huruf *rā'* berbaris *fathah* atau *ḍammah* yang terletak selepas *kasrah* yang asli atau huruf *yā'* berbaris *sukun* dibaca *tarqīq* oleh Warsh dan sebagainya.²²²

Asas-asas kandungan sukatan kurikulum *qirā'āt* di dalam pengajaran dan pembelajaran bidang pengkhususan *qirā'āt* juga terdiri daripada al-Qirā'āt al-Sab'ah iaitu *qirā'āt* tujuh. Nama-nama *qurrā'* yang terdapat di dalam *ṭarīq* al-Shāṭibī dalam kitab al-Taysīr yang disusun oleh Imam Abū 'Amrū al-Dānī dan diikuti pula oleh imam al-Shāṭibī di dalam kitabnya *Ḥirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī*.²²³

Imam-Imam *qirā'āt* tujuh boleh dirujuk berdasarkan kepada kitab *matan* al-Shāṭibiyyah al-Musammā *Ḥirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī fī al-Qirā'āt al-Sab'a* karangan imam al-Shāṭibī. Imam yang pertama ialah Imam Nāfi' yang berasal dari negeri Madinah dengan dua perawinya iaitu imam Qālūn dan imam Warsh. Imam yang kedua ialah imam ibn Kathīr yang berasal dari negeri Mekah dengan dua orang

²²⁰Dabba', *Al- 'Idā'ah fī Bayān*, 11.

²²¹Al-Hādī Qābah, *al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah*, 5.

²²²Al-Qādī, *al-Budūr al-Zāhirah*, 11.

²²³Mohd Rahim Jusoh, *Pengenalan Ilmu Qirā'at* (Selangor: Mahsuri Sdn.Bhd., 2001), 69.

perawinya iaitu imam al-Bazzī dan imam Qunbul. Imam yang ketiga ialah imam Abū ‘Amrū yang berasal dari negeri Baṣrah dengan dua orang perawinya iaitu imam al-Dūrī ‘an imam al-Sūsī. Imam yang keempat ialah Imam Ibn ‘Āmir yang berasal dari negeri Sham dengan dua orang perawinya iaitu imam Hishām dan imam Dhakwān. Imam yang kelima ialah imam ‘Aṣim dari negeri Kufah dengan dua orang perawinya iaitu imam Shu’bah dan imam Ḥafṣ. Imam yang keenam ialah imam Ḥamzah yang berasal dari negeri Kūfah dengan dua orang perawinya iaitu imam Khalaf dan imam Khallād. Imam yang ketujuh ialah imam al-Kisā’ī yang berasal dari negeri Kūfah dengan dua orang perawinya iaitu imam Abū al-Ḥārith dan imam al-Dūrī.²²⁴

Kesimpulannya teori Qirā’āt sab’ah yang disusun oleh imam al-Shāṭibī di dalam kitabnya menunjukkan kepada tiga bahagian iaitu pendahuluan dan *Uṣūl qirā’āt* di dalam beberapa surah al-Quran dari bab *Isti’ādḥah* sehingga bab *Madhāhibihim fī yā’at al-Zawā’id*, bab *farsh ḥurūf* yang dikhususkan pada surah-surah tertentu sahaja, bab *al-Takbīr* dan bab *makhārij al-Ḥurūf* serta sifat-sifatnya.

Al-Qirā’āt ‘asharah iaitu *qirā’āt* sepuluh yang merupakan tiga tambahan imam dari *qirā’āt* tujuh yang mempunyai nama imam dan perawi-perawi *qirā’āt* masing-masing. Imam-imam *Qirā’āt* Sepuluh merujuk kepada tambahan tiga imam daripada Imam-imam *qirā’āt* tujuh iaitu imam yang delapan ialah imam Abū Ja’afar al-Madanī iaitu Yazīd ibn al-Qa’qa’ al-Makhzūmī dengan dua orang perawinya iaitu Ibn Wardān dan ibn Jammāz, Imam yang kesembilan ialah imam Ya’qūb al-Ḥaḍrāmī iaitu Abū Muḥammad Ya’qūb ibn Ishāq al-Baṣrī dengan dua orang perawinya iaitu Ruways dan Rawh dan imam yang kesepuluh ialah imam Khalaf al-Baghādī iaitu Muḥammad Khalaf ibn Hishām al-Bazzār al-Asadī dengan dua orang perawinya ialah Ishāq dan Idrīs.²²⁵

²²⁴Uthmān ibn Sa’īd al-Dānī Abī ‘Umar, *Al-Taysīr fī al-Qirā’at al-Sab’a* (Ṭantā:Dār al-Ṣaḥābah li al-Turāth, 1427H/2006M), 6-8.

²²⁵Fathī al-‘Abaydī, *Al-Jam’ bi al-Qirā’āt al-Mutawātirah* (cet. per-1, Beirut: Dār Ibn Ḥizām, 1427H/2006M), 72-86.

Kesimpulannya Qirā'āt 'Asharah sama ada Qirā'āt Sab'ah dan tambahan Qirā'āt Thalāthah adalah Qirā'āt Mutawātirah berdasarkan dalil-dalil dan hujah-hujah sebagaimana yang disokong oleh imam Abī Hayyān al-Naḥawī, imam ibn al-Jazarī dan 'Abd al-Wahhāb al-Subkī.²²⁶

Asas-asas kandungan sukatan kurikulum *qirā'āt* juga membincangkan latar belakang imam Shāṭibī iaitu Abū Qāsim bin Firruḥ bin Khalaf bin Aḥmad al-Shāṭibī al-Andalusī al-Ra'inī al-Darīr. Beliau dilahirkan pada akhir tahun 538H di Shāṭibah ialah sebuah kampung yang terletak di Andalus.²²⁷ Beliau telah meninggal dunia pada 28 Jamadil akhir tahun 590 Hijrah dan telah dikebumikan di perkuburan al-Qādī al-Faḍil di Tanah Perkuburan kecil di Bukit al-Maqtam di Kaherah.²²⁸

Nama sebenar bagi susunan *matan* ini ialah Matan Ḥirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī al-Shāṭibiyyah. *Matan Qirā'āt* Tujuh juga ini juga dikenali sebagai al-Shāṭibiyyah dan Qaṣīdah al-Lāmiyah kerana kesemua *bayt* rangkap *sha'irnya* diakhiri dengan huruf lam. Kitab ini merupakan ringkasan dari kitab al-Taysīr dalam Qirā'āt al-Sab' karangan imam Abī 'Amrū 'Uthmān bin Sa'īd al-Dānī. Imam Shāṭibī telah menyusun dan menyenaraikan perkara-perkara yang menjadi *kekhilāfan qirā'āt* di dalam *matannya* sebanyak 1173 bayt.²²⁹

Imam al-Jazarī dengan kitab *qirā'āt* nya yang terkenal Matan Ṭayyibah al-Nashr dikenali dengan nama imam al-Jazarī ialah Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad 'Alī bin Yūsuf al-Jazarī al-Dimashqī. Beliau dilahirkan pada malam Sabtu dua puluh lima Ramadan pada tahun 751 Hijrah.²³⁰ Beliau dilahirkan dan dibesarkan di Damshiq dan beliau sangat *muttaqīn* dalam hafazan al-Quran.²³¹ Beliau telah meninggal dunia

²²⁶ *Ibid.*, 61-62.

²²⁷ Sayyid Lashīn, *Taqrīb al-Ma'ānī*, 8.

²²⁸ Abd al-Fattāh al-Qādī, *al-Wāfī fī Syarḥ al-Shāṭibiyyaah*, 4.

²²⁹ Muḥammad al-Ḥabash, *Kaifa Taqra' al-Qur'ān* (Sūriyyah: Dār al-'Ashma', 1419H/1998M), 60.

²³⁰ Muḥammad Sālim Muḥaysin, *Al-Hādī Sharḥ Ṭayyibah al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr wa al-Kashf 'an 'Ilal al-Qirā'āt wa Tawjihihā* (Beirut: Dār al-Jīl, 1417H/1997M), Juz. 1: 13.

²³¹ Al-Jazarī, *Taḥbīr al-Taysīr fī al-Qirā'āt*, 5.

pada hari jumaat lima Rabi'ulawal pada tahun 833 hijrah di bandar Shiraz dan dikebumikan di Dār al-Qur'ān.²³²

Kitab ini mengandungi *bayt-bayt sha'ir Qirā'āt* Sepuluh sebanyak 1015 *bayt* yang telah ditulis oleh imam al-Jazarī. *Matan* tersebut diiktiraf sebagai rujukan asasi dalam *Qirā'āt* Sepuluh kerana di dalam kitab ini menyebut matan Shāṭibiy dan matan Durrah. Kitab ini mengandungi sebahagian daripada kitab al-Shāṭibiyah, al-Taysīr dan al-Taḥyīr. Kitab ini juga menyebut nama imam-imam sepuluh beserta dua orang perawi dan setiap perawinya mempunyai satu *ṭarīq* kecuali Idrīs Khalaf 'an 'Ashr mempunyai dua *ṭarīq*. Keseluruhannya terdiri daripada dua puluh satu *ṭarīq*. Bahkan kitab ini juga membentangkan lapan puluh *ṭarīq* dan berkembang sehingga mencecah sembilan ratus lapan puluh *ṭarīq* berbanding dengan kitab al-Shāṭibiyah dan al-Taysīr yang hanya menyebut satu *ṭarīq* sahaja.²³³

Imam al-Jazarī telah menulis *bayt-bayt sha'ir* khusus membicarakan *Qirā'āt* Tiga tambahan daripada *Qirā'āt* Tujuh dalam kitab ini dengan mengikut gaya matan al-Shāṭibiyah.²³⁴

Ibn al-Jazarī juga menulis kitab al-Nashr yang juga turut memuatkan *Qirā'āt* 'Asharah iaitu gabungan antara *Qirā'āt* Sab'ah dan *Qirā'āt* Thalāthah yang lain iaitu Imam Abū Ja'afar, Ya'qūb dan Khalaf al-'Ashir. Malahan kandungan kurikulum juga menumpukan *manhaj* bacaan imam-imam dan perawi imam *Qirā'āt* Tujuh dan Sepuluh dari segi teori dan amali. Bagi imam Nāfi', *manhaj qirā'āt* nya terdapat dua bahagian iaitu Qālūn membaca satu *manhaj* dan Warsh membaca *manhaj* yang satu lagi.²³⁵

²³²*Ibid.*

²³³Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin 'Alī bin Yūsuf Ibn al-Jazarī, *Ṭayyibah al-Nashr fī al-Qirā'at al-'Ashr* (Madinah: Maktabah Dār al-Hudā, 1414H/1994M), 1-2.

²³⁴Muhammad Ḥabsh, *al-Shāmil fī al-Qirā'āt al-Mutawātirah* (Damshik: Dār al-Fikr dan Beirut: Dār al-Fikr al-Muā'şir, 1422H/2001M), 51-52.

²³⁵Umm Walīd, *al-Usūl al-Nayyirāt*, 73-77.

1.4 PENUTUP

Kurikulum merujuk satu proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam proses pendidikan. Terdapat banyak model-model penilaian kurikulum dalam pendidikan yang digunakan untuk menilai keberkesanan dan tahap pencapaian sesuatu program antaranya Model Objektif, Model Taba, Model Stufflebeam dan sebagainya.

Kurikulum *qirā'āt* dalam pendidikan tahfiz merujuk kepada asas-asas kandungan *qirā'āt* yang dipelajari di dalam kitab al-Shāṭibiyyah al-Musammā Ḥirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī fī al-Qirā'āt al-Sab' dan kitab Matan Ṭayyibah al-Nashr sama ada secara teori dan amali.

Ilmu *qirā'āt* ialah berkaitan dengan cara-cara sebutan kalimah-kalimah al-Quran dengan pelaksanaan yang disepakati dan diperselisihkan bersandarkan *sanad* yang *ṣahīḥ* yang diriwayatkan oleh imam-imam *qirā'āt* merangkumi *ḥadhaf*, *ithbāt*, *tahrīk*, *taskīn*, *al-faṣl*, *al-waṣl* dan seumpamanya dari aspek pendengaran. Objektif utama pengajian *qirā'āt* ialah untuk membaca al-Quran dengan sebutan yang betul melalui *talaqqī* dan *mushāfahah*.

Perkembangan kurikulum *qirā'āt* bermula pada zaman Rasulullah sebagai guru pertama yang mengembangkan *qirā'āt* secara *talaqqī* dan *mushāfahah* dan diikuti dengan peranan para sahabat dan tabi'in yang menyebarkan *wajh-wajh qiraat* dari satu generasi ke generasi lain dengan memenuhi tiga rukun asas iaitu bertepatan dengan penulisan salah satu maṣḥaf 'Uthmāniyyah, bertepatan dengan *wajh* atau kaedah bahasa Arab dan *sanad* yang *ṣahīḥ*.

Malahan jika dilihat pelaksanaan kaedah p&p kurikulum *qirā'āt* sejak zaman Rasulullah s.a.w sehingga kini, kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* merupakan kaedah utama yang dipraktikkan dalam proses p&p supaya tidak berlaku penyelewengan dalam bacaan al-Quran, di samping kaedah hafazan, kuliah dan syarahan, *tikrār*, tadarrus, semak bacaan, *kitābah*, membaca *matan-matan qirā'āt*, soal jawab, perbincangan dalam

kumpulan dan sebagainya. Lantaran itu menunjukkan kepentingan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* ini menyebabkan para qari tidak boleh membaca *qirā'āt* melainkan apa yang dipelajari dan diambil bacaan daripada gurunya sahaja.

BAB II

PENGAJIAN *QIRĀ'ĀT* DI DARUL QURAN DAN MA'AHAD TAHFIZ

AL-QURAN (DQ DAN MTQ) DI MALAYSIA

2.1 PENGENALAN

Bab ini akan mengemukakan sorotan penulisan tentang dua perkara asas utama pengajian *qirā'āt* di Darul Quran (DQ), JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran, JAKIM serta latar belakang Ma'ahad Tahfiz swasta, kurikulum *qirā'āt* DQ dan MTQ. Aspek pengajian *qirā'āt* di DQ dan MTQ merangkumi aspek konsep dan struktur program pengajiannya. Aspek kedua pula mengemukakan kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ dari aspek kitab rujukan, kaedah penilaian, rancangan mengajar serta pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt*.

2.2 PENGAJIAN *QIRĀ'ĀT* DI DARUL QURAN DAN MA'AHAD TAHFIZ AL-QURAN DI MALAYSIA

Pengajian *qirā'āt* telah mula dilaksanakan sejak program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM diperkenalkan di Darul Quran (DQ) pada tahun 1 Mac 1966 di bawah cawangan Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH). Manakala pada tahun 1972 ia dikenali dengan nama Institut Pengajian Tahfiz al-Quran. Seterusnya pada tahun 1984 ia menjadi salah satu cawangan di Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) di Jabatan Perdana Menteri sehingga dinaiktaraf menjadi sebuah cawangan di Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri dan akhirnya pada tahun 1997 telah diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan pusat iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang mengurus berkaitan hal ehwal Islam secara umum di Malaysia. Ia merupakan Institut Pendidikan tertua yang menawarkan program Diploma Tahfiz al-Quran.²³⁶

²³⁶Darul Quran, Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan *al-Qirā'at* (Kuala Kubu Bharu, Selangor: DQ, JAKIM, 2005), 1.

DQ memainkan peranan sebagai sebuah pusat pengajian yang tertua di Malaysia menawarkan program pengajian Tahfiz al-Quran dan *al-Qirā'āt* di peringkat sijil, diploma dan diploma lanjutan, merancang dan melaksanakan program pengajian serta kursus dan latihan secara bersistematik serta berkualiti sama ada dari segi akademik dan tenaga kepakaran dalam bidang pengkhususan tahfiz al-Quran dan *al-Qirā'āt*. Malahan DQ dan MTQ juga berfungsi sebagai pusat penyelidikan dan penerbitan hasil-hasil kajian dalam bidang al-Quran dan *qirā'āt*.²³⁷

Penyelarasan kurikulum tahfiz telah mula dilakukan dengan memperkenalkan Program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat pada tahun 1984 di bawah anjuran BAHEIS. Terdapat Ma'ahad Tahfiz Negeri yang menduduki peperiksaan bersama iaitu, Ma'ahad Tahfiz Kedah, Ma'ahad Tahfiz Perak, Ma'ahad Tahfiz Melaka, Ma'ahad Tahfiz Johor dan Ma'ahad Tahfiz Wilayah Persekutuan. Manakala pada tahun 1994 pula Ma'ahad Tahfiz Selangor pula mengambil bahagian di dalam program Diploma Tahfiz al-Quran.²³⁸

Setelah Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat telah dinaktaraf sebagai salah satu bahagian di JAKIM pada tahun 1997, Ma'ahad Tahfiz Kedah, Ma'ahad Tahfiz Kelantan, Ma'ahad Tahfiz Negeri Sembilan dan Pahang juga telah mengambil bahagian dengan program Tahfiz al-Quran dan *al-Qirā'āt* Darul Quran JAKIM. Pada keseluruhannya terdapat penyelarasan terhadap Ma'ahad Tahfiz di seluruh negeri daripada segi sukatan pelajaran, kurikulum, buku-buku teks, peperiksaan diploma dan persijilan. Walau bagaimanapun penyelarasan ini masih di tahap minima kerana terdapat beberapa perbezaan yang ketara terhadap pelaksanaannya di Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz Negeri tersebut.²³⁹

²³⁷*Ibid.*, 2.

²³⁸*Ibid.*

²³⁹Hazaruddin Baharudin, "Pengajian Tahfiz al-Quran di Malaysia: Perbandingan antara Cara Moden dan Tradisional" Jurnal Darul Quran 3. (cet. per-1, Kuala Lumpur :DQ, JAKIM,1997), 17-19.

Sehingga tahun 2011 terdapat 13 buah Institusi Pengajian Tahfiz al-Quran Negeri yang menjalin kerjasama dengan Program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat yang dikawal selia dengan sepenuhnya oleh Darul Quran JAKIM iaitu 3 buah Ma'ahad Tahfiz yang menyertai Darul Quran iaitu Institut Kemahiran Malaysia Sarawak (IKMAS), Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat, Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Masjid Syaidina Ali Bukit Katil, Melaka dan Institusi Pengajian Islam (Yayasan Islam Terengganu). Pengiktirafan dan peperiksaan bersama dengan Darul Quran terhadap Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz negeri ini menghendaki mereka mengikuti sepenuhnya kurikulum Darul Quran bagi melayakkan para pelajar mereka dianugerahkan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM. Secara umumnya sistem pengajian di Ma'ahad Tahfiz al-Quran di negeri-negeri ini mengikuti sepenuhnya sistem semester di Darul Quran JAKIM.²⁴⁰

Manakala Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia ini adalah merujuk kepada institusi tahfiz yang dikawal selia oleh kerajaan negeri yang mempunyai pentadbiran hal ehwal islam yang tersendiri berdasarkan undang-undang negeri masing-masing serta diletakkan sepenuhnya di bawah Majlis Agama Islam yang dinaungi oleh pemerintah negeri atau sultan. Walau bagaimanapun terdapat banyak kerjasama yang berlaku antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri di dalam pentadbiran hal ehwal Islam.

Ma'ahad Tahfiz al-Quran di negeri-negeri terdiri daripada empat belas buah institusi tahfiz al-Quran daripada pelbagai negeri-negeri di Malaysia iaitu Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Kolej Teknologi Islam Antarabangsa Melaka, Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan, Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak (INTIM), Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang, Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat (Yayasan Islam Perlis), Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Kedah, Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Kelantan (MAIK), Institut Pengajian Islam (Yayasan Islam

²⁴⁰Darul Quran, JAKIM, Persidangan Pengetua-pengetua Ma'had Tahfiz al-Quran Negeri Peringkat Kebangsaan kali ke 22(laporan, Darul Quran, JAKIM, 29 Mac 2011), 1-4.

Terengganu), Institut al-Quran Terengganu, Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Pulau Pinang, Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Sabah, Ma'ahad Tahfiz Masjid Syaidina Ali Bukit Katil Melaka, IKMAS Institut Kemahiran Agama Sarawak.²⁴¹ Manakala dua buah ma'ahad tahfiz swasta juga turut diperincikan daripada aspek latar belakang sahaja oleh pengkaji untuk menunjukkan sejarah penubuhan kedua-dua buah institusi. Latar belakang MTQ dan ma'ahad tahfiz swasta ialah seperti berikut iaitu:

2.2.1 Institut al-Quran Terengganu

Institut al-Quran Terengganu yang merupakan institusi yang pertama dibina selepas penubuhan Darul Quran. Pada awal penubuhannya dikenali dengan nama Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Terengganu yang ditubuhkan pada 15 April 1984 di Masjid Abidin dengan bilangan pelajar seramai 15 orang di bawah bimbingan 5 orang tenaga pengajar iaitu Ustaz Ahsin bin Wijaya, Ustaz Auza bin Omar dan Ustaz Ibrahim bin Tambu dan Tan Sri Dato' Sheikh Ismail bin Mohamad al-Hafiz merupakan pengasas dan pengetua yang pertama bertugas di Ma'ahad Tahfiz al-Quran iaitu antara tahun 1984 hingga tahun 1993.²⁴²

Pada awal 1986, Ma'ahad Tahfiz al-Quran telah berpindah ke sebuah bangunan di Kg. Pengadang Baru, Kuala Terengganu dengan pertambahan bilangan pelajar dari seramai 15 orang kepada 30 orang. Pada 14 Julai 1993, pembinaan fasa pertama kompleks bangunan Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Padang Midin yang terdiri daripada dua blok bangunan kuliah, tiga blok asrama, sebuah bangunan perpustakaan dan sebuah dewan makan telah berjaya diselesaikan.²⁴³

Sehingga kini, Kampus Padang Midin telah dilengkapi dengan pelbagai prasarana dan kemudahan iaitu surau, blok pentadbiran, dewan dan asrama. Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Terengganu mula dikenali sebagai Institut al-Quran

²⁴¹*Ibid.*

²⁴²Abu Hassan Basori bin Abdullah (Ketua Jabatan Pengajian Tahfiz, IQT) dalam temu bual pada 19 Mac 2014

²⁴³*Ibid.*

Terengganu (IQT) pada 2 Januari 2007. Institut al-Quran Negeri Terengganu pula berperanan mewujudkan satu sistem pentadbiran dan kewangan yang cekap dan mesra, menguruskan sumber kewangan dan segala aset Institut al-Quran Terengganu secara berhemah dan telus berdasarkan peraturan dan arahan yang berkuatkuasa, menawarkan dan melaksanakan program-program pengajian akademik dan ilmiah ke arah pembentukan masyarakat yang dinamik dan intelektual dalam pelbagai bidang berteraskan al-Quran, melahirkan pelajar yang berketrampilan, budaya seiring dan berintegrasi dalam memenuhi tenaga kerja negara, menjadi sebuah pusat kajian penyelidikan, penerbitan dan pengumpulan bahan-bahan berkaitan al-Quran melalui aplikasi teknologi terkini.²⁴⁴

Pentadbiran di IQT dibahagikan kepada Bah.Hal Ehwal Pelajar, Bah. Akademik, Pentadbiran dan Kewangan, Penyelidikan dan Penerbitan, Jab.Pengajian Tahfiz, Jabatan Pengajian Berterusan dan Jabatan Pengajian Diploma.²⁴⁵ Institut al-Quran Terengganu yang bermula pada tahun 2005 telah beroperasi di premis sementara di Kompleks Seri Iman, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan berpindah ke bangunan baru di Kampus Padang Midin, Marang, Terengganu pada 1 Januari 2008.²⁴⁶

Program pengajian yang ditawarkan di IQT ialah Program Persijilan Syahadah dan Diploma lepasan SPM serta program pengajian al-Furqān. Setelah beroperasi selama 25 tahun, seramai 721 orang pelajar telah berjaya memperoleh sijil tahfiz dan telah diterima untuk melanjutkan pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar Negara di antaranya ialah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Sains Islam (USIM), Universiti al-Azhar dan lain-lain. Misi dan visi penubuhannya ialah menjadi pusat kecemerlangan pengajian dan perkembangan ilmu al-Quran dan menerajui pembentukan generasi al-

²⁴⁴IQT Terengganu, "Latar belakang IQT" laman sesawang dicapai 8 April 2013, [www. http://iqt.terengganu.gov.my/April](http://iqt.terengganu.gov.my/April) 2013.

²⁴⁵*Ibid.*

²⁴⁶*Ibid.*

Quran melalui pembudayaan ilmu. Kebanyakan tenaga pengajar terdiri daripada lepasan Ma'ahad Qiraat Shubra, cawangan *ma'āhid* Universiti al-Azhar dan terdapat sebahagian yang lain lepasan universiti Islam Madinah, Universiti Maghribi dan universiti tempatan yang terdiri dari UM, UKM dan UIA.²⁴⁷

Institut ini hanya menawarkan program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dan kini pelajar-pelajarnya terdiri daripada semester dua, empat, enam dan lapan iaitu seramai enam puluh lapan orang.²⁴⁸ Terdapat empat belas orang tenaga pengajar yang terlibat dengan p&p Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat yang kesemuanya lulusan daripada Universiti al-Azhar dan lima orang mempunyai pengkhususan dalam bidang *qirā'āt* iaitu empat orang di Ma'ahad Qiraat Shubra dan seorang di Ma'ahad Qiraat Fatayāt Mansurah.²⁴⁹

2.2.2 Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Kedah

Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Kedah telah ditubuhkan secara rasmi pada 3 Mac 1985. Penubuhan ini dihasilkan oleh idea daripada Sultan Kedah dan pada peringkat awal, urusan pentadbirannya dikendalikan oleh Majlis agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dan dibantu oleh Yayasan Islam Kedah tetapi Kolej Universiti Insaniah telah diberi pengiktirafan iaitu pada bulan Januari 2001 pihak Kerajaan Negeri Kedah telah membuat satu keputusan dengan menukar pentadbiran Ma'ahad Tahfiz al-Quran (MTAQ) Negeri Kedah Darul Aman yang beroperasi semenjak tahun 1985 berada di bawah Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) kepada INSANIAH yang telah diletakkan di bawah Kuliah al-Quran.²⁵⁰

Manakala pada tahun 2011, ma'ahad tahfiz ini diletakkan di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kedah. Objektif penubuhannya ialah melahirkan golongan berpengetahuan Islam dan kemahiran profesional yang menghayati Islam,

²⁴⁷*Ibid.*

²⁴⁸Unit Akademik, Senarai Pelajar di DQ dan MTQ, Darul Quran 2012.

²⁴⁹Abu Hassan Basori bin Abdullah (Ketua Jabatan Pengajian Tahfiz, IQT) dalam temu bual dengan penulis, 19 Mac 2014.

²⁵⁰KUIN, "Sejarah Penubuhan KUIN", laman sesawang dicapai 5 Mac 2013, <http://www.insaniah.edu.my/>

membangunkan ummah berlandaskan akidah ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah yang berfikiran terbuka, rasional, bervisi jauh, berketerampilan dan berkeyakinan teguh, membina khazanah ilmu yang berteraskan Islam dan menyebarkan ilmu tersebut untuk dimanfaatkan, menggunakan teknologi maklumat dalam semua aspek pembelajaran, penyelidikan, perundingan, penerbitan dan lain-lain aktiviti akademik, menjalinkan hubungan akademik di peringkat antarabangsa, melahirkan generasi bertakwa, berakhlak mulia, personaliti yang seimbang, harmonis dan holistik²⁵¹

Yuran pengajian dan yuran asrama ditanggung oleh YINK. Basiswa sebanyak RM200 diberi kepada semua anak negeri sahaja. Basiswa akan dipertimbangkan oleh YINK untuk pelajar - pelajar yang layak. Pelajar hanya dikenakan bayaran RM500 satu semester.²⁵²

Bilangan pelajarnya seramai tujuh puluh tiga orang yang terdiri daripada semester dua dan empat di dalam program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dan kelulusan tenaga pengajar kebanyakannya terdiri daripada lepasan Ma'ahad Qiraat Shubra, cawangan *ma'āhid* Universiti al-Azhar dan sebahagian kecil lepasan universiti tempatan. Kursus yang ditawarkan ialah Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat serta lepasa para pelajar diploma tersebut berpeluang menyambung pengajian mereka di peringkat Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Qiraat di KUIN. Jumlah tenaga pensyarah yang teribat dalam p&p kurikulum *qirā'āt* seramai lima belas orang dan sebelas orang daripadanya berkelulusan dalam bidang pengkhususan *qirā'āt* daripada Ma'ahad Qiraat Shubra dan universiti tempatan serta Universiti Al-Azhar.²⁵³

2.2.3 Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak (INTIM)

Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak (INTIM) merupakan pusat pengajian tahfiz yang paling awal ditubuhkan di Perak dan antara yang terawal di Malaysia yang

²⁵¹*Ibid.*

²⁵²MTQ MAIK, "Sejarah MTQ MAIK", laman sesawang dicapai 15 Mac 2013, <http://maahadtahfiz.e-maik.my/profil/latar-belakang-mtq/sejarah-mtqmaik>

²⁵³Kadri bin Hj.Abd Hamid (Pengetua MTQ Kedah), dalam temu bual dengan penulis, 2 Februari 2013.

memfokuskan pengajiannya dalam bidang al-Quran dan *al-Qirā'āt* . Ia telah ditubuhkan pada 1 September 1986 setelah mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak dalam bil.1099 bertarikh 9 Julai 1986 dan usaha gigih Dato' Meor Arif bin Abu Bakar yang merupakan Adun Lubuk Merbau.²⁵⁴

Penempatan Ma'ahad ini telah mengalami lima kali proses perpindahan yang bermula di Masjid India Padang Ipoh, Perak, Masjid Negeri Ipoh, Jalan Dato' Syaari, Kg.Melayu Addin, Masjid Sultan Idris Shah II, Ipoh, Bangunan Majlis Agama Islam Perak di Jalan Garland, Ipoh, Bangunan Addin Jalan Lapangan Terbang, Ipoh dan akhirnya bertempat di Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM), Jalan Raja Musa Mahadi, Ipoh serta diletakkan di bawah pentadbiran INTIM, JAIP dan dinamakan Unit Tahfiz. Kursus yang ditawarkan ialah Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dengan kerjasama Darul Quran JAKIM. Yuran pengajian ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan negeri serta mendapat biasiswa sebanyak RM550 sebulan serta mendapat penginapan asrama serta makanan dan minuman secara percuma.²⁵⁵

Objektif penubuhan ma'ahad ini ialah untuk melahirkan golongan hafiz al-Quran berkebolehan menguasai dan mempraktikkan ilmu asas pengajian Islam sekali gus menjadi pendakwah dan pemimpin yang dapat memimpin generasi dan umat Islam seluruhnya.²⁵⁶

Seramai empat puluh dua orang para pelajar yang mengambil Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat yang terdiri daripada semester dua, empat dan enam²⁵⁷ dan MTQ Perak mempunyai lapan orang tenaga pengajar yang mempunyai kelulusan daripada

²⁵⁴Muhammad Firdaus bin Muhammad Tarmizi, Latar belakang MTQN Perak INTIM (fail Unit Kemasukan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Perak INTIM t.th) 1-2.

²⁵⁵*Ibid.*, 3-4

²⁵⁶*Ibid.*, 5-6.

²⁵⁷Unit Akademik, Senarai Pelajar di DQ dan MTQ, Darul Quran 2012.

Universiti al-Azhar serta enam orang pensyarahnya mempunyai pengkhususan dalam bidang *qirā'āt* dan tiga orang pensyarah jemputan.²⁵⁸

2.2.4 Ma'ahad Tahfiz Kerajaan Negeri Johor

Ma'ahad Tahfiz Kerajaan Negeri Johor ditubuhkan pada bulan September 1986 hasil cadangan dari Menteri Besar Johor. Pada peringkat awal, ma'ahad ini terletak di Rumah Kenangan, Jalan Abdul Rahman Andak Johor Bharu, Kuarters JKR Jalan Abdul Rahman Andak dan Bangunan Trustee (ABIM) Jalan Abdul Rahman Andak tetapi telah berpindah ke kampus Ma'ahad Johor di Jalan Gertak Merah pada tahun Januari 1999 dan segala urusan pentadbirannya diletakkan di bawah pengurusan Kolej Pengajian Islam MARSAH.²⁵⁹

Kursus yang ditawarkan di ma'ahad ini ialah Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM dan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, MARSAH yang mendapat pengiktirafan LAN. Yuran pengajian yang dikenakan ialah sebanyak RM535 sebagai yuran pendaftaran dan yuran tahunan sebanyak RM1100 bagi pelajar lelaki serta RM1110 bagi pelajar perempuan. Misi ma'ahad ini ditubuhkan ialah untuk mendidik dan melatih pelajar dalam bidang tahfiz al-Quran dan *al-Qirā'āt*. Objektif penubuhannya ialah untuk mengeluarkan *Huffāz*, *Qurrā'* dan *Du'āh* yang berkebolehan selaras dengan keperluan ummah dan negara, menghidupkan kembali ilmu al-Quran serta menambahkan bilangan penghafaz al-Quran dan menyerapkan tenaga penghafaz yang berkebolehan di IPT dan imam masjid di seluruh negeri.²⁶⁰

Pelajar-pelajarnya hanya seramai empat belas orang yang terdiri daripada semester dua dalam shu'bah *qirā'āt* dan tenaga pengajarnya seramai 5 orang yang bertugas sebagai pensyarah tetap yang kebanyakannya terdiri daripada pengkhususan bidang *qirā'āt* iaitu dua orang lepasan Ijazah Sarjana Muda dari Ma'ahad Qiraat

²⁵⁸Saifuldin bin Mohad Nawawi (Timbalan Pengetua Unit Tahfiz) dalam temu bual dengan penulis, 2 Januari 2013.

²⁵⁹Buletin Jabatan Tahfiz Kolej Pengajian Islam Johor. (2008).H.2

²⁶⁰MARSAH, "Program Pengajian", laman sesawang dicapai 19 Mac 2013, <http://marsah.edu.my/v5/ms/program-pengajian/diploma/tahfiz-al-quran>

Shubra, cawangan *ma'āhid* Universiti al-Azhar, Mesir dan dua orang lepasan Ma'ahad Qiraat al-Azhar Mansurah bagi pensyarah perempuan dan seorang daripada universiti tempatan iaitu UM dan terdapat juga seorang guru al-Quran yang membantu kelas-kelas tahfiz al-Quran yang berkelulusan diploma sahaja.²⁶¹

2.2.5 Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perlis

Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perlis telah ditubuhkan pada Januari 1987 hasil daripada idea Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Perlis. Pengambilan pertamanya telah diadakan bulan Januari 1987 yang terletak di km 2.5 jalan Abi Tok Hisyam, Kangar Perlis. Pada tahun 1991 Jabatan Agama Islam Perlis telah menyerahkan pengurusan ma'ahad ini di bawah Yayasan Islam Perlis yang berfungsi menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan ma'ahad ini.²⁶²

Kursus yang ditawarkan di ma'ahad ini ialah Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM dan Sijil Hafalan al-Quran yang dikeluarkan khas oleh Yayasan Islam Perlis. Semua kos pengajian dibiayai oleh pihak Yayasan Islam Perlis dengan pemberian dermasiswa sebanyak RM100 kepada para pelajar termasuk tempat tinggal serta makan dan minuman secara percuma. Objektif penubuhannya ialah melahirkan golongan hafiz di kalangan anak negeri Perlis. Seterusnya menjadikan golongan *huffāz* ini sebagai *dā'ir* dan contoh ikutan bagi masyarakat negeri Perlis. Malahan matlamat utamanya ialah untuk melaksanakan fardhu kifayah bagi Kerajaan negeri Perlis.²⁶³

Kini kampus MTQ Perlis telah berpindah lokasi di Jalan Guar Jentik di Beseri. Semua silibus kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat adalah berdasarkan sukatan Darul Quran sepenuhnya. Malahan para pelajar juga turut diberikan dermasiswa sebanyak RM500 di atas kejayaan peperiksaan *shafāwī* dan *tahrīrī* dalam subjek *hifz* al-Quran. Bilangan pelajar-pelajarnya seramai dua puluh orang yang terdiri daripada

²⁶¹Rafidah Mohd Said (Ketua Jabatan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, MARSAN) dalam temu bual dengan penulis, 5 November 2013.

²⁶²Kertas kerja penubuhan Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Kerajaan negeri Perlis (1987), H.6.

²⁶³*Ibid.*

semester dua, empat dan enam dalam bidang *qirā'āt* sahaja dan tenaga pengajarnya seramai sembilan orang iaitu enam orang sebagai pensyarah sepenuh masa dan tiga orang terlibat sebagai pensyarah jemputan dan tenaga pengajar kebanyakannya terdiri daripada lepasan Ma'ahad Qiraat iaitu seramai tiga orang lepasan Ma'ahad Qiraat Shubra, cawangan *ma'āhid* Universiti al-Azhar dan terdapat sebahagian yang lain lepasan universiti Jordan, Universiti al-Azhar dan universiti tempatan.²⁶⁴

2.2.6 Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN)

Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN) telah ditubuhkan pada tahun 1991 dengan nama Kelas Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan dan pengambilan pelajar pertama seramai 17 orang yang dikendalikan dengan dua orang guru. Penubuhannya merupakan hasil dari idea mantan Menteri Besar Negeri Sembilan iaitu Tan Sri Utama Dato' Seri Haji Mohd Isa bin Haji Abdul Samad. Kelas Tahfiz ini dikendalikan oleh Bahagian Pelajaran, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.²⁶⁵

Pada awal penubuhannya, kelas ini menumpang di Ma'ahad Ahmadi Gemenchah dan telah menggunakan kurikulum yang digubal sendiri oleh pihak JHEAINS. ITQAN hanya menawarkan kemasukannya untuk pelajar lelaki sahaja tetapi bermula pada tahun 2007, ITQAN telah membuka peluang kepada para pelajar perempuan untuk menyambung pengajian dalam bidang pengajian tahfiz. Kini ITQAN telah mempunyai kompleks sendiri pada tahun 2003 iaitu Kompleks Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Sembilan yang berdekatan dengan Ma'ahad Ahmadi Gemenchah yang diberi nama Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN) dengan menggunakan kurikulum yang digunakan oleh DQ, JAKIM dengan dengan visinya untuk melahirkan *huffāz* yang cemerlang dan berketrampilan.²⁶⁶

²⁶⁴Zainul bin Ahmad (Pengetua Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Perlis) dalam temu bual dengan penulis, 19 Disember 2013.

²⁶⁵Brosur Penubuhan Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Sembilan.(t.t).

²⁶⁶*Ibid.*

Antara misi penubuhannya ialah untuk membangunkan dan memantapkan potensi pelajar dalam bidang akademik, ko-kurikulum, sahsiah dan kepimpinan, membimbing anak didik ke arah pemimpin yang bertanggungjawab terhadap sekolah, agama, bangsa dan negara serta mewujudkan suasana persekitaran sekolah yang berjiwa al-Quran. Objektif penubuhannya ialah untuk memenuhi fardhu kifayah, melahirkan hafiz yang berkemahiran, menyediakan hafiz yang bukan sahaja mampu menghafaz 30 juzu' al-Quran tetapi juga ilmu-ilmu lain dan menghidupkan kembali al-Quran serta menambah bilangan hafiz yang dapat berbakti kepada agama, masyarakat dan negara.

Kini terdapat dua puluh enam tenaga pengajarnya yang di antaranya berkelulusan daripada lepasan Ma'ahad Qiraat Shubra, cawangan *ma'āhid* Universiti al-Azhar dan terdapat sebahagian yang lain lepasan universiti tempatan. Pengajian yang ditawarkan di ma'ahad ini ialah Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM secara sepenuh masa tetapi para pelajar juga berpeluang untuk mengikuti peperiksaan PMR, SPM dan STAM. Yuran pengajian sebanyak RM200-RM400 setahun sahaja yang dikenakan dan segala makanan dan minuman dibawah pembiayaan kerajaan negeri dan para pelajar akan menerima biasiswa sebanyak RM40 sebulan bagi tingkatan 1 hingga 3, RM60 sebulan bagi tingkatan 4 dan lima serta RM100 bagi pelajar diploma.²⁶⁷

Objektif penubuhannya ialah memenuhi tuntutan fardhu kifayah, melahirkan para hafiz al-Quran yang berkemahiran dan mampu menghafal tiga puluh juzuk al-Quran, menyahut gagasan ke arah membentuk generasi al-Quran pada masa sekarang dan akan datang serta menghidupkan kembali ilmu al-Quran dan menambah bilangan penghafaz yang dapat berbakti kepada agama, masyarakat dan negara.²⁶⁸

ITQAN mengutamakan kemasukannya kepada anak kelahiran Negeri Sembilan serta yang benar-benar bersedia untuk menamatkan pengajiannya dan syarat-syarat lain

²⁶⁷*Ibid.*

²⁶⁸*Ibid.*

menyamai dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh DQ.²⁶⁹ Keseluruhan pelajarinya seramai enam puluh lapan orang yang terdiri daripada bidang *qirā'āt* daripada semester dua, empat, enam dan lapan.²⁷⁰

Semua program, peraturan serta pengurusan akademik yang dijalankan di Darul Quran adalah dilaksanakan berdasarkan keputusan Lembaga Darul Quran yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

2.2.7 Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat MAIK (Kelantan)

Ma'ahad Tahfiz ini dahulunya dikenali dengan Kelas Pengajian Tafaqquh yang mula beroperasi di Masjid Muhammadi Kota Bharu, Kelantan pada pertengahan tahun 1980 di bawah pengawasan Shahibus Samahah Dato' Mufti Negeri Kelantan Hj. Mohd Noor bin Hj. Ibrahim dengan pengambilan pertama pelajarinya seramai sebelas orang dan dikendalikan oleh lima orang sebagai tenaga pengajar. Kewujudan Ma'ahad Tahfiz Al-Quran (MTQ) adalah cetusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan Kelantan pada penghujung 1992 selepas tamatnya Kelas Pengajian *Tafaqquh* di Masjid Muhammadi tahun 1989. Ia merupakan institusi pertama yang menawarkan program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat secara usaha sama dengan Darul Quran pada tahun 1993 dengan penukaran nama kelas kepada Kelas Pengajian Tahfiz al-Quran MAIK.²⁷¹

Sistem pengajian *qirā'āt* dijalankan sama seperti Darul Quran merangkumi sistem semester sebanyak enam semester pengajian yang berasaskan kurikulum DQ secara sepenuhnya sehingga para pelajar boleh melanjutkan pengajian di peringkat ijazah di IPT luar dan dalam negara hasil persefahaman pada tahun 2010 antara MTQ MAIK dan DQ. Pada penghujung tahun 2006, para pelajar telah dipindahkan sepenuhnya ke Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Panji. Pada tahun 2007,

²⁶⁹JHEAINS, "Pelajaran dan Diploma Tahfiz al-Quran". Laman sesawang dicapai 29 Mac 2014, www.jheains.ns.gov.my/bhgn pelajaran/Diploma Tahfiz al-Quran

²⁷⁰Unit Akademik, Senarai Pelajar di DQ dan MTQ, Darul Quran 2012.

²⁷¹Mohd Shukeri bin Mohd Nor (Pengetua MTQ, MAIK) dalam temu bual dengan penulis, 1 September 2013.

nama kelas pengajian telah ditukar kepada Ma'ahad Tahfiz al-Quran. Ma'ahad Tahfiz Al-Quran Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan merupakan sebuah pusat pengajian tahfiz al-Quran yang merangkumi empat jenis pengajian iaitu Hafiz Al-Quran wal-Qirā'āt , Bahasa Arab, Pengajian Islam dan Akademik diletakkan dibawah pengurusan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Para pelajar mendapat kemudahan penginapan asrama dan makan minum percuma dan elaun pengajian sebanyak RM250 sebulan.²⁷² Visi dan misi penubuhannya adalah sebagai wadah untuk mendalami ilmu-ilmu al-Quran, melahirkan insan yang berkualiti serta memahami Islam secara syumul, seimbang di antara mengejar kecemerlangan dunia dan kebahagiaan di akhirat serta mempunyai daya juang yang tinggi selaras dengan tuntutan zaman dan untuk mengembling tenaga dan keupayaan minda secara kolektif dengan penuh iltizam bagi mengangkat martabat pelajar ke arah generasi yang unggul serta menjadikan al-Quran dan Hadith sebagai panduan hidup. Objektif penubuhannya ialah untuk melahirkan *ḥuffāz*, pendakwah, pendidik dan imam yang mahir, berwibawa dan berketerampilan, melahirkan generasi yang memartabatkan al-Quran, mencungkil dan mengembangkan bakat serta kemahiran pelajar melalui program-program yang berteraskan nilai-nilai agama, mewujudkan suasana pembelajaran yang stabil dan bersistematik, memastikan pengajaran dan pembelajaran serta program akademik dilaksanakan dengan berkesan.²⁷³

MTQ Kelantan mempunyai pensyarah tetap seramai lima orang dan semua pensyarahnya berkelulusan universiti al-Azhar, seorang pensyarah lulusan Institut Agama Islam (IAIN) Indonesia, seorang dari universiti Kuwayt dan tiga orang pensyarahnya mempunyai pengkhususan bidang *qirā'āt* di Ma'ahad Qiraat Shubra.

²⁷²Brosur Sejarah Penubuhan Ma'ahad Tahfiz al-Quran MAIK , t.t. 1-4.

²⁷³Wan Muhammad Ridwan bin Wan Abdullah (Unit Pentadbiran MTQ Kelantan) dalam temu bual dengan penulis pada 19 November 2013.

MTQ Kelantan juga mempunyai pensyarah sambilan iaitu seramai empat orang.²⁷⁴ Kini pelajarnya seramai tujuh puluh empat orang dalam semester dua, empat dan enam dalam bidang *qirā'āt* sahaja.²⁷⁵

2.2.8 Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang

Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang adalah sebuah institusi pengajian swasta milik penuh Yayasan Pahang Sdn Bhd merupakan anak syarikat milik penuh Yayasan Pahang yang dipertanggungjawabkan mentadbir dan menguruskan MTNP sepenuhnya sejak 1 Jun 2006. Institusi ini beroperasi di kampus yang serba lengkap di kawasan seluas 3 ekar bersebelahan Kompleks Yayasan Pahang. MTNP yang ditubuhkan pada tahun 1996 pada mulanya berada di bawah penyeliaan Jabatan Agama Islam Pahang yang bertempat pada awal penubuhannya di empat buah rumah teres yang disewa di Jalan Bukit Ubi, Kuantan.²⁷⁶

MTNP dilengkapi dengan pelbagai kemudahan prasarana moden termasuk kemudahan sukan dan rekreasi serta kepakaran tenaga akademik. Rasional penubuhan ialah bertujuan untuk melahirkan lebih ramai lagi graduan anak Pahang yang seimbang dari segi akademik dan pengetahuan agama untuk dimanfaatkan sepenuhnya bagi pembangunan negeri Pahang, akan meningkatkan lagi imej kerajaan negeri sebagai kerajaan yang prihatin terhadap pembangunan agama Islam di negara ini, Memberi peluang kepada masyarakat yang berminat mahupun organisasi lain menaja lebih ramai pelajar dalam bidang ini. Misi penubuhan MTNP ialah untuk membangunkan modal Insan yang cemerlang, sepadu dan seimbang yang berkeupayaan menjadi pemimpin di dalam bidang-bidang profesional, agama dan bahasa.²⁷⁷

²⁷⁴Mohd Fadly Hisyam bin Mat Jun (Timbalan Pengetua I Bah.hal Ehwal Akademik MTQ Kelantan) dalam temu bual dengan pada 17 April 2013.

²⁷⁵Unit Akademik, Senarai Pelajar di DQ dan MTQ, Darul Quran 2012.

²⁷⁶MTP, "Sistem Pengajian", Laman sesawang yang dicapai pada 2 Mei 2013, <http://www.Tahfizpahang.edu.my>.

²⁷⁷*Ibid.*

Visi MTNP ialah menjadi institusi terkemuka di Malaysia yang dikenali kerana kecemerlangannya melahirkan modal insan yang cemerlang, sepadu dan seimbang dari segi ilmu wahyu dan alamiah, emosi dan jasmani. Matlamat serta objektif penubuhan MTNP ialah untuk melahirkan golongan hafiz yang berkelayakan profesional serta menguasai teraju kepentingan agama, bangsa dan negara di masa hadapan. Melahirkan golongan hafiz profesional yang menguasai *ḥabl min Allāh* dan *ḥabl min al-Nās* seperti tuntutan al-Quran. Melahirkan golongan profesional yang mampu menggarap Islam sebagai satu sistem praktikal untuk menyelesaikan seluruh persoalan kehidupan insan melalui kajian dan analisis saintifik secara profesional yang membuka hati nurani manusia dan alam untuk berkasih sayang dan keamanan alam sejagat.²⁷⁸

MTNP menawarkan program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat serta Sijil Tahfiz Profesional. Program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat menerima pelajar lepasan SPM. Program ini dijalankan secara usaha sama dengan Darul Quran, JAKIM. Para pelajar akan mengikuti pengajian di MTNP selama 6 semester (3 tahun). Diploma dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).²⁷⁹

Pelajar lepasan Diploma boleh menyambung pengajian di peringkat ijazah di UM, UIAM, UPSI, UKM, USIM dan Universiti al-Azhar, Mesir. Syarat-syarat kemasukan yang utama ialah terbuka kepada anak jati negeri Pahang dan permastautin negeri Pahang. Manakala Program Tahfiz Profesional menerima pelajar lepasan UPSR. Para peserta akan didedahkan dengan kemahiran menghafaz al-Quran 30 juzuk selain didedahkan dengan pengajian akademik peringkat KBSM sebagaimana sekolah biasa. Para pelajar juga turut didedahkan dengan pelajaran bahasa Arab dan Bahasa Inggeris di samping ilmu-ilmu asas Islam.²⁸⁰

²⁷⁸ *Ibid.*

²⁷⁹ Ahmad Redzuan bin Amat (Ketua Unit Diploma Tahfiz) MTNP dalam temu bual dengan penulis, 24 Disember 2013.

²⁸⁰ *Ibid.*

Para pelajar juga akan dijuruskan kepada aliran Sains Tulen. Pengajian selama 5 tahun ini akan melibatkan mereka dengan peperiksaan awam Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu PMR dan SPM dan Syarat-syarat kelayakan merupakan anak kelahiran negeri Pahang, berumur tidak melebihi 13 tahun, memperoleh keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang cemerlang iaitu 5A atau sekurang-kurangnya 4A 1B, berkemampuan membaca al-Quran dengan baik serta berjaya dalam temu duga dan ujian simulasi yang dijalankan.²⁸¹

Kini MTNP telah menawarkan shu'bah shaṛī'ah dan shu'bah qirā'āt di dalam programnya dan mempunyai seramai enam puluh lima orang pelajar daripada semester dua, empat dan enam.²⁸²

Seramai 15 orang pensyarah yang terlibat dengan Diploma Tahfiz al-Quran serta Sijil Tahfiz Profesional dan 10 orang pensyarah mempunyai kelulusan *takhaṣṣuṣ qirā'āt* daripada Ma'ahad Qiraat Shubra dan terdapat juga pensyarah yang berada kalangan warga Syria dan Tanzania yang mempunyai kelulusan daripada universiti Syria dan universiti Yaman.²⁸³

2.2.9 Ma'ahad Tahfiz al-Quran Masjid Syaidina Ali

Ma'ahad Tahfiz al-Quran Syaidina Ali yang bertempat di Bukit Katil Melaka merupakan Institusii pengajian tahfiz dengan kerjasama Darul Quran, JAKIM. Ia dibina hasil cetusan idea ketua menteri Melaka pada masa itu iaitu Datuk Seri Ali bin Mohd Rustam pada tahun 2011 bagi merealisasikan visi satu *Huffāz* satu Kampung. Sejak awal penubuhannya, Ma'ahad ini banyak terlibat dengan proses perpindahan kampus iaitu dari masjid al-Amin, Kelemak, Alor Gajah, Melaka pada Januari 1983 dengan pengambilan 20 orang pelajar separuh masa, seterusnya pada tahun 1989, Ma'ahad ini

²⁸¹MTP, "Sistem Pengajian", Laman sesawang yang dicapai pada 2 Mei 2013, <http://www.tahfizpahang.edu.my>.

²⁸²Unit Akademik, Senarai Pelajar di DQ dan MTQ, Darul Quran 2012.

²⁸³Mohd Zuhaidi bin Abd Rahman, Penyelaras Diploma Tahfiz al-Quran dan *al-Qirā'at*, dalam temu bual dengan penulis pada 24 Disember 2013.

telah berpindah ke bangunan MAIM dengan pengambilan pelajar seramai sepuluh orang dan sijil Ma'ahad ini telah diiktiraf pada tahun 1991 oleh Lembaga Peperiksaan DQ.²⁸⁴

Seterusnya pada tahun 1992, Ma'ahad ini telah berpindah ke Masjid al-Azim, Melaka, diikuti pada tahun 1993 ke madrasah Darul Aitam, Bukit Pegoh dan pada tahun 1997 ke kampung Chenderah, Jasin di atas tanah waqaf seluas 4.5 ekar. Pada tahun 1989, Kerajaan melaka telah menubuhkan Kulliyah Dirasat al-Islamiyyah wa al-'Arabiyyah Melaka (KDIAM) dengan menjalinkan usaha sama dengan universiti al-Azhar Mesir, pada tahun 2004, Kolej Islam Melaka telah memutuskan supaya KDIAM diletakkan di bawah pentadbirannya. Apabila KIM telah dinaiktaraf sebagai Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Ma'ahad Tahfiz ini tidak terlibat di bawah pentadbiran KUIM dan pada tahun 2010 ma'ahad tahfiz ini diletakkan semula di bawah pentadbiran JAIM dan kini Ma'ahad ini telah bergabung dengan MTQMSA.²⁸⁵

Visi penubuhan MTQMSA adalah untuk melahirkan *huffāz* yang seimbang dan bersepadu, cemerlang dan berketrampilan. Misinya ialah untuk membangunkan dan memantapkan potensi pelajar dalam bidang tahfiz, membimbing pelajar ke arah nilai sejagat dengan cara yang efektif dan hadhari, membangunkan dan memanfaatkan segala kemudahan, kekuatan dan kelebihan yang ada secara maksima, mewujudkan suasana persekitaran yang menjiwai al-Quran dan membimbing usrah, modul dan silibus ke arah aspek pembangunan insan dan integrasi ilmu.²⁸⁶

Matlamat MTQMSA antaranya ialah untuk menjadikan pengajian tahfiz amat berperanan dalam mengatur, menyebarkan serta memperkembangkan pendidikan Islam, mengenali al-Quran sebagai sebuah tamadun sejagat dan cara hidup yang bersepadu dan berseimbang yang menyumbang kepada kemajuan hidup dan negara dan menjana zon

²⁸⁴Penubuhan MTQMSA (fail dokumen, Ma'ahad Tahfiz al-Quran Masjid Syaidina Ali, 2011), 1-5

²⁸⁵*Ibid.*

²⁸⁶*Ibid.*

kemanusiaan sejagat bangsa Melayu dan Islam yang taat setia dan bersatu padu berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.²⁸⁷

Pengajian yang ditawarkan ialah Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat selama enam semester dengan kerjasama Darul Quran JAKIM di mana silibus mata pelajaran mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak DQ dan diiktiraf oleh JPA. Para pelajar layak untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di IPTA dan IPTS termasuk Ma'ahad Qiraat di Universiti al-Azhar. Para pelajar juga layak menerima biasiswa sebanyak RM3000 setahun untuk menampung yuran pengajian dan yuran penginapan pada semester pertama rm1510, yuran semester dua hingga lima sebanyak rm860 dan pada semester enam sebanyak rm1310. Syarat-syarat kelayakan juga sama dengan DQ tetapi calon mesti anak kelahiran negeri Melaka atau sudah bermastautin di Melaka melebihi 10 tahun.²⁸⁸

MTQMSA mempunyai seramai empat puluh empat orang pelajar yang terdiri daripada semester dua, empat dan enam dalam bidang *qirā'āt*.²⁸⁹ Tenaga pengajarnya seramai lapan orang²⁹⁰ iaitu empat orang tenaga pengajarnya berkelulusan daripada *takhaṣṣuṣ qirā'āt* lepasan Ma'ahad Qiraat Shubra, cawangan *ma'āhid* Universiti al-Azhar dan terdapat tiga orang yang lain lepasan IPT tempatan dan seorang lagi lepasan daripada universiti Jordan. Kesemua tenaga pengajarnya mempunyai *shahādah ḥifẓ* al-Quran.²⁹¹

2.2.10 Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Sabah

MTQ Negeri Sabah telah ditubuhkan pada tahun 1995 dan ia merupakan sebuah institusi pengajian awam yang pertama di bina di negeri Sabah dan telah ditadbir di bawah pentadbiran Jab.Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah dan telah memulakan

²⁸⁷*Ibid.*

²⁸⁸JAIM, "Penubuhan MTQMSA", Laman sesawang yang dicapai pada 1 April 2013, <http://www.jaim.edu.my/>

²⁸⁹Unit Akademik, Senarai Pelajar di DQ dan MTQ, Darul Quran 2012.

²⁹⁰Norizzani bte Abu Mansor, (Penolong Pegawai ,Unit Pentadbiran. MTQMSA) dalam temu bual dengan penulis, 28 Februari 2014.

²⁹¹Humaidi Radzli, (Penolong Pensyarah , MTQMSA) dalam temu bual dengan penulis, 18 Mac 2014.

sesi pengambilan pada awal Januari 1996 dan program yang diperkenalkan adalah berbentuk sijil selama setahun dan diploma selama tiga tahun yang selaras dengan program DQ. Sepanjang tempoh tiga tahun pengajian hanya dikenakan RM250 sekali sahaja sebagai yuran dengan tanggungan pembiayaan secara percuma merangkumi makanan, tempat penginapan dan buku-buku pengajian.²⁹²

Antara syarat-syarat kelayakan untuk memasuki ma'ahad ini ialah warganegara Malaysia yang lahir di Sabah sahaja. Pelajar juga berpeluang melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di IPTA dan IPTS termasuk di dalam dan di luar negara seperti Universiti al-Azhar.²⁹³ Tenaga pengajarnya hanya seramai dua orang dan keduanya memiliki Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dan salah seorangnya pula merupakan lepasan Ma'ahad Qiraat Shubra dalam bidang *takhaṣṣuṣ qirā'āt*. Pelajarnya hanya seramai empat puluh tiga orang dalam semester dua, empat dan enam bidang *qirā'āt*.²⁹⁴

2.2.11 Ma'ahad Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (KITAB) di Pulau Pinang

Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang ialah merupakan institusi pengajian tinggi yang menggabungkan pendidikan Islam dengan teknologi dan menggunakan bahasa Arab dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar serta menjadi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. KITAB mula beroperasi setelah mendapat kelulusan perakuan penubuhan daripada JPS pada 12 Mei 2004 dan No. Penubuhan KP (JPS) 5195/IPTS/1301/(07) dan telah memulakan sesi pengambilan pelajar pada 2 Februari 2006.²⁹⁵

Beberapa jawatankuasa dibentuk bagi memastikan KITAB beroperasi dalam keadaan yang mantap, teguh dan dipercayai. Jawatankuasa tersebut merangkumi

²⁹²JHEAINS, "Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Sabah", Laman sesawang yang dicapai pada 12 April 2013, <http://www.jheains.sabah.gov.my/>

²⁹³Dayang Masni Datu Saribu (Ketua Unit Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, MTQ Negeri Sabah) dalam temu bual dengan penulis, 13 April 2014.

²⁹⁴Unit Akademik, Senarai Pelajar di DQ dan MTQ, Darul Quran 2012.

²⁹⁵KITAB, "Sejarah Penubuhan KITAB", Laman sesawang dicapai pada 5 Oktober 2013 oleh <http://www.kitab.edu.my/>

Jawatankuasa Merangka Kurikulum, Jawatankuasa Pakar Menyemak Kurikulum dan Lembaga Pengarah KITAB. Keahlian Jawatankuasa ini terdiri daripada pakar-pakar dalam pelbagai bidang di peringkat negeri dan kebangsaan. Program Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang seperti Diploma Syariah yang mempunyai tiga elektif iaitu Undang-Undang, Perbankan serta Kewangan, program Diploma Tahfiz al-Quran yang mempunyai elektif *Qirā'āt*, Dakwah dan Syariah, program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat yang mempunyai kerjasama dengan Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perdana Menteri, program Diploma Kewangan yang mempunyai elektif bahasa Arab, Syariah serta Dakwah, Diploma Perbankan yang mempunyai elektif bahasa Arab, Syariah dan Dakwah dan program Diploma Qiraat yang mempunyai elektif Taranum, *Rasm* al-Quran dan Dakwah. Tempoh pengajian diploma ialah selama dua setengah tahun iaitu tujuh semester yang mengandungi 14 minggu setiap semester. Pelajar-Pelajar lulusan diploma tersebut juga layak diserap bagi melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti-universiti di Mesir, Arab Saudi, Jordan dan Maghribi. Falsafah KITAB ialah sebagai Pendidikan di Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang adalah suatu usaha berterusan ke arah melahirkan graduan yang menguasai teras ilmu Islam dan ilmu-ilmu serta kemahiran-kemahiran lain yang bermanfaat.²⁹⁶

Objektif KITAB ditubuhkan untuk melahirkan graduan yang mempunyai sahsiah Islam, melahirkan graduan yang berkebolehan dalam bidang pilihan, melahirkan graduan yang menguasai ilmu pengurusan dan kepimpinan, melahirkan graduan yang mahir ICT dan melahirkan graduan yang menguasai bahasa Arab, bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa. Malahan visi penubuhannya ialah untuk menjadikan insan terdidik dan terlatih untuk menjadi seorang Muslim yang mempunyai ilmu Islam sebagai teras dan

²⁹⁶*Ibid.*

beberapa ilmu dan ketrampilan lain yang bermanfaat. Misinya ialah berusaha ke arah melahirkan *'ulū al-Albāb* yang mempunyai teras dalam ilmu Islam, berkebolehan dalam bidang-bidang pilihan, mahir penggunaan ICT, menguasai bahasa Arab dan bahasa Inggeris di samping bahasa Melayu dan suatu bahasa pilihan serta berkemampuan memimpin dan mengurus.²⁹⁷

Syarat-syarat kemasukan iaitu lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat tiga Kepujian dalam mana-mana mata pelajaran atau kelulusan yang setara dengannya serta ujian Pra Kemasukan dengan lulus dalam Ujian Bacaan al-Quran sebelum dibenarkan berdaftar di peringkat Diploma kursus ini. Sekiranya tidak lulus dalam ujian ini, pemohon diwajibkan mengikuti serta lulus Kursus Intensif Pra-Tajwid KITAB sebelum mendaftar ke peringkat Diploma. Pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab atau tidak mendapat sekurang-kurangnya kredit dalam bahasa Arab SPM diwajibkan mengikuti dan lulus Kursus Intensif Bahasa Arab Pra-KITAB sebelum diserapkan ke peringkat Diploma. Pelajar-pelajar yang mengambil Diploma Tahfiz al-Quran sahaja yang mendapat biasiswa penuh daripada pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.²⁹⁸

Tenaga pengajar seramai tiga puluh orang yang terlibat mengajar sepenuh masa, antaranya lima belas orang guru mempunyai kelulusan universiti al-Azhar dan yang lain-lain berkelulusan daripada universiti Jordan dan lulusan tempatan. Terdapat sembilan orang guru yang berkelulusan dalam bidang pengkhususan *qirā'āt* dari Ma'ahad Qiraat Shubra yang terlibat dengan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat.²⁹⁹

2.2.12 Institut Pengajian Islam (INSPI) di Yayasan Islam Terengganu

INSPI merupakan sebuah pusat pengajian Islam yang bertempat di Kampung Binjai, Kemaman, Terengganu telah ditubuhkan pada tahun 9 februari 1984 dan ia di bawah

²⁹⁷*Ibid.*

²⁹⁸*Ibid.*

²⁹⁹Yazid bin Mohd Salleh (Pensyarah *Qirā'at* di KITAB) dalam temu bual dengan penulis, 7 Oktober 2013.

pentadbiran Yayasan Islam Terengganu. INSPI dahulunya dikenali dengan MARPA iaitu Markas Pengajian Islam. Misi penubuhannya ialah untuk melahirkan dan melatih pendakwah, imam, bilal dan guru-guru agama yang berwibawa dalam masyarakat dengan menguasai bidang-bidang pengajian Islam, pengurusan dan teknologi maklumat, membentuk generasi pemimpin dan pendakwah yang mantap dan mampu melaksanakan tanggungjawab dengan efisien sesuai dengan keperluan semasa, menyediakan graduan yang bakal menjadi pemangkin kepada pengurusan dan pembangunan kerohanian masyarakat yang cemerlang. Objektif utama ialah untuk melahirkan kader-kader dakwah seperti imam dan bilal yang berwibawa. INSPI telah menawarkan tiga program diploma iaitu Diploma Tahfiz wa Dakwah yang mempunyai kerjasama dengan pihak DQ JAKIM dan juga program pra al-Azhar serta program pra UIN-SUSKA.³⁰⁰

2.2.13 Institut Kemahiran Majlis Agama Sarawak IKMAS

IKMAS ditubuhkan hasil keputusan tidak rasmi menteri-menteri agama Negara Brunei, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) yang diadakan dalam pertemuan kali kelima pada 3 dan 4 Ogos 1994 yang bertempat di Pulau Langkawi, Malaysia. Lanjutan daripada pertemuan tersebut, mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 21 September 1994 bersetuju untuk menubuhkan sebuah institusi Pensantren ASEAN di Sarawak di mana ketua menterinya pada masa itu Yang Amat Berhormat Pehin Sri Dr. Hj. Abdul Mahmud Taib juga turut menyokong penuh idea penubuhannya dengan menawarkan tanah seluas 30 ekar di Telaga Air untuk membina kompleks Pensantren tersebut.³⁰¹

Kompleks ini dengan rasmi telah ditubuhkan pada 12 September 2001 dengan perbelanjaan kos sebanyak 13 juta di bawah peruntukan JAKIM dan kini dikenali sebagai IKMAS. IKMAS merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang

³⁰⁰INSPI, "Latar belakang INSPI", Laman sesawang dicapai pada 10 Oktober 2013, <https://ms-my.facebook.com/.Institut.Pengajian.Islam>

³⁰¹IKMAS, "Latar belakang IKMAS", Laman sesawang dicapai pada 29 April 2013 oleh: <https://ms-my.facebook.com/IKMAS>.

menawarkan program di peringkat diploma iaitu Diploma Pengajian Tahfiz wa Dakwah serta Diploma Pengajian Islam wa Dakwah serta sijil tahfiz al-Quran. Ia juga melatih para pelajar lepasan SPM dalam bidang kemahiran di peringkat sijil. IKMAS juga menjalin kerjasama dengan pihak DQ dalam mendapat pengiktirifan JPA di dalam program-programnya termasuk urusan kurikulum dan akademik. Objektif penubuhannya ialah untuk menyediakan kemudahan pembelajaran bersepadu yang merangkumi ilmu fardhu ain, fardhu kifayah dan ilmu kemahiran untuk melahirkan pendakwah yang berketrampilan dan berwibawa.³⁰²

Pada sesi pengajian ini jumlah pelajarnya di dalam bidang Diploma Tahfiz wa dakwah seramai dua puluh sembilan orang dalam semester dua, empat dan enam.³⁰³

2.2.14 Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat, Pulau Chondong

Ma'ahad ini ditubuhkan pada tahun 1990 hasil cadangan YAB Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz bin Nik Mat sebagai Menteri Besar Kelantan pada masa itu dan diletakkan di bawah pengurusan Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan terletak di Pulau Chondong, Kampung Pauh Lima, Kelantan. Ma'ahad ini merupakan sebuah sekolah agama dan sekolah arab yang merangkumi tiga bidang pengajian iaitu al-Quran wal Qiraat, Bahasa Arab dan Akademik. Visi ma'ahad ini ialah untuk melahirkan *Qurra'* yang berketerampilan unggul. Manakala misi penubuhannya ialah untuk melahirkan *Huffāz* yang mahir ilmu-ilmu al-Quran, beramal, bertakwa serta dapat merealisasikan dalam masyarakat. Terdapat tiga objektif penubuhan ma'ahad ini ialah untuk menyediakan kemudahan mengkaji al-Quran dan mempelajari '*ulūm* al-Quran, untuk menghidupkan kembali '*ulūm* Al-Quran dan memperdekatkan '*ulūm* Al-Quran kepada masyarakat dan untuk melahirkan ulama hafiz yang mampu memahami isi kandungan al-Quran dan menjadi rujukan masyarakat, memelihara isi kandungan al-Quran dan keaslian

³⁰²Nazeri Abdullah, (Ketua Unit Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, IKMAS) dalam temu bual dengan penulis, 1 Mei 2013.

³⁰³Unit Akademik, Senarai Pelajar di DQ dan MTQ, Darul Quran 2012.

bacaannya dari sebarang penyelewengan dan mempunyai ilmu pengetahuan, beramal soleh, bertakwa kepada Allah s.w.t. dan berakhlak mulia.³⁰⁴

Buku-buku dan sukatan pelajaran di ma'ahad berdasarkan sukatan sekolah-sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan. Manakala kurikulum mata pelajaran al-Quran dan *al-Qirā'āt* berdasarkan kurikulum Ma'ahad *Qirā'āt* Al-Azhar. Para pelajar ma'ahad ini menduduki beberapa jenis peperiksaan bersijil iaitu Sijil Menengah Ugama, Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Arab Malaysia dan Sijil Tinggi Tahfiz al-Quran. Para pelajar berpeluang melanjutkan pelajaran ke mana-mana institusi pengajian tinggi, sama ada di dalam negeri atau pun di luar negara. Dengan kelayakan yang diperolehi dari keputusan SPM, mana-mana pelajar bebas memilih IPTA atau IPTS dalam dan luar negeri mengikut cita-cita masing-masing.³⁰⁵

Pelajar yang berjaya menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Arab Malaysia pula boleh memilih mana-mana institut pengajian di Timur Tengah, seperti Universiti Al-Azhar, Universiti Madinah, Jordan dan lain-lain. Pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Tahfiz al-Quran pula berpeluang untuk menyambung pengajian secara terus dalam bidang al-Quran dan *al-Qirā'āt* di Universiti Al-Azhar cawangan Shubra, Mesir. Syarat-syarat kelayakan masuk ma'ahad ini ialah tamat tahun 6, Sekolah Rendah Kebangsaan atau setaraf dengannya, lelaki yang berumur 13 tahun, khatam al-Quran dan mampu membaca dengan baik, lulus temuduga dan mendapat keputusan 5A dalam peperiksaan UPSR atau setaraf dengannya.³⁰⁶

Tenaga pengajar yang terlibat dengan pengajian al-Quran dan *al-Qirā'āt* ialah seramai 15 orang dan semuanya berkelulusan dalam bidang pengkhususan *qirā'āt* di Universiti al-Azhar cawangan Shubrā seramai dua belas orang serta cawangan Ṭanṭā seramai tiga orang. Hanya terdapat tiga orang tenaga pengajar yang memiliki ijazah

³⁰⁴Ma'had Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, "Profil" laman sesawang dicapai pada 15 Jun 2015 <http://mtaqpc.edu.my/profil>

³⁰⁵*Ibid.*

³⁰⁶*Ibid.*

sarjana daripada Universiti Malaya. Dan jumlah pelajar ialah seramai 382 orang terdiri daripada tingkatan satu sehingga tingkatan enam.³⁰⁷

2.2.15 Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat ADDIN, Perak

Ma'ahad Tahfiz Al-Quran wal Qiraat ADDIN merupakan sebuah institusi pendidikan Islam swasta dan berasrama penuh berasaskan kebajikan dan memilih bidang hafazan al-Quran sebagai subjek teras. Ma'ahad ini ditubuhkan pada 17 Disember 1993 dan dibina di atas sebidang tanah seluas 9 Ekar 2 Relung 15 Persegi di Kg. Tualang Sekah, Malim Nawar di bawah pentadbiran Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Perak tetapi kini pentadbiran ma'ahad ini telah dikendalikan di bawah Yayasan ADDIN yang dipengerusikan oleh Dato' Syeikh Mohamad Nor bin Mansor Al-Hafiz. Ma'ahad ini didaftarkan di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Perak. Setelah hampir 22 tahun beroperasi, ma'ahad telah berkembang pesat bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat dan telah menubuhkan enam belas buah cawangannya di seluruh negeri Perak.³⁰⁸

Objektif penubuhan ma'ahad ini ialah untuk melahirkan *Huffāz* al-Quran, membentuk peribadi muslim yang bijaksana, mampu menghadapi cabaran semasa, melahirkan cendekiawan mengikut bidang ilmu yang hafaz al-Quran dan melahirkan para Da'i berhemah tinggi.³⁰⁹

Syarat-syarat kemasukan ma'ahad ini ialah pelajar yang berumur 13 tahun pada 01 Januari tahun berkenaan, boleh membaca al-Quran dengan baik, lulus temu duga khas yang akan diadakan, berminat untuk menghafal al-Quran serta bersedia tinggal di asrama dan bersedia untuk ditempatkan cawangan-cawangan ma'ahad Tahfiz al-Quran ADDIN. Selepas tiga tahun berada di salah satu cawangan ma'ahad ini pelajar layak menyambung pengajian di cawangan Malim Nawar atau Tapah dengan syarat berjaya

³⁰⁷*Ibid.*, "Warga" laman sesawang dicapai pada 15 Jun 2015 <http://mtaqpc.edu.my/warga>

³⁰⁸Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat ADDIN, "Info ADDIN" laman sesawang dicapai 17 Jun 2015 <http://www.ma'hadtahfizaddin.edu.my/Info>

³⁰⁹*Ibid.*

menghafaz sebanyak lima belas juzuk untuk mengambil peperiksaan SPM dan Sijil Tinggi Tahfiz al-Quran. Dengan keputusan SPM tiga kredit dalam bahasa Melayu, Pendidikan al-Quran dan Sunnah atau Pendidikan Syariah, bahasa Arab Tinggi atau bahasa Arab Komunikasi serta lulus bahasa Inggeris atau kelulusan yang diiktiraf dan setaraf dengannya serta lulus temu duga melayakkan pelajar menyambung pengajian dalam bidang Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM di cawangannya di Tapah selama tiga tahun pengajian.³¹⁰

2.3 FALSAFAH DAN OBJEKTIF PENGAJIAN *QIRĀ'ĀT* DI DQ DAN MTQ

Falsafah Program Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat ialah membentuk generasi al-Quran yang bertakwa, berilmu dan berrmanfaat kepada pembangunan ummah. Manakala objektif umum program ini ialah mengeluarkan *Huffāz*, *Qurrā'* dan *Du'āh* yang mahir lagi berketrampilan selaras dengan keperluan ummah dan negara. Objektif khas program ini ialah:

- a) Melahirkan *Huffāz* (Hafiz dan Hafizah) yang mahir dalam pembacaan dan pengajian ilmu al-Quran bagi memelihara kesucian dan kesahihan al-Quran al-Karim.
- b) Melahirkan *Qurrā'* (Qari dan Qariah) yang mahir lagi berwibawa dalam seni bacaan al-Quran dan ilmu *qirā'āt*.
- c) Melahirkan *Du'āh* (Pendakwah), pendidik dan imam yang bertauliah lagi profesional melalui ilmu-ilmu al-Quran.³¹¹

Pada tahun 2012 objektif khas program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat telah digubal dan dikemaskini sehingga menjadi sembilan objektif iaitu melahirkan *Huffāz* yang:

- a) Beriman, bertakwa, berkebolehan menguasai dan mempraktikkan ilmu asas pengajian Islam dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah.

³¹⁰*Ibid.*, "Pendidikan", <http://www.maahadtahfizaddin.edu.my/pendidikan>

³¹¹Darul Quran, Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (Kuala Kubu Bharu, Selangor: DQ, JAKIM, 2005), 3.

- b) Berkebolehan memiliki ilmu-ilmu Islam yang mendalam dalam bidang pengajian al-Quran dan al-Sunnah.
- c) Berkebolehan mengenalpasti permasalahan Hal Ehwal Islam yang berkaitan al-Quran dan al-Sunnah serta dapat menanganinya dengan lebih cekap.
- d) Berkebolehan mereka cipta bentuk dan menjalankan penyelidikan dalam al-Quran dan al-Sunnah serta mampu menganalisis dan menginterpretasi data.
- e) Berkebolehan berfungsi dengan baik dan berkesan dalam kepimpinan secara individu dan kumpulan.
- f) Mempunyai etika dan tanggungjawab dalam pembangunan negara.
- g) Berkebolehan untuk berkomunikasi secara berkesan.
- h) Menyedari kepentingan mendalami ilmu pengetahuan dan menjalani pembelajaran sepanjang hayat.
- i) Berpengetahuan untuk menceburkan diri dalam bidang pentadbiran, pengurusan dan keusahawanan.³¹²

Manakala objektif pengajaran dan pembelajaran ilmu *qirā'āt* sama ada daripada segi ilmi dan amali yang telah digariskan di dalam silibus kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat ialah melahirkan *Huffāz* yang mahir dalam bidang *qirā'āt* serta memahami tentang ilmu *qirā'āt* secara teori dan amali.³¹³

Falsafah dan objektif program yang digariskan di dalam pengajian *qirā'āt* jelas ditunjukkan oleh 'Uthmān bahawa *manhaj* Qallidūnī iaitu sistem p&p yang berkonsepkan hafazan, *talaqqī* dan *mushāfahah* digunapakai dalam pengajaran dan pembelajaran untuk melahirkan para pelajar yang mahir dalam bidang *qirā'āt* secara teori dan amali seiring dengan penggunaan tenaga kepakaran yang berkemahiran.³¹⁴

³¹²Darul Quran, Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (2005, cet.ke-3, Kuala Kubu Bharu, Selangor: DQ, JAKIM, 2012), 2-3.

³¹³*Ibid.*

³¹⁴Husnīy Shaikh 'Uthmān, *Usūl Tadrīs al-Tajwīd 'alā Riwāyah Hafṣ 'an 'Āṣim min Ṭarīq al-Shatībīyyah*. (cet.per-1, Mekah al-Mukarramah: Dār al-Ṭayyibah al-Hadrā', 1426H/2005M), 10-11.

Al-Majīdī juga turut menggariskan kaedah-kaedah yang diaplikasi oleh Rasulullah ketika proses penerimaan wahyu melalui malaikat Jibril sebagai gurunya menjamin pemeliharaan kitab suci al-Quran seperti teknik *talqīn*, secara tidak langsung melahirkan seorang *qārī* serta *Huffāz* yang berwibawa dan berketrampilan dalam ilmu al-Quran dan *qirā'āt* sebagaimana yang ditunjukkan contoh oleh Rasulullah s.a.w.³¹⁵

2.4 PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT, JAKIM

DQ dan MTQ menjalankan pengajian Program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM³¹⁶ dalam bentuk sistem semester iaitu minimum selama 6 semester bersamaan tiga tahun dalam tempoh minimum dan selama 8 semester iaitu empat tahun dalam tempoh maksimum. Program ini menawarkan tiga komponen kursus kepada para pelajar iaitu:

i. **Kursus Pengajian Teras**

Kursus Pengajian Teras ertinya kursus yang diwajibkan kepada semua *shu'bah*, setiap pelajar yang mengikuti program pengajian di DQ dan MTQ wajib mengambil semua subjek-subjek kursus pengajian teras bagi menyediakan para pelajar dengan kemahiran dan pendidikan yang bersepadu. Jumlah jam kredit yang ditetapkan ialah 57 jam kredit.

i. **Kursus Pengajian Umum**

Kursus ini diwajibkan kepada semua pelajar setiap *shu'bah* dan pelajar dikehendaki lulus untuk layak menerima diploma. Jumlah jam kredit yang ditetapkan ialah 13 jam kredit.

ii. **Kursus Pengajian Shu'bah Qirā'āt**

Kursus keperluan *shu'bah* ertinya kursus yang diwajibkan oleh pihak Darul Quran ke atas pelajar berdasarkan *shu'bah* masing-masing. Terdapat empat kursus *shu'bah* yang ditawarkan iaitu Kursus Shu'bah Qirā'āt, Kursus Shu'bah Dakwah, Kursus Shu'bah

³¹⁵ Abd al-Sallama Maqbil al-Majīdī, *Talaqqī al-Nabī Alfāz al-Qur'ān al-Karīm* (cet. per-1, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1421H/2000M), 17.

³¹⁶ Darul Quran, Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (2005, cet.ke-2, Kuala Kubu Bharu, Selangor: DQ, JAKIM, 2010), 3.

Hadith dan Kursus Shu'bah Mu'amalat. Manakala bagi jumlah jam kredit yang ditetapkan bagi Kursus Shu'bah Qirā'āt ialah 26 jam kredit.³¹⁷

Untuk memenuhi keperluan syarat bagi Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, semua para pelajar wajib memperolehi sebanyak 96 jam kredit dalam pengajian yang bersamaan dengan 96 jam kuliah selama enam semester.³¹⁸ Sila lihat jadual 2.1 seperti di bawah:

Jadual 2.1. Komponen Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat

Pembahagian Kursus	Jumlah Jam
Kursus Pengajian Teras	57 Jam Kredit
Kursus Pengajian Umum	13 Jam Kredit
Kursus Pengajian Shu'bah Qirā'āt	26 jam Kredit
JUMLAH	96 Jam Kredit

Sumber: Darul Quran, Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat

Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran membuka sesi pengambilan pelajar baru adalah sekali setahun. Syarat-syarat kemasukan juga disediakan bagi pelajar yang berminat untuk mengikuti program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat ialah:

- i. Warganegara Malaysia yang belum berkahwin.
- ii. Berumur antara 18 hingga 21 tahun.
- iii. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian:
- iv. Bahasa Malaysia
- v. Bahasa Arab (Komunikasi atau Tinggi)
- vi. Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah/ Pendidikan Islam/ Pengetahuan Agama Islam/ Tasawwur dan lulus
- vii. Bahasa Inggeris
- viii. Atau Kelulusan yang setaraf dengan SPM yang diiktiraf

Manakala lulus temuduga juga merupakan syarat utama dalam pengambilan pelajar-pelajar yang merangkumi:

- i. Lulus temuduga pengambilan pelajar meliputi 100% markah iaitu:

³¹⁷*Ibid.*

³¹⁸*Ibid.*, 4.

- ii. Ujian *Shafawī* kekuatan hafazan al-Quran iaitu 60%.
- iii. Ujian *Tahrīrī* Tajwid iaitu 10%.
- iv. Ujian *Tahrīrī* Bahasa Arab iaitu 10%.
- v. Ujian Sikap/ Psikologi iaitu 10%.
- vi. Pencapaian Akademik iaitu 5%.
- vii. Penampilan iaitu 5%.

Segala keputusan Lembaga Darul Quran yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memainkan peranan penting dan mempunyai hak mutlak sepenuhnya di dalam semua program, peraturan dan pengurusan akademik yang dijalankan di Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran adalah dilaksanakan.³¹⁹

Kesimpulannya program, kurikulum, pengurusan akademik dan peperiksaan yang dilaksanakan di semua MTQ berdasarkan sepenuhnya dengan Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran di Darul Quran, JAKIM tetapi terdapat sedikit perbezaan di dalam syarat-syarat kemasukan iaitu MTQ mengutamakan hanya menerima pelajar kelahiran anak negeri masing-masing kerana setiap MTQ mempunyai objektif khusus iaitu melahirkan *Huffāz* di negeri masing-masing serta menjadi *qudwah hasanah* sebagai *dā'ī* di dalam masyarakat Malaysia.

2.4.1 Struktur Kurikulum Pengajian *Qirā'āt*

Struktur program pengajian yang ditawarkan adalah selaras dengan tempoh, matlamat dan objektif penubuhan DQ dan MTQ.³²⁰ Darul Quran dan MTQ menyediakan pelbagai kursus atau mata pelajaran dalam p&p tetapi pengkaji hanya menfokuskan kajian ini

³¹⁹Darul Quran, Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (2005, cet.ke-2, Kuala Kubu Bharu, Selangor: DQ, JAKIM, 2010), 4-6.

³²⁰Darul Quran, Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (cet.per-1, Kuala Kubu Bharu, Selangor: DQ, JAKIM, 2005), 4.

berkaitan kursus-kursus Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali yang dipelajari oleh pelajar di dalam Program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat.³²¹

2.4.1(a) Nama-nama Kursus

Semua pelajar yang mengikuti kursus Shu'bah Qirā'āt diwajibkan mengambil dua kursus *qirā'āt* di dalam Kursus Teras dan lima kursus *qirā'āt* di Kursus Pengajian shu'bah qirā'āt seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.2 di bawah.

Jadual 2.2. Taburan Kursus *Qirā'āt* di dalam Kursus Pengajian Teras

BIL	KOD	KURSUS
1.	PIQ 1112	Asas Qirā'āt 'Ilm
2.	PIQ 1122	Asas Qirā'āt Amali

Sumber: Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat

Kajian ini mendapati berlaku pertambahan kepada pelajar shu'bah qirā'āt berbanding dengan *shu'bah-shu'bah* yang lain. Ini bersesuaian dengan bidang program yang ditawarkan kepada mereka iaitu Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, ini bermakna mereka diwajibkan mengambil lima kursus *qirā'āt* tambahan seperti dalam Jadual 2.3 di bawah.

Jadual 2.3. Taburan Kursus *Qirā'āt* di dalam Kursus Pengajian Shu'bah Qirā'āt

BIL.	KOD	KURSUS
1.	PSQ 2282	Qirā'āt 'Ilm I
2.	PSQ 2292	Qirā'āt 'Ilm II
3.	PSQ 2302	Qirā'āt Amali I
4.	PSQ 2312	Qirā'āt Amali II
5.	PSQ 3322	Qirā'āt Amali III

Sumber: Bahagian Akademik DQ

Daripada dapatan di atas, pengkaji mendapati pelajar shu'bah qirā'āt mempunyai pendedahan yang mendalam dan mampu menguasai kurikulum *qirā'āt* berbanding dengan *shu'bah-shu'bah* yang lain kerana hanya didedahkan asas-asas Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali.

2.4.2 Jam kredit dan Semester diajar³²²

Setiap semester pengajian mengandungi enam belas minggu p&p bagi setiap subjek yang dipelajari. Taburan jam kredit bagi semua kursus *qirā'āt* bagi program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat pada setiap semester seperti dalam jadual 2.4 di bawah.

³²¹Darul Quran, Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, 4.

³²²*Ibid.*

Jadual 2.4: Taburan kursus-kursus *Qirā'āt* Mengikut Kredit dan Semester

BIL	KURSUS	KREDIT	SEMESTER
1.	Asas <i>Qirā'āt</i> 'Ilm	2	1
2.	Asas <i>Qirā'āt</i> Amali	2	2
3.	<i>Qirā'āt</i> 'Ilm I	2	3
4.	<i>Qirā'āt</i> Amali I	2	3
5.	<i>Qirā'āt</i> 'Ilm II	2	4
6.	<i>Qirā'āt</i> Amali II	2	4
7.	<i>Qirā'āt</i> Amali III	2	5

Sumber: Bahagian Akademik DQ

Daripada jadual di atas, menunjukkan bahawa setiap kursus *qirā'āt* terlibat dengan dua masa sesi p&p dalam seminggu yang mengambil masa 60 minit setiap kelas kerana angka dua bermaksud dua jam kredit dan setiap satu kredit adalah bersamaan dengan satu jam kuliah seminggu yang dilaksanakan pada waktu p&p dari hari Isnin hingga Jumaat. Pelajar *shu'bah qirā'āt* mempelajari ketujuh-tujuh kursus *qirā'āt* tersebut selama enam belas minggu setiap semester pengajian. Jumlah jam kredit yang dipelajari oleh pelajar *shu'bah qirā'āt* bagi kursus-kursus *qirā'āt* ialah 32 jam bagi setiap kursus dan 224 jam bagi tujuh kursus sepanjang program diploma berbanding dengan pelajar *shu'bah-shu'bah* lain, jumlah jam kredit untk mempelajari dua kursus *qirā'āt* hanya sebanyak 64 jam kredit sahaja sepanjang pengajian.³²³

Kesimpulannya menunjukkan perbezaan yang amat ketara dalam jumlah jam kredit p&p dalam kursus *qirā'āt* antara pelajar *shu'bah qirā'āt* dan *shu'bah-shu'bah* lain. Ini jelas menunjukkan pelajar *shu'bah qirā'āt* diberi pendedahan yang mendalam berkaitan *qirā'āt* dari segi teori dan ilmi dan mampu menguasai kurikulum *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali*.

2.4.3 Objektif Mata Pelajaran

Objektif pendidikan dan pembelajaran merupakan suatu bentuk pernyataan yang mengandungi perkara-perkara yang akan dicapai oleh pengajar dan pelajar dalam

³²³Ab Malek bin Ab Manap (Ketua Jabatan al-Quran) dalam temu bual dengan penulis, 27 Julai 2013.

sesebuah sistem pendidikan. Ia merupakan asas kepada perkara yang perlu disampaikan, bagaimana pendidikan perlu disampaikan dan apakah kegunaannya setelah aktiviti pendidikan dan pembelajaran selesai. Penentuan objektifnya bergantung kepada skop, masa dan tempat sesuatu aktiviti pendidikan dan pembelajaran itu dilaksanakan.³²⁴

Objektif mata pelajaran bagi kursus-kursus *qirā'āt* di Darul Quran (DQ) dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran (MTQ) yang telah dirangka oleh unit kurikulum, cawangan Akademik Darul Quran, JAKIM. Setiap objektif kursus yang digubal akan berdasarkan indikator-indikator setiap hasil pembelajaran yang merangkumi menguasai ilmu asas, memiliki ilmu pengkhususan, berkebolehan dalam mengenalpasti dan menyelesaikan masalah, berkebolehan menjalankan penyelidikan, berkebolehan dalam komunikasi dan berkebolehan dalam pembelajaran berterusan dalam kursus Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali.³²⁵

Objektif mata pelajaran bagi kursus-kursus *qirā'āt* yang ditawarkan di DQ dan MTQ:

- i. Kursus Asas Qirā'āt 'Ilm
 - a. Memberi pendedahan asas-asas ilmu *qirā'āt*.
 - b. Mendedahkan kepada pelajar ilmu *qirā'āt* secara teori dan penggunaan istilah-istilah *qirā'āt*.
 - c. Memberi kefahaman kepada pelajar tentang *qirā'āt* lain selain *qirā'āt riwāyah* Hafṣ serta berkemampuan mempraktikkannya.³²⁶
- ii. Kursus Asas Qirā'āt Amali
 - a. Memberi pendedahan kepada pelajar tentang bacaan Qirā'āt Sab'ah secara praktikal. Sukatannya ialah surah al-Fatihah dan 2 *rubu'* dari awal surah al-Baqarah.

³²⁴ Abdul Rahim Hamdan. *Pengajian Kurikulum*. Ed.per-1 (UTM: Skudai, Johor, 2007), 43-44.

³²⁵ Mohd Nazri Abdullah (Ketua Unit Kurikulum, DQ) dalam temu bual dengan penulis, 3 Ogos 2013.

³²⁶ Darul Quran, Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan *al-Qirā'at* (2005, cet.ke-2, Kuala Kubu Bharu, Selangor: DQ, JAKIM, 2010), 15-17.

- b. Memberi kefahaman dan pendedahan tentang sebutan *qirā'āt* secara tepat dan betul secara *mushāfahah*.
 - c. Memberi pengetahuan dan kemahiran tentang perbezaan sebutan dan istilah *qirā'āt* di antara imam-imam seperti *ṣilah mīm al-jam'*, *ṣilah hā' al-ḍamīr*, *al-naql*, *al-imālah*, *al-taqlīl* dan lain-lain.³²⁷
- iii. Kursus Qirā'āt 'Ilm I
- a. Memberi pendedahan lanjut daripada Kursus Qirā'āt 'Ilm I iaitu tentang ilmu *qirā'āt* secara teori dan penggunaan istilah dalam pengajian.
 - b. Memberi kefahaman tentang bacaan *qirā'āt* selain daripada *riwāyah* Ḥafṣ 'an 'Āṣim.
 - c. Mengkaji bab *farsh al-Ḥurūf* surah al-Baqarah dan surah ali 'Imran.³²⁸
- iv. Kursus Qirā'āt 'Ilm II
- a. Pendedahan lanjut daripada Kursus Qirā'āt 'Ilm II iaitu tentang ilmu *qirā'āt* secara teori dan imam-imam *qirā'āt* sepuluh.
 - b. Memberi kefahaman tentang bacaan *qirā'āt* selain daripada *riwāyah* Ḥafṣ 'an 'Āṣim.
 - c. Mengkaji bab *farsh al-Ḥurūf* surah al-Nisa', al-Ma'idah, al-'An'am, al-'A'raf, al-Anfal dan al-Taubah.³²⁹
- v. Kursus Qirā'āt 'Amali I
- a. Mendedahkan ilmu *qirā'āt* dengan terperinci secara amali atau praktikal.
 - b. Memberi kefahaman tentang tajuk-tajuk yang berkaitan dengan *uṣūl qirā'āt* dan *farsh al-Ḥurūf*.
 - c. Memberi pendedahan kepada pelajar tiga jenis bacaan iaitu *riwāyah* Qālūn, *riwāyah* Warsh dan Qirā'āt Ibn Kathīr dengan kajian berdasarkan surah al-Baqarah.

³²⁷*Ibid.*, 36-38.

³²⁸*Ibid.*, 75-77.

³²⁹*Ibid.*, 84-86.

- d. Melahirkan *Huffāz* yang mahir dalam bidang *qirā'āt*.³³⁰
- vi. Kursus Qirā'āt Amali II
 - a. Pendedahan lanjut daripada Kursus Qirā'āt Amali I secara amali atau praktikal.
 - b. Pendedahan kepada pelajar empat jenis *qirā'āt* dengan kajian berdasarkan surah al-Baqarah.
 - c. Pendedahan kepada pelajar tentang Qirā'āt Abī 'Amrū, Qirā'āt Ibn 'Āmir dan 'Āṣim dalam surah al-Baqarah.³³¹
- vii. Kursus Qirā'āt Amali III
 - a. Pendedahan lanjut kepada pelajar dua jenis *qirā'āt* iaitu Qirā'āt Ḥamzah dan Qirā'āt Kisā'ī dengan kajian berdasarkan surah al-Baqarah.³³²

2.4.4 Hasil Pembelajaran Bagi Setiap Subjek

Terdapat beberapa hasil pembelajaran dan kemahiran yang diharapkan para pelajar menguasainya bagi setiap bidang iaitu:

- a) Qirā'āt 'Ilm I, Qirā'āt 'Ilm II dan Qirā'āt 'Ilm III

Terdapat enam hasil pembelajaran bagi subjek Qirā'āt 'Ilm I hingga Qirā'āt 'Ilm III iaitu memahami asas *Qirā'āt* Tujuh, mahir membezakan *uṣūl qirā'āt* dan *farsh al-Ḥurūf*, menguasai istilah-istilah penting dalam pengajian *qirā'āt*, memahami terdapat *Qirā'āt* Sepuluh serta menghafaz matan-matan Qirā'āt Shaṭḥbiyyah dan menguasai teori matan al-Shaṭḥbī dan al-Jazarī daripada bab al-Isti'ādḥah dan al-Basmalah sehingga bab *Farsh Ḥurūf* dari surah al-Baqarah sehingga surah al-Taubah.³³³

- b) Qirā'āt Amali I, Qirā'āt Amali II dan Qirā'āt Amali III

Hasil pembelajaran bagi subjek Qirā'āt Amali I hingga Qirā'āt Amali III ialah menguasai bacaan *uṣūl qirā'āt* dan *farsh al-Ḥurūf* dari segi praktikal, boleh membaca ayat-ayat al-Quran mengikut *Qirā'āt* Tujuh serta mahir dengan bacaan *farsh al-Ḥurūf*

³³⁰*Ibid.*, 78-80.

³³¹*Ibid.*, 87-89

³³²*Ibid.*, 106-108.

³³³Darul Quran, Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (2005, cet.ke-2, Kuala Kubu Bharu, Selangor: DQ, JAKIM, 2010), 17, 77, 86.

di dalam surah al-Baqarah sehingga surah al-Taubah dan mahir menyebut bacaan *qirā'āt* dari segi *ḥadhaf alif* dan *hamzah*, *ishmām al-Ṣād* seperti *al-Zāy*, *mad al-Munfaṣil*, *mad al-Muttaṣil*, *saktah* pada *alif lām ta'rīf*, *saktah* pada *shayy*, *saktah* pada *al-Mafṣūl*, *naql* ketika *waqf*, bacaan *ṣilah mīm jam'*, *ibdāl*, *tashīl* dan *rawm*.³³⁴

2.5 KANDUNGAN KURIKULUM PENGAJIAN *QIRĀ'ĀT* DI DQ DAN MTQ

Kandungan kurikulum *qirā'āt* bagi kursus-kursus *qirā'āt* Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di DQ, JAKIM dan MTQ merujuk kepada Buku Sukatan Kurikulum Diploma³³⁵ dibahagi mengikut 16 minggu pengajian.

2.5.1 Kursus Asas *Qirā'āt* 'Ilm

Setiap tajuk pengajaran dan pembelajaran dibahagikan mengikut 16 minggu pengajian. Pada minggu pertama para pelajar mempelajari “Pengenalan ilmu *Qirā'āt*, Adab Ilmu dan Latar Belakang Imam al-Shāṭibī. Pada minggu kedua dan ketiga ialah Bab “Muqaddimah Shāṭibī. Minggu keempat tajuk pengajaran ialah Bab al-Isti'ādah dan Bab al-Basmalah. Minggu kelima tajuk pengajaran ialah Surah ‘Um al-Qur’ān. Minggu keenam tajuk pengajaran ialah Bab *al-Idghām al-Kabīr*. Minggu ketujuh pengajaran ialah Bab *Hā' al-Kināyah* dan Bab *al-Mad*. Minggu kelapan ialah Bab *al-Mad* dan *al-Qaṣr*. Minggu kesembilan tajuk pengajaran ialah *al-Nūn al-Sakīnah* dan Bab *al-Hamzatayn*. Minggu kesepuluh tajuk pengajaran ialah Bab *al-Hamz al-Mufrad* dan *Bāb al-Naql wa al-Saktah*. Minggu kesebelas dan kedua belas tajuk pengajaran ialah Bab *Waqf Hamzah wa Hisyām 'ala al-Hamz*. Minggu ketiga belas dan keempat belas tajuk pengajaran ialah Bab *al-Fath wa al-Imālah*. Minggu terakhir pengajian pensyarah dan pelajar membuat ulangkaji tajuk-tajuk yang telah dipelajari.³³⁶

Rujukan utama yang digunakan dalam kursus ini ialah kitab *Matan al-Shāṭibiyyah al-Musammā Ḥirz al-'Amānī wa Wajh al-Tahānī fī al-Qirā'āt al-Sab'* yang ditulis oleh al-Imam al-'Allāmah al-Qāsim bin Firruḥ bin Khalaf bin Aḥmad al-Shāṭibī

³³⁴*Ibid.*, 38, 80, 89.

³³⁵*Ibid.*, 17.

³³⁶*Ibid.*, 17

al-Ru'aynī al-Andalūsī dan kitab Taqrīb al-Ma'ānī fī Sharh Ḥirz al-'Amānī fī al-Qirā'āt al-Sab' yang ditulis oleh Sayyid Lāshīn dan Khālid Muḥammad al-Ḥāfīz.³³⁷

2.5.2 Kursus Asas Qirā'āt Amali

Kursus ini berbentuk amali iaitu mempelajari surah al-Fatihah dan 2 *rubu'* dari awal surah al-Baqarah secara praktikal mengikut Qirā'āt al-Sab'. Tajuk pengajaran ditentukan berdasarkan jenis-jenis imam dan *rāwī* pada setiap minggu.

Pada minggu pertama sehingga minggu ketiga tajuk pengajaran ialah praktikal bacaan imam Nāfi'. Minggu keempat dan kelima ialah praktikal bacaan imam Ibn Kathīr. Pada minggu keenam ialah praktikal bacaan imam Abū 'Amrū. Minggu ketujuh dan kelapan ialah praktikal bacaan imam Ibn 'Āmir. Minggu kesembilan ialah praktikal bacaan imam 'Āsim. Minggu kesepuluh hingga minggu dua belas ialah praktikal bacaan imam Ḥamzah. Minggu ketiga belas dan keempat belas ialah praktikal bacaan imam Kisā'ī. Minggu kelima belas dan keenam belas ialah minggu ulangkaji tajuk-tajuk pengajaran yang telah dipelajari.³³⁸

2.5.3 Kursus Qirā'āt 'Ilmī I

Kursus ini merupakan kesinambungan tajuk-tajuk pengajaran bagi kursus Asas Qirā'āt 'Ilmī yang menggunakan Kitab Matan al-Shāṭibiyyah al-Musammā Ḥirz al-'Amānī wa Wajh al-Tahānī fī al-Qirā'āt al-Sab' yang ditulis oleh al-Imam al-'Alāmah al-Qāsim bin Firruh bin Khalaf bin Aḥmad al-Shāṭibī al-Ru'aynī al-Andalūsī dan kitab Taqrīb al-Ma'ānī fī Sharh Ḥirz al-'Amānī fī al-Qirā'āt al-Sab' yang ditulis oleh Sayyid Lāshīn dan Khālid Muḥammad al-Ḥāfīz.

Tajuk pengajaran minggu pertama ialah Bab *al-Waqf 'alā Awākhir al-Kalām*. Minggu kedua pula ialah Bab *al-Waqf 'alā Marsūm al-Khaf*. Manakala minggu ketiga dan keempat ialah Bab *Madhāhibihim fī Yā'āt al-Idāfah*. Minggu kelima dan minggu keenam ialah Bab *Yā'āt al-Zawāid*. Minggu ketujuh hingga minggu kesebelas ialah Bab

³³⁷*Ibid.*

³³⁸*Ibid.*, 38.

Farsh al-Hurūf surah al-Baqarah. Minggu ke dua belas hingga minggu keempat belas ialah Bab *Farsh al-Hurūf* surah Ali Imran. Minggu ulangkaji diadakan pada minggu kelima belas dan keenam belas.³³⁹

2.5.4 Kursus Qirā'āt 'Ilm II

Kursus ini juga merupakan kesinambungan tajuk-tajuk yang dipelajari dalam Kursus Qirā'āt 'Ilm I. Tajuk-tajuk pengajaran berkisarkan pada Bab *Farsh al-Hurūf* dari minggu pertama hingga minggu keempat belas tetapi surah-surah yang berlainan mengikut minggu pengajaran iaitu surah al-Nisa' dipelajari pada minggu pertama dan minggu kedua. Surah al-Ma'idah pada minggu ketiga dan minggu keempat. Pada minggu kelima dan minggu kesembilan ialah surah al-An'am. Surah al-A'raf dipelajari pada minggu kesepuluh hingga minggu kedua belas. Manakala minggu ketiga belas ialah surah al-Anfal dan minggu keempat belas ialah surah al-Taubah. Minggu ulangkaji diadakan pada minggu kelima belas dan minggu keenam belas.³⁴⁰

2.5.5 Kursus Qirā'āt Amali I

Aspek pengajaran dan pembelajaran kursus ini menumpukan *qirā'āt* secara praktikal bagi bacaan Surah al-Baqarah mengikut riwāyah Qālūn, riwāyah Warsh dan qirā'āt Ibn Kathīr. Kursus ini merupakan lanjutan bagi kursus Asas Qirā'āt Amali.

Riwāyah Qālūn dipelajari pada minggu pertama sehingga minggu keempat. Minggu kelima hingga minggu kesepuluh ialah riwāyah Warsh. Qirā'āt Ibn Kathīr pula pada minggu kesebelas sehingga minggu keempat belas. Minggu kelima belas dan minggu keenam belas ialah merupakan minggu ulangkaji.³⁴¹

2.5.6 Kursus Qirā'āt Amali II

Kursus ini memfokuskan aspek pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* secara amali dan praktikal bagi bacaan surah al-Baqarah mengikut qirā'āt Abū 'Amrū yang dipelajari dari minggu pertama sehingga minggu ketujuh, qirā'āt Ibn 'Āmir dipelajari pada minggu

³³⁹*Ibid.*, 77.

³⁴⁰*Ibid.*, 86.

³⁴¹*Ibid.*, 38.

kelapan sehingga minggu kedua belas dan qirā'āt 'Āṣim pada minggu ketiga belas dan minggu keempat belas pengajian. Manakala minggu kelima belas dan minggu keenam belas merupakan minggu ulangkaji. Kursus ini merupakan kesinambungan bagi kursus Qirā'āt Amali I.³⁴²

2.5.7 Kursus Qirā'āt Amali III

Kursus ini juga mendedahkan para pelajar bacaan surah al-Baqarah mengikut qirā'āt Ḥamzah pada minggu pertama sehingga minggu kesembilan dan qirā'āt Kisā'ī pada minggu kesepuluh sehingga minggu keempat belas secara praktikal dan amali. Manakala pada minggu kelima belas dan minggu keenam belas dikhususkan untuk membuat ulangkaji terhadap sesi pembelajaran lepas. Kursus ini merupakan lanjutan bagi kursus Qirā'āt Amali II.³⁴³

2.6 KITAB RUJUKAN

Rujukan utama yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* bagi Kursus Asas Qirā'āt 'Ilm, Kursus Asas Qirā'āt Amali, Kursus Qirā'āt 'Ilm I, Kursus Qirā'āt 'Ilm II, Kursus Qirā'āt Amali I, Kursus Qirā'āt Amali II dan Kursus Qirā'āt Amali III ialah Kitab Matan al-Shāṭibiyyah al-Musammā Ḥirz al-'Amānī wa Wajh al-Tahānī fī al-Qirā'āt al-Sab' yang ditulis oleh al-Imam al-'Allāmah al-Qāsim bin Firruḥ bin Khalaf bin Ahmad al-Shāṭibī al-Ru'aynī al-Andalūsī dan kitab Taqrīb al-Ma'ānī fī Sharḥ Ḥirz al-'Amānī fī al-Qirā'āt al-Sab' yang ditulis oleh Sayyid Lāshīn dan Khālīd Muḥammad al-Ḥāfīz. Terdapat juga buku-buku rujukan tambahan yang digunakan dalam proses p&p pengajian *qirā'āt* iaitu:

- i. Al-Idā'ah fī Bayān Usūl Qirā'āt oleh 'Alī Muḥammad al-Ḍabbā'.
- ii. Al-Irsyādāt al-Jaliyyah fī al-Qirā'āt al-Sab' min Ṭarīqay al-Shāṭibiyyah wa al-Durrah oleh 'Abd al-Fattāḥ al-Qādī.
- iii. Al-Wāfī Sharḥ al-Shāṭibiyyah oleh 'Abd al-Fattāḥ al-Qādī.

³⁴²*Ibid.*, 80.

³⁴³*Ibid.*, 89.

- iv. Irshād al-Murīd fī Sharh al-Qaṣīd oleh ‘Alī Muḥammad al-Dabbā’.
- v. Al-Idāh li Matan al-Durrah fī al-Qirā’āt al-Thalāth al-Mutammimah li al-Qirā’āt al-‘Ashr li al-Imām Ibn al-Jazarī oleh ‘Abd al-Fattāḥ al-Qādī.³⁴⁴

2.7 KAEDAH PENILAIAN

Penilaian memberikan maklum balas terhadap keberkesanan pengajaran dan objektif pengajaran. Pengukuran dan pengujian bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang tingkah laku pelajar. Oleh itu, sebelum dapat membina ujian atau instrumen, guru perlu memastikan tingkah laku yang ingin diukur atau diuji seperti yang dilaksanakan dalam pengajarannya.³⁴⁵

Setiap kurikulum mempunyai penilaian bagi mengetahui keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kursus tersebut. Kurikulum *qirā’āt* dinilai oleh para pensyarah secara berterusan melalui dua kaedah³⁴⁶:

a) Peperiksaan Akhir

Peperiksaan akhir diadakan selepas selesai minggu pengajian selama 16 minggu. Peperiksaan ini diadakan pada setiap semester pengajian. Markahnya dinilai berdasarkan ketepatan jawapan para pelajar sebanyak 60 peratus.

b) Penilaian Berterusan

Setiap pensyarah kursus yang terlibat dengan p&p akan memberi penilaian berterusan kepada pelajar iaitu:

- i. Kerja kursus mengandungi penilaian bagi pembentangan, kuiz, ujian, kertas kerja, kerja amali, kerja kursus yang diadakan di sepanjang semester. Para pensyarah akan menilai berdasarkan hasil tugas pelajar sebanyak 30 peratus.

³⁴⁴ Azhari Othman, (Pensyarah *Qirā’at*, DQ) dalam temu bual dengan penulis, 5 Mei 2013.

³⁴⁵ Vincet Pang & Denis Lajium, Penilaian dalam Pendidikan. (UNIMAS: Kota Kinabalu Sabah, 2010), 32.

³⁴⁶ Darul Quran, JAKIM, Persidangan Pengetua-pengetua Ma’ahad Tahfiz al-Quran Negeri Peringkat Kebangsaan kali ke 22 (laporan resolusi bengkel penilaian, Darul Quran, JAKIM, 29 Mac 2011), 1-3.

ii. Kehadiran

Pensyarah akan memberi markah sebanyak 10% bagi kehadiran dan komitmen para pelajar sepanjang minggu pengajian juga turut dinilai supaya menarik minat pelajar untuk hadir ke kelas dan mengelakkan para pelajar tidak memahami silibus pengajian.³⁴⁷

Peperiksaan akhir bagi Kursus *Qirā'āt* yang berbentuk ilmi atau teori iaitu Kursus Asas *Qirā'āt* 'Ilm, Kursus *Qirā'āt* 'Ilm I dan Kursus *Qirā'āt* 'Ilm II adalah secara bertulis, manakala bagi peperiksaan akhir yang berbentuk amali iaitu Kursus Asas *Qirā'āt* Amali, Kursus *Qirā'āt* Amali I, Kursus *Qirā'āt* Amali II dan Kursus *Qirā'āt* Amali III ialah secara *shāfawī* atau praktikal.³⁴⁸

Jadual 2.5. Gred Prestasi Akademik Pelajar DQ dan MTQ Bagi Kurikulum *Qirā'āt*

Julat M Arkah	Gred	Mata Nilai	Taraf Pencapaian
80-100	A	4.0	<i>Imtiyāz</i> (Cemerlang)
70-79	B	3.5	<i>Jayyid Jiddan</i> (Amat Baik)
60-69	B	3.0	<i>Jayyid</i> (Baik)
55-59	C	2.5	<i>Maqbūl</i> (Lulus)
50-54	C	2.0	<i>Maqbul</i> (Lulus)
45-49	D	1.5	<i>Maqbul</i> (Lulus)
40-44	D	1.0	<i>Maqbul</i> (Lulus)
0-39	F	0	<i>Rāsib</i> (Gagal)

Sumber: Bahagian Peperiksaan Darul Quran

Semua keputusan peperiksaan akan dicatat dan didokumentasikan dalam rekod akademik setiap pelajar. Semua markah dalam semua peperiksaan akan dianalisis untuk menentukan purata timbunan mata nilai gred sebagai perkiraan prestasi akademik. Setiap keputusan yang melepasi gred prestasi akademik lulus akan melayakkan setiap pelajar meneruskan pengajian semester yang berikutnya. Ukuran keputusan ini dibuat

³⁴⁷*Ibid.*

³⁴⁸Usamah bin Mohd Muhsin (Pensyarah *Qirā'at*, MTQMSA) dalam temu bual dengan penulis 1 September 2013.

berdasarkan keputusan semua nilai pada akhir setiap semester pengajian.³⁴⁹ Gred dan mata gred yang diberikan untuk menilai prestasi akademik pelajar bagi Kurikulum *Qirā'āt* adalah seperti dalam Jadual 2.5 di atas dan Jadual 2.6 di bawah.

Jadual 2.6. Gred Prestasi Akademik Pelajar DQ Dan MTQ Bagi Kurikulum *Qirā'āt*

Bil	Gred	Nilaian Gred	Catatan
1	XK	Dihalang	Tidak cukup kehadiran.
2	TL	Tidak Lengkap	tidak menyelesaikan tugas atau peperiksaan yang diperlukan oleh sesuatu kursus dengan kebenaran pensyarah. Pelajar diberi satu tempoh tertentu untuk melengkapkan tugas dan ujian untuk penilaian penuh daan gred.
3	TD	Tarik diri.	Pelajar menarik diri daripada kursus dengan kebenaran pensyarah dalam masa 4 minggu pertama pengajian.
4	TH	Tidak Hadir	tidak hadir tanpa kebenaran iaitu pelajar tidak hadir peperiksaan tanpa kebenaran
5	TK	Tidak Hadir dengan kebenaran	Tidak hadir peperiksaan dengan kebenaran atau sakit

Sumber: Bahagian Peperiksaan Akademik Darul Quran.

Setiap pelajar wajib menyempurnakan semua kursus-kursus yang menjadi prasyarat penganugerahan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat JAKIM dengan gred pencapaian yang telah diluluskan serta memenuhi peruntukan-peruntukan yang telah dibuat oleh Bahagian Peperiksaan Akademik Darul Quran JAKIM dan MTQ. Pangkat yang diberikan bagi GPA dan CGPA untuk menilai prestasi akademik pelajar adalah seperti jadual 2.7 dibawah.

Jadual 2.7. Penilaian Prestasi Akademik Pelajar DQ dan MTQ Bagi KQ

Bil	Gred	Pangkat
1.	3.75-4.00	<i>Imtiyāz</i> (Cemerlang)
2.	3.25-3.74	<i>Jayyid Jiddān</i> (Sangat Baik)
3.	2.51-3.24	<i>Jayyid</i> (Baik)
4.	2.0-2.5	<i>Maqbūl</i> (Lulus)
5.	0-1.9	<i>Rāsib</i> (Gagal)

Sumber: Bahagian Peperiksaan Akademik Darul Quran

³⁴⁹Mohd Fazli Ibrahim, (Ketua Unit Peperiksaan DQ) dalam temu bual dengan penulis, 15 Oktober 2013.

2.8 RANCANGAN MENGAJAR PENSYARAH

Rancangan Mengajar ialah suatu rancangan yang ditulis oleh guru dengan menggunakan format yang standard. Ia dihasilkan daripada kemampuan guru untuk merancang pengajarannya berdasarkan isi-isi kandungan dari tajuk yang telah ditetapkan dalam sukatan pelajaran yang telah disusun dalam rancangan semester atau mingguan. Perancangan pengajaran hendaklah mematuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan seperti langkah-langkah pengajaran, isi kandungan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran ialah bahan utama yang menjadi sumber bagi merancang pengajaran.³⁵⁰

Rancangan Mengajar merupakan suatu program yang dicerakin dan disusun atur dengan teliti yang disediakan oleh guru sebagai panduan bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Asas kepada rancangan mengajar ialah sukatan yang disediakan oleh pihak tertentu seperti KPM, KPT dan sebagainya. Sukatan itu perlu sebagai rujukan utama untuk menentukan tahap, kadar dan skop kemahiran bagi suatu tahun pengajaran. Rancangan Pengajaran ini mengandungi maklumat umum pengajaran seperti subjek dan tajuk, tarikh, hari, kelas, masa, tajuk besar dan sub tajuk, tempat dan jumlah pelajar selain maklumat lengkap Rancangan Pengajaran seperti objektif, alat bantu mengajar, maklumat sedia ada pada pelajar, isi pengajaran, induksi set, kemahiran yang hendak diterapkan, aktiviti yang disusun mengikut urutan yang terkandung pendekatan dan kaedah p&p dan penggunaan Bahan Bantu Mengajar selain catatan anggaran kadar masa yang hendak digunakan bagi satu objektif.³⁵¹

³⁵⁰ Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam: KPLI Pengajian Islam & j-QAF* ed.ke-2, (Oxford Fajar: Selangor, 2011), 220.

³⁵¹ Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, ed.per-1, (cet.per-1, UTM: Skudai Johor, 2007), 222-224.

Setiap para pensyarah akan menyediakan rancangan mengajar semester dan rancangan mengajar semester dalam kurikulum *qirā'āt*. Pelaksanaan Rancangan Mengajar akan dipantau dan disahkan oleh Ketua Jabatan sebanyak 3 kali seminggu.³⁵²

2.9 PELAKSANAAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN QIRĀ'ĀT DI DQ DAN MTQ

Pengkaji telah mengenalpasti beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* yang diamalkan di DQ dan MTQ:

2.9.1 Kaedah Kuliah

Kaedah ini merupakan proses pengajaran dan pembelajaran yang terpenting dalam penguasaan ilmu *qirā'āt* (*Qirā'āt 'Ilm*), ditambah dengan tuntutan markah kehadiran sebanyak 10% mewajibkan para pelajar untuk menghadirinya. Terdapat dua metode yang digunakan dalam kaedah ini iaitu:

2.9.1(a) Metode Membaca *Matan*

- i. Pensyarah akan membacakan *matan-matan qirā'āt* dengan *sharh matan*.
- ii. Para pelajar akan mendengar dan meneliti setiap *matan-matan* yang dibaca dalam kitab rujukan mengikut silibus pengajian.
- iii. Para pelajar juga diarahkan membaca *matan* dan *sharh matan* sambil pensyarah mendengar dan memantau setiap bacaan *matan* tersebut supaya tidak berlaku kesilapan baris.³⁵³
- iv. Teknik secara individu atau berkumpulan berdasarkan pemilihan secara rambang dalam kalangan pelajar digunakan oleh pensyarah dalam kaedah membaca baris-baris *matan* supaya pelajar memberi tumpuan yang tinggi ketika pelajar lain membaca bacaan tersebut.

³⁵² Ab Malik bin Ab Manaf (Ketua Jabatan al-Quran, Darul Quran, JAKIM) dalam temu bual dengan penulis 2 Jun 2013.

³⁵³ *Ibid.*

Proses p&p yang melibatkan metode membaca *matan* dan *sharh* matan sama ada secaraberamai-ramai atau individu yang dilaksanakan ini amat penting di dalam meningkatkan penguasaan dalam hafazan *matan-matan qirā'āt*.³⁵⁴

2.9.1(b) Metode *Sharh Matan*

Metode memberi penerangan secara umum tentang kaedah *qirā'āt* imam contoh bab *imālah* dan *zawāt al-yā'* tiada berkait dengan ayat-ayat al-Quran tetapi dalam bentuk 30 juzu' al-Quran daripada bab al-Isti'ādah hingga bab *Yā'āt al-Zawā'id* dan akan membuat perbandingan bacaan perawi-perawi dalam satu imam.

Kesimpulannya pensyarah akan menghuraikan *matan-matan qirā'āt* yang telah dibaca oleh para pelajar dengan beberapa teknik:

- 1) Menerangkan *rumūz ifrād* yang terdapat di dalam matan.
- 2) Menerangkan *rumūz jāmi'* yang terdapat di dalam *matan*.
- 3) Menerangkan maksud *sharh* yang terdapat di dalam *matan qirā'āt* dalam bahasa Melayu.
- 4) Membezakan bentuk-bentuk bacaan *qirā'āt* yang terdapat di dalam *matan* tersebut mengikut *sharh matan*.
- 5) Menunjukkan contoh-contoh ayat al-Quran yang menjadi *dalīl* dalam *matan* tersebut dalam *Farsh Hurūf* daripada surah al-Baqarah berdasarkan silibus *qirā'āt* dalam *Qirā'āt Amali*. Contoh bacaan imam Nāfi', pensyarah akan menyuruh para membuat perbandingan antara dua orang *rāwī* iaitu bacaan imam Qālūn dan imam Warsh.
- 6) Membuat rumusan dan kesimpulan bentuk-bentuk bacaan *qirā'āt* yang digunapakai mengikut imam dan *rāwī-rāwīnya*.³⁵⁵

³⁵⁴Hasil Pemerhatian pengkaji di kelas semester lima Ibn Kathīr di DQ pada 2 Mei 2013.

³⁵⁵Nadiah binti Jaamat (Pensyarah *Qirā'at* di MTQMSA) dalam temu bual dengan penulis, 10 September 2013.

Antara ciri-ciri penyampaian kuliah yang berkesan ialah dengan suara dan syarahan yang jelas supaya difahami pendengaran dan mempunyai kemahiran yang mampu menarik perhatian pelajar dalam memberi penumpuan yang tinggi dalam subjek.³⁵⁶

2.9.2 Kaedah Hafazan

Kaedah ini penting kerana dapat menguatkan, mengembangkan ingatan dan mampu mengeluarkan semula dengan lengkap.³⁵⁷ Ianya juga memerlukan kesungguhan, ketekunan penghafaz untuk megingatkan apa yang dipelajari secara lisan dan bertulis.³⁵⁸

Metode ini merupakan asas utama dalam bidang pengajian *qirā'āt* untuk meningkatkan tahap kefahaman serta kemahiran dalam menguasai ilmu *qirā'āt* mengikut silibus p&p dan *manhaj* bacaan imam-imam *qirā'āt* berdasarkan ingatan yang kuat dalam *dalil-dalil* atau *matan-matan qirā'āt*.

Menurut Ghazali Darussalam³⁵⁹ terdapat tiga peringkat hafazan iaitu menghafaz semata-mata, menghafaz serta memahami apa yang dihafaz dan yang paling mantap ialah menghafaz beserta memahami dan menganalisa apa yang diingati. Aktiviti-aktiviti yang sering diamalkan dalam kaedah hafazan ialah:

- i. Para pelajar diberi tugas untuk menghafaz *matan-matan* Qirā'āt al-Shāṭibī serta *dalīl-dalīl* tertentu untuk tajuk-tajuk yang akan datang supaya memudahkan proses pembelajaran dan kefahaman p&p *qirā'āt* yang dipelajari.³⁶⁰
- ii. Pensyarah juga mengamalkan teknik tebuk melalui pemilihan secara rawak dalam kaedah hafazan.
- iii. Kaedah tasmik tidak digunakan dalam proses p&p kerana hafaz seluruh matan bukan merupakan tugas wajib.

³⁵⁶Husnī Shaykh 'Uthmān, *Uṣūl Tadrīs al-Tajwīd 'alā Riwāyah Hafṣ 'an 'Āsim min Ṭarīq al-Shāṭibīyyah* (cet.per-1, Mekah al-Mukarramah: Dār al-Ṭayyibah al-Hadrā', 1426H/2005M) 46-48.

³⁵⁷Ghazali Darussalam, *Pedagogi Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2004), 265

³⁵⁸Ahmad Mohd Salleh. *Pendidikan Islam Falsafah, (Sejarah dan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran)* (Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd, 2004), 185.

³⁵⁹Ghazali Darussalam, *Pedagogi Pendidikan*, 265.

³⁶⁰Ikmal Shukri bin Zulkifli (Pensyarah *Qirā'at* di DQ) dalam temu bual dengan penulis, 10 Julai 2013)

- iv. Waktu yang sering diaplikasikan oleh pelajar untuk menghafaz matan ialah waktu lapang antara waktu maghrib dan waktu isyak.³⁶¹
- v. Pensyarah akan memberi tugas kerja kursus secara berterusan kepada pelajar dengan menghafaz lima hingga sepuluh *bayt matan* untuk persediaan tajuk-tajuk *qirā'āt* yang akan dipelajari.
- vi. Teknik ulangan *dalil-dalil* atau *matan-matan* dikenakan kepada para pelajar yang tidak menguasai hafazan.³⁶²

2.9.3 Kaedah *Talaqqī* dan *mushāfahah*

Kaedah *talaqqī* ialah satu kaedah pertemuan antara guru dan murid iaitu secara bersemuka untuk mengikut guru membaca dan menyebut ayat-ayat al-Quran secara *mushāfahah* iaitu secara mengikut bacaan guru secara melihat pergerakan bibir semasa proses p&p seperti yang digunakan oleh Rasulullah dalam proses penurunan al-Quran melalui malaikat Jibril.³⁶³

Kaedah ini menunjukkan aktiviti-aktiviti yang sering diamalkan dalam proses p&p *Qirā'āt Amali* ialah:

- i. Pensyarah membaca ayat-ayat al-Quran mengikut *manhaj* bacaan imam-imam *qirā'āt*.
- ii. Para pelajar berada dalam keadaan senyap serta khusyu' mendengar bacaan pensyarah sambil meneliti setiap ayat-ayat yang dibaca di dalam al-Quran.
- iii. Para pelajar juga memerhati sebutan ayat-ayat al-Quran yang betul melalui pergerakan mulut dan bibir pensyarah.

³⁶¹Pelajar-pelajar Semester Lima Kelas Ibn Kathīr (Darul Quran) dalam temu bual dengan penulis, 14 Oktober 2013.

³⁶²Borhanudin bin Abdul Rahman (Pensyarah *Qirā'at* di IQT, terengganu) dalam temu bual dengan penulis pada 10 September 2013.

³⁶³Abd al-Salām Maqbal al-Majīdī, *Talaqqī al-Nabī Alfāz al-Qur'ān al-Karīm* (cet.per-1, Beirut, Lubnan: Mu'assasah al-Risālah, 2000), 199.

- iv. Pensyarah akan menerangkan tempat-tempat *khilāf* yang berlaku antara imam-imam *qirā'āt* sebagai contoh Qirā'āt Abū Amrū dengan Ibn 'Āmir.
- v. Pensyarah juga akan menyuruh pelajar menyambung bacaan *qirā'āt* - *qirā'āt* lain yang telah dipelajari sebagai ulangkaji tajuk-tajuk yang lepas.
- vi. Para pelajar dapat membezakan antara bacaan *qirā'āt* imam-imam dan *rāwī-rāwīnya* dan dapat membunyikan bacaan *qirā'āt* dengan betul dan tepat di dalam bentuk-bentuk bacaan *qirā'āt*.
- vii. Pensyarah juga menggunakan teknik latih tubi dengan sentiasa bertanya kepada para pelajar *dalīl-dalīl* bacaan imam-imam yang telah dihafaz supaya pelajar tidak lupa dalam waktu p&p³⁶⁴
- viii. Proses *talaqqī* juga menggunakan teknik *talqīn* dan metode *tīkrar* iaitu yang berulang-ulang kali³⁶⁵ yang diamalkan oleh para pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* apabila kesilapan bacaan *qirā'āt* dan tajwid.³⁶⁶

Metode *tīkrar* merupakan satu cara untuk berjaya dengan cemerlang dalam penguasaan ilmu hafazan iaitu berulang-ulang kali menyebutnya sehingga ingatan menjadi kuat.³⁶⁷

Bahkan metode pengulangan ini membantu proses pemahaman pelajar terhadap isi kandungan yang kurang difahami. Inilah metode yang disarankan oleh Ibn Khaldūn bahawa kepentingan mengulangi isi kandungan pengajaran sehingga sebanyak tiga kali pengulangan dalam proses p&p.³⁶⁸

³⁶⁴Mohamed Tahir bin Abd Manap (Pensyarah *Qirā'at* dan Ketua Unit HEP, Darul Quran) dalam temu bual dengan penulis, 21 Jun 2013.

³⁶⁵Abd al-Salām Maqbal al-Majīdī, *Talaqqī al-Nabī*, 130.

³⁶⁶Ab Malek bin Ab Manaf (Ketua Jabatan al-Quran, Darul Quran, JAKIM) dalam temu bual dengan penulis, 2 Jun 2013.

³⁶⁷Sharīf Kamal 'Azb, *Kaifa Taqra' al-Qur'ān al-Karīm wa Tahfazuhu wa Tajawwaduahu* (cet. per-1, al-Qāherah: Dār al-Taqwā, 1421H/2001M), 49.

³⁶⁸Ibn Khaldūn, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, terj. Dewan Bahasa dan Pustaka, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 763-764.

2.9.4 Kaedah *Simā'*

Kaedah *simā'* ini amat penting dipraktikkan dalam pengajian *qirā'āt* kerana untuk membantu para pelajar menyebut lafaz-lafaz al-Quran dan bentuk-bentuk *qirā'āt* dengan *ṣahīh*. Al-Quran atau *qirā'āt* tidak boleh dipelajari melainkan dengan cara *talaqqī* dan *mushāfahah* yang dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w dan para sahabat.³⁶⁹ Bahkan *manhaj* Rasulullah dalam p&p *qirā'āt* juga dapat disimpulkan dengan lima teknik antaranya ialah *tasmī'* agar dapat membetulkan kesilapan bacaan atau sebutan *qirā'āt*.³⁷⁰

Pensyarah akan menggunakan kaedah ini ketika dalam proses p&p *Qirā'āt* Amali dengan mendengar satu persatu setiap bacaan *qirā'āt* yang dibaca oleh para pelajar sama ada secara individu yang dipilih secara rawak.³⁷¹

2.9.5 Kaedah Soal Jawab

Kaedah soal jawab merupakan satu kaedah yang berkesan dalam p&p sehingga boleh mewujudkan keadaan dua hala yang positif antara guru dan pelajar dan memberi kepuasan kepada pelajar dalam memahami apa yang dipelajari.³⁷² Lantaran itu, pengkaji melihat setiap pensyarah amat menekankan pelbagai aktiviti-aktiviti dalam sesi soal jawab semasa kelas *qirā'āt* iaitu:

- i. Pensyarah menamatkan sesi pengajian dengan bertanya kepada para pelajar berkaitan topik kuliah dan syarahan yang telah diajar.
- ii. Kaedah soal jawab ini juga dilakukan pada awal waktu p&p berkaitan tajuk-tajuk lepas yang telah dipelajari.³⁷³

³⁶⁹Syarīf Kamal 'Azb, *Kaifa Taqra'*, 48-49.

³⁷⁰Sharifah Norshah bani Syed Bidin et.al, *Pelaksanaan Manhaj Rasulullah dalam p&p Kelas al-Quran bagi Golongan Dewasa*, Jurnal Keluaran Khas, Disember 2011 (Terengganu: Fak.Pengajian Kontemporari Islam UNISZA), 55.

³⁷¹Hasil pemerhatian yang dilakukan pada pelajar shu'bah *qirā'āt* 2 Oktober 2013 di MTQMSA.

³⁷²Abdullah al-Amin al-Na'imy, *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994), 157.

³⁷³Osman bin Ahmad (Pensyarah *Qirā'āt* di MTQ INTIM, Perak) dalam temu bual dengan penulis, 13 Julai 2013.

- iii. Para pelajar diberi peluang yang sangat luas untuk bertanya topik yang kurang difahami ketika sesi p&p berlangsung berkaitan dengan isi-isi syarahan atau kalimah-kalimah arab yang kurang difahami.³⁷⁴
- iv. Para pelajar memberi respon yang sangat positif dengan bertanya *manhaj* bacaan imam yang kurang difahami ketika proses p&p berlangsung tetapi dalam keadaan menjaga adab-adab seorang pelajar.³⁷⁵
- v. Kaedah ini juga digunakan dalam proses mengulangkaji tajuk-tajuk yang telah dipelajari sebelum bermula tajuk baru dalam p&p *qirā'āt*.³⁷⁶

Kaedah ini juga yang sering dipraktikkan oleh Rasulullah di dalam pengajarannya kepada para sahabat. Menurut Abū Fattāḥ al-Ghuddah³⁷⁷ kaedah dialog dan soal jawab dapat menarik perhatian pendengar dan mengajak mereka agar berfikir dengan menggunakan idea yang lebih bernas.

2.9.6 Kaedah Perbincangan Dalam Kumpulan

Kaedah ini digunakan pada setiap kali sesi p&p *qirā'āt* untuk meningkatkan kefahaman pelajar. Menurut Ibn Khaldūn³⁷⁸ kaedah perbincangan ini mampu meningkatkan tahap keintelektualan para pelajar. Aktiviti-aktiviti kaedah perbincangan dalam kumpulan yang dilaksanakan dalam p&p *qirā'āt* ialah:

- i. Para pelajar akan membincangkan *matan-matan qirā'āt* dan *manhaj* bacaan imam-imam dalam bentuk *ḥalaqah* secara berkumpulan ketika waktu p&p bersama pensyarah.
- ii. Pensyarah akan memberi tugas kerja kursus baru dengan merujuk kitab dan nota tambahan yang disediakan oleh pensyarah kepada pelajar yang masih tidak

³⁷⁴Pemerhatian dalam kelas semester lima Nafi', DQ pada 3 November 2013.

³⁷⁵Pemerhatian dalam kelas semester lima Nafi' DQ dengan penulis, 4 November 2013.

³⁷⁶Rasidah Ashaary (Pensyarah *Qirā'at* di IQT, Terangganu) dalam temu bual dengan penulis, 10 September 2013.

³⁷⁷Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah al-Ḥalabī al-Sūrī, *Al-Rasūl al-Mu'allim*, dirumikan oleh Shuhadak Mahmud dalam 40 teknik Rasulullah Mengajar (Seremban: al-Azhar Media, 2013), 132.

³⁷⁸Ibn Khaldūn, *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, 764.

memahami dan kurang mahir dengan *matan-matan qirā'āt* dan *manhaj* bacaan imam-imam.³⁷⁹

Ini bertepatan dengan al-Qābisi³⁸⁰ bahawa teknik berkumpulan ini mampu memberi pendedahan kepada para pelajar di antara yang mahir dan lemah supaya guru mengetahui tahap kefahaman dan penguasaan di antara mereka.

2.9.7 Kaedah Pembentangan

Kaedah ini akan meningkatkan kefahaman dan penguasaan *qirā'āt* dalam kalangan para pelajar, ini jelas dibuktikan dengan hasil kajian menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang sangat signifikan antara faktor kecemerlangan serta penguasaan dengan teknik halaqah dalam pengajaran dan pembelajaran secara berkumpulan yang akan memberi kesan kepada hasil pembelajaran dan kemahiran yang tinggi dan pembentukan nilai-nilai akhlak yang mulia.³⁸¹

Kaedah ini merupakan tugas wajib yang diberi pemarkahan di dalam subjek *qirā'āt*. Aktiviti-aktiviti pembentangan yang dilaksanakan dalam p&p *qirā'āt* ialah:

- i. Para pelajar diberi tugas dengan membincangkan tajuk-tajuk khusus berkaitan dengan *qirā'āt* secara berkumpulan dalam tempoh seminggu.
- ii. Pembentangan akan dilakukan dalam kelas bersama ahli kumpulan dengan menggunakan papan putih dan terdapat juga pelajar yang menggunakan ABM lain seperti komputer, telefon bimbit, MP3 dan sebagainya.
- iii. Di akhir pembentangan para pensyarah akan bertanya secara rawak tentang topik berkaitan dengan membuat kesimpulan atau rumusan topik-topik yang telah dibincangkan dalam kumpulan.³⁸²

³⁷⁹Pelajar-pelajar semester lima (MTQ MAIK) dalam temu bual dengan penulis, 1 Januari 2014.

³⁸⁰Abd Allāh al-Amīn al-Na'imī, *Kaedah dan Teknik Pengajaran*, 228.

³⁸¹Amad bin Sayf bin 'Abd al-Rahmān al-'Abd al-Latīf, *Āthār Ḥalaqāt Tahfīz al-Qur'ān al-Karīm 'Alā al-Taḥsīl al-Dirāsī wa al-Qayyīm al-Khuluqīyyah* (cet.per-1, al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'ūdiyyah :Dār Kunūz Ishbiliyyan, 1431H/2010M), 114.

³⁸²Usamah bin Mohd Muhsin (Pensyarah *Qirā'at* di MTQMSA, di Melaka) dalam temu bual dengan penulis, 4 Oktober 2013.

2.10 PENUTUP

Pengajian *Qirā'āt* telah mula dilaksanakan sejak penubuhan Darul Quran pada tahun 1966 dan diikuti dengan penyertaan empat belas buah Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz lain yang menggunakan kurikulum yang sama berpandukan silibus kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM sejak tahun 1984 sehingga 2011.

Semua program yang ditawarkan di DQ dan MTQ berbentuk program diploma berbanding dengan kebanyakan ma'ahad tahfiz swasta yang menawarkan program aliran tahfiz dan aliran tahfiz dan *al-Qira'āt* sejak sekolah menengah.

Program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM yang ditawarkan ini mengambil masa selama tiga tahun pengajian dan yang paling maksimum selama empat tahun. Objektif utama DQ dan MTQ ialah melahirkan *Huffāz* yang mahir dalam bidang *qirā'āt* serta memahami ilmu *qirā'āt* secara teori dan amali. Para pelajar yang mengikuti program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM wajib mengambil tujuh subjek yang berkaitan Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali berpandukan Kitab Matan al-Shāṭibiyah al-Musammā Ḥirz al-'Amānī wa Wajh al-Tahānī fī al-Qirā'āt al-Sab' yang ditulis oleh al-Imam al-'Allāmah al-Qāsim bin Firruḥ bin Khalaf bin Ahmad al-Shāṭibī al-Ru'aynī al-Andalūsī dan kitab Taqrīb al-Ma'ānī fī Sharḥ Ḥirz al-'Amānī fī al-Qirā'āt al-Sab' yang ditulis oleh Sayyid Lāshīn dan Khālid Muḥammad al-Ḥāfīz.

Malahan kaedah-kaedah penilaian yang dilaksanakan dalam sistem pemarkahan terbahagi kepada dua bahagian iaitu peperiksaan akhir sebanyak enam puluh peratus dan penilaian berterusan yang merangkumi tiga puluh peratus kerja kursus iaitu seperti kertas kerja, kuiz, ujian dan sebagainya serta sepuluh peratus markah kehadiran.

Kaedah kuliah ialah kaedah yang paling popular digunakan dalam proses p&p Qirā'āt 'Ilm. Manakala kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* merupakan kaedah yang sering digunakan dalam proses p&p Qirā'āt Amali. Terdapat juga kaedah-kaedah p&p lain

yang diamalkan dalam proses pengajian *qirā'āt* seperti kaedah hafazan, *simā'*, soal jawab, perbincangan dan pembentangan.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN LAPANGAN

3.1 PENGENALAN

Bab ini akan mengemukakan metodologi yang digunakan dalam penyelidikan ini. Perbincangan metodologi yang digunakan dalam kajian ini tertumpu kepada aspek reka bentuk kajian, lokasi, populasi, sampel dan kaedah persampelan, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian, metode kajian, prosedur pengumpulan data serta kaedah penganalisan data.

Metodologi adalah satu cara atau sistem yang dilakukan dalam menjalankan sesuatu kajian. Menurut Kamus Dewan, metodologi adalah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.³⁸³ Metodologi juga adalah cara yang dilakukan untuk mencari jawapan melalui satu tatacara saintifik.³⁸⁴ Saintifik bermaksud sesuatu aktiviti yang terhasil daripada proses pembuktian secara sistematik.³⁸⁵

Penentuan dan pemilihan metode dalam setiap kajian amat penting kerana kesilapan membentuk metode kajian boleh mengakibatkan berlakunya kepincangan hasil kajian. Kepentingan metodologi terhadap sesuatu kajian adalah untuk memandu kepada kajian yang tepat dan kajian dapat ditadbir dengan sempurna.³⁸⁶ Oleh kerana itu metode adalah perkara terpenting dalam sesuatu kajian ilmiah kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran kajian.³⁸⁷

³⁸³ *Kamus Dewan*, ed. ke-4. (cet. per-1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1030, entri "metodologi".

³⁸⁴ Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial* (DBP:Kuala Lumpur, 1992), 4.

³⁸⁵ Mohammad Najib Abdul Ghafur, *Penyelidikan Pendidikan* (Universiti Teknologi Malaysia: Skudai, 2001), 15.

³⁸⁶ Altridge, Jill, Fraser dan Barry, "Investigating Classroom Environments in Taiwan and Australia with Multiple Research Methods", *Journal of Educational Research* No.1 Washington D&C Vol.93, (Sept/Okt 1999), 48-62.

³⁸⁷ Imam Barnadib, *Arti dan Sejarah Metode Pendidikan* (T.C Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-KIP, 1982), 51.

Metodologi kajian penting dalam menentukan himpunan data yang diperlukan dalam penyelidikan kerana ia berkaitan prosedur dan cara pengolahan data bagi menyelesaikan atau menjawab persoalan penyelidikan.³⁸⁸

Kajian ini merupakan satu kajian penilaian pengajian *qirā'āt* dalam program Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dengan mengadaptasi kerangka teori model konteks, input, produk dan proses yang berorientasikan pembaikan dengan memfokuskan kepada penilaian produk dan proses bagi tujuan membuat keputusan tetapi bukan secara sepenuhnya mengikut kerangka teori model CIPP. Model yang diperkenalkan oleh Stufflebeam bertujuan untuk membuat penilaian adalah untuk memperbaiki bukan untuk membuktikan. *“The CIPP approach is based on the view that the most important purpose of evaluation is not to prove but to improve”*.³⁸⁹

Kajian seperti ini pernah digunakan oleh Ghazali Darussalam (2003) terhadap kursus diploma perguruan melalui soal selidik dan temuduga terhadap 262 sampel kajian.³⁹⁰ Juga pernah digunakan untuk menentukan penilaian sesuatu pengajian tahfiz selepas beberapa lama berlangsung.³⁹¹ Di Malaysia, kajian seperti ini digunakan bagi meninjau dan mengukur penilaian dengan menggunakan model proses, input dan produk atau *outcomes*.³⁹²

Kajian ini dijalankan berasaskan kepada penggunaan sukatan kurikulum pengajian *qirā'āt* bagi program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat yang digubal pada tahun bagi sesi pengambilan pelajar tahun 2011 hingga 2014. Pada umumnya,

³⁸⁸ Azizi Yahya et.al., *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan* (Wangsa Melawati, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd, 2007), 13.

³⁸⁹ Madaus, G.F., Scriven, M.S., & Stufflebeam, D.L., *Evaluation Models, Viewpoints on Educational and Human Services Education* (Boston: Kluwer-Nijhoff Publishing, 1993), 118.

³⁹⁰ Ghazali Darussalam, “Keberkesanan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (Pengkhususan Pengajian Islam) di Maktab-Maktab Perguruan Malaysia” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003), 144-151.

³⁹¹ Azmil bin Hashim, “Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Ma’ahad Tahfiz al-Quran Negeri” (tesis kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 2010), iv.

³⁹² Zawawi Ismail, “Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama” (tesis kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 2008), iv.

penyelidik akan menggunakan kaedah *survey* dan data dianalisis secara statistik deskriptif. Kajian ini dibuat dengan menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif melalui teknik pungutan data secara triangulasi (soal selidik dan ujian *shafawī* serta temu bual dan pemerhatian) bagi menjawab empat persoalan kajian yang mengukur sejauh manakah penilaian pengajian *qirā'āt*?

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan keseluruhan rangka projek penyelidikan yang akan menyatakan jenis kajian yang hendak dijalankan, jenis maklumat yang dikumpul, daripada mana sumber maklumat yang perlu dikumpul dan kaedah maklumat diperolehi.³⁹³ Kajian ini ialah kajian deskriptif yang menggabungkan dua bentuk kajian iaitu kuantitatif dan kualitatif secara triangulasi untuk menemukan jawapan kepada permasalahan penyelidikan yang telah ditetapkan.

Menurut Mohd Majid, penyelidikan deskriptif adalah satu bentuk penyelidikan yang bertujuan untuk mengumpul maklumat dan menerangkan apa yang sedang berlaku.³⁹⁴ Pengkaji akan menggunakan kaedah ini untuk menjelaskan pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* yang dilaksanakan di Darul Quran dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran dari aspek pendekatan kuantitatif iaitu pengkaji menggunakan kaedah tinjauan (*survey*) dengan mengedarkan soal selidik kepada para pelajar dan akan bertindak sebagai instrumen utama bagi kerja-kerja pemerolehan data melalui sampel yang telah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi dan mengadakan ujian *shafawī qirā'āt* dalam kalangan pelajar secara bertujuan dalam mengkaji “Penilaian Pelaksanaan Kurikulum *Qirā'āt* di Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia”.

Reka bentuk ini bertujuan memperoleh maklumat umum melalui kutipan yang menyeluruh dari suatu populasi. Manakala dari aspek kualitatif, pengkaji menggunakan

³⁹³Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (1990, cet. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 13.

³⁹⁴*Ibid.*, 25.

kaedah temu bual semi berstruktur dan pemerhatian yang terlibat dengan program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat.

Penyelidik memilih reka bentuk kajian deskriptif kerana dapat memberikan perihal fenomena dan keadaan pelaksanaan kurikulum yang mempunyai pelbagai aspek dan faktor yang perlu diterokai termasuklah menganalisa, menghurai dan menginterpretasikan dokumen-dokumen kurikulum *qirā'āt* daripada aspek kurikulum, keadaan pelaksanaan kurikulum, proses pelaksanaan pengajaran *qirā'āt* pensyarah dan proses pembelajaran pelajar serta pencapaiannya.

Kajian deskriptif selalunya dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik tentang fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat.³⁹⁵ Pharnit Singh et.al menjelaskan penyelidikan dalam bentuk yang paling asas melibatkan deskriptif fenomena semulajadi manusia atau buatan manusia iaitu daripada segi bentuk, tindakan, perubahan mengikut masa dan persamaan dengan fenomena lain. Penyelidikan ini adalah sejenis penyelidikan kuantitatif yang membuat deskriptif teliti tentang fenomena pendidikan.³⁹⁶

Reka bentuk penyelidikan kajian ini pada keseluruhannya adalah berupa tinjauan. Kaedah tinjauan digunakan bertujuan untuk menjelaskan secara spesifik sifat-sifat sampel dan pengumpulan maklumat ini dilakukan bagi mengkaji pada satu skop yang lebih mendalam.³⁹⁷ Kaedah ini banyak mempunyai kelebihan kerana data-data yang dikumpul boleh digeneralisasikan bagi menghasilkan dapatan kajian yang mantap, boleh mengukur kriteria, pemungutan data boleh melalui pelbagai cara seperti soal

³⁹⁵Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis* (Universiti Putra Malaysia: Serdang, 2002), 42.

³⁹⁶Pharmjit Singh dan Chan Yuen Fook, *Panduan Komprehensif Penulisan Cadangan Penyelidikan* (Shah Alam: UPENA, UITM, 2010), 100.

³⁹⁷Richard M.Jager, *Survey Research Methods in Education: Complementary Methods for Research in Education* (Washington: American Educational Research Association, 1998), 303.

selidik, temu bual, pemerhatian dan maklumat boleh ditadbir melalui sistem pengekodan data.³⁹⁸

Dalam kajian ini aspek yang hendak dilihat ialah tahap penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* dalam kalangan pelajar Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran. Ia melibatkan pelajar semester enam daripada pelbagai latar belakang iaitu institusi, aliran dan jantina. Semua dapatan kuantitatif dan kualitatif diulas dan dianalisa bersama supaya dapatan kajian ini berasaskan penumpuan maklumat daripada pelbagai sumber bukannya daripada data soal selidik dan pemerhatian secara berasingan. Bagi tujuan pengumpulan data, penyelidik akan menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan digunakan untuk mendapatkan data kuantitatif tentang latar belakang pensyarah dan pandangan mereka terhadap kurikulum *qirā'āt*, kandungan kurikulum, amalan pengajaran *qirā'āt*, pelaksanaannya dan hasil pencapaiannya di DQ dan MTQ. Malahan kaedah ini juga digunakan untuk mendapatkan data kuantitatif tentang latar belakang pelajar, pandangan pelajar terhadap kurikulum, kandungan KQ, amalan pembelajaran *qirā'āt*, pelaksanaannya dan pencapaiannya di DQ dan MTQ.

Kaedah tinjauan bukan sahaja bermula daripada bentuk reka bentuk klasik (*classic research design*) bahkan pengkaji-pengkaji moden masih menggunakan hingga sekarang kerana kekuatan kaedah tinjauan terletak kepada kemampuannya menganalisis data-data berbentuk kualitatif dan kuantitatif.³⁹⁹

Data kuantitatif ini diperincikan dan disokong oleh data kualitatif yang diperolehi melalui pemerhatian kelas dan temu bual yang diadakan oleh penyelidik kepada responden pelajar dan pensyarah. Kedua-dua instrumen ini memperincikan data berkaitan dengan aspek proses pelaksanaan p&p kurikulum *qirā'āt* yang menyentuh tentang kaedah, aktiviti serta penggunaan alat bantu mengajar *qirā'āt* yang

³⁹⁸Charles M.Judd, Eliot R.Smith and Louise H.Kidder, *Research Methods in Social Relations* International Edition, Sixth Edition, (London: Harcourt Brace Jovonovich College Publishers, 1991), 353.

³⁹⁹Daniel L.Stufflebeam and Anthony, J.Shinkfield, *Systematic Evaluation: A Self Instructional Guide to Theory and Practice* (Boston: Kluwer-Nojh off Publishing, 1984), 170.

dilaksanakan. Temu bual juga digunakan dalam aspek proses untuk memperincikan data berkaitan aspek matlamat, objektif, kandungan serta peruntukan masa p&p KQ, proses pengajaran *qirā'āt* dan tahap pencapaian dalam KQ.

3.3 LOKASI KAJIAN

Dalam kajian ini DQ dan MTQ telah dipilih untuk dijalankan kajian ini di mana justifikasi pemilihan telah dinyatakan sebelum ini. Kajian ini dilaksanakan di Darul Quran dan sembilan buah Ma'ahad Tahfiz al-Quran yang menggunakan kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM. Lokasi kajian seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1. Senarai Nama Institusi Kajian

Bil.	Nama Institusi
1.	Darul Quran (DQ)
2.	Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN)
3.	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak (INTIM)
4.	Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang
5.	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat (Yayasan Islam Perlis)
6.	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Kelantan (MAIK)
7.	Institut al-Quran Terengganu (IQT)
8.	Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)
9.	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Sabah
10.	Ma'ahad Tahfiz Masjid Syaidina Ali Bukit Katil Melaka (MTQMSA)

Sumber: Unit Akademik Darul Quran

Lokasi kajian tidak melibatkan empat buah institusi MTQ kerana tiada pelajar yang terlibat sebagai responden kajian iaitu:

- 1) Institut Pengajian Islam (INSPI) di Yayasan Islam Terengganu.
- 2) Institut Kemahiran Majlis Agama Sarawak (IKMAS).
- 3) Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Kedah.
- 4) Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Pulau Pinang (KITAB).

Pengkaji telah memilih aliran shu'bah *qirā'āt* kerana mereka terlibat secara sepenuhnya dan belajar dengan lebih mendalam dalam kurikulum *qirā'āt* secara ilmi dan amali dengan mempelajari tujuh subjek *qirā'āt* iaitu Asas Qirā'āt 'Ilm, Asas Qirā'āt

Amali, Qirā'āt 'Ilm I, Qirā'āt 'Ilm II, Qirā'āt Amali I, Qirā'āt Amali II dan Qirā'āt Amali III.

Jadual 3.2. Maklumat dan Populasi Pelajar Semester Enam DQ dan MTQ

Institusi	Maklumat Pelajar Aliran Shu'bah				
	Qirā'āt	Syariah	Dakwah	Hadith	Muamalat
Darul Quran	70	46	33	35	30
Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan	22				
Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak (INTIM)	10				
Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang	10	8			
Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat (Yayasan Islam Perlis)	4				
Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Kelantan (MAIK)	25				
Institut al-Quran Terengganu	19				
Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)	6				
Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Sabah	11				
Institut Pengajian Islam (INSPI) di Yayasan Islam Terengganu			21		
Ma'ahad Tahfiz Masjid Syaidina Ali Bukit Katil Melaka	14				
Institut Kemahiran Majlis Agama Sarawak IKMAS			13		
KITAB Pulau Pinang	0				
Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Kedah	0				
Jumlah	191	54	80	35	30

Sumber: Unit Peperiksaan DQ

Pemilihan pelajar semester enam aliran shu'bah qirā'āt ini dibuat kerana secara khususnya mereka telah menghabiskan keseluruhan kandungan kurikulum *qirā'āt* sepanjang tempoh pengajian mereka di DQ dan MTQ dari semester satu hingga semester enam.⁴⁰⁰ Jadual 3.2 di atas menunjukkan maklumat dan populasi pelajar semester enam di DQ dan MTQ.

⁴⁰⁰Mohd Nazri Abdullah (Ketua Unit Kurikulum DQ) dalam temu bual dengan penulis, 24 November 2013.

3.4 POPULASI KAJIAN

Populasi dalam Kamus Dewan bermaksud jumlah semua orang yang mendiami sesuatu tempat (negara, negeri, daerah dsbg).⁴⁰¹ Dalam sesuatu penyelidikan populasi bermaksud keseluruhan individu untuk mengumpulkan semua unsur yang dikaji, yang mana kesimpulan tentangnya sedang cuba dibuat.⁴⁰² Fraenkel dan Norman menjelaskan populasi ialah: ... *to all the members of a particular group, it's the group of interest to the researcher, the group to whom the researcher would like to generalize the results of study.*⁴⁰³

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada :

- a) Pensyarah yang terlibat dengan proses p&p kurikulum *qirā'āt*:

Jadual 3.3. Bilangan Pensyarah *Qirā'āt* Mengikut DQ dan MTQ

Bil	Institusii	Jumlah Responden
1	Darul Quran, JAKIM	16
2	Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)	4
3	Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan	3
4	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak (INTIM)	3
5	Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang	4
6	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat (Yayasan Islam Perlis)	3
7	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat (MAIK), Kelantan	3
8	Institut al-Quran Terengganu	4
9	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Sabah	2
10	Ma'ahad Tahfiz Masjid Syaidina Ali Bukit Katil Melaka	4
Jumlah		46

Sumber: Unit Pentadbiran DQ

- b) Pelajar semester enam di Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran yang terlibat proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ secara amali antara 18 tahun hingga 21 tahun berjumlah sekitar 191 orang seperti di dalam jadual di bawah.⁴⁰⁴

⁴⁰¹ *Kamus Dewan*, ed. ke-4. (cet. per-1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1225, entri "populasi".

⁴⁰² Richard L. Levin and David S. Rubin, *Statistic Untuk Pengurusan* terj. Susila Munisamy dan Halimah (Petaling Jaya: Rintice Hall, 2000), 11.

⁴⁰³ Fraenkel Jack R. and Norman E. Wallen, *How to Design and Research* (USA: Mc Graw Hill, Inch, 1996), 44.

⁴⁰⁴ Unit Akademik, Senarai Pelajar di DQ dan MTQ, Darul Quran 2012.

Jadual 3.4. Populasi Kajian Berdasarkan Institusi dan Aliran

Bil.	Nama Institusi	<i>Shu'bah Qirā'āt</i>
1.	Darul Quran	70
2.	Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan	22
3.	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak (INTIM)	10
4.	Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang	10
5.	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat (Yayasan Islam Perlis)	4
6.	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Kelantan (MAIK)	25
7.	Institut al-Quran Terengganu	19
8.	Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)	6
9.	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Sabah	11
10.	Ma'ahad Tahfiz Masjid Syaidina Ali Bukit Katil Melaka	14
Jumlah		191

Sumber: Unit Akademik, Darul Quran

Kajian ini bertujuan untuk menilai kurikulum *qirā'āt* yang dilaksanakan di DQ dan MTQ, maka populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar tahfiz semester enam aliran *shu'bah qirā'āt* yang mengikuti program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat yang telah dikenalpasti berjumlah 191 orang. Pelajar semester enam dipilih dalam kajian ini adalah kerana mereka telah habis mempelajari kurikulum *qirā'āt* dari segi teori dan amali. Ini dapat memberi gambaran yang jelas bagaimana pelaksanaan kurikulum tersebut di lokasi kajian berdasarkan pengalaman pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt*. Kajian ini juga melibatkan populasi pensyarah yang mengajar subjek *qirā'āt* di DQ dan MTQ yang menjadi lokasi kajian seramai 46 orang.

3.5 SAMPEL DAN KAEDAH PERSAMPELAN

Kamus Dewan menjelaskan sampel ialah bahagian (bilangan, kumpulan dsbg) yang kecil yang mewakili bahagian yang jauh lebih besar (biasanya dijadikan contoh untuk penelitian, kajian dan sebagainya). Persampelan adalah proses memilih sampel secara rawak.⁴⁰⁵ Sampel adalah sekumpulan kecil unsur yang telah diambil daripada satu rangka persampelan. Sampel juga mewakili sesuatu populasi dalam sebarang tinjauan di

⁴⁰⁵ *Kamus Dewan*, ed. ke-4. (cet. per-1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1382, entri "sampel".

mana tinjauan ini bertujuan untuk membuat kesimpulan tentang populasi berdasarkan maklumat yang terkandung dalam sampel.⁴⁰⁶

Sampel ialah sebahagian individu yang diambil melalui persampelan bagi mewakili sesuatu populasi yang dikaji atau sebahagian individu dalam populasi. *Sampling* pula ialah proses memilih sejumlah individu untuk tujuan kajian, manakala persampelan ialah cara untuk mendapatkan maklumat bagi menyelesaikan sesuatu masalah tanpa menggunakan seluruh ahli sesuatu populasi.⁴⁰⁷

Bagi Fraenkel dan Norman sampel adalah ... *any part of population of individuals on whom information is obtained.*⁴⁰⁸ Dalam penentuan sampel kajian, tiada pun satu peraturan khusus bagaimana sesuatu sampel yang mencukupi telah dirumuskan kerana setiap situasi membentangkan masalahnya yang tersendiri walaupun terdapat formula pengiraan sampel bagi sesuatu populasi.⁴⁰⁹

Dalam hubungan ini, L.R.Gray menjelaskan bahawa:

*... in general, the minimum number of subjects believed to be acceptable for study depend upon the type of research involved. For descriptive research, a sample of 10% of the population considered minimum. For smaller population 20% may be required. For correlation studies at least 30% subjects are needed to established the existence or non existence of a relationship, for causal-comparative studies and many experimental studies with tight experimental controls may be valid with a few as it subject per group.*⁴¹⁰

Merujuk kepada teori ini menunjukkan minimum sampel bagi sesuatu kajian adalah berdasarkan kepada bentuk kajian yang dilakukan. Bagi kajian deskriptif, minimum sampel adalah 10% daripada jumlah populasi, 20% bagi jumlah yang lebih kecil dan kajian kolerasi sekurang-kurangnya 30%.

⁴⁰⁶Ahmad Mahdzan Ayob, *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi: Suatu Pengenalan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983), 45.

⁴⁰⁷Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan* (1990, cet. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 63.

⁴⁰⁸Fraenkel Jack R, *How to Design*, 111.

⁴⁰⁹Robert V.Krejcie dan Darylen W.Morgan, *Determining Sample Size for Research Activitie dalam Educational and Psychological Measurement*", Vol.30. (Duluth: University of Minnersota, 1970), 607-610.

⁴¹⁰L.R.Gray, *Educational Research: Competencies for Analysis and Application* (New York: Macmillan Publishing Company, 1992), 138.

Menurut Fraenkel, J.R jumlah sampel haruslah didapatkan sebanyak mungkin. Namun dicadangkan bahawa minimum sampel dalam kajian berbentuk deskriptif ialah 100, 50 sampel bagi kajian korelasi dan 30 sampel bagi setiap kumpulan diperlukan dalam *experimental methods* dan *causal comparative*.⁴¹¹

Kajian ini menggunakan dua jenis sampel iaitu sampel pelajar dan sampel pensyarah. Bilangan saiz sampel pelajar dan pensyarah ditentukan berdasarkan perkiraan oleh Krejcie dan Morgan dalam *Educational and Psychological Measurement* jika populasi dalam 191 orang saiz sampel yang dicadangkan ialah 127 orang dan populasi dalam bilangan 46 orang pula, bilangan saiz sampel pensyarah ialah 40 orang.⁴¹²

Pemilihan responden dalam kalangan pelajar adalah dipilih secara rawak berstrata dan seimbang (*proportionate stratified random sampling*). Pemerhatian dan temu bual diadakan dari 10 Januari sehingga 15 April 2014. Persampelan ini termasuk di dalam kategori persampelan kebarangkalian. Ia merujuk kepada prosedur persampelan sama ada secara rawak mudah atau persampelan sistematik di mana sekumpulan subjek akan dipilih secara seimbang sebagai responden kajian.⁴¹³

Pengkaji boleh menggunakan pengalaman sendiri tentang saiz sampel untuk mengenalpasti sama ada sesuatu sampel itu mewakili populasi atau sebaliknya.⁴¹⁴ Secara umumnya, pengkaji dalam persampelan ini untuk memastikan sampel kajian dapat mewakili populasi sebenar pelajar dan pensyarah di DQ dan MTQ iaitu:

1. Sampel pensyarah yang melaksanakan p&p kurikulum *qirā'āt* diperolehi daripada DQ dan sembilan buah MTQ yang terpilih. Memandangkan jumlah pensyarah yang sedikit antara dua hingga lima orang di MTQ ditambah dengan

⁴¹¹Fraenkel Jack R, *How to Design*, 111.

⁴¹²Robert V.Krejcie dan Darylen W.Morgan, *Determining Sample Size*, 607-610.

⁴¹³Uma Sekaran, *Research Methods For Bussiness A Skill-Building Approach* ed.ke-4, (Inc: US Amerika: John Wiley&Sons, 2003), 272-273.

⁴¹⁴Mok Soon Sang. *Literature dan Kaedah Penyelidikan* terb.1 (Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd, 2009), 89.

hanya enam belas pensyarah di DQ, penyelidik mengambil keputusan memilih semua pensyarah yang terlibat di lokasi kajian. Pemilihan ini membolehkan penyelidik mendapatkan jumlah sampel yang besar ini akan membawa kepada lengkung normal dan menjamin nilai-nilai populasi kajian. Ini menjadikan jumlah sampel semua pensyarah ialah 46 orang menunjukkan terdapat pertambahan seramai enam orang seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.5 iaitu:

Jadual 3.5. Bilangan Pensyarah *Qirā'āt* Mengikut DQ dan MTQ

Bil	Institusi	Jumlah Responden
1	Darul Quran, JAKIM	16
2	Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)	4
3	Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan	4
4	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak (INTIM)	3
5	Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang	4
6	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat (Yayasan Islam Perlis)	3
7	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat (MAIK), Kelantan	3
8	Institut al-Quran Terengganu	3
9	Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Sabah	2
10	Ma'ahad Tahfiz Masjid Syaiddina Ali Bukit Katil Melaka	4
Jumlah		46

Sumber: Hasil Temu bual dengan DQ dan MTQ 1 hingga 30 November 2013

Pengkaji akan memilih individu yang dapat maklumat di dalam bidang kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ. Bagi kajian ini, ciri-ciri pelajar yang diperlukan telah ditetapkan oleh pengkaji ialah pelajar yang berumur antara 18 hingga 21 tahun yang terdiri daripada majoriti pelajar lelaki dan minoriti pelajar perempuan kerana ini adalah had umur syarat-syarat kelayakan untuk memasuki DQ dan jumlah pelajar-pelajar lelaki yang melebihi daripada jumlah pelajar perempuan, pelajar semester enam yang terlibat dengan proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum *qirā'āt* secara ilmi dan amali serta mempunyai tahap pencapaian akademik yang pelbagai sama ada tinggi, sederhana atau rendah.

Daripada ciri-ciri responden yang telah ditetapkan, responden telah dipilih dengan menggunakan persampelan rawak mudah iaitu satu teknik pemilihan sampel

yang memberikan peluang yang sama kepada semua untuk dipilih. Dalam menentukan saiz sampel dan subjek kajian, pengkaji telah memilih seramai 136 responden pelajar sebagai sampel merujuk kepada data statistik Krejcie dan Morgan di mana bagi populasi seramai 191 orang, bilangan minimum saiz sampel yang diperlukan ialah seramai 127 orang daripada jumlah populasi. Ini menunjukkan terdapat pertambahan sebanyak sembilan orang.⁴¹⁵

Jadual 3.6. Pemilihan Sampel Mengikut Teknik *Proportionate Stratified Random Sampling*

Nama Institusi	Jumlah	Jumlah Sample <i>Proportionate Sampling</i> (71.2%)
Darul Quran	70	49
Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan	22	16
Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak (INTIM)	10	7
Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang	10	7
Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat (Yayasan Islam Perlis)	4	3
Institut al-Quran Terengganu	19	14
Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Kelantan (MAIK)	25	18
Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)	6	4
Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Sabah	11	8
Institut Pengajian Islam (INSPI) di Yayasan Islam Terengganu	0	0
Ma'ahad Tahfiz Masjid Syaidina Ali Bukit Katil Melaka	14	10
Institut Kemahiran Majlis Agama Sarawak IKMAS	0	0
Jumlah	191	136

Sumber: Laporan Peperiksaan DQ dan MTQ

Pertambahan ini dilakukan adalah untuk untuk menyelaraskan jumlah populasi dan sampel yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Bilangan ini merupakan 7.08% daripada jumlah populasi. Pengagihan responden mengikut institusi pula, pengkaji akan menggunakan persampelan berdasarkan (*proportionate stratified random sampling*) Sekaran di mana peratus *proportionate sampling* ialah 71.2% daripada jumlah

⁴¹⁵Krejcie, *Determining Sample Size*, 607-610.

keseluruhan populasi.⁴¹⁶ Ini menjadikan kajian ini hanya terbatas kepada seperti dalam jadual di atas:

Kesimpulannya jumlah sampel yang dipilih melebihi saiz sampel yang dipilih memenuhi keperluan dan kriteria kajian ini berdasarkan jumlah minimum bilangan sampel yang diperlukan bagi pembolehubah-pembolehubah bebas yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

3.6 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik pelajar, soal selidik pensyarah, ujian *shafawī qirā'āt*, pemerhatian, satu set soalan temu bual berstruktur pelajar serta satu set temu bual pensyarah. Pengkaji membina instrumen kajian berdasarkan objektif kajian ini, soalan kajian ini, silibus kurikulum *qirā'āt* Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM, kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini dan literatur berkaitan dengan kajian ini.

Empat jenis instrumen dijalankan untuk mendapatkan data kuantitatif dan data kualitatif. Data kuantitatif diperolehi melalui soal selidik yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu soal selidik A diedarkan kepada pensyarah yang mengajar subjek *qirā'āt* dan soal selidik B diedarkan kepada pelajar semester 6 yang mengikuti kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM serta melalui ujian *shafawī qirā'āt* yang dijalankan kepada para pelajar dan soal selidik yang diedarkan kepada tujuh orang pakar. (Sila lihat lampiran I). Data kualitatif diperolehi melalui pemerhatian dan temu bual bagi memperincikan dan menyokong data kuantitatif.

3.6.1 Soal Selidik

Soal selidik (*survey*) merupakan salah satu kaedah yang banyak menggunakan soalan-soalan selidik untuk mengumpul data. Tujuan utama menggunakan soal selidik dalam penyelidikan ialah untuk mengenalpasti fakta-fakta yang boleh digunakan untuk

⁴¹⁶Uma Sekaran, *Research Methods*, 273.

menguji hipotesis atau menambah kebolehpercayaan dan kesahan sesuatu teori. Umumnya soal selidik digunakan untuk meninjau isu umum, ciri populasi, program nasional dan sebagainya dengan tujuan mengukur atau menghuraikan ciri-ciri umum.⁴¹⁷ Penggunaan soal selidik adalah lebih praktikal dan berkesan jika saiz sampel adalah besar.⁴¹⁸

Soal selidik merupakan alat kajian utama kerana ia adalah merupakan cara yang paling berkesan untuk mendapatkan maklumat daripada bilangan responden yang ramai. Soal selidik berbentuk satu senarai soalan-soalan yang bertulis yang disediakan oleh pengkaji yang difikirkan merangkumi subjeknya dengan menyenaraikan soalan-soalan yang terang dan senang difahami.⁴¹⁹

Soal selidik telah direka bentuk berpandukan objektif kajian serta menjawab persoalan-persoalan kajian. Penyelidik membahagikan soal selidik kepada dua set iaitu set soal selidik A yang diedarkan kepada para pensyarah yang terlibat dengan p&p subjek *qirā'āt* dan set soal selidik B yang diedarkan kepada para pelajar semester 6 *shu'bah qirā'āt*. Set soal selidik yang digunakan adalah soal selidik jawapan dipilih.

Dalam instrumen kajian ini, penyelidik menyediakan borang soal selidik sebagai data utama kajian yang terdiri daripada 142 item untuk soal selidik guru dan sebanyak 117 item untuk soal selidik pelajar dengan menggunakan skala lima tahap iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Kurang Setuju (KS), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS) dalam item penilaian KQ, Kandungan KQ dan Pencapaian KQ. Manakala item penilaian pelaksanaan KQ pula dengan menggunakan skala likert iaitu Tidak (TP), Jarang-jarang (JJ), Kadang-kadang (KK), Kerap (K) dan Amat Kerap (AK) daripada skala (1) hingga (5). Interpretasi terhadap nombor-nombor dan skala-skala ini seperti dalam jadual di bawah:

⁴¹⁷Mok Soon Sang, *Literature dan Kaedah Penyelidikan*, 185.

⁴¹⁸Moh Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan*, 1998, 202.

⁴¹⁹Samaruddin Rejab & Nazri Abdullah, *Panduan Menulis Tesis* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982), 30.

Jadual 3.7. Skala Likert Lima Mata Dan Interpretasi Dalam Semua Komponen Penilaian

Skala	Penilaian KQ, Kandungan KQ dan Pencapaian KQ	Penilaian Pelaksanaan KQ
1.	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Pernah (TP)
2.	Tidak Setuju (TS)	Jarang-jarang (JJ)
3.	Kurang setuju (KS)	Kadang-kadang (KK)
4.	Setuju (S)	Kerap (K)
5.	Sangat Setuju (SS)	Amat Kerap (AK)

Sumber: Uma Sekaran 2003

3.6.1(a) Soal Selidik Pensyarah

Soal selidik A diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pensyarah yang mengajar subjek *qirā'āt* sahaja. Keseluruhan responden pensyarah yang terlibat dalam kajian ini ialah 46 orang di Darul Quran JAKIM dan sembilan Ma'ahad Tahfiz al-Quran (MTQ) di Malaysia. Ia mengandungi lima bahagian penting iaitu Bahagian A, B, C, D, dan E. Soal selidik pensyarah dilampirkan dalam lampiran C.

3.6.1(a) i. Bahagian A

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang terdiri demografi pensyarah. Ia merangkumi nama institusi, jantina, umur, tahap pengajian, pengalaman mengajar *qirā'āt*, kekerapan menghadiri kursus, tugas utama dan anugerah yang pernah diperolehi.

3.6.1(a) ii. Bahagian B

Sebanyak 34 item tentang penilaian terhadap kurikulum *qirā'āt*. Ia terdiri sejauh mana pentingnya kurikulum *qirā'āt* ini dilaksanakan di DQ dan MTQ dari aspek keperluan pendidikan *qirā'āt*, matlamat, objektif, kesesuaian kurikulum *qirā'āt* dan penilaian sendiri pensyarah.

3.6.1 (a) iii. Bahagian C

Bahagian C pula terdiri daripada penilaian perkara-perkara yang menyentuh item-item tentang pelaksanaan kandungan kurikulum *qirā'āt* yang merangkumi silibus, peruntukan masa dan kemudahan ABM iaitu sebanyak 23 item.

3.6.1 (a) iv. Bahagian D

Bahagian ini ialah penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Qirā'āt 'Ilm yang mengandungi 22 item dan Qirā'āt Amali yang mengandungi 22 item dari aspek kaedah, aktiviti dan 7 item dari aspek penggunaan alat bantu mengajar *qirā'āt*.

3.6.1 (a) v. Bahagian E

Manakala bahagian ini ialah penilaian yang memperlihatkan pencapaian pelajar terhadap hasil pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* yang mengandungi 26 item.

3.6.1 (b) Soal Selidik Pelajar

Soal selidik pelajar ialah soal selidik yang diedarkan kepada pelajar semester enam yang mengikuti Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di Darul Quran JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran (MTQ). Jumlah responden dalam kajian ini ialah 136 orang pelajar. Soal selidik ini juga merangkumi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B pula terdiri daripada empat komponen. Soal selidik pelajar dilampirkan dalam lampiran D.

3.6.1(b) i. Bahagian A

Bahagian A mengandungi soalan-soalan yang menyentuh latar belakang pelajar yang meliputi nama institusi, jantina, kelulusan memasuki DQ atau MTQ, pernah belajar *qirā'āt*, pernah mendengar bacaan *qirā'āt* selain riwayat Ḥafṣ sebelum ke DQ atau MTQ, pendorong mempelajari *qirā'āt* serta tahap penguasaan *qirā'āt*, al-Quran dan tajwid.

3.6.1.1 (b) ii. Bahagian B

Bahagian ini mengandungi 4 komponen utama iaitu penilaian kurikulum *qirā'āt* yang terdiri daripada 6 item. Komponen kedua pula ialah penilaian kandungan kurikulum *qirā'āt* yang terdiri daripada item-item tentang silibus, peruntukan masa dan kemudahan alat bantu mengajar dalam kurikulum *qirā'āt* yang mempunyai 26 item. Manakala komponen ketiga ialah penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Qirā'āt 'Ilm iaitu 23 item dan Qirā'āt Amali sebanyak 21 item dari aspek kaedah, aktiviti, dan

penggunaan alat bantu mengajar *qirā'āt* sebanyak 7 item serta aspek penilaian pencapaian iaitu penguasaan terhadap hasil p&p pengajian *qirā'āt* mengandungi 25 item.

3.6.2 Ujian *Shafawī Qirā'āt*

Ujian *shafawī qirā'āt* dalam kajian ini adalah untuk menilai tahap pencapaian dan kemahiran sebenar terhadap penguasaan *qirā'āt* kalangan pelajar dari aspek *ṭarīq* *Qirā'āt* Shāṭibī dan *farsh ḥurūf* yang meliputi bacaan imam-imam *qirā'āt* serta *rāwī* masing-masing. Ujian yang dijalankan ini akan dapat mengumpulkan data bagi menjawab persoalan kajian di dalam penilaian produk terhadap kualiti pencapaian pelajar. Set soalan ujian *shafawī qirā'āt* dilampirkan dalam lampiran F.

3.6.2(a) Skema Pemarkahan

Markah ujian *shafawī qirā'āt* akan dikira mengikut bilangan soalan di mana satu soalan akan diberi lima belas markah. Kemudian markah tersebut akan diselaraskan dalam bentuk peratus.

3.6.2(b) Skema Markah *Shafawī Qirā'āt*

Ujian *shafawī qirā'āt* yang dilaksanakan adalah berdasarkan set soalan ujian *shafawī Qirā'āt* Amali III yang telah disusun dan dibina oleh panel pengubal soalan peperiksaan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat daripada unit peperiksaan bahagian Akademik Darul Quran JAKIM. Kaedah ujian *shafawī qirā'āt* yang dijalankan adalah seperti berikut iaitu:

- i. Para pelajar membaca ayat al-Quran mengikut *manhaj* imam-imam *qirā'āt* secara lisan berdasarkan soalan yang diberikan.
- ii. Sebanyak dua belas set soalan ujian *shafawī qirā'āt* yang telah dipilih dan diuji kepada 68 orang responden pelajar yang dipilih secara *purposif sampling* iaitu bersedia memberi kerjasama yang baik.

- iii. Ujian *shafawī* ini merangkumi bahagian bacaan *qirā'āt* imam dan *rāwī* iaitu sebanyak 40% markah dan *dalīl matan-matan qirā'āt* iaitu sebanyak 20% markah berdasarkan silibus kurikulum *Qirā'āt Amali III*.
- iv. Ujian ini terbahagi kepada empat soalan *shafawī* dan setiap soalan akan mengandungi sepuluh markah bacaan *qirā'āt* dan lima markah bacaan *dalīl*.
- v. Penilaian markah bacaan *qirā'āt* berdasarkan setiap kesalahan bacaan imam atau *rāwī qirā'āt* atau tersangkut atau terlupa *manhaj* imam atau *rāwī* dalam ayat-ayat al-Quran dengan menolak satu markah dan setiap kesalahan *dalīl* akan ditolak lima markah.

Pengkaji akan menilai setiap set ujian bacaan ayat-ayat al-Quran setiap responden dengan dirakam ke dalam pita rakaman. Bacaan tersebut kemudiannya akan dianalisis dan diberi markah berdasarkan skema yang telah ditetapkan. Skema ujian dan borang pemarkahan dilampirkan dalam lampiran G dan lampiran H. Kesimpulannya bahagian ujian *syafawi qirā'āt* dalam kajian ini akan mengukur tahap pencapaian pelajar dalam subjek *qirā'āt* dari segi teori dan amali.

3.6.2(c) Penggredan Markah *Shafawī Qirā'āt*

Kesemua skor yang diperolehi daripada ujian *shafawī qirā'āt* bagi enam puluh lapan orang pelajar akan dimasukkan ke dalam SPSS untuk dicari kekerapan, peratusan, skor min, sisihan piawai dan interpretasi min. Data kekerapan disusun dalam bentuk tatatingkat iaitu melihat taburan mengikut urutan skor tertinggi hingga terendah. Skor ini kemudian akan diklasifikasikan dalam bentuk sela untuk menentukan tahap pencapaian *qirā'āt* kalangan pelajar.

Skor ujian dikelaskan mengikut skala yang digunakan dalam peperiksaan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM. Ia melibatkan lapan kategori iaitu peringkat cemerlang, kepujian teratas, dua peringkat kepujian, tiga peringkat lulus dan gagal. Ini boleh dilihat dalam Jadual 3.8 di bawah.

Jadual 3.8. Penggredan Skor Ujian

Gred	Mata Nilai	Taraf	Julat Skor
A	4	Cemerlang	80-100
B+	3.5	Kepujian Teratas	70-79
B	3	Kepujian	60-69
C+	2.5	Kepujian	55-59
C	2	Kepujian	50-54
D+	1.5	Lulus	45-49
D	1	Lulus	40-44
F	0	Gagal	0-39

Sumber: Unit Peperiksaan DQ

Lapan peringkat ini kemudiannya diringkaskan kepada lima tahap bacaan sahaja iaitu tahap pencapaian cemerlang (melibatkan gred A), tahap pencapaian baik (melibatkan gred B+ dan B), tahap pencapaian sederhana (melibatkan gred C+ dan C), tahap pencapaian lemah (melibatkan gred D+ dan gred D) dan tahap pencapaian sangat lemah (melibatkan gred F) yang ditunjukkan dalam jadual 3.9 di bawah.

Jadual 3.9. Skala Likert Lima Mata Dan Interpretasi Dalam Ujian *Shafawī Qirā'āt*

Skala	Interpretasi Dalam Ujian <i>Shafawī Qirā'āt</i>
1	Sangat Lemah (L)
2	Lemah (L)
3	Sederhana (S)
4	Baik (B)
5	Cemerlang (C)

Sumber: Uma Sekaran

3.6.3 Pemerhatian

Pemerhatian adalah metode utama yang sangat penting dalam penyelidikan kualitatif. Pemerhatian di dalam kelas sangat diperlukan bagi membolehkan pengkaji melihat, memerhati dan mendengar apa yang berlaku semasa pelajar belajar dan juga dapat mengalami suasana p&p sesuatu kemahiran.⁴²⁰

Pemerhatian berfungsi sebagai alat kajian apabila ia digunakan untuk mencapai tujuan kajian, dirancang dengan rapi, direkod secara sistematik dan diperiksa serta dikawal dengan kesahan dan kebolehpercayaannya.⁴²¹

⁴²⁰Marohaini Yusoff, *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 90.

⁴²¹Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod* (Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 109.

Pengkaji menggunakan pemerhatian bukan peserta di mana pengkaji akan memilih satu tempat yang sesuai untuk membuat pemerhatian tetapi dalam keadaan yang membolehkan pemerhatian dilakukan semaksimum untuk membuat pemerhatian secara teliti terhadap responden kajian. Menurut Mok Soon Sang penyelidik hanya memerhati sahaja dan tidak menggunakan soalan temu bual tetapi menggunakan pemerhatian secara sepenuh masanya untuk memungut data kajian.⁴²² Pengkaji memilih kaedah pemerhatian ini kerana ia menyumbang kepada ketulenan data. Sidek Mohd Noah menjelaskan bahawa kaedah ini akan menunjukkan tingkah laku yang tulen dan tidak berpura-pura sehingga menghasilkan maklumat yang tepat.⁴²³

Pengkaji telah membuat tiga pemerhatian di lokasi kajian untuk memperincikan data kuantitatif dari soal selidik dari aspek pelaksanaan p&p kurikulum *qirā'āt*. Pemerhatian dibuat selepas mendapat kebenaran daripada pihak pentadbiran serta hasil perbincangan dan temu janji antara pensyarah terlibat yang bersedia untuk memberi kerjasama dan yang berpengalaman.

3.6.4 Soalan Temu bual Pensyarah dan Pelajar

Soalan yang dikemukakan kepada pensyarah adalah berdasarkan objektif kajian. Soalan yang dikemukakan kepada subjek kajian ini adalah soalan temu bual semi struktur. Ini bermaksud pengkaji menyoal sebilangan soalan formal yang telah dibina sebelum sesi temu bual dijalankan. Terdapat sepuluh item soalan temu bual di kemukakan kepada pensyarah *qirā'āt*. Soalan pertama hingga kedua berkaitan dengan objektif dan matlamat lain dalam kurikulum *qirā'āt*. Soalan ketiga dan keempat tentang kandungan silibus dan peruntukan masa p&p kurikulum *qirā'āt*, Manakala soalan kelima hingga kesembilan berkaitan pelaksanaan kaedah, aktiviti yang selalu digunakan dalam mengajar *Qirā'āt* 'Ilm dan *Qirā'āt* Amali serta kekerapan penggunaan ABM dalam p&p

⁴²²Mok Soon Sang, *Literatur dan Kaedah Penyelidikan* (Puchong: Multimedia Sdn. Bhd. 2009), 316.

⁴²³Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis* (Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2002), 81-82.

qirā'āt dan soalan yang kesepuluh pula berkaitan pencapaian pelajar dalam penguasaan kurikulum *qirā'āt*.

Manakala bagi pelajar pula, terdapat empat soalan temu bual kalangan pelajar. Soalan pertama berkaitan tentang peruntukan masa dalam proses p&p *qirā'āt*. Manakala soalan kedua hingga keempat berkaitan kaedah, aktiviti dan kekerapan penggunaan ABM yang selalu digunakan oleh guru dalam kelas *Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali*.

3.7 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN KAJIAN

Kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) instrumen amat penting bagi mempertahankan kejituan instrumen terdedah daripada kecacatan. Semakin tinggi nilai tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen maka semakin jitu data-data yang diperolehi bagi menghasilkan kajian yang baik dan berkualiti. Kesahan atau *validity* didefinisikan sebagai ketepatan (*appropriateness*), kebenaran (*truthfulness*), bermakna (*meaningfulness*) dan kebolegunaan (*usefulness*) instrumen yang membolehkan data-data diinferenskan.⁴²⁴ *Validity* juga bermaksud persetujuan antara dua percubaan untuk mengukur *trait* yang sama secara maksimum dengan kaedah yang berlainan.⁴²⁵

Kebolehpercayaan bermaksud apabila item yang sama diuji beberapa kali kepada subjek yang sama pada selang masa yang berlainan tetapi tetap memberi keputusan atau jawapan yang sama atau hampir sama.⁴²⁶

Bagi menentukan kesahan kandungan instrumen soal selidik, temu bual, analisis dokumen, pemerhatian dan ujian yang digunakan dalam kajian ini, item-item soalan dibina dengan teliti berdasarkan objektif kajian yang bertujuan untuk memperoleh maklumat tentang pelaksanaan kurikulum *qirā'āt*. Langkah pertama penulis membuat instrumen-instrumen tersebut berdasarkan literatur kajian-kajian lepas. Selepas itu, terlebih dahulu diserahkan kepada penyelia untuk disemak dan diperakukan. Penyelia

⁴²⁴Frankel Jack R, *How to Design Research*, 153.

⁴²⁵David Campbell dan David Fiske, "Convergent and Discriminant Validation", dalam *Psychological Bulletin*, (vol.56, 1959), 15-18.

⁴²⁶Howard Wainer & Henry I.Braun, *Test Validity* (New Jersey: Lawrence Erlbaum Association Publishers, 1988), 20-25.

meneliti item-item tersebut dan seterusnya memberi komen dan ulasan bagi memperbaiki kesesuaian dan kebolegunaan item-item soal selidik tersebut. Selepas itu, pengkaji telah mengubahsuai dan memperbaiki item-item tersebut berdasarkan komen-komen dan ulasan-ulasan daripada penyelia.

Pengkaji juga merujuk kepada sebuah panel rujukan yang dibentuk untuk menentukan kesahan kandungan dan kesesuaian item-item yang digunakan dalam instrumen penyelidikan ini. Panel rujukan kesahan kandungan instrumen-instrumen kajian yang bertanggungjawab memastikan kesahan kandungan dan kesahan muka kajian ini terdiri daripada tujuh orang dalam kalangan pensyarah universiti, pegawai dan pensyarah dari Ma'ahad Tahfiz yang mempunyai kepakaran, penyelidikan dan pengalaman luas dalam bidang masing-masing iaitu pendidikan Islam, al-Quran dan *al-Qirā'āt* serta sains sosial. (Sila rujuk lampiran I). Proses kesahan ini melibatkan teguran dan komen daripada pakar-pakar dilakukan bagi memantapkan lagi isi kandungan, penggunaan bahasa dan kejelasan maksud item.

Pengkaji telah menggunakan set soalan yang benar-benar mengukur pencapaian pelajar terhadap subjek *qirā'āt* dengan mengadaptasi ujian *shafawī Qirā'āt* Amali III di bawah kelolaan oleh unit peperiksaan Darul Quran JAKIM dalam memastikan kesahan instrumen ujian *shafawī qirā'āt*. Ujian yang dijalankan juga dibantu oleh dua orang panel penilai peperiksaan Darul Quran. (Sila rujuk lampiran J). Langkah untuk penentuan kesahan ujian *shafawī qirā'āt* yang mencakupi bacaan *qirā'āt* dan *dalīl-dalīl matan*.

3.7.1 Kajian Rintis

Kajian rintis juga dikenali sebagai kajian mini bagi suatu kajian skala penuh (*full scale study*). Ia merupakan kajian secara kecil-kecilan yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan untuk mengetahui kebolehlaksanaan atau kemunasabahan sesuatu

kajian yang akan dilakukan.⁴²⁷ Kajian rintis sangat penting dijalankan kerana bertujuan secara khususnya ialah :

- i. Mendapatkan maklumat awal tentang kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan untuk kajian sebenar.
- ii. Memastikan responden boleh memahami item-item dalam instrumen yang digunakan.
- iii. Dapat mengenalpasti pernyataan yang lemah dari aspek pembinaan ayat serta istilah dalam kajian ini.

Kajian rintis ini telah dilakukan pada 1 hingga 2 Januari 2014 yang melibatkan dua set soal selidik yang diedarkan kepada 8 orang pensyarah yang mengajar subjek *qirā'āt* di Darul Quran dan 30 orang pelajar semester 6 yang mengikuti Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Begitu juga dengan pemerhatian dan temu bual dijalankan dalam kajian rintis untuk memenuhi kesahan dan kebolehpercayaan.

Darul Quran dipilih sebagai tempat kajian rintis kerana mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi kajian sebagai institusi yang terlibat dalam pelaksanaan program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM. Di antara yang dicatatkan oleh pengkaji semasa kajian rintis dijalankan iaitu masa, soalan-soalan yang menimbulkan keraguan dan bentuk susunan atau format instrumen yang digunakan. Hasilnya item-item yang lebih tepat dapat dibina selepas mendapat maklum balas daripada kajian rintis dan setelah berlaku pengubahsuaian dalam item-item instrumen.

Pengkaji telah menghubungi pihak DQ secara bertulis untuk mendapatkan kebenaran dan kerjasama bagi menjalankan kajian rintis dengan melampirkan surat kebenaran kajian yang telah dikeluarkan oleh pihak JAKIM. Setelah memperoleh kebenaran, pengkaji seterusnya memberikan taklimat kepada para pelajar yang terlibat dalam kajian rintis ini dengan hari dan masa yang telah ditetapkan oleh pihak

⁴²⁷Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, Malaysia Sdn Bhd, 2006), 257.

pentadbiran DQ tentang kajian dan cara-cara mengisi soal selidik kajian. Secara purata, para responden mengambil masa kira 25 hingga 30 minit untuk menjawab soal selidik yang diberikan. Seterusnya semua soal selidik yang dikutip telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS *Statistical Package for Social Sciences Version 20.0*.

3.7.2 Kebolehpercayaan Instrumen

Penentuan nilai kebolehpercayaan adalah penting dalam menentukan ketekalan dalaman item yang dibina dalam instrumen kajian. Penggunaan Alfa Cronbach (*Cronbach's Alpha*) ialah untuk mengukur kekonsistenan dalaman bagi satu set item untuk mengukur konstruk yang dikaji.⁴²⁸ Untuk tujuan itu, pengkaji mengguna pakai nilai alfa berasaskan *Koeffisien Cronbach* seperti dalam jadual 3.10 di bawah. Kaedah ini bertujuan untuk mengukur ketekalan dalaman bagi item-item soal selidik. Menurut Pallant⁴²⁹ dalam nilai indeks alfa sebanyak .7 atau ke atas adalah baik untuk skala instrumen yang mempunyai sepuluh item atau lebih item.

Jadual 3.10. Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan Nilai Alfa Cronbach

Indikator	Nilai Alfa Cronbach
Sangat Tinggi	0.90-1.00
Tinggi	0.70-0.89
Sederhana	0.30-0.69
Rendah	0.00-0.30

Sumber: (Adaptasi Azmil 2010, Zawawi 2008 dan Azhar Ahmad 2006)

Hasil kajian rintis yang dijalankan oleh penyelidik menunjukkan bahawa koefisien kebolehpercayaan bagi keseluruhan soal selidik guru ialah .887 dan bagi soal selidik pelajar ialah .897 iaitu satu koefisien kebolehpercayaan yang berada dalam tahap sangat tinggi. Semakin tinggi koefisien kebolehpercayaan sesuatu ujian itu semakin boleh dipercayai ujian tersebut.⁴³⁰

⁴²⁸Lay Yoon Fah & Khoo Chwee Hoon, *Pengenalan kepada Pendekatam Kuantitatif dalam Penyelidikan Pendidikan* (Sabah: Universiti Malaysia Sabah, 2013), 60.

⁴²⁹Julie Pallant, *SPSS Survival Manual A step by step guide to data analysis using SPSS*, ed.ke-4 (Australia: Allen&Unwin, 2011), 6.

⁴³⁰Yap Yee Khiong, Wan Chwee Seng dan Ismail Abu Bakar, *Pengukuran dn Penilaian dalam Pendidikan* (Petaling Jaya: Heinemann Educations Books (Asia) Ltd, 1987), 38.

Jadual 3.11. Nilai Alfa Cronbach Bagi Soal Selidik Pensyarah Dan Pelajar

Komponen Penilaian	Soal selidik Pensyarah	Soal selidik Pelajar
KQ	0.78	0.81
Kandungan KQ	0.91	0.91
Pelaksanaan KQ	0.92	0.92
Pencapaian KQ	0.94	0.95
Jumlah	0.88	0.89

Sumber: Soal Selidik 1 Januari 2014

Nilai pekali alfa yang menghampiri 1 menunjukkan item-item dalam skala itu mengukur perkara yang sama dan nilai ini menunjukkan item-item tersebut mempunyai nilai kepercayaan yang tinggi. Nilai alfa Cronbach ini diklafikasikan berdasarkan klafikasi indeks kebolehppercayaan ialah yang melebihi 0.80 yang telah digunakan oleh ramai para pengkaji antaranya Azmil 2010, Zawawi 2008 dan Azhar Ahmad 2006.⁴³¹ Ramai penyelidik mencadangkan nilai alfa yang melebihi 0.80 menunjukkan aras kebolehppercayaan yang tinggi dan boleh diterima sebagai satu instrumen kajian.

Namun terdapat dua item di dalam komponen kurikulum *qirā'āt* soal selidik pelajar iaitu item B5 dan item B6 yang dibuang kerana menyebabkan nilai alfa Cronbach berada pada 0.65 tetapi pengkaji berpendapat masih berada di tahap kebolehppercayaan yang baik dan boleh diterima. Ini berdasarkan justifikasi bahawa nilai alpha yang berada 0.5 ke atas juga boleh digunakan kerana mempunyai item yang kurang daripada 10 item. Ini disokong dengan Noraini bahawa nilai alfa sebanyak .5 pula dianggap baik untuk skala instrumen yang mempunyai kurang daripada sepuluh item.⁴³² Sila rujuk jadual 3.11 di atas.

Hasil daripada analisis kebolehppercayaan dua instrumen soal selidik pensyarah dan pelajar tersebut dapat dilihat dalam jadual 3.11. Nilai alfa Cronbach bagi soal selidik pensyarah nilai keseluruhannya adalah 0.887 dan nilai keseluruhan bagi soal selidik pelajar adalah 0.897 berada pada tahap sangat tinggi. Komponen penilai pelaksanaan dan pencapaian berada pada tahap 0.92 dan 0.94 bagi soal selidik

⁴³¹ Azhar Ahmad, "Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006),

⁴³² Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, Malaysia Sdn. Bhd, 2010), 172.

pensyarah dan 0.92 serta 0.95 bagi pelajar. Manakala dalam komponen penilaian kandungan 0.91 bagi pensyarah dan pelajar serta penilaian kurikulum *qirā'āt* berada pensyarah pada tahap 0.78 dan 0.81 bagi pelajar.

Bagi mendapatkan kebolehpercayaan ujian lisan *qirā'āt* pula, set soalan ujian *shafawī qirā'āt* telah diambil dan digubal oleh unit peperiksaan DQ dan amat sesuai dengan kebolehan dan kemampuan pelajar. Bacaan ujian *qirā'āt* lima orang pelajar dalam kajian rintis telah dibantu dan dirujuk kepada dua orang panel pakar untuk menilai ujian *shafawī qirā'āt*. (Sila lihat lampiran J). Bias dalam proses pengumpulan data dapat dielakkan dengan penggunaan pakar dalam kajian ini kerana dua orang pakar tersebut berfungsi dalam membantu penyelidik untuk menganalisis dan memberikan markah ujian *shafawī qirā'āt* pelajar yang telah direkod semasa ujian dibuat. Hasil analisis tersebut melalui perbincangan dan persetujuan dengan dua orang pakar, markah ujian bagi setiap pelajar diperolehi.

Pengkaji akan menggunakan beberapa strategi yang boleh meningkatkan kebolehpercayaan dalam instrumen temu bual dan pemerhatian sebagaimana yang dicadangkan di dalam Noraini Idris iaitu:

- a) Semua perbualan dan transkrip yang direkodkan adalah secara verbatim, menggunakan pernyataan langsung daripada dokumen yang dipetik serta memberi deskriptif yang konkrit dan tepat dalam nota lapangan.
- b) Inkuiri audit iaitu penilai memeriksa kedua-dua proses dan produk penyelidikan untuk menentukan ketekalan.
- c) Semua data direkod secara elektronik dan digital.⁴³³

3.7.3 Triangulasi Data Kajian

Triangulasi merujuk kepada kombinasi dua atau lebih teori, sumber data dan kaedah dalam satu kajian yang mengkaji satu fenomena untuk ditumpukan kepada satu

⁴³³Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan*, 176.

bentuk.⁴³⁴ Kajian ini akan menggunakan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif yang dikenali sebagai *triangulation mixed methods*⁴³⁵ oleh Neuman untuk mengumpul data.

Sabitha Marican⁴³⁶ juga telah menggariskan empat cara asas dalam melakukan triangulasi iaitu menggunakan pelbagai sumber data dalam satu kajian, menggunakan beberapa pengkaji atau penilai, menggunakan beberapa perspektif dalam mentafsir satu set data dan menggunakan pelbagai metode untuk mengkaji masalah.

Ini bermakna pengkaji akan menggunakan pelbagai kaedah untuk mengkaji satu kajian. Ini bertepatan dengan pendapat Neuman bahawa gabungan bentuk kuantitatif dan kualitatif dapat menghasilkan satu bentuk kajian yang mempunyai ciri-ciri positif, informatif dan sangat menarik dalam kuantitatif dan kualitatif. Bahkan kelemahan yang terdapat dalam kajian berbentuk kuantitatif akan ditampung dengan kelebihan yang terdapat dalam kajian kualitatif dan begitulah sebaliknya.⁴³⁷

Dengan menggunakan gabungan antara dua bentuk kajian ini, gambaran keseluruhan bagi masalah yang dikaji yang diperolehi dari data kuantitatif dapat dilihat dengan lebih jelas menerusi data kualitatif. Gabungan antara dua kajian ini juga dikenali sebagai satu proses *triangulation of method*.⁴³⁸ Kaedah *triangulation* merupakan strategi atau teknik yang memberi sokongan atau kekayaan untuk hasil dapatan kajian melalui data didapati antara sumber-sumber kaedah lain seperti temu duga, pemerhatian, soal selidik dan sebagainya.⁴³⁹ Kaedah ini akan membandingkan data dari kaedah kajian

⁴³⁴Denzin, Norman.K., *The Research Act: A Theoretical introduction to Sociological Methods*, ed. ke-2 (New York: Mc Graw-Hill, 1978), 34.

⁴³⁵W.Lawrence Neuman, *Social Research Method: Qualitative and Quantitative Approaches* ed. ke-5, (Needham Heights: Allyn and Bacon, 2003), 56.

⁴³⁶Sabitah Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial 2009* (cet.per-1, Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd, 2005), 231.

⁴³⁷W.Lawrence Neuman, *Social Research Methods*, 137-139.

⁴³⁸*Ibid.*

⁴³⁹Mok Soon Sang, *Literature dan Kaedah Penyelidikan*, 26.

yang berlainan misalnya perbandingan antara data temu bual, data pemerhatian dan data portfolio.⁴⁴⁰

Data kuantitatif diperolehi melalui borang soal selidik yang digunakan dalam empat aspek penilaian iaitu dari aspek kurikulum *qirā'āt* yang merangkumi keperluan pendidikan *qirā'āt*, matlamat, objektif, kesesuaiannya serta penilaian sendiri dan persepsi, aspek kandungan kurikulum *qirā'āt* merangkumi kandungan silibus kurikulum, peruntukan masa serta kemudahan ABM, aspek pelaksanaan merangkumi kaedah dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran *Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali* serta penggunaan bahan-bahan p&p dan aspek pencapaian yang merangkumi hasil p&p pengajian *qirā'āt* yang diperolehi melalui ujian *shafawī qirā'āt* serta hasil pengajaran dan pembelajaran KQ. Oleh yang demikian ujian dilakukan bagi mengukur sejauh mana pencapaian pelajar terhadap bacaan *qirā'āt* setelah melalui proses pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* dan maklumat terhadap penilaian objektif serta matlamat kurikulum *qirā'āt* dan kaedah serta aktiviti p&p dalam pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* berdasarkan kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM.

3.8 METODE KAJIAN

Terdapat tiga metode kajian yang akan dibincangkan ialah metode penentuan subjek, metode pengumpulan data dan metode analisis data. Metode penentuan subjek ialah metode pemilihan subjek kajian untuk mendapatkan data secara langsung daripada mereka untuk menjawab objektif kajian. Manakala metode pengumpulan data pula membincangkan beberapa metode yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan kajian. Seterusnya metode analisis data pula ialah bagaimana pengkaji menganalisis data yang diperolehi. Justeru, pengkaji akan menerangkan ketiga-tiga metode kajian tersebut seperti berikut:

⁴⁴⁰Vincent Pang dan Denis Lajium. *Penilaian dalam Pendidikan*. (2008, cet.ke-2, Sabah: Universiti Malaysia Sabah, 2010), 173.

3.8.1 Metode Penentuan Subjek

Dalam menentukan kaedah penelitian, pengkaji telah menggunakan metode *sampling* atau persampelan di mana paling tidak sebuah institusi pendidikan dijadikan sampel kajian penulis. Ini bertepatan dengan saranan Idris Awang di mana asas yang penting dalam membentuk sampel hendaklah mewakili populasi iaitu golongan, fenomena atau kawasan yang dikaji.⁴⁴¹ Justeru, pemilihan kaedah persampelan ini adalah wajar memandangkan populasi subjek kajian yang pelbagai institusi tetapi menggunakan kurikulum yang *qirā'āt* yang sama. Sampel adalah contoh daripada populasi di mana untuk mengelak ralat persampelan, bilangan subjek atau saiz sampel diperbesarkan. Berdasarkan data-data yang diperolehi daripada sampel-sampel yang telah dipilih, pengkaji akan membuat analisis dan rumusan berdasarkan topik kajian.

Subjek penelitian bagi kajian ini menggunakan persampelan secara rawak berstrata dan seimbang (*proportionate stratified random sampling*)⁴⁴² di mana sekumpulan subjek akan dipilih secara rawak mudah dan sistematik bagi pelajar dalam soal selidik. Manakala bagi persampelan kalangan pensyarah, pengkaji memilih semua responden kerana jumlah populasinya yang sedikit. Dalam persampelan ujian *shafawī qirā'āt* dan temu bual, pengkaji menggunakan persampelan bertujuan, di mana pengkaji perlu menggunakan pertimbangannya sendiri untuk memilih responden yang paling sesuai dengan tujuan kajian yang bersedia dalam memberi kerjasama yang baik.

Menurut Noraini Idris⁴⁴³ pemilihan teknik persampelan bertujuan atau turut digelar *judgment sampling* melibatkan pertimbangan individu untuk memilih sampel iaitu berdasarkan pengetahuan pengkaji dan tujuan khusus kajian. Dalam kajian ini, responden yang dipilih oleh pengkaji untuk ditemu bual dan responden yang terlibat

⁴⁴¹Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan* (Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication 2001), 42.

⁴⁴²Uma Sekaran, *Research Methods For Bussiness A Skill-Building Approach*, 272-273.

⁴⁴³Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan*, 121-122.

dengan pemerhatian mempunyai matlamat, perspektif, atau apa sahaja tujuan yang hendak dikaji oleh pengkaji.

Oleh itu kajian ini sampelnya seramai seratus tiga puluh enam pelajar DQ dan MTQ dan empat puluh enam pensyarah DQ dan MTQ yang terlibat dengan p&p Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali yang terlibat dalam kajian kuantitatif dan kualitatif daripada sepuluh buah institusi iaitu Darul Quran dan sembilan buah MTQ yang terlibat dengan kurikulum *qirā'āt* di bawah program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM.

3.8.2 Metode Pengumpulan Data

Pengumpulan data merupakan proses pengukuran variabel di mana penyelidik akan memilih prosedur atau teknik serta alat pengumpulan data yang sesuai dengan permasalahan kajian dan strategi penyelidikan, di samping jenis dan kewujudan sumber.⁴⁴⁴

Secara umumnya pengkaji akan menggabungkan kedua-dua kaedah penyelidikan iaitu kuantitatif (analisis statistik) yang melibatkan soal selidik dan ujian *shafawī* serta kualitatif (bersesuaian dengan kedudukan responden bagi mendapatkan dan menjamin ketepatan data) yang akan melibatkan juga metode-metode seperti kajian perpustakaan dan pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Metode-metode berikut digunakan bagi mengumpulkan data iaitu:

3.8.2 (a) Metode Pengkajian Perpustakaan

Metodologi perpustakaan merujuk kepada teknik mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Data yang didapati merupakan data yang telah disediakan oleh penyelidik atau data yang telah diproses oleh agensi lain.⁴⁴⁵ Metodologi ini penting digunakan dalam penyelidikan ini bagi membolehkan penyelidik

⁴⁴⁴Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan dalam Panduan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd 2003), 59.

⁴⁴⁵Mohd Shaffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995), 41.

mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang mendalam tentang permasalahan yang menjadi fokus kajian.

Metode penyelidikan perpustakaan yang digunakan oleh pengkaji ialah dengan merujuk bahan-bahan sekunder seperti buku-buku, kertas kerja, jurnal, laporan tesis, artikel dan data rasmi kerajaan atau badan bukan kerajaan tentang latar belakang kurikulum *qirā'āt* di Malaysia dan maklumat tentang konsep dan kajian-kajian sarjana berkaitan DQ dan MTQ. Dalam metodologi ini, pengkaji akan merujuk al-Quran dan hadith, dokumen, rekod-rekod serta kitab-kitab berkaitan kurikulum *qirā'āt*. Data sekunder ini digunakan untuk menyokong, menambah dan memperincikan pengetahuan penyelidik dari aspek teoritikal. Kajian keperpustakaan merupakan metodologi utama dalam memperoleh data dan maklumat bagi Bab I dan Bab II. Di antara perpustakaan yang telah dirujuk oleh pengkaji ialah:

- a) Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.
- b) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- c) Perpustakaan ZA'ABA, Universiti Malaya.
- d) Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- e) Perpustakaan Pusat Islam, Kuala Lumpur.
- f) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- g) Perpustakaan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor .
- h) Perpustakaan Darul Quran.

3.8.2 (b) Metode Dokumentasi

Metode ini digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan dokumen yang berkaitan dengan kajian ini seperti Sukatan Kurikulum Qirā'āt bagi setiap institusi yang terlibat untuk meneliti aktiviti kurikulum *qirā'āt* di dalam program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat sebagai sumber data kajian ini.

Analisis dokumen merupakan kaedah penyelidikan deskriptif yang bermatlamat untuk menjelaskan sesuatu fenomena yang sedang berlaku berpandukan dokumen-

dokumen yang berkaitan dengan fenomena tersebut.⁴⁴⁶ Instrumen analisis dokumen dalam kajian ini adalah untuk menganalisis penilaian kurikulum *qirā'āt* dan penilaian kandungan kurikulum *qirā'āt* di dalam Buku Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Darul Quran JAKIM.

Analisis ini bertujuan mendapatkan maklumat tentang penilaian kurikulum *qirā'āt* yang merangkumi keperluan, matlamat, objektif kurikulum *qirā'āt*. Analisis dokumen ini juga menilai sejauh mana kesesuaian KQ, hasil pembelajaran, penilaian sendiri pensyarah serta pelajar. Analisis dokumen juga dilakukan terhadap penilaian kandungan *qirā'āt* yang merangkumi kandungan silibus kurikulum dan peruntukan masa p&p. Analisis ini menilai sejauh mana kesesuaian kandungan kurikulum tahfiz, peruntukan masa dan alat bantu mengajar yang digunakan dalam mencapai matlamat dan objektif kurikulum *qirā'āt* yang sebenar. Manakala instrumen ini juga dilakukan terhadap penilaian pencapaian yang merangkumi hasil pengajaran dan pembelajaran KQ dan ujian *shafawī qirā'āt* serta rekod keputusan peperiksaan *qirā'āt* di mana untuk menilai sejauh mana hasil pencapaian p&p *qirā'āt*. Hasil metode analisis data ini menjadi item-item sama yang digunakan dalam soal selidik untuk komponen kurikulum *qirā'āt*, kandungan kurikulum *qirā'āt* dan komponen pencapaian KQ dalam instrumen analisis dokumen.

3.8.2 (c) Metode Tinjauan (*Survey*)

Pengkaji menggunakan metode ini untuk mengedarkan soal selidik kepada semua responden yang terlibat dengan kurikulum *qirā'āt* di sepuluh buah institusi untuk mendapatkan data yang dikehendaki bersesuaian dengan objektif kajian ini. Walau bagaimanapun seramai seratus tiga puluh enam pelajar dan empat puluh enam pensyarah yang telah menjawab dan memulangkan soal selidik.

⁴⁴⁶Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 108.

Menurut Noraini Idris kajian tinjauan amat popular dalam penyelidikan sains sosial secara umumnya digunakan untuk mengetahui sikap, kepercayaan, nilai, demografi, tingkah laku, pendapat, tabiat, keinginan, idea dan maklumat-maklumat laina berkaitan dengan sekumpulan. Kajian tinjauan juga sering digunakan dalam pendidikan kerana maklumat yang tepat diperolehi berkenaan kumpulan yang besar dengan menggunakan sampel yang kecil.⁴⁴⁷

Ciri-ciri utama dalam metode ini, ia memerlukan sampel responden yang memberi maklum balas pada soalan-soalan yang diedarkan, menggunakan set soal selidik yang dihantar kepada responden secara langsung atau pos, responden mewakili populasi yang ditafsirkan, manakala tinjauan ke atas sampel boleh mewakili populasi secara amnya. Ia menggunakan soal selidik yang standard dapat membuat perbandingan antara populasi berbeza dikendalikan dalam format yang sama, maka arahan hendaklah diberikan agar dapat merangsang responden pada kecenderungan dan kebebasan dalam memberikan maklum balas.⁴⁴⁸

3.8.2 (d) Metode Temu Bual

Selain daripada pengumpulan data kualitatif secara pemerhatian, metode temu bual merupakan salah satu bentuk soal selidik secara lisan dengan cara bersemuka.⁴⁴⁹

Penyelidik juga mengumpulkan data kualitatif melalui satu set temu bual semi struktur kalangan responden yang dipilih juga berasaskan persampelan *purposif* yang mana responden adalah pensyarah yang berpengalaman dan yang bersedia untuk memberikan kerjasama yang baik termasuk responden pelajar dalam kajian ini.

Temu bual semi struktur dipilih kerana menjelaskan lebih lanjut domain utama dan faktor-faktor dalam kajian dan soalan-soalan boleh disusun mengikut kompleksiti,

⁴⁴⁷Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan*, 196.

⁴⁴⁸Aziz Yahya et.al, *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi* (Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, 2007), 156.

⁴⁴⁹John W.Best dan James V.Kahn, *Research in Education* ed.ke-6, (United State of America: Allyn&Bacon, 1998), 320.

urutan masa dan topik atau domain.⁴⁵⁰ Bahkan responden akan diberi kelonggaran semasa memberi jawapan dan soalan mungkin diubahsuai daripada segi susunan dan cara menyoal lebih fleksibel.⁴⁵¹ Soalan-soalan yang dikemukakan bertujuan untuk mendapatkan penjelasan kepada proses pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* yang dijalankan di dalam kelas dan di luar kelas.

Temu bual ini juga membantu penyelidik dalam menyokong dan memperdalamkan beberapa data yang diperolehi dalam soal selidik dan pemerhatian. Penggunaan kaedah temu bual ini sangat praktikal digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat daripada populasi yang kecil.⁴⁵²

Ciri-ciri responden kajian untuk sesi empat temu bual semi struktur adalah pensyarah yang terlibat dengan p&p Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali yang mewakili DQ dan MTQ yang terlibat. Daripada 18 orang responden yang dipilih, tiga daripadanya pensyarah lelaki yang mewakili DQ, dua pensyarah lelaki daripada MTQMSA dan seorang pensyarah perempuan, tiga orang lelaki daripada MTQ MAIK, dua orang pensyarah daripada IQT Terengganu iaitu salah seorangnya pensyarah perempuan daripadanya ialah tiga orang pensyarah lelaki daripada MTQ INTIM, dua orang pensyarah lelaki daripada ITQAN dan dua orang pensyarah lelaki daripada MTQ Pahang. Pengkaji telah menjalankan sendiri sesi temu bual sebanyak 13 kali kalangan responden pensyarah sama ada secara individu atau berkumpulan.

Manakala set temu bual semi struktur juga diadakan terhadap responden pelajar untuk mendapatkan data-data berkaitan proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt*. Manakala ciri-ciri responden kajian untuk empat sesi temu bual semi struktur adalah pelajar semester enam daripada shu'bah qirā'āt yang terlibat dengan p&p Qirā'āt Ilmī dan Qirā'āt Amali yang mewakili DQ dan MTQ yang

⁴⁵⁰Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Model* (Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 121-123.

⁴⁵¹Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis* (Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2002), 76-77.

⁴⁵²Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, 237

terlibat. Daripada dua puluh tiga responden yang dipilih, sepuluh orang daripadanya pelajar lelaki yang mewakili DQ dan lima orang pelajar perempuan yang mewakili DQ, empat pelajar perempuan daripada ITQAN, dua orang lelaki daripada MTQ MAIK dan dua orang pelajar lelaki daripada MARSAH Johor bagi menjawab persoalan tentang tahap kandungan KQ iaitu komponen peruntukan masa serta tahap pelaksanaan p&p *qirā'āt* iaitu komponen-komponen kaedah, aktiviti serta penggunaan ABM dalam kurikulum *qirā'āt*. Pengkaji telah menjalankan sendiri sesi temu bual sebanyak lima kali dalam kalangan responden pelajar secara berkumpulan.

Pensyarah dan pelajar diminta membuat refleksi dan laporan berkaitan pengetahuan tentang kurikulum KQ, amalan biasa yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* dalam pelbagai bentuk iaitu kaedah, aktiviti dan penggunaan alat bantu dalam proses p&p KQ. Umumnya temu bual ini mengadaptasi pernyataan-pernyataan dalam instrumen soal selidik pensyarah dan pelajar bagi mengekalkan kesahan kandungan instrumen temu bual dan juga disokong dengan borang pengakuan dan pengesahan transkrip seperti dalam lampiran E.

3.8.2 (e) Metode Pemerhatian

Penyelidik memilih metode ini kerana item-item yang hendak diperhatikan telah dikenalpasti terlebih dahulu sebelum proses pemerhatian berstruktur dijalankan. Mohd Najib menyarankan kaedah ini kerana ia merupakan salah satu kaedah kajian yang popular iaitu dengan menggunakan senarai semak bergantung kepada objektif kajian. Dalam menjalankan pemerhatian, seseorang itu mungkin membuat pemerhatian dari jauh atau berada bersama di dalam kumpulan responden.⁴⁵³

Malahan salah satu kelebihan kaedah ini ialah ia membolehkan pemerhati lebih memahami konteks di mana sesuatu aktiviti berlaku. Dalam kajian ini, kaedah

⁴⁵³Mohd Najib, *Penyelidikan Pendidikan*, 42.

pemerhatian dilaksanakan untuk dijadikan sebagai rujuk silang *cross check* untuk mengesahkan maklumat yang diperolehi daripada soal selidik.⁴⁵⁴

Instrumen pemerhatian ini diperlukan untuk menyokong dan memperincikan data kuantitatif dari segi soal selidik pensyarah dan soal selidik A dan B dalam penilaian proses yang melibatkan elemen kaedah, aktiviti dan penggunaan alat bantu. Item-item dan aspek-aspek yang menjadi tumpuan dalam pemerhatian ini adalah elemen-elemen soal selidik di dalam penilaian proses bagi mengekalkan kesahan kandungan instrumen temu bual.

Pengkaji memerhati dan mencatat tingkah laku individu atau kumpulan subjek kajian dalam keadaan sebagai bukan peserta iaitu memilih tempat sesuai untuk memerhati. Ini bertepatan dengan Sidek Mohd Noah⁴⁵⁵ bahawa terdapat dua jenis pemerhatian iaitu pemerhatian peserta dan bukan peserta. Sebanyak tiga pemerhatian yang dilakukan di lokasi kajian yang melibatkan pemerhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh para pensyarah dan pelajar di dalam kelas. Persampelan pemerhatian tidak turut beserta ini berasaskan kepada persampelan *purposif* yang mana responden adalah terdiri daripada pensyarah yang berpengalaman dan pensyarah yang bersedia memberikan kerjasama yang baik dalam kajian ini.

3.8.3 Metode Analisis Data

Bagi menganalisis data dan fakta yang diperolehi, pengaji menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif seperti berikut:

3.8.3 (a) Metode Induktif

Metode ini ialah pengkaji menganalisa beberapa data yang bersifat khusus untuk membuat kesimpulan yang bersifat umum. Ianya satu proses membuat kesimpulan dan dari maklumat khusus kepada umum. Menurut Imam Barnadib⁴⁵⁶ bahawa metode

⁴⁵⁴Micheal Q.Patton, *How to Use Qualitative Methods in Evaluation* (USA: SAGE Publications.Inc., 1987), 77.

⁴⁵⁵Sidek Mohd Noah Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan*, 81.

⁴⁵⁶Imam Barnadib, *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*, 131.

induktif ialah suatu cara menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.

Ini bererti data yang diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan kepada pelajar dan pensyarah DQ dan MTQ yang terlibat dengan p&p *qirā'āt*, ujian *shafawī qirā'āt* terhadap pelajar serta temu bual dengan pelajar dan pensyarah tersebut secara terperinci dapat disimpulkan secara umum oleh pengkaji terhadap kajian ini.

3.8.3 (b) Metode Deduktif

Metode ini iaitu cara menganalisa dan melakukan penulisan yang berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil umum terhadap hal-hal yang khusus.⁴⁵⁷ Pengkaji akan memulakan kajiannya dengan sesuatu teori untuk menjelaskan sesuatu pemerhatian. Pengkaji akan bermula dari persoalan yang umum kepada pernyataan yang khusus.

Ini bererti hasil dapatan kajian daripada pengumpulan data soal selidik, ujian lisan, temu bual, pemerhatian akan digeneralisasikan pada satu populasi yang besar.

3.8.3 (c) Metode Komparatif

Metode ini ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap sesuatu data dan fakta yang diperolehi semasa penelitian dilakukan.⁴⁵⁸ Segala data, fakta dan pendapat para ahli yang mempunyai autoriti semuanya dikumpulkan dan diteliti kemudian dibuat perbandingan-perbandingan secara saksama yang seterusnya dirumus dan dibuat kesimpulan. Ini bertepatan dengan kajian pengkaji yang menjalankan kajian di sepuluh buah institusi yang melaksanakan kurikulum *qirā'āt* dalam program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM.

Contoh metode komparatif ialah dengan membuat perbandingan dari segi kaedah-kaedah pelaksanaan *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali* yang dilaksanakan di DQ dan MTQ.

⁴⁵⁷*Ibid.*, 134.

⁴⁵⁸*Ibid.*, 136.

3.9 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Secara umumnya kajian ini melibatkan tiga komponen besar institusi pentadbiran dan pengajian iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM, Darul Quran dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia. Permohonan untuk menjalankan kajian dibuat dengan memohon kebenaran bertulis kepada bahagian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Setelah mendapat kebenaran untuk menjalankan kajian di DQ dan MTQ, permohonan seterusnya akan dikemukakan kepada pihak pentadbiran DQ dan MTQ untuk tujuan yang sama dan kemudiannya pengkaji memaklumkan secara bertulis kepada Bahagian Akademik Darul Quran. Semua permohonan dan makluman turut mengandungi tujuan, objektif dan kepentingan kajian ini dibuat.

Pengumpulan data dilakukan oleh penyelidik selepas mendapat kebenaran dari pihak DQ dan MTQ sebagai tempat kajian. Penyelidik memulakan proses pengumpulan data yang diperlukan menjawab persoalan kajian pada 10 Januari 2014 hingga 15 April 2014. Tempoh hampir empat bulan diperlukan untuk membolehkan penyelidik mengumpulkan sendiri data. Dalam tempoh ini penyelidik akan mengedarkan soal selidik kepada dua kumpulan responden iaitu pensyarah dan pelajar, menjalankan pemerhatian, temu duga dan mengadakan ujian *shafawī qirā'āt*. Jangka masa hampir empat bulan ini diperlukan memandangkan kajian ini dijalankan di seluruh Malaysia yang melibatkan negeri Sabah. Data yang diperolehi dari empat instrumen ini memperlihatkan dua bentuk data iaitu:

3.9.1 Pengumpulan Soal Selidik dan Ujian *Shafawī Qirā'āt*

Penyelidik telah menghubungi institusi yang terlibat untuk mengaturkan temu janji dengan responden sama ada pensyarah atau pelajar untuk mengedarkan set soal selidik A dan B. Penetapan tempat soal selidik akan ditentukan oleh pihak pentadbir institusi tahfiz berdasarkan perbincangan yang dijalankan oleh penyelidik. Selepas mendapat

kebenaran daripada Pengarah DQ dan memaklumkan secara lisan dan bertulis kepada Ketua Bahagian Akademik, DQ.

Pengkaji mengedarkan sendiri soal selidik kepada semua responden pelajar pada satu masa yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbiran DQ. Penyelidik terlebih dahulu memberikan taklimat ringkas terhadap tujuan soal selidik diadakan terhadap pelajar bagi mengelakkan pelbagai kekeliruan yang timbul. Setelah mereka selesai menjawabnya, pengkaji telah mengambilnya semula pada hari yang sama. Setiap responden mengambil masa dalam anggaran 20 hingga 30 minit untuk menyempurnakan jawapan bagi setiap soalan yang ada dalam borang soal selidik.

Manakala bagi soal selidik pensyarah, bagi keselesaan kepada sampel yang dipilih, maka pengkaji melakukan kajian mengikut kesesuaian masa sampel tanpa ada sebarang paksaan. Pengkaji juga telah mengedar sendiri soal selidik kepada pensyarah selama lebih kurang sebulan dan ada juga melalui pos. Setelah mereka selesai, pengkaji akan mengambilnya semula berdasarkan temu janji yang dipersetujui oleh responden melalui telefon ke lokasi-lokasi kajian. Maklumat-maklumat daripada jawapan responden adalah sulit dan kerana itu nama sebenar mereka akan dirahsiakan.

Ujian *shafawī qirā'āt* juga diadakan oleh penyelidik untuk mendapatkan pencapaian serta penguasaan terhadap *qirā'āt* dengan merakam ujian Qirā'āt Amali para responden selepas mendapat kebenaran daripada Ketua Bahagian Akademik dan Ketua Unit Peperiksaan. Ujian ini dilakukan dengan menggunakan rakaman MP3 untuk merakam setiap bacaan *qirā'āt* dan telah dibantu dengan dua orang pakar dalam bidang *qirā'āt*. (Sila lihat dalam lampiran J). Setiap responden mengambil masa 15 minit. Data ujian Qirā'āt Amali dikumpulkan untuk dianalisis. Pengumpulan data kajian melalui soal selidik dan ujian *shafawī qirā'āt* dilakukan pada 10 Januari 2014 sehingga 15 April 2014.

Pengkaji menggunakan kriteria pemilihan prosedur pengumpulan data berstruktur iaitu pengamatan atau jawapan kepada soal selidik telah ditetapkan dan secara tidak berstruktur atau terbuka iaitu membenarkan jawapan (dua soalan sahaja).⁴⁵⁹

Data dan maklumat yang berjaya diperolehi melalui kaedah ini akan diproses, disusun dan dibuat jadual berdasarkan skor yang diperolehi selepas meneliti pembolehubah di dalam soal selidik dan ujian *shafawī qirā'āt* yang telah disediakan. Prosedur statistik deskriptif ini menggunakan kemudahan SPSS.

3.9.2 Pengumpulan Data Pemerhatian dan Temu bual

Pengumpulan data melalui pemerhatian berstruktur dan temu bual semi struktur dijalankan selepas data soal selidik diperolehi. Pensyarah dan pelajar dipilih secara persampelan *purposif* iaitu pensyarah yang berpengalaman dan bersedia untuk memberikan kerjasama yang baik dalam melaksanakan proses pemerhatian ini. Manakala pengumpulan data temu bual dilakukan kepada pensyarah yang berpengalaman dan pelajar yang dipilih oleh pihak institusi tahfiz tersebut.

Penyelidik akan menemu bual pensyarah dan pelajar secara berasingan berdasarkan soalan yang diaju. Temu bual ini dilakukan selepas membuat temu janji yang telah dipersetujui bersama. Pemerhatian dan temu bual diadakan dari 10 Januari sehingga 15 April 2014. Penyelidik akan merakamkan setiap perbualan yang dilakukan melalui pita rakaman. Data pemerhatian dan temu bual akan dikumpul dan ditranskripikan dengan menggunakan *microsoft word* dan dianalisis secara manual.

3.10 KAEDAH ANALISIS DATA

Semua data-data yang telah diperolehi dari tiga instrumen ini merangkumi dua bentuk data iaitu data kuantitatif diperolehi daripada instrumen soal selidik A dan soal selidik B serta ujian *shafawī qirā'āt*. Manakala data kualitatif pula diperolehi daripada instrumen pemerhatian dan temu bual. Semua data ini dianalisis untuk menilai pelaksanaan

⁴⁵⁹Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan dalam Panduan*, 60.

kurikulum *qirā'āt* di dalam Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Darul Quran JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia.

3.10.1 Analisis Data Kuantitatif

Bagi memudahkan penganalisan data kuantitatif, pengkaji akan membuat pengkodan data (*variable labels dan value labels*) sebelum memasukkan ke dalam perisian SPSS untuk memudahkan data diakses dan dianalisis. Data kuantitatif telah dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan Pakej Statistik untuk sains sosial (*Statistical Package for Social Science*) versi 20. Statistik deskriptif yang digunakan ialah peratusan, min dan sisihan piawai bagi menjawab persoalan-persoalan berkaitan penilaian pelaksanaan KQ dari aspek kurikulum *qirā'āt*, kandungan kurikulum, pelaksanaan p&p Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt 'Amali serta hasil pencapaian p&p *qirā'āt*. Antara sub program yang digunakan dalam kajian ini termasuklah *Reliability Analysis–Scale Alpha* yang digunakan untuk mencari nilai Alfa Cronbach bagi mengetahui nilai kebolehpercayaan keseluruhan instrumen kajian dan taburan frekuensi bagi mencari min dan peratusan untuk persoalan-persoalan kajian.

Jadual 3.12. Interpretasi Min dimensi Tingkah Laku Afektif

Skor min	Interprestasi
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
2.01-3.00	Sederhana Rendah
1.00-2.00	Rendah

Sumber: (Azhar 2006 dan Zawawi Ismail 2008)

Proses penganalisan data deskriptif daripada borang soal selidik tentang pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* yang dijalankan di DQ dan MTQ adalah seperti yang tertera di dalam jadual di atas. Untuk memudahkan huraian analisis deskriptif kajian ini, penyelidik menggunakan jadual interpretasi min tingkah laku afektif yang telah telah digunakan oleh Azhar (2006)⁴⁶⁰ dan Zawawi (2008) dalam kajian yang telah mereka lakukan telah dijadikan panduan bagi memberikan gambaran tentang penilaian pelaksanaan kurikulum

⁴⁶⁰ Azhar bin Ahmad, “Strategi Pembelajaran dan Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah” (tesis kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Fak.Pendidikan, 2006), 138.

qirā'āt dalam program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat yang meliputi penilaian kurikulum *qirā'āt*, penilaian kandungan kurikulum *qirā'āt*, penilaian pelaksanaan KQ dan penilaian pencapaian KQ. Bagi memudahkan perbincangan, skor-skor min dalam setiap dimensi tersebut telah disusun ikut urutan menurun (*decending*) dari skor paling tinggi hingga kepada skor yang paling rendah. Interpretasi min boleh dilihat pada jadual 3.12 di atas.

Pengkaji mengaitkan interprestasi min dengan perubahan yang perlu dilakukan seperti yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas dalam bidang penilaian seperti Azmil Hashim (2010)⁴⁶¹, Ghazali Darussalam (2013)⁴⁶² Zawawi Ismail (2008)⁴⁶³ tetapi telah diubahsuai mengikut kajian penyelidikan. Bentuk perubahan tersebut ialah homestatik, inkremental, neomobilistik dan metamorphik. Bentuk-bentuk perubahan ini akan digandingkan dengan empat bahagian dalam interprestasi min seperti jadual di bawah.

Jadual 3.13. Interprestasi Min Dimensi Tingkah Laku Afektif

Skor Min	Interprestasi	Bentuk Perubahan	Tujuan
4.01-5.00	Tinggi	Homestatik	Kekalkan Perseimbangan yang sedia ada dalam program
3.01-4.00	Sederhana Tinggi	Inkremental	Pembangunan dan penambahbaikan berterusan
2.01-3.00	Sederhana Rendah	Neomobilistik	Usaha inovatif dan perubahan yang besar
1.00-2.00	Rendah	Metamorphik	Perubahan secara menyeluruh

Sumber: :(Zawawi Ismail 2008, Azmil Hashim 2010 dan Ghazali Darussalam 2013)

⁴⁶¹ Azmil bin Hashim, "Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri" (tesis kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 2010), 135.

⁴⁶² Ghazali Darussalam dan Mohd Khairi Hussin, "Penilaian Tahap Amalan Pelaksanaan Kursus Pengajian Islam Dan Hubungannya Dengan Tingkah Laku Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTs) Di Malaysia", Prosiding of the Global Summit on Education (GSE2013), Kuala Lumpur, World Conferences.net, 11-12 Mac 2013, 328-341.

⁴⁶³ Zawawi Ismail, Penilaian pelaksanaan Kurikulum Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (tesis kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor), 150.

Seterusnya pengkaji akan menganalisis deskriptif dengan mendapatkan kekerapan (peratus), min dan sisihan piawaian bagi menjawab objektif kajian dan soalan kajian pertama hingga keempat.

3.10.2 Analisis Data Kualitatif

Semua data-data yang diperolehi daripada pemerhatian dan temu bual dianalisis, diinterpretasi, ditranskrip dan dirumus dalam kajian ini bagi menyokong dan menghuraikan data-data kuantitatif dari soal selidik dan ujian. Hasil transkripsi ini dianalisis supaya dapat mengenalpasti aspek kajian di dalam pengetahuan berkaitan objektif serta matlamat KQ dan amalan p&p *qirā'āt* dalam penilaian kandungan dan penilaian pelaksanaan yang merangkumi kandungan, peruntukan masa p&p, kemudahan ABM serta kaedah, aktiviti dan penggunaan ABM. Begitu juga penilaian pencapaian yang berkaitan dengan hasil p&p *qirā'āt*. Kemudian ianya dianalisis secara deskriptif menggunakan kekerapan bagi menggambarkan secara menyeluruh tentang tema-tema utama yang digunakan responden dalam amalan p&p KQ dalam kajian.

3.11 PENUTUP

Aspek metodologi yang telah digunakan dalam kajian penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* yang melibatkan tiga peringkat iaitu proses memilih prosedur, mengumpul dan menganalisa data-data. Menurut Lay Yoon Fah, penganalisan statistik sesuatu data kajian akan menghurai dan memberi justifikasi ujian-ujian statistik yang akan digunakan bagi menjawab soalan kajian.⁴⁶⁴ Reka bentuk kajian tinjauan ini akan melibatkan pemilihan persampelan daripada populasi, pengumpulan data, pembentukan instrumen untuk pengumpulan data, perolehan kadar respon yang tinggi.⁴⁶⁵

Pengkaji telah memilih seratus tiga puluh enam pelajar, semester enam dan empat puluh enam pensyarah yang terlibat dengan p&p kurikulum *qirā'āt*, dengan

⁴⁶⁴Lay Yoon Fah dan Khoo Chwee Hoon, *Pengenalan kepada Pendekatan Kuantitatif dalam Penyelidikan Pendidikan*, (Sabah: Universiti Malaysia Sabah, 2013), 241.

⁴⁶⁵Othman Talib, *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik* (Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2013), 136-137.

membuat penambahan saiz sampel mengikut perkiraan Krejcie dan Morgan dalam lokasi kajian ini. Sebanyak sepuluh buah institusi pengajian tahfiz yang terlibat dengan kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM.

Kaedah triangulasi yang digunakan merangkumi kaedah kuantitatif iaitu soal selidik serta ujian *shafawī* dan kaedah kualitatif iaitu pemerhatian tidak turut serta dan temu bual semi struktur. Kaedah kuantitatif bertindak sebagai instrumen utama dan diperincikan lagi oleh data-data kualitatif sebagai data sokongan.

Data kuantitatif dianalisis dengan menggunakan SPSS dan data kualitatif ditranskrip dan dianalisis bagi menyokong dapatan data kuantitatif. Dapatan kajian dikumpulkan bagi memberi penilaian yang menyeluruh terhadap pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di Darul Quran JAKIM (DQ) dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran (MTQ) di Malaysia.

BAB IV

ANALISIS KAJIAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan melaporkan semua dapatan berdasarkan dapatan dengan objektif dan persoalan kajian yang dibina. Sebagaimana dimaklumkan dalam bab satu kajian ini bertujuan untuk membuat penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ di Malaysia. Hasil dapatan ini akan membincangkan penilaian responden yang terlibat dalam kajian dan dapatan penilaian melalui soal selidik, ujian *shafawī*, pemerhatian dan temu bual dengan melalui Model Penilaian CIPP tapi tidak digunakan secara sepenuhnya. Pembentangan dapatan ini akan dimulakan dengan profil responden seterusnya akan menumpukan kepada objektif dan persoalan kajian.

4.2 PROFIL RESPONDEN KAJIAN

Profil responden yang diperolehi dalam kajian ini melibatkan dua kumpulan responden iaitu:.

- i. Para pensyarah yang mengajar *Qirā'āt* 'Ilm dan *Qirā'āt* Amali.
- ii. Para pelajar semester enam di dalam shu'bah *qirā'āt*.

Kesemua responden ini merupakan individu yang terlibat dengan kurikulum *qirā'āt* di dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM di Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran.

Dapatan profil sampel kajian ini merujuk daripada dua set soal selidik yang telah diedarkan di sepuluh buah institusi pengajian tahfiz di bawah JAKIM yang terpilih sebagai lokasi kajian iaitu:

- i. Soal selidik A bagi pensyarah yang merangkumi maklumat nama institusi, jantina, umur, tahap pengajian, pengalaman mengajar, kekerapan menghadiri kursus, tugas utama berkaitan ilmu *qirā'āt* dan anugerah yang pernah diperolehi.

ii. Soal selidik B bagi pelajar pula terdiri daripada maklumat nama institusi, jantina, umur, kelulusan memasuki DQ dan MTQ, pengalaman belajar sebelum memasuki DQ atau MTQ, pengalaman mendengar *qirā'āt*, faktor pendorong minat mempelajari ilmu *qirā'āt*.

Kesimpulannya terdapat dua perbincangan profil responden kajian iaitu profil pensyarah yang terlibat dengan p&p Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali dan profil pelajar shu'bah qirā'āt.

4.2.1 Profil Pensyarah *Qirā'āt*

Dapatan kajian profil pensyarah *qirā'āt* merangkumi maklumat nama institusi, jantina, umur, tahap pengajian, pengalaman mengajar, kekerapan menghadiri kursus, tugas utama berkaitan ilmu *qirā'āt* dan anugerah yang pernah diperolehi.

Jadual 4.1. Bahagian A Profil Pensyarah Mengikut Institusi

Item	Kekerapan	Peratusan
Nama Institusi / DQ	16	34.8%
Ma'ahad MTQ	30	65.2%
Jumlah	46	100%

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Berdasarkan jadual 4.1 di atas menunjukkan bahawa daripada 46 orang pensyarah yang mengajar Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali di DQ dan MTQ, hanya 16 orang pensyarah (34.8%) adalah daripada DQ dan 30 orang pensyarah (65.2%) adalah daripada MTQ. Ini menunjukkan pensyarah di MTQ lebih ramai berbanding DQ kerana MTQ terlibat dengan sembilan buah institusi.

Jadual 4.2. Bahagian A Profil Pensyarah Mengikut Jantina

Item	Kekerapan	Peratusan
Jantina Lelaki	41	89.1%
Perempuan	5	10.9%
Jumlah	46	100%

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Daripada aspek jantina dalam jadual 4.2 di atas menunjukkan bahawa terdapat 89.1% adalah pensyarah lelaki dan 10.9% adalah pensyarah perempuan. Ini juga jelas menunjukkan bahawa pensyarah lelaki lebih dominan daripada pensyarah perempuan yang melaksanakan kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ.

Jadual 4.3. Bahagian A Profil Pensyarah Mengikut Umur

Item		Kekerapan	Peratusan
Umur	> Kurang 25 tahun	2	4.3%
	25 – 35 tahun	26	56.5%
	36 – 45 tahun	8	17.4%
	< 45 tahun	10	21.7%
Jumlah		46	100%

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Berdasarkan profil sampel mengikut umur dalam jadual 4.3 di atas menunjukkan bahawa hanya dua orang (4.3%) yang berumur kurang dari 25 tahun dalam peringkat pertama, manakala peringkat kedua dari umur 25 tahun hingga 35 tahun iaitu seramai dua puluh enam orang (56.5%) dan peringkat ini merupakan peratusan terbesar dalam peringkat umur guru, diikuti dengan peringkat keempat iaitu melebihi 45 tahun iaitu seramai sepuluh orang (21.7%) dan peringkat ketiga antara umur 36 hingga 45 tahun iaitu seramai lapan orang (17.4%). Secara umumnya, dapat dilihat majoriti pensyarah muda yang terlibat dengan p&p *qirā'āt* adalah antara 25 hingga 35 tahun.

Jadual 4.4. Bahagian A Profil Pensyarah Mengikut Tahap Pengajian

Item		Kekerapan	Peratusan
Tahap Pengajian	Sijil Perguruan	1	2.2%
	Diploma	46	100%
	Diploma Perguruan	1	2.2%
	Sarjana Muda	44	95.7%
	Sarjana Muda KPLI	1	2.2%
	Sarjana	2	4.3%
	PhD	0	0%

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Daripada aspek tahap pengajian seperti dalam jadual 4.4 di atas menunjukkan bahawa semua guru (100%) berkelulusan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat,

JAKIM dan terdapat kalangan mereka yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengkhususan *qirā'āt* iaitu (95.7%) dan hanya dua orang pensyarah (4.3%) tidak memiliki ijazah sarjana muda, daripada empat puluh enam orang pensyarah, hanya seorang sahaja yang memiliki sijil perguruan iaitu seorang (2.2%), seorang (2.2%) sahaja yang memiliki diploma perguruan, seorang (2.2%) pensyarah sahaja yang memiliki Ijazah Sarjana Muda KPLI dan dua orang (4.3%) pensyarah yang memiliki sarjana.

Dapatan ini menunjukkan pensyarah yang melaksanakan kurikulum *qirā'āt* mempunyai kelayakan akademik yang sangat baik dalam pengkhususan bidang *qirā'āt* dan majoriti kalangan mereka ini mendapat pendidikan luar negara di negara Arab yang merupakan satu kelebihan kerana pensyarah yang terlibat dengan pengajaran kurikulum *qirā'āt* mempunyai kemampuan ilmu yang cukup dan pengetahuan yang sangat baik dalam bidang *qirā'āt*, walaupun dari aspek kelulusan ikhtisas guru menunjukkan hanya minoriti pensyarah yang memilikinya. Peratusan kelulusan ikhtisas guru ini menunjukkan majoriti responden pensyarah tidak memiliki latihan perguruan dalam mengendalikan pengajaran *qirā'āt* kerana kebanyakan institusi DQ dan MTQ tidak mewajibkan kelayakan ikhtisas guru terhadap pensyarah.

Jadual 4.5. Bahagian A Profil Pensyarah Mengikut Pengalaman Mengajar

Item		Kekerapan	Peratusan
Pengalaman Mengajar	Kurang 5 tahun	22	47.8%
	5 - 10 tahun	10	21.7%
	11 – 15 tahun	7	15.2%
	16 - 20 tahun	4	8.7%
	Lebih 21 tahun	3	6.5%
Jumlah		46	100%

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Daripada aspek pengalaman mengajar yang dipaparkan dalam rajah 4.5 di atas telah dikategorikan kepada lima peringkat iaitu peringkat pertama kurang lima tahun seramai 22 orang (47.8%), peringkat kedua antara 5 hingga 10 tahun seramai 10 orang (21.7%), peringkat ketiga antara 11 tahun hingga 15 tahun seramai 7 orang (15.2%),

manakala peratusan terendah pada peringkat lima iaitu melebihi 21 tahun seramai tiga orang (6.5%) dan peringkat keempat antara umur 16 hingga 20 tahun seramai empat orang (8.7%). Ini jelas menunjukkan kebanyakan guru-guru mempunyai pengalaman yang masih baru dalam bidang p&p *qirā'āt* kerana hampir sebahagian besar kalangan mereka baru terlibat dengan pengajaran *qirā'āt* antara 1 hingga 5 tahun.

Dapatan ini menunjukkan profil pensyarah yang melaksanakan pengajaran kurikulum *qirā'āt* adalah pensyarah muda yang berumur antara 25 hingga 35 tahun dan mempunyai pengalaman kurang daripada sepuluh tahun. Faktor pengalaman memainkan peranan yang amat penting dalam ukuran sesuatu kejayaan, namun begitu kekurangan ini telah diimbangi dengan tahap kelayakan akademik pensyarah yang hampir majoriti berkelulusan bidang pengkhususan *qirā'āt* dari Timur Tengah.

Jadual 4.6. Bahagian A Profil Pensyarah Mengikut Kekekapan Menghadiri Kursus

Item		Kekerapan	Peratusan
Kekerapan Menghadiri Kursus	Tidak Pernah	10	21.7%
	Antara 1-2 kali	13	28.3%
	Antara 3-5 kali	17	37.0%
	Melebihi 6 kali	6	13.0%
Jumlah		46	100%

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Manakala dari aspek kekerapan menghadiri kursus dari tempoh 2008 hingga 2013 dalam jadual 4.6 mencatatkan peratusan tertinggi pada kategori ketiga iaitu antara 3 hingga 5 kali seramai 17 orang (37.0%), manakala pada kategori kedua ialah antara 1 hingga 2 kali seramai 13 orang (28.3%), diikuti dengan kategori pertama seramai sepuluh orang (21.7%) tidak pernah menghadiri kursus dan dari aspek kategori keempat ialah melebihi enam kali iaitu seramai enam orang (13.0%). Ini jelas menunjukkan hampir majoriti pensyarah terlibat dengan kursus *qirā'āt* berbanding yang tidak pernah terlibat.

Seterusnya jadual 4.7 di bawah menunjukkan aspek tugas utama berkaitan ilmu *qirā'āt* bahawa peratusan tertinggi mencatatkan 46 orang (100%) terlibat dengan tugas guru *qirā'āt* dan mereka juga terlibat dengan tugas-tugas lain seperti seorang (2.2%)

sebagai ketua jabatan, diikuti seorang (2.2%) sebagai penolong ketua atau setiausaha jabatan, manakala sebagai penyelarar atau penyelia ilmu *qirā'āt* seramai 4 orang (8.7%) dan terdapat juga yang memegang tugas-tugas lain dalam pentadbiran seperti pengetua atau ketua unit seramai 3 orang (6.5%).

Jadual 4.7. Bahagian A Profil Pensyarah Mengikut Tugas Utama Berkaitan ilmu *Qirā'āt*

Item		Kekerapan	Peratusan
Tugas Utama berkaitan ilmu <i>Qirā'āt</i>	Ketua Jabatan	1	2.2%
	Pen.Ketua/Setiausaha	1	2.2%
	Penyelaras/ Penyelia	4	8.7%
	Guru/Pensyarah	46	100%
	Tugas lain	3	6.5%

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Daripada aspek anugerah yang pernah diperolehi dalam jadual 4.8 di bawah, peratusan terendah bagi guru yang tidak mempunyai *sanad* iaitu seramai 11 orang (23.9%) berbanding dengan 35 orang (76.1%) yang memiliki *sanad* (ijazah) bacaan al-Quran *riwāyah* Ḥafṣ 'an 'Āṣim dan terdapat juga di kalangan guru yang memiliki *sanad* (ijazah) bacaan al-Quran *riwāyah* Ḥafṣ 'an 'Āṣim iaitu (selain *riwāyah* Ḥafṣ 'an 'Āṣim iaitu seramai 19 orang (54.3%). Dapatan kajian ini menunjukkan majoriti pensyarah mempunyai kelayakan yang sangat baik di dalam anugerah *sanad*. Ini juga sangat menyumbang sebagai salah satu faktor penentu kejayaan di dalam pengajaran *qirā'āt* kerana pensyarah mempunyai kemahiran yang sangat baik.

Jadual 4.8. Bahagian A Profil Pensyarah Mengikut Anugerah Yang Pernah Diperolehi

Item		Kekerapan	Peratusan
Anugerah yang pernah diperolehi	<i>Sanad</i> (ijazah) bacaan al-Quran (<i>riwāyah</i> Ḥafṣ 'an 'Āṣim)	35	76.1%
	<i>Sanad</i> (ijazah) bacaan al-Quran (bacaan <i>Qirā'āt</i> selain <i>riwāyah</i> Ḥafṣ 'an 'Āṣim)	19	54.3%
	Tiada <i>Sanad</i>	11	23.9%

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Secara keseluruhannya, dapatan profil pensyarah *qirā'āt* yang melaksanakan kurikulum *qirā'āt* menunjukkan pensyarah lelaki lebih ramai berbanding dengan pensyarah perempuan, walaupun sebahagian besar dalam kalangan pensyarah mempunyai pengalaman baru iaitu kurang 10 tahun dalam bidang p&p *qirā'āt* dan berusia muda sekitar umur 25 hingga 35, tetapi mereka mempunyai kelayakan yang sesuai dengan bidang serta mempunyai kepakaran dalam bidang pengkhususan *qirā'āt*. Gabungan pengkhususan dalam bidang *qirā'āt* di negara Arab dan anugerah *sanad* yang berkaitan *qirā'āt* yang diperolehi amat menyumbang dalam kejayaan melaksanakan kurikulum *qirā'āt* tetapi sedikit kekurangan kerana masih ramai yang tidak memiliki ikhtisas perguruan yang akan menjadikan p&p *qirā'āt* lebih menarik dan sistematik.

4.2.2 Profil Pelajar *Qirā'āt*

Dapatan kajian profil responden pelajar DQ dan MTQ terdiri daripada maklumat nama institusi, jantina, umur, kelulusan memasuki DQ dan MTQ, pengalaman belajar sebelum memasuki DQ atau MTQ, pengalaman mendengar *qirā'āt*, faktor pendorong minat mempelajari ilmu *qirā'āt*.

Jadual 4.9. Bahagian A Profil Pelajar Mengikut Institusi dan Jantina

Item		Kekerapan	Peratusan
Nama Institusi / Ma'ahad	DQ	67	49.3%
	MTQ	69	50.7%
Jantina	Lelaki	101	74.3%
	Perempuan	35	25.7%

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Berdasarkan jadual 4.9 di atas menunjukkan bahawa profil responden yang belajar di DQ dan MTQ mempunyai bilangan yang seimbang iaitu antara 49.3% di DQ dan 50.7% di MTQ. Manakala dari aspek jantina menunjukkan bilangan lelaki 74.3% mengatasi bilangan perempuan 25.7% dalam shu'bah *qirā'āt* di DQ dan MTQ.

Jadual 4.10 di bawah menunjukkan aspek kelulusan memasuki DQ dan MTQ bahawa hampir keseluruhan responden memiliki SPM iaitu 93.5% berbanding yang

tiada iaitu 7.4% kerana responden merupakan pelajar luar negara tetapi ada juga yang memiliki sijil-sijil tambahan lain seperti SMA 0.7% dan STAM 2.9%.

4.10. Bahagian A Profil Pelajar Mengikut Kelulusan Masuk

Item		Kekerapan	Peratusan
Kelulusan masuk	SMA	1	0.7%
	SPM	121	89.0%
	STAM	4	2.9%
	Lain-lain	10	7.4%

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Berdasarkan jadual 4.11 di bawah menunjukkan bahawa aspek pernah mempelajari *qirā'āt* sebelum memasuki DQ dan MTQ, hampir keseluruhan responden tidak pernah mempelajarinya 78.7% berbanding yang pernah iaitu 21.7%. Ini menunjukkan majoriti pelajar tidak mempunyai pengalaman mempelajari *qirā'āt* sebelum memasuki DQ dan MTQ. Manakala dari aspek pernah mendengar bacaan *qirā'āt* selain riwāyah Ḥafṣ sebelum memasuki DQ dan MTQ, terdapat 66.2% dan 33.8% yang tidak pernah. Walaupun mereka tidak mempunyai pengalaman mempelajari *qirā'āt* sebelum memasuki DQ dan MTQ tetapi terdapat sebilangan besar daripada mereka yang pernah mendengar bacaan-bacaan *qirā'āt* selain riwāyah Ḥafṣ 'an 'Āṣim.

Jadual 4.11. Bahagian A Profil Pelajar Pernah Mempelajari *Qirā'āt* /Pernah Mendengar Bacaan *Qirā'āt* Selain Riwāyah Ḥafṣ Sebelum ke DQ atau MTQ

Item		Kekerapan	Peratusan
Pernah belajar <i>qirā'āt</i> sebelum ke DQ/MTQ	Ada	29	21.7%
	Tiada	107	78.7%
Pernah mendengar bacaan <i>qirā'āt</i> selain riwāyah Ḥafṣ sebelum ke DQ/MTQ	Ada	90	66.2%
	Tiada	46	33.8%

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Berdasarkan jadual 4.12 di bawah menunjukkan bahawa pendorong mereka mempelajari ilmu *qirā'āt* ialah disebabkan minat diri sendiri 52.9%, guru 17.6%, ibubapa 14.7%, rakan-rakan 9%, lain-lain 8% dan ahli keluarga 2.2%. Ini menunjukkan

minat diri sendiri memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran kurikulum *qirā'āt*.

Jadual 4.12. Bahagian A Profil Pelajar Mengikut Pendorong Mempelajari *Qirā'āt*

Item		Kekerapan	Peratusan
Pendorong mempelajari <i>qirā'āt</i>	Diri Sendiri	72	52.9%
	Ibu/Bapa/Penjaga	20	14.7%
	Ahli Keluarga	3	2.2%
	Rakan	9	6.6%
	Guru	24	17.6%
	Lain-lain	8	5.9%

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Berdasarkan jadual 4.13 di bawah menunjukkan persepsi pelajar terhadap aspek tahap penguasaan *qirā'āt* berada pada tahap sederhana yang paling tinggi iaitu sederhana 61.0%, diikuti tahap baik (25.7%), lemah (7.4%), sangat lemah (3.7%) dan sangat baik (2.2%). Aspek tahap penguasaan al-Quran menunjukkan tahap sederhana iaitu sederhana (47.8%), baik (39.0%), sangat baik (6.6%), lemah (4.4%) dan sangat lemah (2.2%). Manakala aspek penguasaan tajwid pula di tahap sederhana iaitu baik (48.5%), sederhana (36.8%), sangat baik (11.0%), lemah (2.9%) dan sangat lemah (0.7%).

Jadual 4.13. Bahagian A Profil Pelajar Mengikut Tahap Penguasaan *Qirā'āt*, al-Quran dan Tajwid

Item		Kekerapan	Peratusan
Tahap penguasaan <i>qirā'āt</i>	Sangat Baik	3	2.2%
	Baik	35	25.7%
	Sederhana	83	61.0%
	Lemah	10	7.4%
	Sangat Lemah	3	3.7%
Tahap penguasaan al-Quran	Sangat Baik	9	6.6%
	Baik	53	39.0%
	Sederhana	65	47.8%
	Lemah	6	4.4%
	Sangat lemah	3	2.2%
Tahap penguasaan Tajwid	Sangat Baik	15	11.0%
	Baik	66	48.5%
	Sederhana	50	36.8%
	Lemah	4	2.9%
	Sangat Lemah	1	0.7%

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Secara keseluruhannya, pelajar yang memasuki DQ dan MTQ mesti mempunyai syarat-syarat kelayakan antaranya sijil SPM, ini menunjukkan majoriti pelajar memiliki SPM kecuali pelajar dari luar negara yang memiliki sijil-sijil lain yang bertaraf SPM seperti A level, malahan para pelajar juga diwajibkan lulus dalam sesi temuduga yang merangkumi ujian *shafawī* kekuatan hafazan al-Quran, ujian *tahrīrī* Tajwid, ujian *tahrīrī* bahasa Arab, ujian sikap atau psikologi iaitu, pencapaian akademik dan penampilan. Begitu juga hampir keseluruhan daripada mereka pernah mendengar bacaan *qirā'āt* selain riwāyah Ḥafṣ 'an 'Āṣim. Walaupun tidak ramai yang mempunyai pengalaman mempelajari *qirā'āt* tetapi hampir sebahagian besar daripada mereka meminati bidang *qirā'āt*. Pencapaian akademik serta pencapaian temu duga yang baik digabungkan dengan minat para pelajar serta pengetahuan awal berkaitan bacaan *qirā'āt* selain Qirā'āt Ḥafṣ 'an 'Āṣim merupakan faktor-faktor yang akan memudahkan pelaksanaan p&p kurikulum *qirā'āt*. Namun begitu persepsi majoriti pelajar terhadap tahap penguasaan *qirā'āt* dan al-Quran menunjukkan berada pada tahap sederhana berbanding dengan tahap penguasaan tajwid yang berada di tahap baik.

4.3 PENILAIAN KURIKULUM *QIRĀ'ĀT*

Secara keseluruhannya analisis dapatan kajian mengenai penilaian kurikulum *qirā'āt* mempunyai tiga elemen penting iaitu elemen kerelevanan kurikulum *qirā'āt* yang merangkumi daripada perspektif pensyarah iaitu keperluan kurikulum *qirā'āt*, matlamat, objektif, kesesuaian kurikulum *qirā'āt* dan hasil pembelajaran di DQ dan MTQ, elemen penilaian sendiri pensyarah dan elemen penilaian sendiri pelajar terhadap kurikulum *qirā'āt*.

4.3.1 Kerelevanan Kurikulum *Qirā'āt*

Kerelevanan KQ merupakan elemen pertama dalam penilaian kurikulum *qirā'āt*. Elemen ini dibahagikan lima bahagian utama iaitu bahagian pertama iaitu keperluan, matlamat, objektif, kesesuaian dan hasil pembelajaran.

Jadual 4.14. Min Lima Elemen Penilaian Kerelevenan KQ Dari Persepsi Pensyarah

Penilaian Kerelevenan KQ	Min	S.P	Interpretasi
Keperluan Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	4.57	0.56	Tinggi
Matlamat Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	4.43	0.61	Tinggi
Objektif Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	4.53	0.59	Tinggi
Kesesuaian Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	4.45	0.69	Tinggi
Hasil Pembelajaran Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	4.06	0.84	Tinggi
Min Keseluruhan	4.40	0.65	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Berdasarkan jadual 4.14 di atas menunjukkan min keseluruhan bagi lima elemen penilaian kurikulum *qirā'āt* dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Min keseluruhan bagi kelima-lima elemen penilaian kurikulum *qirā'āt* daripada persepsi pensyarah 4.40 dan sisihan piawai berada pada tahap tinggi iaitu 0.65. Min bagi kelima-lima elemen berada di tahap tinggi iaitu elemen keperluan KQ (min=4.57, sp=0.56), matlamat KQ (min=4.43, sp=0.61), objektif KQ (min=4.53, sp=0.59), kesesuaian KQ (min=4.45, sp=0.69) dan hasil pembelajaran (min=4.06, sp=0.84). Semua elemen penilaian kurikulum *qirā'āt* ini berada pada tahap interpretasi min tinggi. Ini menunjukkan bahawa pensyarah amat bersetuju dan menerima sepenuhnya dalam elemen keperluan, matlamat, objektif, kesesuaian dan hasil pembelajaran.

Jadual 4.15. Min Satu Elemen Penilaian Kendiri Pensyarah

Penilaian Kendiri Pensyarah	Min	S.P	Interpretasi
Min Keseluruhan	4.34	0.65	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Jadual 4.15 di atas menunjukkan min keseluruhan bagi penilaian sendiri (min=4.34, sp=0.65) dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat bagi persepsi pensyarah yang menunjukkan berada pada tahap tinggi.

Berdasarkan jadual 4.16 di bawah menunjukkan min keseluruhan bagi elemen penilaian sendiri kurikulum *qirā'āt* dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat bagi

persepsi pelajar. Min keseluruhan bagi elemen penilaian sendiri kurikulum *qirā'āt* dari persepsi pelajar 3.51 dan sisihan piawai berada pada tahap sederhana tinggi iaitu 0.97.

Jadual 4.16. Min Satu Elemen Penilaian Kendiri KQ Dari Persepsi Pelajar

Penilaian Kendiri Pelajar	Min	S.P	Interpretasi
Min Keseluruhan	3.51	0.97	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Ini menunjukkan bahawa elemen-elemen penilaian kurikulum *qirā'āt* yang merangkumi aspek kerelevanan kurikulum *qirā'āt* yang terdiri daripada keperluan kurikulum *qirā'āt*, matlamat kurikulum *qirā'āt*, objektif kurikulum *qirā'āt*, kesesuaian kurikulum *qirā'āt* serta hasil pembelajaran kurikulum *qirā'āt* dan penilaian sendiri daripada persepektif pensyarah berada pada tahap tinggi berbanding dengan elemen penilaian sendiri pelajar yang berada pada tahap sederhana tinggi.

4.3.1(a) Keperluan Kurikulum *Qirā'āt*

Berdasarkan jadual 4.17 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi persetujuan guru sebagai pelaksana kurikulum terhadap keperluan kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ. Min keseluruhan bagi semua item adalah 4.17 dan sisihan piawai 0.56 berada pada interpretasi tinggi.

Jadual 4.17. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Min Persetujuan Pensyarah Terhadap Keperluan KQ

Keperluan KQ	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Menyempurnakan tuntutan Fardhu Kifayah	0 0%	0 0%	0 0%	18 39.1%	28 60.9%	4.60	0.49	Tinggi
Menjamin Kematowatiran al-Quran	0 0%	0 0%	0 0%	12 26.1%	34 73.9%	4.73	0.44	Tinggi
Menghalang penyelewengan dan perubahan al-Quran	0 0%	0 0%	0 0%	11 23.9%	35 76.1%	4.76	0.43	Tinggi
Tahu <i>Qirā'āt</i> yang dapat diterima kesahihannya mesti bertepatan dengan salah satu <i>maṣḥaf rasm</i> 'uthmānī	1 2.2%	1 2.2%	0 0%	16 34.8%	28 60.9%	4.50	0.80	Tinggi
Tahu <i>Qirā'āt</i> yang dapat diterima kesahihannya mesti bertepatan dengan wajah Bahasa Arab	0 0%	0 0%	3 6.5%	21 45.7%	22 47.8%	4.41	0.61	Tinggi

Jadual 4.17. Sambungan

Tahu <i>Qirā'āt</i> yang dapat diterima kesahihannya mesti bertepatan dengan <i>sanad</i> yang sah	0	0	1	16	29	4.60	0.53	Tinggi
	0%	0%	2.2%	34.8%	63.0%			
Keperluan Kurikulum <i>Qirā'āt</i> dinyatakan dalam kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat JAKIM	0	1	2	19	24	4.43	0.68	Tinggi
	0%	2.2%	4.3%	41.3%	52.2%			
Min Keseluruhan						4.57	0.56	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Min ketujuh-tujuh item keperluan KQ menunjukkan berada pada tahap tinggi iaitu keperluan KQ di dalam kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, DQ dan MTQ merangkumi aspek menyempurnakan tuntutan fardhu kifayah (min=4.60, sp=0.49) dengan peratus responden sangat setuju dan setuju, menjamin kemutawatiran al-Quran (min=4.73, sp=0.44), menghalang penyelewengan dan perubahan al-Quran (min=4.76, sp=0.43), supaya tahu *qirā'āt* yang dapat diterima kesahihannya mesti bertepatan dengan salah satu *mashaf* rasm 'uthmānī (min=4.50, sp=0.80), tahu *qirā'āt* yang dapat diterima kesahihannya mesti bertepatan dengan *wajh* bahasa Arab (min=4.41, sisih piawai=0.61), tahu *qirā'āt* yang dapat diterima kesahihannya mesti bertepatan dengan *sanad* yang sah (min=4.60, sp=0.53), keperluan kurikulum *qirā'āt* dinyatakan dalam kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM (min=4.43, sp=0.68).

Dapatan kajian ini menunjukkan pensyarah amat bersetuju dengan item-item keperluan kurikulum *qirā'āt* di dalam kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM dan pensyarah juga bersetuju keperluan KQ dinyatakan dengan jelas di dalam kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat.

4.3.1(b) Matlamat Kurikulum *Qirā'āt*

Berdasarkan jadual 4.18 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi persetujuan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum terhadap matlamat yang telah digariskan dalam kurikulum *qirā'āt*. Min keseluruhan item ialah 4.43 dan sisihan piawai 0.61 berada pada tahap tinggi.

Jadual 4.18. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Persetujuan Pensyarah Terhadap Matlamat KQ

Matlamat KQ	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Membentuk jiwa mencintai al-Quran	0 0%	0 0%	1 2.2%	19 41.3%	26 56.5%	4.54	0.54	Tinggi
Peningkatan Ilmu dan Iman	0 0%	0 0%	0 0%	21 45.7%	25 54.3%	4.54	0.50	Tinggi
Mengetahui terdapat hubung kaitnya dengan hukum-hukum Fiqh	0 0%	0 0%	2 4.3	22 47.8%	22 47.8%	4.43	0.58	Tinggi
Dapat membentuk akhlak	0 0%	0 0%	5 10.9%	23 50.0%	18 39.1%	4.28	0.65	Tinggi
Membantu dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran dengan bacaan <i>Qirā'āt</i> pelbagai	0 0%	0 0%	3 6.5%	14 30.4%	29 63.1%	4.56	0.62	Tinggi
Membentuk jiwa yang komited dan prihatin dengan al-Quran sama ada daripada aspek spiritual dan dakwah	0 0%	0 0%	5 10.9%	17 37.0%	24 52.2%	4.41	0.68	Tinggi
Mengetahui matlamat Kurikulum <i>Qirā'āt</i> dengan jelas kerana dinyatakan dalam kurikulum pendidikan <i>Qirā'āt</i>	0 0%	1 2.2 %	4 8.7%	23 50.0%	18 39.1%	4.26	0.71	Tinggi
Min Keseluruhan						4.43	0.61	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Terdapat tujuh item matlamat kurikulum *qirā'āt* mencatatkan min pada tahap tinggi iaitu item membentuk jiwa mencintai al-Quran (min=4.54, sp=0.54) dengan responden yang sangat setuju 56.5% dan yang setuju 41.3% berbanding yang kurang setuju 2.2%.

Daripada 46 orang responden, item peningkatan ilmu dan iman (min=4.54, sp=0.50) iaitu 54.3% sangat bersetuju dan 45.7% bersetuju, item mengetahui terdapat hubung kaitnya dengan hukum-hukum fiqh (min=4.43, sp=0.58) dengan responden yang sangat setuju dan setuju adalah sama peratusannya 47.8% berbanding responden kurang setuju 2.2%, item dapat membentuk akhlak (min=4.28, sp=0.65) dengan responden sangat setuju 39.1%, sangat setuju 50% berbanding kurang setuju 10.9%,

item membantu dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran dengan bacaan *qirā'āt* pelbagai (min=4.56, sp=0.62) dengan 63.1% responden sangat setuju dan 30.4% setuju berbanding dengan 6.5% yang kurang setuju, item membentuk jiwa yang komited dan prihatin dengan al-Quran sama ada daripada aspek spiritual dan dakwah (min=4.41, sp=0.68) dengan responden yang sangat setuju 52.1% serta setuju 37.0% berbanding kurang setuju 10.9%. Hampir keseluruhan responden sangat setuju 39.1% dan setuju 50.0% dari aspek mengetahui matlamat kurikulum *qirā'āt* dengan jelas kerana dinyatakan dalam kurikulum pendidikan *qirā'āt* berbanding dengan kurang setuju 8.7% dan tidak setuju 2.2% dengan (min=4.26, sp=0.71).

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan semua item berada di tahap interpretasi min yang tinggi bahawa pensyarah sangat bersetuju dengan matlamat KQ di dalam kurikulum *qirā'āt* di dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM.

4.3.1(b) i. Temu bual Pensyarah Tentang Matlamat KQ

Data temu bual mendapati pensyarah amat bersetuju dengan semua item-item matlamat KQ yang dinyatakan di dalam kurikulum *qirā'āt* dan matlamat KQ juga dinyatakan dengan jelas di dalam kurikulum *qirā'āt* Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat.

T1 menunjukkan contoh temu bual yang membuktikan pensyarah amat bersetuju dengan item-item matlamat KQ sangat relevan dengan kurikulum *qirā'āt*. Contoh data temu bual pensyarah (T1⁴⁶⁶) tentang matlamat KQ:

Penyelidik: Ustaz, Adakah matlamat lain di dalam kurikulum *Qirā'āt* yang tidak disebut di dalam borang soal selidik?

Pensyarah: Tiada, semua telah dinyatakan di dalam borang soal selidik yang diedarkan tu.

Penyelidik: Alhamdulillah, oh tiada lagi ya ustaz

Ustaz: Ya sambil menganggukkan kepala.

⁴⁶⁶Muhammad Aizuddin bin Abdullah (Pensyarah *Qirā'at*, MTQMSA) dalam temu bual dengan penulis , 25 Mac 2014.

Penyelidik: Adakah dinyatakan di dalam kurikulum *qirā'āt* , ustaz?

Ustaz: Ada dinyatakan.

4.3.1(c) Objektif Kurikulum *Qirā'āt*

Min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum *qirā'āt* terhadap objektif KQ dipaparkan dalam jadual 4.19 di bawah. Min keseluruhan item ialah 4.53 dan sisihan piawai 0.59 berada pada tahap tinggi.

Jadual 4.19. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Min Persetujuan Pensyarah Terhadap Objektif KQ

Objektif KQ	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Membaca al-Quran dengan sebutan yang betul melalui <i>Talaqqī</i> dan <i>Mushāfahah</i>	0 0%	0 0%	0 0%	13 28.3%	33 71.7%	4.71	0.45	Tinggi
Mengetahui bacaan imam-imam dan perawi-perawi <i>Qirā'āt</i>	0 0%	0 0%	0 0%	12 26.1%	34 73.9%	4.73	0.44	Tinggi
Menunjukkan keagungan al-Quran sebagai sebuah kitab perundangan Syariat	0 0%	0 0%	2 4.3%	11 23.9%	33 71.7%	4.67	0.55	Tinggi
Saya tahu objektif kurikulum <i>Qirā'āt</i> kerana dinyatakan dalam kurikulum <i>Qirā'āt</i> DQ dan MTQ	1 2.2%	3 6.5%	4 8.7%	23 50.0%	15 32.6%	4.04	0.94	Tinggi
Min Keseluruhan						4.53	0.59	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Terdapat empat item objektif KQ mencatatkan min pada tahap tinggi iaitu item membaca al-Quran dengan sebutan yang betul melalui *talaqqī* dan *mushāfahah* (min=4.71, sp=0.45) dengan 71.7% yang sangat setuju dan 28.3% yang setuju, item mengetahui bacaan imam-imam dan perawi-perawi *qirā'āt* (min=4.73, sp=0.44) dengan 73.9% sangat setuju dan 26.1% setuju, item menunjukkan keagungan al-Quran sebagai sebuah kitab perundangan syariat (min=4.67, sp=0.55) hanya terdapat 4.3% responden yang kurang setuju berbanding responden yang setuju 23.9% dan sangat setuju 71.7% dan item saya tahu objektif kurikulum *qirā'āt* kerana dinyatakan dalam kurikulum

qirā'āt DQ dan MTQ (min=4.04, sp=0.94) mencatatkan responden yang setuju 50.0% dan sangat setuju 32.6% berbanding dengan responden yang sangat tidak setuju 2.2%, tidak setuju 6.5% serta 8.7% kurang setuju.

Kesimpulannya dapatan kajian menunjukkan pensyarah amat bersetuju dengan semua item-item objektif kurikulum *qirā'āt* berdasarkan interpretasi min persetujuan yang berada di tahap tinggi. Objektif KQ sangat mencukupi dan sesuai dengan kurikulum *qirā'āt* dan dinyatakan dengan jelas di dalam rancangan pengajaran.

4.3.1(c) i. Temu bual Pensyarah Tentang Objektif KQ

Data temu bual mendapati semua pensyarah juga amat bersetuju dengan semua item-item objektif KQ yang dinyatakan di dalam borang soal selidik pensyarah. Objektif KQ juga dinyatakan dengan jelas di dalam kurikulum *qirā'āt* Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat.

T2 menunjukkan contoh temu bual yang membuktikan pensyarah amat bersetuju dengan item-item objektif KQ sangat relevan dan mencukupi dengan kurikulum *qirā'āt*.

Contoh data temu bual pensyarah (T2⁴⁶⁷) tentang matlamat KQ:

Penyelidik: Ustaz, Bagaimana pula dengan objektif, adakah objektif lain yang tidak disebut di dalam kurikulum *qirā'āt*?

Pensyarah: Tiada, semua dah disebut.

Penyelidik: Dinyatakan di dalam kurikulum *qirā'āt* tak, ustaz?

Ustaz: Ada. Kami semua dibekalkan dengan rancangan mengajar yang terdapat di dalamnya objektif kurikulum *qirā'āt*.

4.3.1(d) Kesesuaian Kurikulum *Qirā'āt*

Berdasarkan jadual 4.20 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum

⁴⁶⁷Ikmal Syukri bin Zulkifli (Pensyarah *Qirā'at*, Darul Quran, JAKIM) dalam temu bual dengan penulis, 29 Mac 2014.

qirā'āt di dalam kesesuaian kurikulum *qirā'āt*. Min keseluruhan item ialah 4.45 dan sisihan piawai 0.69 berada pada tahap tinggi.

Jadual 4.20. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Min Persetujuan Pensyarah Terhadap Kesesuaian KQ

<i>Kesesuaian KQ</i>	<i>STS</i>	<i>TS</i>	<i>KS</i>	<i>S</i>	<i>SS</i>	<i>Min</i>	<i>S.P</i>	<i>Interpretasi</i>
Pelajar bertakwa, berilmu dan bermanfaat kepada ummah	0 0%	1 2.2%	3 6.5%	19 41.3%	23 50.0%	4.39	0.71	Tinggi
<i>Huffāz</i> yang mahir dalam pembacaan dan pengajian ilmu al-Quran dan ilmu <i>Qirā'āt</i>	0 0%	0 0%	5 10.9%	11 23.9%	30 65.2%	4.54	0.68	Tinggi
<i>Huffāz</i> dan <i>Qurrā'</i> yang berketrampilan	3 6.5%	5 10.9%	4 8.7%	8 17.4%	26 56.5%	4.06	1.30	Tinggi
Pendakwah yang mahir dan bersesuaian dengan keperluan ummah	0 0%	0 0%	5 10.9%	20 43.5%	21 45.7%	4.34	0.67	Tinggi
Imam yang bertauliah dan professional melalui ilmu-ilmu al-Quran	0 0%	1 2.2%	0 0%	16 34.8%	29 63.0%	4.58	0.61	Tinggi
Pendidik yang bertauliah dan profesional melalui ilmu-ilmu al-Quran	0 0%	0 0%	0 0%	19 41.3%	27 58.7%	4.58	0.49	Tinggi
<i>Huffāz</i> yang mahir di dalam penguasaan bidang <i>Qirā'āt</i>	0 0%	0 0%	3 6.5%	15 32.6%	28 60.9%	4.54	0.62	Tinggi
<i>Huffāz</i> yang memahami tentang ilmu <i>Qirā'āt</i> secara 'ilmi dan amali	0 0%	0 0%	1 2.2%	15 32.6%	30 65.2%	4.63	0.53	Tinggi
<i>Huffāz</i> yang berkebolehan di dalam <i>Qirā'āt Sab'ah</i>	0 0%	0 0%	4 8.7%	17 37.0%	25 54.3%	4.45	0.65	Tinggi
Min Keseluruhan						4.45	0.69	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Dapatan ini menunjukkan bahawa kesemua sembilan item mencatatkan min pada tahap tinggi iaitu item pelajar bertakwa, berilmu dan bermanfaat kepada ummah (min=4.39, sp=0.71) dengan responden setuju 41.3% dan sangat setuju 50.0% berbanding dengan responden tidak setuju 2.2% dan kurang setuju 6.5%, item *Huffāz* yang mahir dalam pembacaan dan pengajian ilmu al-Quran dan ilmu *Qirā'āt* (min=4.54, sp=0.68) dengan responden sangat setuju 65.2% dan setuju 23.9%, item *Huffāz* dan

Qurrā' berkecakupan (min=4.06, sp=1.30) dengan responden sangat setuju 56.5% dan setuju 17.4%, item pendakwah yang mahir dan bersesuaian dengan keperluan ummah (min=4.34, sp=0.67) dengan responden sangat setuju 45.7% dan setuju 43.5%), item imam bertauliah dan profesional melalui ilmu-ilmu al-Quran (min=4.58, sp=0.61) dengan responden sangat setuju 63.0% dan setuju 34.8%, item pendidik yang bertauliah dan profesional melalui ilmu-ilmu al-Quran (min=4.58, sp=0.49) dengan responden sangat setuju 58.7% dan setuju 41.3%), item *Huffāz* yang mahir dalam penguasaan bidang *Qirā'āt* (min=4.54, sp=0.62) dengan responden sangat setuju 60.9% dan setuju 32.6%, item *Huffaz* yang memahami tentang ilmu *Qirā'āt* secara ilmi dan amali (min=4.63, sp=0.53) dengan responden sangat setuju 65.2% dan setuju 32.6% dan item *Huffāz* yang berkebolehan dalam *Qirā'āt* Sab'ah (min=4.45, sp=0.65) dengan responden sangat setuju 54.3% dan setuju 37.0%.

Hasil dapatan keseluruhannya mendapati pensyarah amat bersetuju dan menerima item-item kerelevanan kurikulum *qirā'āt*. Ini menunjukkan kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ sangat relevan dan sesuai dengan keperluan, matlamat, objektif dan kesesuaian kurikulum *qirā'āt* di dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM.

4.3.1(e) Hasil Pembelajaran KQ Dari Persepsi Pensyarah

Berdasarkan jadual 4.21 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum dalam kurikulum *qirā'āt* terhadap hasil pembelajaran *qirā'āt*. Min keseluruhan ialah 4.06 dan sisihan piawai ialah 0.84.

Satu item mencatatkan min yang tinggi iaitu item hasil pembelajaran *qirā'āt* dinyatakan dengan jelas dalam kurikulum *qirā'āt* (min=4.26, sp=0.71) dengan responden sangat setuju 41.3% dan setuju 43.5% dan satu item lagi mencatatkan min yang sederhana tinggi iaitu item hasil pembelajaran *qirā'āt* selari dengan objektif kurikulum *qirā'āt* (min=3.86, sp=0.97) dengan responden sangat setuju 28.3% dan setuju 39.1%.

Jadual 4.21. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Min Persetujuan Pensyarah Terhadap Hasil Pembelajaran *Qirā'āt*

Hasil Pembelajaran	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Hasil pembelajaran <i>Qirā'āt</i> dinyatakan dengan jelas dalam kurikulum <i>Qirā'āt</i>	0 0%	0 0%	7 15.2%	20 43.5%	19 41.3%	4.26	0.71	Tinggi
Hasil pembelajaran <i>Qirā'āt</i> selari dengan objektif kurikulum <i>Qirā'āt</i>	2 4.3%	0 0%	13 28.3%	18 39.1%	13 28.3%	3.86	0.97	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan						4.06	0.84	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Dapatan kajian menunjukkan persetujuan pensyarah terhadap hasil pembelajaran *qirā'āt*, walaupun berada pada tahap min interpretasi tinggi tetapi terdapat satu item yang perlu diperbincangkan dan dimurnikan kerana pensyarah berpendapat hasil pembelajaran *qirā'āt* kurang selari dengan objektif kurikulum *qirā'āt* kerana berada di tahap interpretasi min sederhana tinggi.

4.3.2 Penilaian Kendiri Pensyarah

Berdasarkan jadual 4.22 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum di dalam kurikulum *qirā'āt* terhadap penilaian sendiri. Min keseluruhan item penilaian sendiri kurikulum *qirā'āt* ialah 4.34 dan sisihan piawai 0.65 berada pada tahap tinggi.

Empat item penilaian sendiri guru terhadap kurikulum *qirā'āt* berada pada tahap tinggi iaitu saya suka mengajar kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ (min=4.45, sp=0.68) dengan peratusan responden sangat setuju 54.3% dan setuju 39.1%, item kurikulum *qirā'āt* penting kepada para *Huffāz* al-Quran (min=4.54, sp=0.62) dengan responden sangat setuju 58.7% dan responden setuju 39.1%, item terdiri daripada *Qirā'āt* 'Ilm dan *Qirā'āt* Amali (min=4.60, sp=0.53) dengan responden sangat setuju 63.0% dan setuju 34.8% dan item menguasai asas-asas kaedah menurut para imam *Qirā'āt* Sab'ah (min=4.32, sp=0.63) responden sangat setuju 41.3% dan setuju 50.0% tetapi terdapat satu item penilaian sendiri guru berada pada tahap sederhana tinggi iaitu item

menghafaz dengan baik keseluruhan matan Qirā'āt al-Shātibī (min=3.80, sp=0.83) dengan responden sangat setuju 23.9% dan setuju 34.8%.

Jadual 4.22. Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Min Penilaian Kendiri Pensyarah

Penilaian Kendiri Guru	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Saya suka mengajar kurikulum <i>Qirā'āt</i> di DQ/MTQ	0 0%	1 2.2%	2 4.3%	18 39.1%	25 54.3%	4.45	0.68	Tinggi
Kurikulum <i>Qirā'āt</i> penting kepada para <i>Huffāz</i> al-Quran	0 0%	1 2.2%	0 0%	18 39.1%	27 58.7%	4.54	0.62	Tinggi
Terdiri daripada Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali	0 0%	0 0%	1 2.2%	16 34.8%	29 63.0%	4.60	0.53	Tinggi
Menghafaz dengan baik keseluruhan Matan Qirā'āt al-Shātibī	0 0%	1 2.2%	18 39.1%	16 34.8%	11 23.9%	3.80	0.83	Sederhana Tinggi
Menguasai asas-asas kaedah menurut para Imam Qirā'āt Sab'ah	0 0%	0 0%	4 8.7%	23 50.0%	19 41.3%	4.32	0.63	Tinggi
Min Keseluruhan						4.34	0.65	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Kesimpulannya, pensyarah yang terlibat dengan kurikulum *qirā'āt* bersikap sangat positif dalam menjalankan p&p dengan memberikan respon yang tinggi amat meminati dengan p&p kurikulum *qirā'āt* dengan mengaitkan kepentingan ilmu *qirā'āt* kepada *Huffāz*. In disokong dengan pendapat pensyarah yang amat bersetuju tentang silibus kurikulum *qirā'āt* yang utama merangkumi Qirā'āt 'Ilm iaitu *qirā'āt* yang dipelajari secara teori dan Qirā'āt Amali pula yang dipelajari secara praktikal berkaitan *manhaj-manhaj* bacaan imam Qirā'āt Sab'ah.

Walaupun begitu pensyarah kurang bersetuju dan kurang berpuas hati dengan pendapat bahawa kurikulum *qirā'āt* ialah menghafaz dengan baik keseluruhan *matan* Qirā'āt al-Shātibī tetapi pensyarah amat bersetuju dengan penguasaan asas-asas kaedah menurut para imam Qirā'āt Sab'ah.

4.3.3 Penilaian Kendiri Pelajar

Berdasarkan jadual 4.23 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekekapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan pelajar terhadap penilaian sendiri kurikulum

qirā'āt. Min keseluruhan item penilaian sendiri kurikulum *qirā'āt* ialah 3.51 dan sisihan piawai 0.97 berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 4.23. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Min Penilaian Kendiri Pelajar

Penilaian Terhadap Konteks	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Saya meminati ilmu <i>Qirā'āt</i>	3 2.2%	4 2.9%	17 12.5%	65 47.8%	47 34.6%	4.09	0.88	Tinggi
Saya suka belajar <i>Qirā'āt</i> 'Ilm dan <i>Qirā'āt</i> Amali	4 2.9%	1 0.7%	17 12.5%	72 52.9%	42 30.9%	4.08	0.85	Tinggi
Kurikulum <i>Qirā'āt</i> tidak sukar dikuasai	2 1.5%	1 0.7%	37 27.2%	74 54.5%	22 16.2%	3.83	0.75	Sederhana Tinggi
Kurikulum <i>Qirā'āt</i> sangat penting dalam bidang Tahfiz al-Quran	4 2.9%	1 0.7%	10 7.4%	65 47.8%	56 41.2%	4.23	0.85	Tinggi
*Saya tidak malu membaca <i>Qirā'āt</i> Sab'ah	55 40.4%	31 22.8%	31 22.8%	10 7.4%	9 6.6%	2.16	1.22	Sederhana Rendah
*Saya tidak berasa rendah diri bila membaca <i>Qirā'āt</i> Sab'ah	34 25.0%	25 18.4%	35 25.7%	29 21.3%	13 9.6%	2.72	1.30	Sederhana Rendah
Min Keseluruhan						3.51	0.97	Sederhana Tinggi

(* item negatif yang telah dikodkan kembali)

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Tiga item mendapat min pada tahap tinggi iaitu item saya meminati ilmu *qirā'āt* (min=4.09, sp=0.88) responden sangat setuju 34.6% dan setuju 47.8%, item saya suka belajar *Qirā'āt* 'Ilm dan *Qirā'āt* Amali (min=4.08, sp=0.85) dengan sangat setuju 30.9% dan setuju 52.9% dan item kurikulum *qirā'āt* sangat penting dalam bidang Tahfiz al-Quran (min=4.23, sp=0.85) dengan responden 41.2% sangat setuju dan setuju 47.8%.

Manakala item kurikulum *qirā'āt* tidak sukar dikuasai berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.83, sp=0.75) dengan responden sangat setuju 16.2% dan setuju 54.5%. Terdapat dua item berada di tahap sederhana rendah iaitu item saya tidak malu

membaca Qirā'āt Sab'ah (min=2.16, sp=1.22) dengan responden sangat tidak setuju 40.4%, tidak setuju 22.8%, kurang setuju 22.8%, setuju 7.4% dan sangat setuju 6.6% dan item saya tidak merasa rendah diri bila membaca Qirā'āt Sab'ah (min=2.72, sp=1.30) dengan responden sangat tidak setuju 25.0%, tidak setuju 18.4%, kurang setuju 25.7%, setuju 21.3% dan sangat setuju 9.6%.

Sebagai kesimpulan, hasil dapatan terhadap penilaian sendiri pelajar menunjukkan pelajar sangat berminat dengan pembelajaran kurikulum *qirā'āt* terutama Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali, ini disokong dengan pendapat pelajar kurikulum *qirā'āt* sangat penting dalam bidang Tahfiz al-Quran dan dilihat berdasarkan interpretasi min yang tinggi di dalam soal selidik tetapi pelajar kurang bersetuju dengan pendapat kurikulum *qirā'āt* tidak sukar dikuasai, ditambah dengan dua kekangan yang menyebabkan mereka merasa agak sukar untuk menguasai kurikulum *qirā'āt* kerana perasaan malu dan rendah diri ketika membaca Qirā'āt Sab'ah.

Ini jelas menunjukkan dua perkara yang perlu diperbaiki dan diberi perhatian terhadap sikap pelajar serta keyakinan mereka berkaitan perasaan malu dan merendah diri di dalam p&p kurikulum *qirā'āt*. Kombinasi antara keyakinan, sikap, minat serta semangat yang tinggi terhadap silibus kurikulum *qirā'āt* dan kepentingannya dalam bidang tahfiz boleh menyumbang ke arah kejayaan dalam penguasaan dan pelaksanaan kurikulum *qirā'āt*.

4.4 PENILAIAN KANDUNGAN KURIKULUM *QIRĀ'ĀT*

Penilaian kandungan kurikulum *qirā'āt* terdiri daripada dua perspektif yang berbeza iaitu daripada aspek pensyarah dan pelajar yang mempunyai tiga elemen penting iaitu yang merangkumi kandungan silibus kurikulum *qirā'āt*, peruntukan masa p&p dan kemudahan ABM.

Jadual 4.24 di bawah menunjukkan min keseluruhan bagi tiga elemen penilaian kandungan kurikulum *qirā'āt* daripada persepektif pensyarah dalam Diploma Tahfiz al-

Quran dan al-Qiraat berada pada tahap sederhana tinggi iaitu (min=3.82, sp=2.54). Min keseluruhan bagi ketiga-tiga elemen penilaian kandungan kurikulum *qirā'āt* bagi persepsi pensyarah menunjukkan satu item berada pada tahap tinggi iaitu kandungan kurikulum *qirā'āt* (min=4.11, sp=0.70) dan dua item lagi berada di tahap sederhana tinggi iaitu peruntukan masa p&p *qirā'āt* (min=3.70, sp=0.94) dan kemudahan ABM *qirā'āt* (min=3.74, sp=0.90).

Jadual 4.24. Min Tiga Elemen Penilaian Kandungan KQ Dari Persepsi Pensyarah

Penilaian Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	Min	S.P	Interpretasi
Kandungan Silibus Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	4.11	0.70	Tinggi
Peruntukan Masa P&P <i>Qirā'āt</i>	3.70	0.94	Sederhana Tinggi
Kemudahan ABM <i>Qirā'āt</i>	3.74	0.90	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan	3.85	2.54	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Jadual 4.25 di bawah menunjukkan min keseluruhan bagi tiga elemen penilaian kandungan kurikulum *qirā'āt* daripada persepektif pelajar dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat berada pada tahap sederhana tinggi iaitu (min=3.27, sp=2.93). Min keseluruhan bagi ketiga-tiga elemen penilaian kandungan kurikulum *qirā'āt* daripada persepsi pelajar menunjukkan semua item berada pada tahap sederhana tinggi iaitu kandungan kurikulum *qirā'āt* (min=3.32, sp=0.92), item peruntukan masa p&p *qirā'āt* (min=3.22, sp=1.06) dan kemudahan ABM *qirā'āt*(min=3.28, sp=0.95).

Jadual 4.25. Min Tiga Elemen Penilaian Kandungan KQ Dari Persepsi Pelajar

Penilaian Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	Min	S.P	Interpretasi
Kandungan Silibus Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	3.32	0.92	Sederhana Tinggi
Peruntukan Masa P&P <i>Qirā'āt</i>	3.22	1.06	Sederhana Tinggi
Kemudahan ABM <i>Qirā'āt</i>	3.28	0.95	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan	3.27	2.93	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Ini menunjukkan bahawa elemen-elemen penilaian kandungan kurikulum *qirā'āt* daripada perspektif pensyarah dan pelajar berada pada tahap sederhana tinggi.

4.4.1 Penilaian Kandungan Silibus Kurikulum *Qirā'āt* Dari Perspektif Pensyarah

Jadual 4.26 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan pensyarah terhadap penilaian kandungan silibus kurikulum *qirā'āt*. Min keseluruhan item penilaian sendiri kurikulum *qirā'āt* ialah 4.11 dan sisihan piawai 0.70 berada pada tahap tinggi.

Jadual 4.26. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Penilaian Kandungan Silibus KQ dari Persepsi Pensyarah

<i>Penilaian Kandungan KQ</i>	<i>STS</i>	<i>TS</i>	<i>KS</i>	<i>S</i>	<i>SS</i>	<i>Min</i>	<i>S.P</i>	<i>Interpretasi</i>
Menguasai biografi para imam Qirā'āt Sab'ah di dalam <i>matan Shāṭibī</i> serta hubungan dengan <i>rāwī</i> masing-masing	0 0%	1 2.2%	5 10.9%	27 58.7%	13 28.3%	4.13	0.68	Tin ggi
Menguasai bacaan surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Baqarah dengan pelbagai bacaan Qirā'āt Sab'ah	0 0%	0 0%	8 17.4%	23 50.0%	15 32.6%	4.15	0.69	Tinggi
Mahir menghuraikan kaedah <i>uṣūl Qirā'āt</i> dari surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Baqarah	0 0%	0 0%	10 21.7%	20 43.6%	16 34.8%	4.13	0.74	Tinggi
Menguasai <i>farsh al-Hurūf</i> dari surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Taubah	1 2.2 %	1 2.2 %	13 28.3%	19 41.3%	12 26.1%	3.86	0.90	Sederhana Tinggi
Menguasai <i>matan Shāṭibī</i>	0 0%	1 2.2%	12 26.1%	20 43.5%	13 28.3%	3.97	0.80	Sederhana Tinggi
Menguasai dalam sebutan seperti <i>taqlīl, taghlīz lām, tarqīq Rā'</i> dan sebagainya	0 0%	0 0%	2 4.3%	24 52.2%	20 43.5%	4.39	0.57	Tinggi
Mahir bacaan <i>qirā'āt</i> secara <i>ifrād</i> dari awal surah al-fatihah hingga akhir surah al-Baqarah	0 0%	0 0%	10 21.7%	23 50.0%	13 28.3%	4.06	0.71	Tinggi
Mahir bacaan <i>qirā'āt</i> secara <i>ifrād</i> dari ayat ke ayat	0 0%	0 0%	6 13.0%	26 56.5%	14 30.4%	4.17	0.64	Tinggi
Mampu memperbetulkan kesalahan bacaan al-Quran menurut <i>tarīq Shāṭibī</i>	0 0%	0 0%	4 8.7%	29 63.0%	13 28.3%	4.19	0.58	Tinggi
Min Keseluruhan						4.11	0.70	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Tujuh item berada pada tahap tinggi iaitu item menguasai biografi para imam Qirā'āt Sab'ah di dalam *matan Shāṭibī* serta hubungan dengan *rāwī* masing-masing

(min=4.13, sp=0.68) dengan responden sangat setuju 28.3% dan setuju 58.7%, item menguasai bacaan surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Baqarah dengan pelbagai bacaan *Qirā'āt Sab'ah* (min=4.15, sp=0.69) dengan responden sangat setuju 32.6% dan setuju 50.0%, item mahir menghuraikan kaedah *uṣūl qirā'āt* dari surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Baqarah (min=4.13, sp=0.74) dengan responden sangat setuju 34.8% dan setuju 43.6%, item menguasai dalam sebutan seperti *taqlīl*, *taghlīz lām*, *tarqīq rā'* dan sebagainya (min=4.39, sp=0.57) dengan responden sangat setuju 43.5% dan setuju 52.2%, item mahir bacaan *qirā'āt* secara *ifrād* dari awal surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Baqarah (min=4.06, sp=0.71) dengan responden sangat setuju 28.3% dan setuju 50.0%, item mahir bacaan *qirā'āt* secara *ifrād* dari ayat ke ayat (min=4.17, sp=0.64) dengan responden sangat setuju 30.4% dan setuju 56.5% dan item mampu memperbetulkan kesalahan bacaan al-Quran menurut *ṭarīq Shāṭibī* (min=4.19, sp=0.58) dengan responden sangat setuju 28.3% dan setuju 63.0%.

Dua item mencatatkan min sederhana tinggi iaitu item menguasai *farsh al-Hurūf* dari surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Taubah (min=3.86, sp=0.90) dengan responden sangat setuju 26.1% dan setuju 41.3% dan item menguasai *matan Shāṭibī* (min=3.7, sp=0.80) dengan responden sangat setuju 28.3% dan setuju 43.5%.

4.4.1(a) Temu Bual Pensyarah Tentang Kandungan Silibus KQ

Data temu bual mendapati hanya dua belas orang pensyarah amat bersetuju dengan kandungan silibus kurikulum *Qirā'āt Sab'ah* yang dipelajari oleh para pelajar *shu'bah qirā'āt* dan telah dinyatakan di dalam borang soal selidik pensyarah berbanding hanya enam orang pensyarah yang berpendapat kurikulum *sab'ah* tidak mencukupi dilaksanakan dalam kurikulum *qirā'āt* dalam bidang Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat kerana perlu penambahan kepada *Qirā'āt 'Asharah* supaya bersesuaian dengan *shu'bah qirā'āt* berbanding dengan *shu'bah* lain, walau bagaimanapun terdapat kekangan masa dalam p&p sekiranya kurikulum *Qirā'āt Sab'ah* ditambah menjadi *Qirā'āt 'Asharah*.

T5 menunjukkan contoh temu bual yang membuktikan pensyarah amat bersetuju dengan kandungan silibus kurikulum *Qirā'āt Sab'ah* mencukupi dan relevan dilaksanakan di dalam p&p *qirā'āt*. Contoh data temu bual pensyarah (T5⁴⁶⁸) tentang kandungan silibus kurikulum *qirā'āt*.

Penyelidik: Ustaz, Apakah kurikulum *Qirā'āt Sab'ah* mencukupi dan relevan dilaksanakan di dalam silibus pengajian *qirā'āt*?

Pensyarah: Masa tidak cukup untuk *Qirā'āt 'Asharah*.

Penyelidik: Hmm.. masa tidak cukup.

Ustaz: *Qirā'āt Sab'ah* sudah mencukupi untuk kemampuan pelajar, jika ditambah dengan *Qirā'āt 'Asharah* akan menjadi bebanan kepada pelajar, maksud ana jika nak pelajar menguasai *Qirā'āt Sab'ah* la, tapi kalau setakat objektif p&p untuk memberi maklumat dan ilmu pengetahuan berkaitan tentang *manhaj-manhaj* imam dan *rāwī* sahaja, tak per dah, sudah mencukupi *Qirā'āt Sab'ah*.

T7 menunjukkan contoh temu bual yang membuktikan pensyarah kurang bersetuju dengan kandungan silibus kurikulum *Qirā'āt Sab'ah* mencukupi dan relevan dilaksanakan di dalam p&p *qirā'āt*. Contoh data temu bual pensyarah (T7⁴⁶⁹) tentang kandungan silibus KQ.

Penyelidik: Ustaz, Apakah kurikulum *Qirā'āt Sab'ah* mencukupi dan relevan dilaksanakan di dalam sukatan pengajian *qirā'āt*?

Pensyarah: *Qirā'āt Sab'ah* memang sangat releven.

Penyelidik: Maknanya ustaz bersetuju tentang kandungan kurikulum ya.

Ustaz: Tetapi sebagai asas sahaja dan perlu kepada penambahan *Qirā'āt Thalāthah* kerana sebagai *mutammimah* iaitu pelengkap *qirā'āt*.

Penyelidik: Tak cukup la ustaz silibus kandungan kurikulum tu.

⁴⁶⁸Mohd Najmuddin bin Ismail (Pensyarah *Qirā'at*, MTQ MAIK) dalam temu bual dengan penulis, 7 April 2014.

⁴⁶⁹Abdul Jalal bin Abdul Manaf (Pensyarah *Qirā'at*, DQ, JAKIM) dalam temu bual dengan penulis, 10 April 2014.

Ustaz: Kalau belajar Qirā'āt Sab'ah sahaja tidak lengkap tetapi sebagai asas dalam bidang *qirā'āt* ok sahaja tetapi dalam bentuk pengajian *qirā'āt* yang berbentuk formal seperti shu'bah qirā'āt, sekurang-kurangnya pelajar mesti mempelajari dan mengetahui matan Shāṭibī dan *matan* Durrah.

4.4.1(b) Penilaian Kandungan Silibus KQ Dari Perspektif Pelajar

Jadual 4.27 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan pelajar terhadap penilaian kandungan silibus kurikulum *qirā'āt* daripada persektif pelajar. Min keseluruhan item penilaian kandungan kurikulum *qirā'āt* ialah 3.32 dan sisihan piawai 0.92 berada pada tahap sederhana tinggi.

Lapan item berada pada tahap sederhana tinggi iaitu item mempelajari biografi para imam Qirā'āt Sab'ah dalam matan Shāṭibī serta hubungan dengan *rāwī* masing-masing (min=3.92, sp=0.9) dengan responden sangat setuju 26.5% dan setuju 49.3%, item menguasai bacaan surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Baqarah dengan pelbagai bacaan Qirā'āt Sab'ah (min=3.38, sp=1.04) dengan responden sangat setuju 12.5% dan setuju 36.8%, item mahir menghuraikan kaedah *uṣūl qirā'āt* dari surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Baqarah (min=3.14, sp=0.91) dengan responden sangat setuju 3.7% dan setuju 33.1%, item menguasai matan Shāṭibī (min=3.10, sp=0.92) dengan responden sangat setuju 4.4% dan setuju 29.4%, item menguasai dalam sebutan seperti *taqlīl*, *taghlīz lām*, *tarqīq rā'* dan sebagainya (min=3.76, sp=0.87) dengan responden sangat setuju 16.9% dan setuju 52.2%, item mahir bacaan *qirā'āt* secara *ifrād* dari awal surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Baqarah (min=3.30, sp=0.90) dengan responden sangat setuju 7.4% dan setuju 33.8%, item mahir bacaan *qirā'āt* secara *ifrād* dari ayat ke ayat (min=3.29, sp=0.92) dengan responden sangat setuju 5.9% dan setuju 39.7% dan item mampu memperbetulkan kesalahan bacaan al-Quran menurut *ṭarīq* Shāṭibī (min=3.10, sp=0.93) dengan responden sangat setuju 2.2% dan setuju 35.3%.

Satu item berada pada tahap sederhana rendah iaitu item menguasai *farsh al-Hurūf* dari surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Taubah (min=2.97, sp=0.96) dengan peratusan responden sangat setuju 3.7% dan setuju 25.7%.

Jadual 4.27. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Penilaian Kandungan Silibus KQ dari Persepsi Pelajar

Penilaian Kandungan Silibus <i>Qirā'āt</i>	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Mempelajari biografi para imam Qirā'āt Sab'ah di dalam <i>matan Shāṭibī</i> serta hubungan dengan <i>rāwī</i> masing-masing	3 2.2%	7 5.1%	23 16.9%	67 49.3	36 26.5%	3.92	0.91	Sederhana Tinggi
Menguasai bacaan surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Baqarah dengan pelbagai bacaan Qirā'āt Sab'ah	8 5.9%	16 11.8%	45 33.1%	50 36.8%	17 12.5%	3.38	1.04	Sederhana Tinggi
Mahir menghuraikan kaedah <i>uṣūl qirā'āt</i> dari surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Baqarah	8 5.9%	19 14.0%	59 43.4%	45 33.1%	5 3.7%	3.14	0.91	Sederhana Tinggi
Menguasai <i>farsh al-Hurūf</i> dari surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Taubah	11 8.1%	26 19.1%	59 43.4%	35 25.7%	5 3.7%	2.97	0.96	Sederhana Rendah
Menguasai <i>matan Shāṭibī</i>	8 5.9%	22 16.2%	60 44.1%	40 29.4%	6 4.4%	3.10	0.92	Sederhana Tinggi
Menguasai dalam sebutan <i>taqlīl, taghlīz lām, tarqīq rā'</i> dan sebagainya	3 2.2%	7 5.1%	32 23.5%	71 52.2%	23 16.9%	3.76	0.87	Sederhana Tinggi
Mahir bacaan <i>qirā'āt</i> secara <i>ifrād</i> dari awal surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Baqarah	6 4.4%	13 9.6%	61 44.9%	46 33.8%	10 7.4%	3.30	0.90	Sederhana Tinggi
Mahir bacaan <i>qirā'āt</i> secara <i>ifrād</i> dari ayat ke ayat	6 4.4%	18 13.2%	50 36.8%	54 39.7%	8 5.9%	3.29	0.92	Sederhana Tinggi
Mampu memperbetulkan kesalahan bacaan al-Quran menurut <i>ṭarīq Shāṭibī</i>	10 7.4%	20 14.7%	55 40.4%	48 35.3%	3 2.2%	3.10	0.93	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan						3.32	0.92	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan pensyarah amat bersetuju dan berpuas hati dengan kandungan silibus kurikulum *qirā'āt* yang dilaksanakan di DQ dan MTQ kecuali aspek menguasai *matan* Shāṭibī berbanding dengan persepsi pelajar yang kurang bersetuju dan menunjukkan persetujuan yang kurang memuaskan kerana berdasarkan analisis dapatan berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa semua aspek-aspek kandungan silibus kurikulum perlu diperhalusi dan diperbincangkan untuk menjamin kejayaan pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* ini. Ini boleh dilihat di dalam jadual 4.28 di bawah.

Jadual 4.28. Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Penilaian Kandungan Silibus KQ Dari Persepsi Pensyarah dan Pelajar

Item/Responden	Pensyarah			Pelajar		
	Min	S.P	Interpretasi	Min	S.P	Interpretasi
Penilaian Kandungan KQ	4.11	0.70	Tinggi	3.32	0.92	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

4.4.2 Peruntukan Masa P&P *Qirā'āt* Dari Perspektif Pensyarah

Jadual 4.29 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan pensyarah terhadap peruntukan masa p&p *qirā'āt* di dalam kurikulum *qirā'āt*. Min keseluruhan item penilaian peruntukan masa p&p *qirā'āt* ialah 3.70 dan sisihan piawai 0.94 berada pada tahap sederhana tinggi.

Tiga item berada pada tahap tinggi iaitu item peruntukan masa satu semester menguasai surah al-Fatihah mengikut ṭarīq Shāṭibī sangat mencukupi (min=4.23, sp=0.79) dengan responden sangat setuju 39.1% dan setuju 50.0%, item satu semester memahami 2 *rubu'* surah al-Baqarah mengikut ṭarīq Shāṭibī adalah sesuai (min=4.06, sp=0.77) dengan responden sangat setuju 28.3% dan setuju 54.3% dan item saya memperuntukkan masa khusus untuk mengajar *Qirā'āt* Amali (min=4.10, sp=0.60) dengan responden sangat setuju 21.7% dan setuju 69.6%.

Manakala tujuh item lagi berada pada tahap sederhana tinggi peruntukan masa pengajian *qirā'āt* adalah mencukupi (min=3.30, sp=1.15) dengan peratusan responden

sangat setuju 6.5% dan setuju 52.2%, item peruntukan masa satu semester untuk menghafaz *matan qirā'āt* sangat mencukupi (min=3.21, sp=1.07) dengan peratusan responden sangat setuju 8.7% dan setuju 34.8%, item peruntukan masa satu semester untuk menguasai surah al-Baqarah mengikut *ṭarīq Shāṭibī* adalah sesuai (min=3.50, sp=1.11) dengan peratusan responden sangat setuju 19.0% dan setuju 32.6%, item satu semester menguasai bacaan *farsh ḥurūf* surah al-Baqarah dan surah Ali 'Imran adalah sesuai dengan kemampuan pelajar (min=3.65, sp=1.01) dengan responden sangat setuju 15.2% dan setuju 52.2%, item satu semester menguasai bacaan *farsh ḥurūf* surah al-Nisa' hingga surah al-Taubah sangat mencukupi (min=3.36, sp=1.08) dengan responden sangat setuju 13.0% dan setuju 34.8%, item satu semester untuk memahami biografi Qurrā' 'Asharah adalah mencukupi (min=3.91, sp=0.83) dengan peratusan responden sangat setuju 21.7% dan setuju 54.3%, item lima semester untuk mahir dan menguasai Qirā'āt Sab'ah adalah mencukupi (min=3.69, sp=0.96) dengan peratusan responden sangat setuju 19.6% dan setuju 43.5%.

Jadual 4.29. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Peruntukan Masa P&P *Qirā'āt* dari Persepsi Pensyarah

Peruntukan Masa	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Peruntukan masa pengajian <i>qirā'āt</i> adalah mencukupi	6 13.0 %	4 8.7%	9 19.6 %	24 52.2%	3 6.5%	3.30	1.15	Sederhana Tinggi
Peruntukan masa satu semester untuk menghafaz <i>matan Qirā'āt</i> sangat mencukupi	1 4 8.7%	6 13.0 %	16 34.8 %	16 34.8%	4 8.7%	3.21	1.07	Sederhana Tinggi
Peruntukan masa satu semester menguasai Surah Al-Baqarah mengikut <i>ṭarīq Shāṭibī</i> adalah sesuai	1 3 6.5%	4 8.7%	15 32.6 %	15 32.6%	9 19.0%	3.50	1.11	Sederhana Tinggi
Peruntukan masa satu semester menguasai surah al-Fatihah mengikut <i>ṭarīq Shāṭibī</i> sangat mencukupi	1 1 2.2%	0 0%	4 8.7%	23 50.0%	18 39.1%	4.23	0.79	Tinggi
Satu Semester memahami 2 <i>rubu'</i> surah al-Baqarah mengikut <i>ṭarīq Shāṭibī</i> adalah sesuai	0 0%	2 4.3%	6 13.0 %	25 54.3%	13 28.3%	4.06	0.77	Tinggi

Jadual 4.29. Sambungan

Satu Semester menguasai bacaan <i>farsh hurūf</i> surah al-Baqarah dan surah Ali Imran adalah sesuai dengan kemampuan pelajar	3 6.5%	2 4.3%	10 21.7%	24 52.2%	7 15.2%	3.65	1.01	Sederhana Tinggi
Satu Semester menguasai bacaan <i>farsh hurūf</i> surah al-Nisa' hingga surah al-Taubah sangat mencukupi	4 8.7%	3 6.5%	17 37.0%	16 34.8%	6 13.0%	3.36	1.08	Sederhana Tinggi
Satu Semester untuk memahami biografi Qurrā' 'Asharah adalah mencukupi	1 2.2%	1 2.2%	9 19.6%	25 54.3%	10 21.7%	3.91	0.83	Sederhana Tinggi
Lima Semester untuk mahir dan menguasai <i>Qirā'āt Sab'ah</i> adalah mencukupi	1 2.2%	4 8.7%	12 26.1%	20 43.5%	9 19.6%	3.69	0.96	Sederhana Tinggi
Saya memperuntukkan masa khusus untuk mengajar <i>Qirā'āt Amali</i>	0 0%	1 2.2%	3 6.5%	32 69.6%	10 21.7%	4.10	0.60	Tinggi
Min Keseluruhan						3.70	0.94	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

4.4.2(a) Peruntukan Masa P&P *Qirā'āt* Perspektif Pelajar

Jadual 4.30 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan pelajar terhadap peruntukan masa p&p *qirā'āt* dalam kurikulum *qirā'āt*. Min keseluruhan item penilaian peruntukan masa p&p *qirā'āt* ialah 3.22 dan sisihan piawai 1.06 berada pada tahap sederhana tinggi.

Enam item berada di tahap sederhana tinggi iaitu item peruntukan masa satu semester menguasai surah al-Fatihah mengikut *ṭarīq Shāṭibī* sangat mencukupi (min=3.80, sp=1.05) dengan responden yang sangat setuju 29.4% dan setuju 37.5%, item satu semester memahami 2 *rubu'* surah al-Baqarah mengikut *ṭarīq Shāṭibī* adalah sesuai (min=3.50, sp=1.01) dengan responden yang sangat setuju 13.2% dan setuju 44.1%, item satu semester menguasai bacaan *farsh hurūf* surah al-Baqarah dan surah Ali Imran adalah sesuai dengan kemampuan pelajar (min=3.20, sp=1.06) dengan responden sangat setuju 8.8% dan setuju 33.8%, item satu semester untuk memahami biografi

Qurrā' 'Asharah adalah mencukupi (min=3.23, sp=1.15) dengan responden sangat setuju 11.0% dan setuju 36.0%, item lima semester untuk mahir dan menguasai Qirā'āt Sab'ah adalah mencukupi (min=3.37, sp=1.12) dengan responden sangat setuju 14.0% dan setuju 36.8% dan item saya memperuntukan masa tambahan khusus untuk mempelajari Qirā'āt Amali (min=3.61, sp=1.04) dengan responden sangat setuju 19.9% dan setuju 40.4%.

Empat item pula berada pada tahap sederhana rendah iaitu item peruntukan masa pengajian *qirā'āt* adalah mencukupi (min=2.96, sp=1.07) dengan peratusan responden sangat setuju 6.6% dan setuju 26.5%, item peruntukan masa satu semester untuk menghafaz *matan Qirā'āt* sangat mencukupi (min=2.77, sp=1.06) dengan peratusan responden sangat setuju 3.7% dan setuju 22.8%, item peruntukan masa satu semester untuk menguasai surah al-Baqarah mengikut *ṭarīq Shāṭibī* adalah sesuai (min=2.92, sp=1.09) dengan peratusan responden sangat setuju 7.4% dan setuju 24.3% dan item satu semester menguasai menguasai bacaan *farsh ḥurūf* surah al-Nisa' hingga surah Al-Taubah sangat mencukupi (min=2.89, sp=1.04) dengan peratusan responden sangat setuju 4.4% dan setuju 25.0%.

Jadual 4.30. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Peruntukan Masa P&P *Qirā'āt* dari Persepsi Pelajar

Peruntukan Masa	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Peruntukan masa pengajian <i>qirā'āt</i> adalah mencukupi	13 9.6%	33 24.3%	45 33.1%	36 26.5%	9 6.6%	2.96	1.07	Sederhana Rendah
Peruntukan masa 1 semester untuk menghafaz <i>matan Qirā'āt</i> sangat mencukupi	18 13.2%	36 26.5%	46 33.8%	31 22.8%	5 3.7%	2.77	1.06	Sederhana Rendah
Peruntukan masa 1 semester untuk menguasai surah al-Baqarah mengikut <i>ṭarīq Shāṭibī</i> adalah sesuai	14 10.3%	35 25.7%	44 32.4%	33 24.3%	10 7.4%	2.92	1.09	Sederhana Rendah
Peruntukan masa 1 semester menguasai surah al-Fatihah mengikut <i>ṭarīq Shāṭibī</i> sangat mencukupi	4 2.9%	13 9.6%	28 20.6%	51 37.5%	40 29.4%	3.80	1.05	Sederhana Tinggi

Jadual 4.30. Sambungan

Satu semester memahami 2 <i>rubu'</i> surah Al-Baqarah mengikut <i>ṭarīq</i> Shāṭibī adalah sesuai	7 5.1%	13 9.6%	38 27.9%	60 44.1%	18 13.2%	3.50	1.01	Sederhana Tinggi
Satu semester menguasai bacaan <i>farsh ḥurūf</i> surah al-Baqarah dan surah Ali Imran adalah sesuai dengan kemampuan pelajar	12 8.8%	18 13.2%	48 35.3%	46 33.8%	12 8.8%	3.20	1.06	Sederhana Tinggi
Satu semester menguasai menguasai bacaan <i>farsh ḥurūf</i> surah al-Nisa' hingga surah al-Taubah sangat mencukupi	16 11.8%	28 20.6%	52 38.2%	34 25.0%	6 4.4%	2.89	1.04	Sederhana Rendah
Satu semester untuk memahami biografi Qurrā' 'Asharah adalah mencukupi	16 11.8%	15 11.0%	41 30.1%	49 36.0%	15 11.0%	3.23	1.15	Sederhana Tinggi
Lima semester untuk mahir dan menguasai Qirā'āt Sab'ah adalah mencukupi	13 9.6%	11 8.1%	43 31.6%	50 36.8%	19 14.0%	3.37	1.12	Sederhana Tinggi
Saya memperuntukan masa tambahan khusus untuk mempelajari Qirā'āt Amali	4 2.9%	18 13.2%	32 23.5%	55 40.4%	27 19.9%	3.61	1.04	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan						3.22	1.06	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Kesimpulannya, hasil kajian ini menunjukkan pensyarah hanya bersetuju dengan aspek menguasai surah al-Fatihah dengan mengikut *ṭarīq* Shāṭibī sahaja tetapi secara umumnya pensyarah berpendapat bahawa peruntukan masa pengajaran masih belum mencukupi. Ini berdasarkan keputusan dapatan berada di tahap sederhana tinggi yang menunjukkan pensyarah kurang bersetuju dan kurang berpuas hati dengan aspek-aspek peruntukan masa. Bahkan disokong dengan persetujuan pensyarah yang perlu memperuntukkan masa tambahan khusus untuk mempelajari Qirā'āt Amali. Peruntukan masa yang tidak mencukupi perlu mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak pengubal dan pihak berwajib agar keadaan ini dapat diatasi segera.

Manakala pelajar juga kurang bersetuju dan berpuas hati dengan item-item peruntukan masa pengajaran kurikulum *qirā'āt*, ini disokong dengan pendapat mereka

bahawa masa pengajaran *qirā'āt* adalah tidak mencukupi berdasarkan aspek masa pengajaran *qirā'āt* mencukupi berada di tahap sederhana rendah. Ini juga dapat dilihat dengan respon negatif mereka terhadap aspek peruntukan masa satu semester untuk menghafaz *matan qirā'āt* sangat mencukupi, peruntukan masa satu semester untuk menguasai surah al-Baqarah mengikut *ṭarīq Shāṭibī* adalah sesuai dan peruntukan satu semester menguasai bacaan *farsh ḥurūf* surah al-Nisa' hingga surah al-Taubah sangat mencukupi. Malahan aspek-aspek lain dalam peruntukan masa juga berada di tahap sederhana tinggi yang menunjukkan pelajar kurang bersetuju dengan peruntukan masa pengajaran *qirā'āt*, ditambah lagi dengan usaha dan komitmen pelajar sendiri yang kurang memperuntukkan masa tambahan khusus untuk mempelajari kurikulum *qirā'āt*. Oleh yang demikian, peruntukan masa di dalam kurikulum *qirā'āt* juga perlu kepada perhatian dan pemurnian untuk menjamin kecemerlangan pelaksanaan kurikulum *qirā'āt*.

4.4.2(b) Temu Bual Pensyarah Dan Pelajar Tentang Peruntukan Masa

Data temu bual mendapati terdapat dua belas orang pensyarah yang tidak bersetuju dengan peruntukan masa p&p kurikulum *Qirā'āt Sab'ah* dan telah dinyatakan di dalam borang soal selidik pensyarah berbanding hanya enam orang pensyarah yang berpendapat peruntukan kurikulum *qirā'āt* mencukupi di dalam proses pelaksanaan p&p kurikulum *qirā'āt* dalam bidang Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat kerana pertambahan masa p&p diperlukan untuk meningkatkan penguasaan dan kemahiran pelajar di dalam kurikulum *qirā'āt* dan juga untuk memberi peluang yang sama kepada semua pelajar supaya dapat terlibat dalam proses p&p, ditambah lagi bebanan dengan urusan-urusan pentadbiran juga menyebabkan masa p&p yang diperuntukkan tidak mencukupi.

Hasil analisis data temu bual pelajar juga mendapati semua pelajar tidak bersetuju dengan peruntukan masa p&p kurikulum *qirā'āt* dan memerlukan masa khusus untuk p&p kurikulum *qirā'āt* sebagai satu alternatif untuk penguasaan dan

kemahiran yang tinggi kalangan mereka, malahan terdapat daripada mereka juga berpendapat bahawa tugas yang banyak menyebabkan mereka kurang berminat dengan p&p kurikulum *qirā'āt* yang dilaksanakan.

4.4.3 Kemudahan Alat Bantu Mengajar Perspektif Pensyarah

Jadual 4.31 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan pensyarah terhadap alat bantu mengajar di dalam kurikulum *qirā'āt*. Min keseluruhan item penilaian peruntukan masa p&p *qirā'āt* ialah 3.74 dan sisihan piawai 0.90 berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 4.31. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Kemudahan Alat Bantu Mengajar *Qirā'āt* dari Persepsi Pensyarah

Kemudahan Bantu Mengajar	Alat	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
ABM dan BBM digunakan dalam p&p <i>Qirā'āt</i>	BBM	1 2.2%	2 4.3%	9 19.6%	26 56.5%	8 17.4%	3.82	0.85	Sederhana Tinggi
ABM dan BBM untuk mengajar mencukupi <i>Qirā'āt</i>	<i>Qirā'āt</i>	2 4.3%	3 6.5%	13 28.3%	25 54.3%	3 6.5%	3.52	0.88	Sederhana Tinggi
ABM dan BBM untuk mengajar dibekalkan oleh pihak DQ/MTQ <i>Qirā'āt</i>	<i>Qirā'āt</i>	4 8.7%	5 10.9%	11 23.9%	20 43.5%	6 13.0%	3.41	1.12	Sederhana Tinggi
Penggunaan ABM dan BBM yang berkesan akan mengukuhkan p&p <i>Qirā'āt</i>		1 2.2%	0 0%	4 8.7%	24 52.2%	17 37.0%	4.21	0.78	Tinggi
Min Keseluruhan							3.74	0.90	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Satu item berada di tahap tinggi iaitu item penggunaan ABM dan BBM yang berkesan akan mengukuhkan p&p *qirā'āt* (min=4.21, sp=0.78) dengan responden sangat setuju 37.0% dan setuju 52.2%.

Tiga item pula berada di tahap sederhana tinggi iaitu item ABM dan BBM digunakan dalam p&p *qirā'āt* (min=3.82, sp=0.85) dengan responden sangat setuju 17.4% dan setuju 56.5%, item ABM dan BBM untuk mengajar *qirā'āt* mencukupi (min=3.52, sp=0.88) dengan responden sangat setuju 6.5% dan setuju 54.3% dan ABM

dan BBM untuk mengajar *qirā'āt* dibekalkan oleh pihak DQ atau MTQ (min=3.41, sp=1.12) dengan responden sangat setuju 13.0% dan setuju 43.5%.

4.4.3(a) Kemudahan Alat Bantu Mengajar Perspektif Pelajar

Jadual 4.32 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan pelajar terhadap alat bantu mengajar di dalam kurikulum *qirā'āt*. Min keseluruhan item penilaian peruntukan masa p&p *qirā'āt* ialah 3.28 dan sisihan piawai 0.95 berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 4.32. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Kemudahan Alat Bantu Mengajar *Qirā'āt* dari Persepsi Pelajar

Kemudahan Alat Bantu Mengajar	Alat	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
ABM dan BBM digunakan dalam p&p <i>qirā'āt</i> mencukupi	BBM	6 4.4%	18 13.2%	59 43.4%	44 32.4%	9 6.6%	3.23	0.92	Sederhana Tinggi
Guru saya menggunakan ABM dan BBM yang berkesan dan sesuai dalam mengukuhkan p&p <i>qirā'āt</i>	ABM yang berkesan dan sesuai dalam mengukuhkan p&p <i>qirā'āt</i>	8 5.9%	13 9.6%	54 39.7%	48 35.3%	13 9.6%	3.33	0.98	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan							3.28	0.95	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Kedua-dua item berada di tahap sederhana tinggi iaitu item ABM dan BBM digunakan dalam p&p *qirā'āt* mencukupi (min=3.23, sp=0.92) dengan responden sangat setuju 6.6% dan setuju 32.4% dan item guru saya menggunakan ABM dan BBM yang berkesan dan sesuai dalam mengukuhkan p&p *qirā'āt* (min=3.33, sp=0.98) dengan responden sangat setuju 9.6% dan setuju 35.3%.

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan kajian penilaian kemudahan ABM dalam kurikulum *qirā'āt* menunjukkan pensyarah amat bersetuju kemudahan alat bantu mengajar di dalam kurikulum *qirā'āt* yang berkesan akan membantu dalam p&p tetapi secara umumnya pensyarah kurang bersetuju dengan kemudahan yang sedia ada. Ini dapat dilihat apabila aspek kemudahan ABM mencukupi, penggunaan ABM dan

peruntukan kemudahan daripada pihak sewajarnya menunjukkan pensyarah kurang bersetuju.

Manakala hasil dapatan dari persepsi pelajar secara keseluruhannya juga menunjukkan pelajar kurang bersetuju dan kurang menerima kemudahan ABM dalam p&p kurikulum *qirā'āt* dari aspek penggunaan ABM yang berkesan, sesuai dan mencukupi. Ini menunjukkan kemudahan ABM perlu dipertingkatkan dan ditambahbaik supaya dapat menghasilkan p&p yang menarik dan berkesan di dalam kurikulum *qirā'āt*.

4.5 PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM *QIRĀ'ĀT*

Manakala penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* merangkumi lima elemen penting yang terdiri daripada kaedah dan aktiviti p&p *qirā'āt* telah dibahagikan mengikut Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali serta elemen terakhir ialah kekerapan penggunaan ABM di dalam melaksanakan kurikulum *qirā'āt*. Ketiga-tiga elemen ini juga dilihat daripada aspek pensyarah dan pelajar.

Jadual 4.33. Min Lima Elemen Penilaian Pelaksanaan KQ Dari Persepsi Pensyarah

Penilaian Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	Min	S.P	Interpretasi
Kaedah P&P Qirā'āt 'Ilm	4.40	0.53	Tinggi
Kaedah P&P Qirā'āt Amali	4.22	0.69	Tinggi
Aktiviti P&P Qirā'āt 'Ilm	4.11	0.66	Tinggi
Aktiviti P&P Qirā'āt Amali	4.07	0.64	Tinggi
Kekerapan Penggunaan ABM	2.66	0.98	Sederhana Rendah
Min Keseluruhan	3.89	0.70	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Jadual 4.33 di atas menunjukkan min keseluruhan bagi lima elemen penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Min keseluruhan bagi kelima-lima elemen penilaian kurikulum *qirā'āt* daripada persepsi pensyarah 3.89 dan sisihan piawai berada pada tahap sederhana tinggi iaitu 0.70. Min keseluruhan bagi kelima-lima elemen penilaian kandungan kurikulum *qirā'āt* dari

persepsi pensyarah menunjukkan empat item berada di tahap tinggi iaitu kaedah p&p Qirā'āt 'Ilm (min=4.40, sp=0.53), item kaedah p&p Qirā'āt Amali (min=4.22, sp=0.69), item aktiviti p&p Qirā'āt 'Ilm (min=4.11, sp=0.66) serta item aktiviti P&P Qirā'āt Amali (min=4.07, sp=0.64) berbanding dengan satu item yang berada di tahap sederhana rendah iaitu kekerapan penggunaan ABM (min=2.66, sp=0.98).

Jadual 4.34 di bawah menunjukkan min keseluruhan bagi lima elemen penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Min keseluruhan bagi kelima-lima elemen penilaian kurikulum *qirā'āt* dari persepsi pelajar ialah 3.64 dan sisihan piawai berada pada tahap sederhana tinggi iaitu 0.89. Min keseluruhan bagi kelima-lima elemen penilaian kandungan kurikulum *qirā'āt* dari persepsi pelajar menunjukkan dua item berada di tahap tinggi iaitu kaedah p&p Qirā'āt 'Ilm (min=4.04, sp=0.77), item kaedah p&p Qirā'āt Amali (min=4.01, sp=0.89), dua item lagi berada pada tahap sederhana tinggi iaitu aktiviti p&p Qirā'āt 'Ilm (min=3.78, sp=0.90) serta item aktiviti P&P Qirā'āt Amali (min=3.87, sp=0.85) berbanding dengan satu item yang berada pada tahap sederhana rendah iaitu kekerapan penggunaan ABM (min=2.53, sp=1.08). Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan item penilaian kandungan KQ pensyarah dan pelajar berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 4.34. Min Lima Elemen Penilaian Pelaksanaan KQ Dari Persepsi Pelajar

Penilaian Kurikulum <i>Qirā'āt</i>	Min	S.P	Interpretasi
Kaedah P&P Qirā'āt 'Ilm	4.04	0.77	Tinggi
Kaedah P&P Qirā'āt Amali	4.01	0.89	Tinggi
Aktiviti P&P Qirā'āt 'Ilm	3.78	0.90	Sederhana Tinggi
Aktiviti P&P Qirā'āt Amali	3.87	0.85	Sederhana Tinggi
Kekerapan Penggunaan ABM	2.53	1.08	Sederhana Rendah
Min Keseluruhan	3.64	0.89	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

4.5.1 Kaedah P&P Qirā'āt 'Ilm Persepsi Pensyarah

Berdasarkan jadual 4.35 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan pensyarah terhadap kaedah p&p Qirā'āt 'Ilm di dalam kurikulum *qirā'āt*. Min keseluruhan item penilaian kaedah p&p Qirā'āt 'Ilm ialah 4.40 dan sisihan piawai 0.53 berada pada tahap tinggi.

Kesemua item berada di tahap tinggi iaitu item item kaedah kuliah dan syarahan dalam pengajaran *qirā'āt* (min=4.43, sp=0.50) dengan peratus responden pensyarah yang menyatakan amat kerap 43.5% dan kerap 56.5%, kaedah soal jawab dalam pengajaran *qirā'āt* (min=4.52, sp=0.50) dengan responden amat kerap 52.2% dan kerap 47.8%, item kaedah pembentangan (min=4.52, sp=0.50) dengan responden amat kerap setuju 52.2% dan setuju 47.8%, item meminta pelajar menghafaz *matan-matan qirā'āt* (min=4.54, sp=0.50) dengan responden amat kerap 54.3% dan kerap 45.7%, item sering membuat soalan-soalan *matan* dan *sharh* dalam kitab secara spontan untuk menguji kefahaman pelajar (min=4.41, sp=0.54) dengan responden menyatakan amat kerap 43.5% dan kerap 54.3%, item memberi tugas seperti kerja kursus dan perbincangan dalam kumpulan (min=4.43, sp=0.50) dengan responden amat kerap 43.5% dan kerap 56.5%, item membantu pelajar memahami maksud *matan* dan *sharh* dalam p&p (min=4.54, sp=0.50) dengan responden amat kerap 54.3% dan kerap 45.7%, item meminta pelajar membuat ulangkaji *matan-matan qirā'āt* yang akan dipelajari akan datang selepas p&p (min=4.34, sp=0.56) dengan responden amat kerap 39.1% dan kerap 56.5%, item saya menggunakan buku teks di dalam p&p *qirā'āt* (min=4.36, sp=0.53) dengan responden amat kerap 39.1% dan kerap 58.7%, item saya melakar dan melukis untuk menerangkan makna perkataan *qirā'āt* (min=4.13, sp=0.71) dengan responden amat kerap 30.4% dan kerap 54.3% dan item saya menggunakan medium bahasa Melayu di dalam proses menerangkan *sharh matan* (min=4.28, sp=0.50) dengan responden amat kerap 30.4% dan kerap 67.4%.

Jadual 4.35. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Kaedah P&P Qirā'āt 'Ilm dari Persepsi Pensyarah

Kaedah 'Ilm	P&P	Qirā'āt	TP	JJ	KK	K	AK	Min	S.P	Interpretasi
Kaedah kuliah dan syarahan dalam pengajaran <i>qirā'āt</i>			0 0%	0 0%	0 0%	26 56.5%	20 43.5%	4.43	0.50	Tinggi
Kaedah soal jawab dalam pengajaran <i>qirā'āt</i>			0 0%	0 0%	0 0%	22 47.8%	24 52.2%	4.52	0.50	Tinggi
Kaedah pembentangan			0 0%	0 0%	0 0%	22 47.8%	24 52.2%	4.52	0.50	Tinggi
Meminta pelajar menghafaz <i>matan-matan qirā'āt</i>			0 0%	0 0%	0 0%	21 45.7%	25 54.3%	4.54	0.50	Tinggi
sering membuat soalan-soalan <i>matan</i> dan <i>sharh</i> dalam kitab secara spontan untuk menguji kefahaman pelajar			0 0%	0 0%	1 2.2%	25 54.3%	20 43.5%	4.41	0.54	Tinggi
Memberi tugas seperti kerja kursus dan perbincangan dalam kumpulan			0 0%	0 0%	0 0%	26 56.5%	20 43.5%	4.43	0.50	Tinggi
Membantu pelajar memahami maksud <i>matan</i> dan <i>sharh</i> dalam p&p			0 0%	0 0%	0 0%	21 45.7%	25 54.3%	4.54	0.50	Tinggi
Meminta pelajar ulangkaji <i>matan-matan qirā'āt</i> yang akan dipelajari akan datang selepas p&p			0 0%	0 0%	2 4.3%	26 56.5%	18 39.1%	4.34	0.56	Tinggi
Saya menggunakan buku teks di dalam p&p <i>qirā'āt</i>			0 0%	0 0%	1 2.2%	27 58.7%	18 39.1%	4.36	0.53	Tinggi
Saya melakar dan melukis untuk menerangkan makna perkataan <i>qirā'āt</i>			0 0%	1 2.2%	6 13.0%	25 54.3%	14 30.4%	4.13	0.71	Tinggi
Saya menggunakan medium bahasa Melayu di dalam proses menerangkan <i>sharh matan</i>			0 0%	0 0%	1 2.2%	31 67.4%	14 30.4%	4.28	0.50	Tinggi
Min Keseluruhan								4.40	0.53	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

4.5.1(a) Temu Bual Pensyarah Terhadap Kaedah P&P Qirā'āt 'Ilm

Data temu bual mendapati semua pensyarah amat bersetuju dengan kekerapan penggunaan semua item-item kaedah p&p Qirā'āt 'Ilm yang dinyatakan di dalam borang

soal selidik, walau bagaimanapun pensyarah menitikberatkan kaedah *hifz matan qirā'āt* di dalam *bayt-bayt matan* yang terdapat dalam silibus kurikulum *qirā'āt* bukan mewajibkan semua *bayt-bayt matan* kerana kekangan masa di dalam sesi pengajian.

T6 menunjukkan contoh temu bual yang membuktikan pensyarah amat bersetuju dengan kaedah p&p Qirā'āt 'Ilm yang dilaksanakan. Contoh data temu bual pensyarah (T6⁴⁷⁰) tentang kaedah p&p Qirā'āt 'Ilm.

Penyelidik: Apakah kaedah yang selalu digunakan di dalam p&p Qirā'āt 'Ilm?

Ustaz: Kaedah kuliah dengan *sharh matan* dalam kelas, kaedah soal jawab dan memberi tugas kepada pelajar dengan membahagi-bahagikan tajuk-tajuk *qirā'āt* mengikut silibus rancangan mengajar untuk dibentangkan di dalam kelas. Selepas itu, ana akan suruh pelajar berbincang di dalam kumpulan masing-masing untuk dibentangkan pada minggu hadapan.

Penyelidik: Bagaimana pula dengan kaedah hafaz *matan*, ustaz?

Ustaz: Ana bagi tugas kepada pelajar untuk hafaz *matan*, tapi kadang-kadang tak sempat jugak untuk habiskan *muqarrar* subjek, jadi pelajar kena hafaz sendiri.

4.5.1(b) Kaedah P&P Qirā'āt 'Ilm Dari Persepsi Pelajar

Jadual 4.36 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan pelajar terhadap kaedah p&p Qirā'āt 'Ilm di dalam kurikulum *qirā'āt*. Min keseluruhan item penilaian kaedah p&p Qirā'āt 'Ilm ialah 4.04 dan sisihan piawai 0.77 berada pada tahap tinggi.

Tujuh item berada di tahap tinggi iaitu item kaedah soal jawab dalam pengajaran *qirā'āt* (min=4.07, sp=0.67) dengan peratus responden yang menyatakan amat kerap 23.5% dan kerap 63.2%, item meminta pelajar menghafaz *matan-matan qirā'āt* (min=4.22, sp=0.67) dengan responden amat kerap 36.0% dan kerap 51.5%, item sering membuat soalan-soalan *matan* dan *sharh* dalam kitab secara spontan untuk menguji

⁴⁷⁰Borhanuddin bin Abdul Rahman (Pensyarah *Qirā'at*, IQT, Terengganu) dalam temu bual dengan penulis, 7 April 2014.

kefahaman pelajar (min=4.11, sp=0.75) dengan responden amat kerap 31.6% dan kerap 50.7%, item memberi tugas seperti kerja kursus dan perbincangan dalam kumpulan (min=4.05, sp=0.83) dengan responden amat kerap 28.7% dan kerap 55.1%, item membantu pelajar memahami maksud *matan* dan *sharh* dalam p&p (min=4.25, sp=0.66) dengan responden amat kerap 36.0% dan kerap 54.4%, item meminta pelajar membuat ulangkaji *matan-matan qirā'āt* yang akan dipelajari akan datang selepas p&p (min=4.04, sp=0.80) dengan responden amat kerap 30.1% dan kerap 48.5% dan item saya menggunakan medium bahasa Melayu di dalam proses menerangkan *sharh matan* (min=4.13, sp=0.78) dengan responden amat kerap 31.6% dan kerap 55.1%.

Manakala empat item berada di tahap sederhana tinggi iaitu item kaedah kuliah dan syarahan dalam pengajaran *qirā'āt* (min=4.00, sp=0.63) dengan responden amat kerap 18.4% dan kerap 64.7%, item kaedah pembentangan (min=3.94, sp=0.76) dengan responden amat kerap 20.6% dan kerap 58.8%, item saya menggunakan buku teks di dalam p&p *qirā'āt* (min=3.94, sp=0.92) dengan responden amat kerap 25.7% dan kerap 54.4% dan item saya melakar dan melukis untuk menerangkan makna perkataan *qirā'āt* (min=3.77, sp=1.01) dengan responden amat kerap 23.5% dan kerap 45.6%.

Jadual 4.36. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Kaedah P&P *Qirā'āt* 'Ilm dari Persepsi Pelajar

Kaedah P&P	<i>Qirā'āt</i>	TP	JJ	KK	K	AK	Min	S.P	Interpretasi
Kaedah kuliah dan syarahan dalam pembelajaran	<i>qirā'āt</i>	0	2	21	88	25	4.00	0.63	Sederhana Tinggi
		0%	1.5%	15.4%	64.7%	18.4%			
Kaedah soal jawab dalam pengajaran	<i>qirā'āt</i>	0	4	14	86	32	4.07	0.67	Tinggi
		0%	2.9%	10.3%	63.2%	23.5%			
Kaedah Pembentangan		1	5	22	80	28	3.94	0.76	Sederhana Tinggi
		0.7%	3.7%	16.2%	58.8%	20.6%			
Guru meminta pelajar menghafaz <i>matan-matan qirā'āt</i>		0	1	16	70	49			Tinggi
		0%	0.7%	11.8%	51.5%	36.0%			

Jadual 4.36. Sambungan

Guru sering membuat soalan-soalan <i>matan</i> dan <i>sharh</i> dalam kitab secara spontan untuk menguji kefahaman pelajar	0	4	20	69	43	4.11	0.75	Tinggi
	0%	2.9%	14.7%	50.7%	31.6%			
Guru memberi tugas seperti kerja kursus dan perbincangan dalam kumpulan	3	3	16	75	39	4.05	0.83	Tinggi
	2.2%	2.2%	11.8%	55.1%	28.7%			
Guru membantu pelajar memahami maksud <i>matan</i> dan <i>sharh</i> dalam p&p	0	2	11	74	49	4.25	0.66	Tinggi
	0%	1.5%	8.1%	54.4%	36.0%			
Guru meminta pelajar membuat ulangkaji <i>matan-matan qirā'āt</i> yang akan dipelajari akan datang selepas p&p	0	6	23	66	41	4.04	0.80	Tinggi
	0%	4.4%	16.9%	48.5%	30.1%			
Guru saya menggunakan buku teks di dalam p&p <i>qirā'āt</i>	5	5	17	74	35	3.94	0.92	Sederhana Tinggi
	3.7%	3.7%	12.5%	54.4%	25.7%			
Guru saya melakar dan melukis untuk menerangkan makna perkataan <i>qirā'āt</i>	5	11	26	62	32	3.77	1.01	Sederhana Tinggi
	3.7%	8.1%	19.1%	45.6%	23.5%			
Guru saya menggunakan medium Bahasa Melayu di dalam proses menerangkan <i>sharh matan</i>	2	3	13	75	43	4.13	0.78	Tinggi
	1.5%	2.2%	9.6%	55.1%	31.6%			
Min Keseluruhan						4.04	0.77	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Kesimpulannya hasil dapatan menunjukkan pensyarah amat berpuas hati dan amat bersetuju dengan kekerapan penggunaan dari aspek kaedah p&p *Qirā'āt* 'Ilm berbanding dengan persepsi pelajar. Walaupun secara keseluruhannya daripada persepsi pelajar menunjukkan interpretasi min persetujuan yang tinggi, namun perlu kepada penambahbaikan dalam aspek kaedah kuliah dan syarahan, kaedah pembentangan, penggunaan buku teks di dalam p&p *qirā'āt* serta kaedah melakar dan melukis untuk menerangkan makna perkataan *qirā'āt*.

4.5.1(c) Pemerhatian Kaedah *Qirā'āt* 'Ilm

Daripada pemerhatian kelas yang dibuat penyelidik mendapati semua pensyarah menggunakan kaedah kuliah dan syarahan secara menyeluruh dalam pengajaran dan

pembelajaran *qirā'āt* dalam bahasa Arab dengan kaedah pensyarah akan membaca *matan* dan menyuruh semua pelajar mengikut membaca *matan* tersebut secara beramai-ramai dan serentak. Manakala pensyarah juga ada menggunakan kaedah menerangkan *manhaj-manhaj* imam *qirā'āt* dengan menggunakan medium bahasa Melayu.

Dapatan pemerhatian juga menunjukkan pensyarah juga sering menggunakan kaedah membuat soalan-soalan *matan* dan *sharh* dalam kitab secara spontan untuk menguji kefahaman pelajar dengan menggunakan medium bahasa Melayu. Walau bagaimanapun perlu dibuat penambahbaikan dari aspek kaedah kuliah dan syarahan, kaedah pembentangan, penggunaan buku teks dalam p&p *qirā'āt* serta kaedah melakar dan melukis untuk menerangkan makna perkataan *qirā'āt*.

Namun secara praktikalnya, pensyarah akan membahagi-bahagikan tugas berkaitan *bayt-bayt matan qirā'āt*, *sharh matan* dan *khilāf qirā'āt* terhadap ayat-ayat al-Quran mengikut kemampuan pelajar untuk dibentang dalam kelas, pensyarah juga turut terlibat dalam proses pembentangan pelajar sekiranya terdapat kesilapan dan keraguan di dalam bab-bab yang dibentangkan. Dalam aspek pembentangan ini juga bergantung kepada pensyarah, ada pensyarah yang mewajibkan pembentangan sekali atau dua kali sahaja di dalam kelas dan terdapat juga pensyarah yang tidak mewajibkan pembentangan, hanya menyerahkan tugas dalam bentuk bertulis dan terdapat juga pensyarah yang mewajibkan kedua-dua iaitu pembentangan dan penyerahan tugas dalam bentuk bertulis. Aspek kuliah dan *sharh matan* merupakan kaedah utama yang diamalkan di dalam p&p *Qirā'āt 'Ilm* dengan penggunaan kitab *Taqrīb al-Ma'ānī*. Manakala aspek kaedah *hifz matan qirā'āt* merupakan tugas yang diberi oleh pensyarah kepada pelajar untuk tajuk-tajuk p&p yang akan datang untuk memudahkan pelajar memahami dan menguasai kurikulum *qirā'āt*.

4.5.1(d) Temu Bual Pelajar Terhadap Kaedah *Qirā'āt 'Ilm*

Hasil temu bual mendapati semua pelajar menyatakan persetujuan terhadap kekerapan penggunaan item-item kaedah *Qirā'āt 'Ilm* dalam soal selidik terutama kaedah kuliah

dan *sharh* yang diamalkan, begitu juga kaedah membuat tugas dan pembentangan sebagai memenuhi markah tugas.

T18 menunjukkan contoh temu bual yang membuktikan pelajar amat bersetuju dengan kaedah p&p Qirā'āt 'Ilm yang dilaksanakan. Contoh data temu bual pelajar T18⁴⁷¹ tentang kaedah Qirā'āt 'Ilm.

Penyelidik: Apakah kaedah yang sering digunakan dalam p&p Qirā'āt 'Ilm?

Pelajar: Kaedah kuliah dan syarahan.

Penyelidik: Kuliah dan syarahan.

Pelajar: Biasanya pensyarah akan *sharh* di depan kelas berkaitan tajuk yang dipelajari dan memberi penerangan *bayt-bayt matan* dengan *rumūz* imam serta *manhaj-manhaj* bacaan imam.

Penyelidik: Kaedah lain?

Pelajar: Kaedah tugas serta pembentangan. Pensyarah akan memberi tugas kepada pelajar sebanyak lima *bayt matan* untuk dianalisis *manhaj-manhaj* bacaan imam beserta *rumūz-rumūznya*.

4.5.2 Kaedah P&P Qirā'āt Amali Perspektif Pensyarah

Berdasarkan jadual 4.37 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan pensyarah terhadap kaedah p&p Qirā'āt Amali dalam kurikulum *qirā'āt*. Min keseluruhan item penilaian kaedah p&p Qirā'āt Amali ialah 4.22 dan sisihan piawai 0.69 berada pada tahap tinggi.

Sepuluh item berada di tahap tinggi terhadap aspek kaedah-kaedah p&p Qirā'āt Amali iaitu item kaedah hafazan (min=4.17, sp=0.82) dengan responden amat kerap 34.8% dan kerap 54.3%, item kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* (min=4.52, sp=0.50) dengan responden amat kerap 52.2% dan kerap 47.8%, item kaedah *tikrār* tanpa melihat buku (min=4.08, sp=0.91) dengan responden amat kerap 32.6% dan kerap 52.2%, item

⁴⁷¹Pelajar *Banat* Shu'bah Qirā'āt (ITQAN, Negeri Sembilan), dalam temu bual dengan penulis, 16 Mac 2014.

kaedah *tasmī'* contoh *wajh-wajh* bacaan *qirā'āt* mengikut sebutan yang betul kepada pelajar (min=4.41, sp=0.77) dengan responden amat kerap 52.2% dan kerap 41.3%, item membaca *qirā'āt* di hadapan kelas melihat *maṣḥaf rasm 'uthmānī* (min=4.39, sp=0.74) dengan responden amat kerap 47.8% dan kerap 47.8%, item meminta pelajar menjawab secara lisan soalan-soalan *qirā'āt* secara amali yang dikemukakan tanpa melihat buku (min=4.30, sp=0.66) dengan responden amat kerap 41.3% dan kerap 47.8%, item membantu pelajar memahami perbezaan *wajh-wajh* bacaan *qirā'āt* yang diperdengarkan (min=4.54, sp=0.50) dengan responden amat kerap 54.3% dan kerap 45.7%, item mendengarkan *wajh-wajh* bacaan *qirā'āt* mengikut sebutan yang betul kepada pelajar sebagai bacaan contoh (min=4.50, sp=0.50) dengan responden amat kerap 50% dan kerap 50%, item saya menggunakan teknik *sharh* dalam bahasa Melayu ketika pengajaran bentuk-bentuk bacaan *qirā'āt* (min=4.32, sp=0.51) dengan responden amat kerap 34.8% dan kerap 63.0% dan item saya memberi peluang yang sama kepada pelajar menyebut *wajh-wajh qirā'āt* secara bergilir-gilir (min=4.52, sp=0.50) dengan responden amat kerap 52.2% dan kerap 47.8%.

Jadual 4.37. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Kaedah P&P Qirā'āt Amali dari Persepsi Pensyarah

Kaedah Qirā'āt 'Amalī	P&P	TP	JJ	KK	K	AK	Min	S.P	Interpretasi
Kaedah hafazan		1 2.2%	1 2.2%	3 6.5%	25 54.3%	16 34.8%	4.17	0.82	Tinggi
Kaedah <i>talaqqī</i> dan <i>mushāfahah</i>		0 0%	0 0%	0 0%	22 47.8%	24 52.2%	4.52	0.50	Tinggi
Kaedah <i>tikrār</i> tanpa melihat buku		2 4.3%	0 0%	5 10.9%	24 52.2%	15 32.6%	4.08	0.91	Tinggi
Kaedah <i>tasmī'</i> contoh <i>wajh-wajh</i> bacaan <i>qirā'āt</i> mengikut sebutan yang betul kepada pelajar		1 2.2%	0 0%	2 4.3%	19 41.3%	24 52.2%	4.41	0.77	Tinggi
Membaca <i>qirā'āt</i> di hadapan kelas melihat <i>maṣḥaf rasm 'Uthmānī</i>		1 2.2%	0 0%	1 2.2%	22 47.8%	22 47.8%	4.39	0.74	Tinggi

Jadual 4.37. Sambungan

Meminta pelajar menjawab secara lisan soalan-soalan <i>qirā'āt</i> secara amali yang dikemukakan tanpa melihat buku	0 0%	0 0%	5 10.9%	22 47.8%	19 41.3%	4.30	0.66	Tinggi
Membantu pelajar memahami perbezaan <i>wajh-wajh</i> bacaan <i>qirā'āt</i> yang diperdengarkan	0 0%	0 0%	0 0%	21 45.7%	25 54.3%	4.54	0.50	Tinggi
Mempendengarkan <i>wajh-wajh</i> bacaan <i>qirā'āt</i> mengikut sebutan yang betul sebagai bacaan contoh	0 0%	0 0%	0 0%	23 50%	23 50%	4.50	0.50	Tinggi
Saya menggunakan teknik <i>sharh</i> dalam Bahasa Melayu ketika pengajaran bentuk-bentuk bacaan <i>qirā'āt</i>	0 0%	0 0%	1 2.2%	29 63.0%	16 34.8%	4.32	0.51	Tinggi
Saya memberi peluang yang sama kepada pelajar menyebut <i>wajh-wajh qirā'āt</i> secara bergilir-gilir	0 0%	0 0%	0 0%	22 47.8%	24 52.2%	4.52	0.50	Tinggi
Saya tidak banyak membuat pembetulan kesalahan semasa pelajar saya membaca menurut <i>ṭarīq Shāṭibī</i>	9 19.6%	10 21.7%	17 37.0%	6 13.0%	4 8.7%	2.69	1.19	Sederhana Rendah
Min Keseluruhan						4.22	0.69	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Hanya terdapat satu item berada pada tahap sederhana rendah iaitu item saya tidak banyak membuat pembetulan kesalahan semasa pelajar saya membaca menurut *ṭarīq Shāṭibī* (min=2.69, sp=1.19) dengan responden amat kerap 8.7% dan kerap 13.0%.

Hasil dapatan menunjukkan pensyarah amat bersetuju kekerapan penggunaan kaedah-kaedah p&p *Qirā'āt Amali* dalam semua aspek kaedah kecuali dengan aspek tidak banyak membuat pembetulan kesalahan semasa pelajar membaca menurut *ṭarīq*

Shāṭibī. Ini menunjukkan pensyarah sangat prihatin dan memberi komitmen yang penuh di dalam pelaksanaan kaedah p&p kurikulum *qirā'āt*.

4.5.2(a) Pemerhatian Kaedah Qirā'āt Amali

Daripada pemerhatian kelas yang dibuat, penyelidik mendapati pensyarah menitikberatkan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* serta kaedah *ḥifẓ matan*. Malahan pensyarah juga memberi peluang yang sama kepada pelajar untuk membaca ayat-ayat al-Quran dalam silibus secara bergilir-gilir. Bahkan pensyarah juga menggunakan medium bahasa Melayu dalam meningkatkan kefahaman pelajar terhadap Qirā'āt Amali dan amat komited dalam memperdengarkan *manhaj* bacaan imam melalui kaedah *tasmī'* serta membuat pembetulan di dalam pembacaan Qirā'āt Amali kalangan para pelajar. Namun perlu penambahbaikan dalam aspek *ḥifẓ matan* kerana ramai pelajar tidak memberi komitmen yang tinggi dalam *ḥifẓ matan*.

4.5.2(b) Temu Bual Pensyarah Kaedah Qirā'āt Amali

Dapatan daripada hasil temu bual pensyarah menunjukkan pensyarah lebih suka menjadikan amalan dan kaedah yang dipelajari mereka ketika zaman pengajian mereka sebagai satu contoh. Kaedah utama yang digunakan dalam p&p Qirā'āt Amali ialah *talaqqī* dan *mushāfahah* serta kaedah *ḥifẓ rumūz*. Para pelajar akan membaca seorang demi seorang dengan menyambung ayat-ayat al-Quran dalam silibus mengikut *manhaj* imam *qirā'āt* dan pensyarah akan membaiki kesalahan yang dilakukan ketika dalam sesi bacaan *qirā'āt*. Di akhir pengajian, pensyarah akan mengadakan sesi soal jawab dan membuat kesimpulan bacaan *qirā'āt* mengikut imam yang dipelajari dalam bacaan *qirā'āt*.

T7 menunjukkan contoh temu bual yang membuktikan pensyarah amat bersetuju dengan kaedah p&p Qirā'āt Amali yang dilaksanakan. Contoh data temu bual pensyarah T7⁴⁷² tentang kaedah p&p Qirā'āt Amali.

⁴⁷²Abdul Jalal bin Abdul Manaf (Pensyarah *Qirā'at*, DQ), dalam temu bual dengan penulis, 10 April 2014.

Penyelidik: Ustaz, apakah kaedah yang digunakan dalam p&p Qirā'āt Amalī?

Pensyarah: Kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah*. Saya akan menyuruh pelajar membaca ayat-ayat al-Quran secara bersambung-sambung mengikut *manhaj* imam *qirā'āt*.

Penyelidik: Semua pelajar mendapat peluang yang sama, ustaz?

Pensyarah: Ya, semua pelajar berpeluang untuk membaca ayat-ayat al-Quran mengikut silibus. Secara puratanya, pelajar akan dapat membaca sembilan hingga sepuluh kali dalam setiap sesi pengajian selama 16 minggu.

Pensyarah: Malahan setiap pelajar akan baca *qirā'āt* beserta dengan *dalīl matan*, jika pelajar gagal menjawab, saya akan memberi hukuman dengan menyuruh pelajar berdiri.

4.5.2(c) Kaedah P&P Qirā'āt Amali Perspektif Pelajar

Berdasarkan jadual 4.38 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan pelajar terhadap kaedah p&p Qirā'āt Amali dalam kurikulum *qirā'āt*. Min keseluruhan item penilaian kaedah p&p Qirā'āt Amali ialah 4.01 dan sisihan piawai 0.89 berada pada tahap tinggi.

Lapan item berada di tahap tinggi iaitu kaedah hafazan (min=4.19, sp=0.73) dengan responden amat kerap 35.3% dan kerap 50.7%, item kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* (min=4.27, sp=0.80) dengan responden amat kerap 44.9% dan kerap 41.2%, item kaedah *tasmī'* contoh *wajh-wajh* bacaan *qirā'āt* mengikut sebutan yang betul kepada pelajar (min=4.11, sp=0.77) dengan responden amat kerap 33.8% dan kerap 47.1%, item membaca *qirā'āt* di hadapan kelas melihat *maṣḥaf rasm* 'uthmānī (min=4.16, sp=0.80) dengan responden amat kerap 36.0% dan kerap 48.5%, item guru membantu memahami perbezaan *wajh-wajh* bacaan *qirā'āt* yang diperdengarkan (min=4.25, sp=0.71) dengan responden amat kerap 38.2% dan kerap 51.5%, item guru memperdengarkan *wajh-wajh* bacaan *qirā'āt* mengikut sebutan yang betul kepada pelajar sebagai bacaan contoh (min=4.24, sp=0.76) dengan peratus responden amat kerap 39.7% dan kerap 49.3%, item guru saya menggunakan teknik *sharh* dalam bahasa Melayu ketika pengajaran bentuk-bentuk bacaan *qirā'āt* (min=4.16, sp=0.79) dengan

responden amat kerap 34.6% dan kerap 51.5% dan item guru saya memberi peluang yang sama kepada pelajar menyebut *wajh-wajh qirā'āt* secara bergilir-gilir (min=4.29, sp=0.74) dengan responden amat kerap 41.9% dan kerap 49.3%.

Jadual 4.38. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Kaedah P&P Qirā'āt Amali dari Persepsi Pelajar

Kaedah Qirā'āt Amali	P&P	TP	JJ	KK	K	AK	Min	S.P	Interpretasi
Kaedah hafazan		1 0.7%	1 0.7%	12 12.5%	69 50.7%	48 35.3%	4.19	0.73	Tinggi
Kaedah <i>talaqqī</i> dan <i>mushāfahah</i>		1 0.7%	3 2.2%	15 11.0%	56 41.2%	61 44.9%	4.27	0.80	Tinggi
Kaedah <i>tikrār</i> tanpa melihat buku		1 0.7%	8 5.9%	34 25.0%	57 41.9%	36 26.5%	3.87	0.89	Sederhana Tinggi
Kaedah <i>tasmī'</i> contoh <i>wajah-wajah qirā'āt</i> mengikut sebutan yang betul kepada pelajar		0 0%	4 2.9%	22 16.2%	64 47.1%	46 33.8%	4.11	0.77	Tinggi
Membaca <i>qirā'āt</i> di hadapan kelas melihat <i>maṣḥaf</i> rasm 'uthmānī		1 0.7%	4 2.9%	16 11.8%	66 48.5%	49 36.0%	4.16	0.80	Tinggi
Pelajar sering menjawab secara lisan soalan-soalan <i>qirā'āt</i> secara amali yang dikemukakan tanpa melihat buku		2 1.5%	8 5.9%	26 19.1%	66 48.5%	34 25%	3.89	0.89	Sederhana Tinggi
Guru membantu memahami perbezaan <i>wajh-wajh qirā'āt</i> yang diperdengarkan		0 0%	4 2.9%	10 7.4%	70 51.5%	52 38.2%	4.25	0.71	Tinggi
Guru memperdengarkan <i>wajh-wajh qirā'āt</i> mengikut sebutan yang betul kepada pelajar sebagai bacaan contoh		0 0%	6 4.4%	9 6.6%	67 49.3%	54 39.7%	4.24	0.76	Tinggi
Guru saya menggunakan teknik <i>sharh</i> dalam bahasa melayu ketika pengajaran bentuk-bentuk bacaan <i>qirā'āt</i>		2 1.5%	2 1.5%	15 11.0%	70 51.5%	47 34.6%	4.16	0.79	Tinggi

Jadual 4.38. Sambungan

Guru saya memberi peluang yang sama kepada pelajar menyebut <i>wajh-wajh qirā'āt</i> secara bergilir-gilir	1 0.7%	3 2.2%	8 5.9%	67 49.3%	57 41.9%	4.29	0.74	Tinggi
Guru saya tidak banyak membuat pembedulan kesalahan semasa saya membaca menurut <i>ṭarīq Shāṭibī</i>	27 19.9%	28 20.6%	41 30.1%	33 24.3%	7 5.1%	2.74	1.18	Sederhana Rendah
Min Keseluruhan						4.01	0.89	

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Dua item berada pada tahap sederhana tinggi iaitu item kaedah *tikrār* tanpa melihat buku (min=3.87, sp=0.89) dengan responden amat kerap 26.5% dan kerap 41.9% dan item pelajar sering menjawab secara lisan soalan-soalan *qirā'āt* secara amali yang dikemukakan tanpa melihat buku (min=3.89, sp=0.89) dengan responden amat kerap setuju 25.0% dan kerap 48.5%.

Terdapat satu item berada di tahap sederhana rendah iaitu item guru saya tidak banyak membuat pembedulan kesalahan semasa saya membaca menurut *ṭarīq Shāṭibī* (min=2.74, sp=1.18) dengan responden amat kerap 5.1% dan kerap 24.3%.

Dapatan kajian menunjukkan secara umumnya, pelajar amat bersetuju dan menerima kekerapan penggunaan semua aspek kaedah p&p yang digunakan dalam kurikulum *Qirā'āt Amalī*, tetapi aspek kaedah *tikrār* tanpa melihat buku dan aspek pelajar sering menjawab secara lisan soalan-soalan *qirā'āt* secara amali yang dikemukakan tanpa melihat buku perlu diberi perhatian dan diperbincangkan, ini ditambah lagi dengan aspek pelajar banyak melakukan kesilapan dalam p&p kurikulum *Qirā'āt Amalī* sehingga memerlukan banyak pembedulan daripada pensyarah.

4.5.2(d) Temu Bual Pelajar Kaedah *Qirā'āt Amalī*

Dapatan daripada hasil temu bual pelajar menunjukkan pelajar bersetuju dengan kekerapan penggunaan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah*. Para pelajar akan diberikan masa sebanyak sepuluh minit untuk mencari bacaan *qirā'āt* mengikut imam yang

dipelajari dalam silibus *qirā'āt* mengikut ayat-ayat al-Quran yang telah dibahagi-bahagikan dalam kelas dalam bentuk kumpulan dan kemudian pelajar akan membacanya secara *talaqqī* dan *mushāfahah* di hadapan guru dan rakan-rakannya di dalam kelas, sekiranya berlaku kesalahan dalam bacaan *Qirā'āt Amali*, guru akan membuat pembetulan bersama dengan pelajar-pelajar lain.

T11 menunjukkan contoh temu bual yang membuktikan pelajar amat bersetuju dengan kaedah p&p *Qirā'āt Amali* yang dilaksanakan. Contoh data temu bual pelajar T11⁴⁷³ tentang kaedah p&p *Qirā'āt Amali*.

Penyelidik: apakah kaedah yang sering digunakan dalam p&p *Qirā'āt Amali*?

Pelajar: Kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah*. Kami akan membaca ayat-ayat al-Quran secara bersambung-sambung mengikut *manhaj* imam *qirā'āt*.

Penyelidik: Dalam satu semester, banyak tak dapat peluang terlibat dalam kaedah ini?

Pelajar: Lebih kurang sepuluh kali dapat membaca ayat-ayat al-Quran, mengikut setiap sesi pengajian.

4.5.3 Aktiviti P&P *Qirā'āt* 'Ilm Dari Perspektif Pensyarah

Jadual 4.39 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min aktiviti pengajaran dan pembelajaran *Qirā'āt* 'Ilm bagi persepsi pensyarah. Min keseluruhan item penilaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran *Qirā'āt* 'Ilm ialah 4.11 dan sisihan piawai 0.66 berada pada tahap tinggi.

Berdasarkan hasil dapatan menunjukkan bahawa sebelas item berada di tahap tinggi iaitu item saya sangat seronok dengan waktu p&p *qirā'āt* yang ditetapkan (min=4.02, sp=0.74) dengan peratusan responden amat kerap 26.1% dan kerap 52.2%, item saya selalu hadir pada waktu yang ditetapkan (min=4.19, sp=0.54) dengan peratusan responden amat kerap 26.1% dan kerap 67.4%, item saya sering menerangkan *rumūz ifrād* dan *rumūz jam'* dalam *matan* kepada pelajar (min=4.30,

⁴⁷³Informan II (Pelajar *Qirā'at*, Semester enam DQ), dalam temu bual dengan penulis, 10 April 2014.

sp=0.59) dengan peratusan responden amat kerap 37.0% dan kerap 56.5%, item saya sering mengadakan aktiviti perbincangan secara *halaqah* (min=4.17, sp=0.70) dengan peratusan responden amat kerap 32.6% dan kerap 54.3%, item saya sering menyuruh pelajar membuat latihan dalam kelas (min=4.08, sp=0.81) dengan peratusan responden amat kerap 30.4% dan kerap 54.3%, item saya mewajibkan pelajar terlibat dengan aktiviti pembentangan dalam kelas (min=4.39, sp=0.53) dengan peratusan responden amat kerap 41.3% dan kerap 56.5%, item saya sering membuat rumusan dan kesimpulan bentuk-bentuk bacaan *qirā'āt* yang digunapakai mengikut imam dan *rāwī-rāwīnya* (min=4.23, sp=0.79) dengan peratusan responden amat kerap 39.1% dan kerap 50.0%, item saya sering mengemukakan soal jawab dalam kelas (min=4.36, sp=0.53) dengan responden amat kerap 39.1% dan kerap 58.7%, item saya selalu memberi peluang kepada semua pelajar untuk mengemukakan idea semasa dalam kelas *qirā'āt* (min=4.04, sp=0.59) dengan peratusan responden amat kerap 19.6% dan kerap 65.2%, item Saya menggunakan bahasa yang mudah dan jelas di dalam p&p *qirā'āt* (min=4.43, sp=0.66) dengan peratusan responden amat kerap 45.7% dan kerap 52.2% dan item saya akan memberi tugasan tajuk p&p yang akan datang untuk persediaan pelajar (min=4.08, sp=0.54) dengan peratusan responden amat kerap 23.9% dan kerap 63%. Hanya terdapat satu item yang berada di tahap sederhana tinggi iaitu item saya jarang sekali membuat lakaran peta minda semasa kelas *qirā'āt* (min=3.06, sp=1.01) dengan peratusan responden amat kerap 8.7% dan kerap 23.9%.

Jadual 4.39. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Aktiviti P&P *Qirā'āt* 'Ilm bagi Persepsi Pensyarah

Aktiviti P&P <i>Qirā'āt</i> 'Ilmī	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Saya sangat seronok dengan waktu p&p yang ditetapkan	0	1	9	24	12	4.02	0.74	Tinggi
	0%	2.2%	19.6%	52.2%	26.1%			

Jadual 4.39. Sambungan

Saya selalu hadir pada waktu yang ditetapkan	0 0%	0 0%	3 6.5%	31 67.4%	12 26.1%	4.19	0.54	Tinggi
Saya jarang sekali membuat lakaran peta minda semasa kelas <i>qirā'āt</i>	2 4.3%	12 26.1%	17 37.0%	11 23.9%	4 8.7%	3.06	1.01	Sederhana Tinggi
Saya sering menerangkan <i>rumūz ifrād</i> dan <i>rumūz jam'</i> dalam <i>matan</i> kepada pelajar	0 0%	0 0%	3 6.5%	26 56.5%	17 37.0%	4.30	0.59	Tinggi
Saya sering mengadakan aktiviti perbincangan secara <i>halaqah</i>	0 0%	1 2.2%	5 10.9%	25 54.3%	15 32.6%	4.17	0.70	Tinggi
Saya sering menyuruh pelajar membuat latihan dalam kelas	0 0%	3 6.5%	4 8.7%	25 54.3%	14 30.4%	4.08	0.81	Tinggi
Saya sering membuat rumusan dan kesimpulan bentuk-bentuk bacaan <i>qirā'āt</i> yang digunapakai mengikut imam dan <i>rāwī-rāwīnya</i>	1 2.2%	0 0%	4 8.7%	23 50%	18 39.1%	4.23	0.79	Tinggi
Saya sering mengemukakan soal jawab dalam kelas	0 0%	0 0%	1 2.2%	27 58.7%	18 39.1%	4.36	0.53	Tinggi
Saya selalu memberi peluang kepada semua pelajar untuk mengemukakan idea semasa dalam kelas <i>qirā'āt</i>	0 0%	0 0%	7 15.2%	30 65.2%	9 19.6%	4.04	0.59	Tinggi
Saya menggunakan bahasa yang mudah dan jelas dalam p&p <i>qirā'āt</i>	0 0%	0 0%	1 2.2%	24 52.2%	21 45.7%	4.43	0.54	Tinggi
Saya akan memberi tugas tajuk p&p yang akan datang untuk persediaan pelajar	0 0%	1 2.2%	5 10.9%	29 63%	11 23.9%	4.08	0.66	Tinggi
Min Keseluruhan						4.11	0.66	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Hasil dapatan menunjukkan sikap positif pensyarah ketika melaksanakan p&p di dalam kurikulum *Qirā'āt 'Ilm* iaitu perasaan seronok, ketepatan waktu dan sikap keterbukaan dengan sentiasa memberi peluang kepada pelajar memberi sumbangan idea

semasa p&p dan menyuruh pelajar membuat persediaan dengan memberi tajuk p&p *qirā'āt* untuk sesi p&p minggu berikut, bahkan pensyarah juga amat bersetuju dan menerima aspek aktiviti menerangkan *rumūz ifrād* dan *rumūz jam'* dan sering membuat kesimpulan dan rumusan berkaitan bacaan *qirā'āt* mengikut imam dan *rāwī*, ini disokong dengan galakan pensyarah terhadap pelajar supaya terlibat dengan aktiviti perbincangan dalam *halaqah*, aktiviti latihan dalam kelas, aktiviti pembentangan, aktiviti soal jawab dan penggunaan medium bahasa Melayu untuk membantu penguasaan pelajar.

4.5.3(a) Aktiviti P&P Qirā'āt 'Ilm Dari Perspektif Pelajar

Berdasarkan jadual 4.40 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min aktiviti pengajaran dan pembelajaran Qirā'āt 'Ilm daripada persepsi pelajar. Min keseluruhan item penilaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran Qirā'āt 'Ilm ialah 3.78 dan sisihan piawai 0.90 berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 4.40. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawaian dan Interpretasi Min Aktiviti P&P Qirā'āt 'Ilm dari Persepsi Pelajar

<i>Aktiviti P&P Qirā'āt 'Ilm</i>	<i>TP</i>	<i>JJ</i>	<i>KK</i>	<i>K</i>	<i>AK</i>	<i>Min</i>	<i>S.P</i>	<i>Interpretasi</i>
Saya sangat seronok dengan waktu p&p <i>qirā'āt</i> yang ditetapkan	1 0.7%	6 4.4%	32 23.5%	72 52.9%	25 18.4%	3.83	0.80	Sederhana Tinggi
Saya selalu hadir pada waktu yang ditetapkan	2 1.5%	8 5.9%	25 18.4%	72 52.9%	29 21.3%	3.86	0.86	Sederhana Tinggi
Guru saya membuat lakaran peta minda semasa proses p&p <i>qirā'āt</i>	9 6.6%	13 9.6%	37 27.2%	58 42.6%	19 14.0%	3.47	1.06	Sederhana Tinggi
Guru saya menggunakan <i>sharh rumūz ifrād</i> dan <i>rumūz jam'</i> dalam <i>matan</i> kepada pelajar	0 0%	5 3.7%	33 24.3%	62 45.6%	36 26.5%	3.94	0.81	Sederhana Tinggi
Guru saya mengadakan perbincangan secara <i>halaqah</i>	5 3.7%	15 11.0%	38 27.9%	61 44.9%	17 12.5%	3.51	0.97	Sederhana Tinggi

Jadual 4.40. Sambungan

Saya sering membuat latihan dalam kelas	5 3.7%	18 13.2%	43 31.6%	49 36.0%	21 15.4%	3.46	1.02	Sederhana Tinggi
Guru saya mewajibkan pelajar terlibat dengan aktiviti pembentangan dalam kelas	3 2.2%	6 4.4%	25 18.4%	69 50.7%	33 24.3%	3.90	0.89	Sederhana Tinggi
Guru saya sering membuat rumusan dan kesimpulan bentuk-bentuk bacaan <i>qirā'āt</i> yang digunapakai mengikut imam dan <i>rāwī-rāwīnya</i>	0 0%	6 4.4%	22 16.2%	67 49.3%	41 30.1%	4.05	0.80	Tinggi
Saya sering mengemukakan soal jawab dalam kelas	5 3.7%	15 11.0%	42 30.9%	52 38.2%	22 16.2%	3.52	1.01	Sederhana Tinggi
Guru saya selalu memberi peluang kepada semua pelajar untuk membaca semasa dalam kelas <i>qirā'āt</i>	3 2.2%	8 5.9%	10 7.4%	74 54.4%	41 30.1%	4.04	0.90	Tinggi
Guru saya menggunakan bahasa yang mudah dan jelas dalam p&p <i>qirā'āt</i>	1 0.7%	3 2.2%	21 15.4%	67 49.3%	44 32.4%	4.10	0.79	Tinggi
Guru saya akan memberi tugas tajuk p&p yang akan datang untuk persediaan pelajar	3 2.2%	12 8.8%	31 22.8%	68 50.0%	22 16.2%	3.69	0.92	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan						3.78	0.90	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Hasil dapatan menunjukkan terdapat tiga item yang mencatatkan interpretasi min pada tahap tinggi iaitu item guru saya sering membuat rumusan dan kesimpulan bentuk-bentuk bacaan *qirā'āt* yang digunapakai mengikut imam dan *rāwī-rāwīnya* (min=4.05, sp=0.80) dengan peratusan responden amat kerap 30.1% dan kerap 49.3%, item guru saya selalu memberi peluang kepada semua pelajar untuk membaca semasa dalam kelas *qirā'āt* (min=4.04, sp=0.90) dengan peratusan responden amat kerap 30.1% dan kerap 54.4% dan item guru saya menggunakan bahasa yang mudah dan jelas di dalam p&p *qirā'āt* (min=4.10, sp=0.79) dengan peratusan responden amat kerap 32.4% dan kerap 49.3%.

Dapatan juga menunjukkan sembilan item berada di tahap interpretasi min sederhana tinggi iaitu item saya sangat seronok dengan waktu p&p *qirā'āt* yang ditetapkan (min=3.83, sp=0.80) dengan responden amat kerap 18.4% dan kerap 52.9%, item saya selalu hadir pada waktu yang ditetapkan (min=3.86, sp=0.86) dengan responden amat kerap 21.3% dan kerap 52.9%, item guru saya membuat lakaran peta minda semasa proses p&p *qirā'āt* (min=3.47, sp=1.06) dengan responden amat kerap 14.0% dan kerap 42.6%, item guru saya sering menggunakan kaedah *sharh rumūz ifrād dan rumūz jam'* dalam *matan* kepada pelajar (min=3.94, sp=0.81) dengan responden amat kerap 26.5% dan kerap 45.6%, item guru saya sering mengadakan aktiviti perbincangan secara *halaqah* (min=3.51, sp=0.97) dengan responden amat kerap 12.5% dan kerap 44.9%, item saya sering membuat latihan dalam kelas (min=3.46, sp=1.02) dengan responden amat kerap 15.4% dan kerap 36.0%, item guru saya mewajibkan pelajar terlibat dengan aktiviti pembentangan dalam kelas (min=3.90, sp=0.89) dengan responden amat kerap 24.3% dan kerap 50.7% dan item saya sering mengemukakan soal jawab dalam kelas dan guru saya akan memberi tugas tajuk p&p yang akan datang untuk persediaan pelajar (min=3.69, sp=0.92) dengan responden amat kerap setuju 16.2% dan kerap 50.0%.

Dapatan menunjukkan secara umumnya, kekerapan aktiviti-aktiviti p&p *Qirā'āt* 'Ilm kurang dilaksanakan semasa p&p menurut perspektif pelajar, namun pelajar amat cenderung dengan kekerapan aktiviti rumusan serta kesimpulan berkaitan *manhaj* bacaan *qirā'āt* imam dan *rāwī*, peluang yang sama terhadap pelajar untuk mengemukakan idea ketika waktu p&p dan penggunaan bahasa Melayu yang sering diamalkan dalam kurikulum *Qirā'āt* 'Ilm. Ini menunjukkan satu pemurnian dan penambahbaikan dalam aktiviti p&p kurikulum *Qirā'āt* 'Ilm perlu dilakukan.

4.5.3(b) Temu Bual Pensyarah Aktiviti P&P *Qirā'āt* 'Ilm

Data temu bual menunjukkan pensyarah sering melaksanakan aktiviti-aktiviti *sharh matan*, *sharh rumūz* secara *ifrād* dan *jam'* dalam *matan* dengan menggunakan bahasa

yang mudah dan jelas serta memberi tugas kepada pelajar, aktiviti perbincangan di dalam kelas tetapi tidak menjadikan aktiviti *tasmī'* hafazan *matan* sebagai aktiviti dan amalan wajib, hanya bergantung kepada kemampuan pelajar kerana masa yang tidak mencukupi dan tiada subjek khusus berkaitan *hifẓ matan*.

T15 menunjukkan contoh temu bual yang membuktikan pensyarah amat bersetuju dengan aktiviti Qirā'āt 'Ilm yang dilaksanakan. Contoh data temu bual pensyarah T15⁴⁷⁴ tentang aktiviti Qirā'āt 'Ilm.

Penyelidik: Ustaz, apakah aktiviti yang sering dilaksanakan dalam Qirā'āt 'Ilm?

Pensyarah: Aktiviti *sharh* kitab berdasarkan tiga hingga empat imam *qirā'āt*.

Penyelidik: Aktiviti lain, ustaz?

Pensyarah: Aktiviti tugas. Saya akan menyuruh pelajar membuka kitab Taqrīb al-Ma'ānī ketika dalam proses pembentangan tugas. Malahan saya juga akan membuat aktiviti ulangkaji bab-bab lepas yang telah dipelajari dengan nota ringkasan dan semua pelajar memberi respon yang amat baik dengan menjawab soalan. Jika terdapat pelajar yang tidak memahami tajuk-tajuk tertentu, ana akan bagi tugas untuk merujuk kitab semula. Ana ada juga buat waktu konsultasi dan kelas khas untuk pelajar-pelajar bermasalah di dalam topik-topik *qirā'āt*.

Contoh data temu bual pensyarah T1⁴⁷⁵ tentang aktiviti Qirā'āt 'Ilm:

Penyelidik: Aktiviti *tasmī'* hafazan *matan*, ada ustaz?

Pensyarah: Tiada, ustazah! tetapi ana beri tugas kepada pelajar untuk hafaz *matan*, seperti lima *bayt matan* untuk persediaan tajuk baru yang akan dipelajari minggu depan. Jika pelajar tidak mampu, ana akan mewajibkan pelajar mengulang *matan* yang belum dihafaz atau tidak lancar sehingga habis tajuk. Tetapi kadang-kadang tak sempat jugak sebab banyak, jadi pelajar kena hafaz sendiri. Ini disebabkan kekangan masa. Cuba

⁴⁷⁴Usamah bin Mohd Muhsin (Pensyarah *Qirā'at*, MTQMSA, Melaka), dalam temu bual dengan penulis, 25 Mac 2014.

⁴⁷⁵Borhanuddin bin Abdul Rahman (Pensyarah *Qirā'at*, IQT Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 7 April 2014.

ustazah fikir satu sesi pengajian untuk *15 bayt matan*, bayangkan untuk dua hingga tiga bulan untuk diamalkan *bayt-bayt matan* semua, tak sempat ustazah, takut tak habis *muqarrar*, lagi parah *student* tak de persediaan nak masuk *exam*.

4.5.4 Aktiviti P&P Qirā'āt 'Amali Dari Persepsi Pensyarah

Min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min bagi aktiviti p&p Qirā'āt Amali bagi persepsi pensyarah ditunjukkan dalam jadual 4.41. Min keseluruhan item penilaian aktiviti p&p Qirā'āt Amali bagi persepsi pensyarah ialah 4.07 dan sisihan piawai 0.64 berada pada tahap tinggi.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa lapan item berada pada interpretasi min tinggi iaitu item menyuruh pelajar saya menghafaz matan Shāṭibī dengan baik (min=4.30 sp=0.55) dengan peratusan responden amat kerap 34.8% dan kerap 60.9%, item saya sering menunjukkan cara bacaan al-Quran secara bertajwid dengan *qirā'āt* yang betul melalui proses *talaqqī* dan *mushāfahah* (min=4.47, sp=0.54) dengan peratus responden amat kerap 50.0% dan kerap 47.8%, item saya selalu memberi peluang kepada semua pelajar praktikal mempraktikkan *qirā'āt* dengan betul di kelas (min=4.43, sp=0.50) dengan peratus responden amat kerap 43.5% dan kerap 56.5%, item saya selalu meminta pelajar melakukan amali bacaan berulang kali (min=4.32, sp=0.51) dengan peratus responden amat kerap 34.8% dan kerap 63.0%, item saya sering memperdengarkan contoh bacaan *qirā'āt* dalam kelas (min=4.45, sp=0.54) dengan peratus responden amat kerap 47.8% dan kerap 50.0%, item saya sering menunjukkan contoh-contoh ayat al-Quran yang berkaitan matan Shāṭibī (min=4.26, sp=0.44) dengan peratus responden amat kerap 26.1% dan kerap 73.9%, item pelajar saya diwajibkan terlibat dengan pembentangan ujian amali (min=4.13, sp=0.61) dengan peratus responden amat kerap 23.9% dan kerap 67.4% dan item pelajar juga mesti terlibat dengan kerja kursus dalam Qirā'āt Amali (min=4.08, sp=0.86) dengan peratus responden amat kerap 28.3% dan kerap 60.9%.

Jadual 4.41. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Aktiviti P&P Qirā'āt Amali dari Persepsi Pensyarah

Aktiviti P&P Qirā'āt Amali	TP	JJ	KK	K	AK	Min	S.P	Interpretasi
Saya menyuruh pelajar saya menghafaz <i>matan</i> Shāṭibī dengan baik	0 0%	0 0%	2 4.3%	28 60.9%	16 34.8%	4.30	0.55	Tinggi
Saya mewajibkan pelajar terlibat dengan aktiviti perbincangan <i>matan</i> Shāṭibī sebelum kelas bermula	2 4.3%	1 2.2%	9 19.6%	24 52.2%	10 21.7%	3.84	0.94	Sederhana Tinggi
Saya sering menunjukkan cara bacaan al-Quran secara bertajwid dengan <i>qirā'āt</i> yang betul melalui proses <i>talaqqī</i> dan <i>mushāfahah</i>	0 0%	0 0%	1 2.2%	22 47.8%	23 50.0%	4.47	0.54	Tinggi

Jadual 4.41. Sambungan

Saya selalu memberi peluang kepada semua pelajar praktikal mempraktikkan <i>qirā'āt</i> dengan betul di kelas	0 0%	0 0%	0 0%	26 56.5%	20 43.5%	4.43	0.50	Tinggi
Saya selalu meminta pelajar melakukan amali bacaan berulang kali	0 0%	0 0%	1 2.2%	29 63.0%	16 34.8%	4.32	0.51	Tinggi
Saya sering memperdengarkan contoh bacaan <i>qirā'āt</i> dalam kelas	0 0%	0 0%	1 2.2%	23 50.0%	22 47.8%	4.45	0.54	Tinggi
Saya sering melibatkan pelajar dengan situasi sebenar supaya mempraktikkan bacaan <i>qirā'āt</i> dalam solat semasa menjadi imam di masjid DQ dan sebagainya	1 2.2%	3 6.5%	14 30.4%	23 50.0%	5 10.9%	3.60	0.85	Sederhana Tinggi
Saya sering menunjukkan contoh-contoh ayat al-Quran yang berkaitan <i>matan</i> Shāṭibī	0 0%	0 0%	0 0%	34 73.9%	12 26.1%	4.26	0.44	Tinggi
Saya sering membawa pelajar ke makmal al-Quran	8 17.4%	5 10.9%	19 41.3%	9 19.6%	5 10.9%	2.95	1.21	Sederhana rendah
Pelajar saya	0	1	2	31	11	4.13	0.61	Tinggi

diwajibkan terlibat dengan pembentangan ujian amali	0%	2.2%	6.5%	67.4%	23.9%				
Pelajar juga mesti terlibat dengan kerja kursus dalam Qirā'āt Amali	2	0	3	28	13	4.08	0.86	Tinggi	
	4.3%	0%	6.5%	60.9%	28.3%				

Min Keseluruhan **4.07 0.64 Tinggi**

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Dua item lagi berada di tahap min sederhana tinggi iaitu saya mewajibkan pelajar terlibat dengan aktiviti perbincangan matan Shāṭibī sebelum kelas bermula (min=3.84, sp=0.94) dengan peratus responden amat kerap 21.7% dan kerap 52.2% dan item saya sering melibatkan pelajar dengan situasi sebenar supaya mempraktikkan bacaan *qirā'āt* dalam solat semasa menjadi imam di masjid DQ dan sebagainya (min=3.60, sp=0.85) dengan peratus responden amat kerap 10.9% dan kerap 50.0%.

Manakala terdapat satu item berada di tahap sederhana rendah iaitu item saya sering membawa pelajar ke makmal al-Quran (min=2.95, sp=1.21) dengan peratus responden amat kerap 10.9% dan kerap 19.6%.

Dapatan kajian ini menunjukkan secara keseluruhannya, pensyarah amat bersetuju dengan penilaian kekerapan penggunaan dalam aktiviti-aktiviti Qirā'āt Amali iaitu aktiviti menghafaz, aktiviti *talaqqī* dan *mushāfahah*, aktiviti bacaan berulang kali, aktiviti memperdengarkan contoh bacaan *qirā'āt*, aktiviti tunjuk contoh ayat-ayat al-Quran yang berkaitan matan Shāṭibī, aktiviti pembentangan dan aktiviti kerja kursus. Namun pensyarah kurang mengamalkan aktiviti-aktiviti seperti memberi galakan terhadap aktiviti perbincangan berkaitan matan Shāṭibī sebelum kelas bermula, aktiviti praktikal bacaan *qirā'āt* dalam solat di masjid-masjid dan penggunaan makmal al-Quran. Ini jelas menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti p&p Qirā'āt Amali berada di tahap yang baik tetapi perlu sedikit penambahbaikan lagi demi memantapkan kejayaan dalam melaksanakan kurikulum Qirā'āt Amali.

4.5.4(a) Aktiviti P&P Qirā'āt 'Amali Dari Perspektif Pelajar

Min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min bagi aktiviti p&p Qirā'āt Amali bagi persepsi pelajar ditunjukkan dalam jadual 4.42 di bawah. Min keseluruhan item penilaian aktiviti p&p Qirā'āt Amali daripada persepsi pelajar ialah 3.87 dan sisihan piawai 0.85 berada pada tahap sederhana tinggi.

Dapatan kajian menunjukkan enam item berada di tahap interpretasi min tinggi iaitu pensyarah saya menyuruh saya menghafaz matan Shāṭibī dengan baik (min=4.08, sp=0.82) dengan peratus responden amat kerap 31.6% dan kerap 50.7%, item pensyarah saya sering menunjukkan cara bacaan al-Quran secara bertajwid dengan *qirā'āt* yang betul melalui proses *talaqqī* dan *mushāfahah* (min=4.10, sp=0.80) dengan responden amat kerap 33.1% dan kerap 48.5%, item guru saya selalu memberi peluang kepada semua pelajar mempraktikkan *qirā'āt* dengan betul di kelas (min=4.30, sp=0.58) dengan responden amat kerap 36.0% dan kerap 58.8%, item guru saya selalu meminta pelajar melakukan amali bacaan berulang kali (min=4.17, sp=0.78) dengan peratus responden amat kerap 33.8% dan kerap 51.5%, item guru saya sering memperdengarkan contoh bacaan *qirā'āt* di dalam kelas (min=4.16, sp=0.78) dengan peratus responden amat kerap 33.8% dan kerap 53.7% dan item guru saya sering menunjukkan contoh-contoh ayat al-Quran yang berkaitan matan Shāṭibī (min=4.05, sp=0.74) dengan peratus responden amat kerap 27.9% dan kerap 52.9%.

Jadual 4.42. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Aktiviti P&P Qirā'āt Amali dari Persepsi Pelajar

Aktiviti P&P Qirā'āt 'Amali	TP	JJ	KK	K	AK	Min	S.P	Interpretasi
Guru saya menyuruh saya menghafaz matan Shāṭibī dengan baik	1 0.7%	6 4.4%	17 12.5%	69 50.7%	43 31.6%	4.08	0.82	Tinggi
Guru saya mewajibkan pelajar terlibat dengan aktiviti perbincangan matan Shāṭibī sebelum kelas bermula	3 2.2%	9 6.6%	30 22.1%	68 50.0%	26 19.1%	3.77	0.91	Sederhana Tinggi
Guru saya sering	0	6	19	66	45	4.10	0.80	Tinggi

menunjukkan cara bacaan al-Quran secara bertajwid dengan <i>qirā'āt</i> yang betul melalui proses <i>Talaqqī dan Mushāfahah</i>	0%	4.4%	14.0%	48.5%	33.1%			
Guru saya selalu memberi peluang kepada semua pelajar mempraktikkan <i>qirā'āt</i> dengan betul di kelas	0	1	6	80	49	4.30	0.58	Tinggi
Guru saya selalu meminta pelajar melakukan amali bacaan berulang kali	0%	0.7%	4.4%	58.8%	36.0%			
Guru saya sering memperdengarkan contoh bacaan <i>qirā'āt</i> dalam kelas	1	5	11	73	46	4.16	0.78	Tinggi
Guru saya sering melibatkan pelajar dengan situasi sebenar supaya mempraktikkan bacaan <i>qirā'āt</i> dalam solat semasa menjadi imam di masjid DQ dan sebagainya	10	10	40	58	18	3.47	1.05	Sederhana Tinggi

Jadual 4.42.Sambungan

Guru saya sering menunjukkan contoh-contoh ayat al-Quran yang berkaitan matan Shāḥibī	0	4	22	72	38	4.05	0.74	Tinggi
Guru saya sering membawa pelajar ke makmal al-Quran	23	19	53	34	7	2.87	1.12	Sederhana Rendah
Saya diwajibkan terlibat dengan pembentangan ujian amali	5	10	26	67	28	3.75	0.98	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan						3.87	0.85	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Tiga item berada di tahap sederhana tinggi iaitu item guru saya mewajibkan pelajar terlibat dengan aktiviti perbincangan matan Shāḥibī sebelum kelas bermula (min=3.77, sp=0.91) dengan peratus responden amat kerap 19.1% dan kerap 50.0%, item guru saya sering melibatkan pelajar dengan situasi sebenar supaya mempraktikkan bacaan *qirā'āt* dalam solat semasa menjadi imam di masjid DQ dan sebagainya (min=3.47, sp=1.05) dengan responden amat kerap 13.2% dan kerap 42.6% dan item saya diwajibkan terlibat dengan pembentangan ujian amali (min=3.75, sp=0.98) dengan peratus responden amat kerap 20.6% dan kerap 49.3%.

Hanya terdapat satu item lagi berada di tahap sederhana rendah iaitu item guru saya sering membawa pelajar ke makmal al-Quran (min=2.87, sp=1.12) dengan peratus responden amat kerap 5.1% dan kerap 25.0%.

Kesimpulannya, penilaian keseluruhan aktiviti Qirā'āt Amali bagi persepsi pelajar menunjukkan aktiviti-aktiviti tersebut kurang dilaksanakan dalam proses p&p, ini kerana tahap interpretasi min berada di tahap sederhana tinggi dan disokong dengan hasil dapatan terhadap aktiviti perbincangan sebelum kelas, penglibatan dengan praktikal bacaan *qirā'āt* di masjid-masjid, aktiviti pembentangan dalam kelas serta penggunaan makmal al-Quran. Walau bagaimanapun pelajar amat bersetuju dengan kekerapan penggunaan yang selalu dilaksanakan dalam p&p Qirā'āt Amali iaitu aktiviti hafazan, aktiviti *talaqqī* dan *mushāfahah*, aktiviti kesamarataan dalam memberi peluang untuk mengeluarkan idea dalam proses p&p qirā'āt amali, aktiviti amali bacaan berulang kali, aktiviti memperdengarkan bacaan *qirā'āt* dan aktiviti tunjuk contoh bacaan ayat-ayat al-Quran mengikut matan Shāṭibī.

4.5.4(b) Temu Bual Pensyarah Aktiviti Qirā'āt Amali

Data temu bual menunjukkan aktiviti *talaqqī* dan *mushāfahah*, aktiviti *ḥifz dalīl matan* dan menunjukkan contoh bacaan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan matan Shāṭibī merupakan aktiviti yang sering digunakan oleh semua pensyarah. Manakala penggunaan makmal al-Quran merupakan aktiviti yang jarang mendapat sambutan dalam kalangan pensyarah, hanya dua orang pensyarah yang pernah menggunakan makmal al-Quran berbanding daripada 16 orang pensyarah.

T15 menunjukkan contoh temu bual yang membuktikan pensyarah amat bersetuju dengan aktiviti p&p Qirā'āt Amali yang dilaksanakan. Contoh data temu bual pensyarah T15⁴⁷⁶ tentang aktiviti p&p Qirā'āt Amali.

Penyelidik: Ustaz, apakah aktiviti yang sering dilaksanakan dalam Qirā'āt Amali?

⁴⁷⁶Borhanuddin bin Abdul Rahman (Pensyarah *Qirā'at*, IQT, terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 7 April 2014.

Pensyarah: aktiviti *talaqqī* dan *mushāfahah*. Mula-mula pelajar dikehendaki membaca satu persatu bacaan *Qirā'āt Sab'ah* secara *ifrād* berdasarkan nota yang diberi. Selepas mereka sudah mahir, barulah berpindah bacaan secara *jam'* mengikut silibus. Contoh bacaan dua imam dalam ayat-ayat al-Quran.

Penyelidik: Aktiviti lain?

Pensyarah: *Hifẓ dalīl matan* memang wajib kepada semua pelajar untuk matan yang terbabit sahaja, sama la dengan *hifẓ rumūz*. Kalau tidak pelajar susah nak faham, sebab itu ana akan tunjuk contoh bacaan *Qirā'āt Sab'ah* berdasarkan *manhaj* imam-imam setiap kali kelas sebagai ulangkaji kepada mereka.

Penyelidik: Bagaimana penggunaan makmal al-Quran?

Pensyarah: Semua aktiviti dibuat dalam kelas kerana tiada prasarana yang mencukupi seperti makmal al-Quran.

4.5.5 Kekekapan Penggunaan ABM Dari Perspektif Pensyarah

Min, sisihan piawai, kekekapan, peratusan dan interpretasi min bagi kekekapan penggunaan ABM bagi persepsi pensyarah *qirā'āt* ditunjukkan dalam jadual 4.43. Min keseluruhan item penilaian kekekapan penggunaan ABM dalam p&p dari persepsi pensyarah ialah 2.66 dan sisihan piawai 0.98 berada pada tahap sederhana rendah.

Jadual 4.43. Taburan Kekekapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Kekekapan Penggunaan ABM dari Persepsi Pensyarah

Kekerapan Penggunaan ABM	TP	JJ	KK	K	AK	Min	S.P	Interpretasi
Buku Teks/Rujukan	0 0%	2 4.3%	3 6.5%	8 17.4%	33 71.7%	4.56	0.80	Tinggi
Radio/ Televisyen	35 76.1%	6 13.0%	5 10.9%	0 0%	0 0%	1.34	0.67	Rendah
Kaset Rakaman/ Perisian <i>Qirā'āt</i>	17 37.0%	6 13.0%	20 43.5%	2 4.3%	1 2.2%	2.21	1.07	Sederhana Rendah
Komputer/ OHP	LCD/ 12 26.1%	10 21.7%	16 34.8%	5 10.9%	3 6.5%	2.50	1.18	Sederhana Rendah
Jaringan Internet	20 43.5%	6 13.0%	14 30.4%	4 8.7%	2 4.3%	2.17	1.21	Sederhana Rendah
Kad Imbasan/ Manila	Kad 31 67.4%	8 17.4%	6 13.0%	0 0%	1 2.2%	1.52	0.88	Rendah

Papan Tulis	2	2	3	9	30	4.36	1.08	Tinggi
	4.3%	4.3%	6.5%	19.6%	65.2%			
Min Keseluruhan						2.66	0.98	Sederhana Rendah

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Dapatan kajian menunjukkan dua item sahaja yang berada di tahap tinggi iaitu item Buku Teks/Rujukan (min=4.56, sp=0.80) dengan peratus responden amat kerap 71.7% dan kerap 17.4% dan item papan putih (min=4.36, sp=1.08) dengan peratus responden amat kerap 65.2% dan setuju 19.6%. Tiga item lagi berada di tahap sederhana rendah iaitu item kaset rakaman dan perisian *qirā'āt* (min=2.21, sp=1.07) dengan peratus responden amat kerap 2.2% dan kerap 4.3%, item komputer, LCD serta OHP (min=2.50, sp=1.18) dengan peratus responden amat kerap 6.5% dan kerap 10.9% dan item jaringan internet (min=2.17, sp=1.21) dengan peratus responden amat kerap 4.3% dan kerap 8.7%. Dua item pula berada di tahap rendah iaitu radio atau televisyen (min=1.34, sp=0.67) dengan tiada seorang responden yang menyatakan amat kerap dan kerap dan item kad imbasan dan kad manila (min=1.52, sp=0.88) dengan peratus responden amat kerap 2.2% dan 0% kerap.

Berdasarkan dapatan penggunaan ABM dalam kalangan pensyarah menunjukkan bahawa penggunaan buku teks atau buku rujukan serta papan putih merupakan penggunaan yang amat kerap dalam p&p kurikulum *qirā'āt*. Manakala item-item lain seperti penggunaan kaset rakaman dan perisian *qirā'āt*, komputer, LCD serta OHP dan jaringan internet merupakan alat-alat yang kurang digunakan. Bahkan penggunaan radio atau televisyen serta kad imbasan dan kad manila pula hampir tidak digunakan dalam proses p&p kurikulum *qirā'āt*.

4.5.5(a) Kekerapan Penggunaan ABM Dari Perspektif Pelajar

Min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min bagi kekerapan penggunaan ABM bagi persepsi pelajar ditunjukkan dalam jadual 4.44. Min

keseluruhan item penilaian kekerapan penggunaan ABM dalam p&p pengajian *qirā'āt* ialah 2.53 dan sisihan piawai 1.08 berada pada tahap sederhana rendah.

Dua item menunjukkan berada di tahap tinggi iaitu item buku teks dan buku rujukan (min=4.20, sp=0.87) dengan peratus amat kerap 44.1% dan kerap 36.8% serta item papan tulis (min=4.21, sp=1.10) dengan peratus amat kerap 56.6% dan kerap 20.6%. Manakala lima item lagi berada di tahap rendah iaitu item radio atau televisyen (min=1.72, sp=1.00) dengan peratus responden amat kerap 0.7% dan kerap 3.7%, item kaset rakaman atau perisian *qirā'āt* (min=1.96, sp=1.18) dengan peratus responden amat kerap 2.9% dan kerap 8.1%, item komputer atau LCD atau OHP (min=1.88, sp=1.09) dengan peratus responden amat kerap 1.5% dan kerap 6.6%, item jaringan internet (min=2.00, sp=1.23) dengan peratus responden amat kerap 2.9% dan kerap 11.8% dan item kad imbasan atau kad manila (min=1.76, sp=1.09) dengan peratus responden amat kerap 2.9% dan kerap 4.4%.

Jadual 4.44. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Interpretasi Min Kekerapan Penggunaan ABM dari Persepsi Pelajar

Kekerapan Penggunaan ABM	TP	JJ	KK	K	AK	Min	S.P	Interpretasi
Buku teks/ Rujukan	2 1.5%	2 1.5%	22 16.2%	50 36.8%	60 44.1%	4.20	0.87	Tinggi
Radio/ Televisyen	84 61.8%	12 8.8%	34 25.0%	5 3.7%	1 0.7%	1.72	1.00	Rendah
Kaset rakaman/ Perisian <i>qirā'āt</i>	75 55.1%	10 7.4%	36 26.5%	11 8.1%	4 2.9%	1.96	1.18	Rendah
Komputer/ LCD/ OHP	75 55.1%	14 10.3%	36 26.5%	9 6.6%	2 1.5%	1.88	1.09	Rendah
Jaringan internet	75 55.1%	10 7.4%	31 22.8%	16 11.8%	4 2.9%	2.00	1.23	Rendah
Kad imbasan/ kad Manila	83 61.0%	16 11.8%	27 19.9%	6 4.4%	4 2.9%	1.76	1.09	Rendah
Papan tulis	6 4.4%	5 3.7%	20 14.7%	28 20.6%	77 56.6%	4.21	1.10	Tinggi
Min Keseluruhan						2.53	1.08	Sederhana Rendah

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Dapatan kajian ini menunjukkan penggunaan ABM dalam kalangan pelajar secara umumnya berada di tahap sederhana rendah. Penggunaan buku teks atau buku rujukan dan papan putih merupakan alat yang paling popular digunakan dalam proses p&p kurikulum *qirā'āt*, tetapi penggunaan ABM lain hampir tidak digunakan seperti radio atau televisyen, kaset rakaman atau perisian *qirā'āt*, komputer, LCD atau OHP, jaringan internet dan kad imbasan atau kad manila dalam pengajaran dan pembelajaran kurikulum *qirā'āt*.

4.5.5(b) Pemerhatian Penggunaan ABM

Daripada pemerhatian kelas yang dibuat, penyelidik mendapati pensyarah menggunakan papan tulis dan buku rujukan secara meluas. Penggunaan ABM lain yang berbentuk ICT dan elektronik kurang digunakan dalam kelas seperti radio atau televisyen, kaset rakaman atau perisian *qirā'āt*, komputer, LCD atau OHP, jaringan internet dan kad imbasan atau kad manila.

4.5.5(c) Temu Bual Pensyarah Penggunaan ABM

Data temu bual menunjukkan semua pensyarah sering menggunakan papan tulis dan buku rujukan dalam kelas, manakala penggunaan ABM seperti radio atau televisyen, kaset rakaman atau perisian *qirā'āt*, komputer, LCD atau OHP, jaringan internet dan kad imbasan atau kad manila jarang digunakan ketika proses p&p *qirā'āt*.

T8 menunjukkan contoh temu bual tentang kekerapan penggunaan ABM dalam pengajaran dan pembelajaran. Contoh data temu bual pensyarah T8⁴⁷⁷ tentang kekerapan penggunaan ABM dalam p&p kurikulum *qirā'āt*.

Penyelidik: Ustaz, apakah penggunaan ABM yang sering dilaksanakan dalam *Qirā'āt* 'Ilm?

Pensyarah: Ana sering guna *white board* dan kitab rujukan seperti kitab sharh *Taqrīb al-Ma'ānī*.

⁴⁷⁷Kamar Shah bin Ismail (Pensyarah *Qirā'at*, ITQAN, Negeri Sembilan), dalam temu bual dengan penulis, 6 April 2014.

Penyelidik: ABM lain ada, ustaz?

Pensyarah: Kadang-kadang, seperti penggunaan MP3 atau CD untuk bacaan *khilāf qirā'āt* yang sukar seperti bacaan *taqlīl*.

Contoh data temu bual pensyarah T14⁴⁷⁸ tentang kekerapan penggunaan ABM dalam p&p kurikulum *qirā'āt*.

Penyelidik: Ustaz, ada guna ABM lain-lain yang berbentuk elektronik dalam proses p&p *qirā'āt* tak?

Pensyarah: Seseekali ana ada juga menggunakan LCD seperti *power point* dalam kaedah *sharh matan*.

4.6 PENILAIAN PENCAPAIAN *QIRĀ'ĀT*

Penilaian pencapaian kurikulum *qirā'āt* seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.45 mempunyai dua elemen penting iaitu yang merangkumi persepsi pensyarah dan pelajar terhadap hasil pengajaran dan pembelajaran kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ serta pencapaian *shafawī qirā'āt* pelajar terhadap kurikulum *qirā'āt*.

Jadual 4.45. Min Tiga Elemen Penilaian Pencapaian *Qirā'āt* Dari Persepsi Pensyarah Dan Pelajar

Penilaian Penguasaan <i>Qirā'āt</i>	Min	S.P	Interpretasi
Hasil Pengajaran KQ Pensyarah	4.06	0.60	Tinggi
Hasil Pembelajaran KQ Pelajar	3.57	0.89	Sederhana Tinggi
Pencapaian Ujian <i>Shafawī Qirā'āt</i>	2.72	1.56	Sederhana Rendah
Min Keseluruhan	3.45	2.01	Sederhana Rendah

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Berdasarkan jadual 4.45 menunjukkan min keseluruhan bagi tiga elemen penilaian pencapaian kurikulum *qirā'āt* daripada persepektif pensyarah dan pelajar dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM berada di tahap sederhana rendah iaitu min 3.45 dan sisihan piawaian ialah 2.01. Satu item menunjukkan di tahap tinggi iaitu hasil pengajaran KQ (min=4.06, sp=0.60), satu item menunjukkan di tahap

⁴⁷⁸Ustaz Muhammad Zaini bin Syafie (Pensyarah *Qirā'at*, MTQN, INTIM Perak), dalam temu bual dengan penulis, 6 April 2014.

sederhana tinggi iaitu hasil pembelajaran KQ (min=3.57, sp=0.89) dan satu item lagi berada di tahap sederhana rendah iaitu pencapaian ujian *shafawī qirā'āt* (min=2.72, sp=1.56). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara ketiga-tiga elemen dan perlu kepada penambahbaikan dari aspek keputusan yang berada di tahap yang kurang memuaskan walaupun hasil pengajaran berada di tahap yang sangat memuaskan.

4.6.1 Penilaian Hasil Pengajaran *Qirā'āt* Dari Perspektif Pensyarah

Min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min bagi penilaian hasil pengajaran *qirā'āt* bagi persepsi pensyarah ditunjukkan dalam jadual 4.46. Min keseluruhan item penilaian hasil pengajaran dari persepsi pensyarah ialah 4.06 dan sisihan piawai 0.60 berada pada tahap tinggi.

Jadual 4.46. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Hasil Pengajaran bagi Persepsi Pensyarah

Hasil Pengajaran	ST S	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Pelajar saya memahami asas kaedah <i>Qirā'āt Sab'ah</i>	0 0%	1 2.2%	2 4.3%	31 67.4%	12 26.1%	4.17	0.60	Tinggi
Mahir membezakan bacaan <i>uṣūl qirā'āt</i> dengan <i>farsh ḥurūf</i>	0 0%	0 0%	2 4.3%	33 71.7%	11 23.9%	4.19	0.49	Tinggi
Menguasai istilah-istilah penting dalam pengajian <i>qirā'āt</i>	0 0%	0 0%	0 0%	31 67.4%	15 32.6%	4.32	0.73	Tinggi
Memahami <i>Qirā'āt Sab'ah</i>	0 0%	0 0%	2 4.3%	34 73.9%	10 21.7%	4.17	0.48	Tinggi
Menghafaz <i>matan-matan</i> <i>Shāṭibī</i> dengan baik	0 0%	1 2.2%	12 26.1%	27 58.7%	6 13.0%	3.82	0.67	Sederhana Tinggi
Menguasai teori <i>matan al-Shāṭibī</i>	0 0%	0 0%	8 17.4%	32 69.6%	6 13.0%	3.95	0.55	Sederhana Tinggi
Menguasai bacaan <i>uṣūl qirā'āt</i> dan <i>farsh ḥurūf</i>	0 0%	0 0%	10 21.7%	30 65.2%	6 13.0%	3.91	0.58	Sederhana Tinggi
Boleh membaca ayat-ayat al-Quran mengikut <i>Qirā'āt</i> Tujuh	0 0%	2 4.3%	6 13.0%	30 65.2%	8 17.4%	3.95	0.69	Sederhana Tinggi
Mampu membaca <i>farsh ḥurūf</i> di dalam surah al-Baqarah sehingga surah al-Taubah	1 2.2%	1 2.2%	14 30.4%	24 52.2%	6 13.0%	3.71	0.80	Sederhana Tinggi
Mahir menyebut bacaan <i>Qirā'āt</i> dari segi <i>hadhaf alif</i> dan <i>hamzah</i>	1 2.2%	1 2.2%	5 10.9%	28 60.9%	11 23.9%	4.02	0.80	Tinggi
Menguasai bacaan <i>ishmām al-Ṣād</i> seperti <i>al-Zāy</i>	3 6.5%	0 0%	3 6.5%	30 65.2%	10 21.7%	3.95	0.94	Sederhana Tinggi
Mahir kadar <i>ḥarakah</i> Mad al-Munfaṣil dan Mad al-Muttaṣil	0 0%	0 0%	6 13.0%	26 56.5%	14 30.4%	4.17	0.64	Tinggi

Jadual 4.46. Sambungan

Mahir bacaan <i>saktah</i> pada <i>alif lām ta'rīf</i>	0 0%	0 0%	3 6.5%	31 67.4%	12 26.1%	4.19	0.54	Tinggi
Mahir bacaan <i>saktah</i> pada <i>shay</i>	0 0%	0 0%	2 4.3%	31 67.4%	13 28.3%	4.23	0.52	Tinggi
Mahir bacaan <i>saktah</i> pada <i>al-Mafşūl</i>	0 0%	0 0%	3 6.5%	30 65.2%	13 28.3%	4.21	0.54	Tinggi
Menguasai bacaan <i>naql</i> ketika <i>waqf</i>	0 0%	0 0%	5 10.9%	29 63.0%	12 26.1%	4.15	0.59	Tinggi
Menguasai bacaan <i>şilah mīm jam'</i>	0 0%	0 0%	2 4.3%	28 60.9%	16 34.8%	4.30	0.55	Tinggi
Mahir bacaan <i>ibdāl</i>	0 0%	0 0%	3 6.5%	30 65.2%	13 28.3%	4.21	0.55	Tinggi
Mahir bacaan <i>tashīl</i>	0 0%	0 0%	3 6.5%	33 71.7%	10 21.7%	4.15	0.51	Tinggi
Mahir bacaan <i>rawm</i>	0 0%	0 0%	10 21.7%	26 56.5%	10 21.7%	4.00	0.66	Sederhana Tinggi
Mampu menerangkan kaedah-kaedah bacaan <i>Qirā'āt Sab'ah</i> kepada masyarakat	0 0%	0 0%	12 26.1%	28 60.9%	6 13.0%	3.86	0.61	Sederhana Tinggi
Dapat menguasai ilmu <i>Qirā'āt</i> dengan kaedah yang diajar oleh guru	0 0%	0 0%	6 13.0%	33 71.7%	7 15.2%	4.02	0.53	Tinggi
Mampu membaca al-Quran dengan pelbagai kaedah bacaan <i>qirā'āt</i>	0 0%	0 0%	10 21.7%	29 63.0%	7 15.2%	3.93	0.61	Sederhana Tinggi
Yakin dengan kemampuan dalam pengajian <i>qirā'āt</i>	0 0%	0 0%	6 13.0%	31 67.4%	9 19.6%	4.06	0.57	Tinggi
Keperibadian unggul oleh imam <i>Qurrā'</i> menambahkan minat mendalam dan mengkaji ilmu al-Quran	0 0%	0 0%	2 4.3%	33 71.7%	11 23.9%	4.19	0.49	Tinggi
Meningkatkan takjub keagungan al-Quran dan memelihara <i>ḥabl min Allāh</i> dan <i>ḥabl min al-Nās</i>	0 0%	0 0%	0 0%	33 71.7%	13 28.3%	4.28	0.45	Tinggi
Min Keseluruhan						4.06	0.60	Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Dapatan kajian menunjukkan tujuh belas item berada di tahap tinggi iaitu item pelajar saya memahami asas kaedah *Qirā'āt Sab'ah* (min=4.17, sp=0.60) dengan peratus responden sangat setuju 26.1% dan dan setuju 67.4%, item mahir membezakan bacaan *uşūl qirā'āt* dengan *farsh ḥurūf* (min=4.19, sp=0.49) dengan peratus responden sangat setuju 23.9% dan setuju 71.7%, item menguasai istilah-istilah penting dalam pengajian *qirā'āt* (min=4.32, sp=0.73) dengan peratus responden sangat setuju 32.6% dan setuju

67.4%, item memahami Qirā'āt Sab'ah (min=4.17, sp=0.48) dengan peratus responden sangat setuju 21.7% dan setuju 73.9%, item mahir menyebut bacaan *qirā'āt* dari segi *ḥadhaf alif* dan *hamzah* (min=4.02, sp=0.80) dengan peratus responden sangat setuju 23.9% dan setuju 60.9%, item mahir kadar *ḥarakah* mad al-Munfaṣil dan mad Al-Muttaṣil (min=4.17, sp=0.64) dengan peratus responden sangat setuju 30.4% dan setuju 56.5%, item mahir bacaan *saktah* pada *alif lām ta'rīf* (min=4.19, sp=0.54) dengan peratus responden sangat setuju 26.1% dan setuju 67.4%, item mahir bacaan *saktah* pada *shayy* (min=4.23, sp=0.52) dengan responden sangat setuju 28.3% dan setuju 67.4%, item mahir bacaan *saktah* pada *al-Mafṣūl* (min=4.21, sp=0.54) dengan peratus responden sangat setuju 28.3% dan setuju 65.2%, item menguasai bacaan *naql* ketika *waqf* (min=4.15, sp=0.59) dengan responden sangat setuju 26.1% dan setuju 63.0%, item menguasai bacaan *ṣilah mīm jam'* (min=4.30, sp=0.55) dengan responden sangat setuju 34.8% dan setuju 60.9%, item mahir bacaan *ibdāl* (min=4.21, sp=0.55) dengan peratus responden sangat setuju 28.3% dan setuju 65.2%, item mahir bacaan *tashīl* (min=4.15, sp=0.51) dengan responden sangat setuju 21.7% dan setuju 71.7%, item dapat menguasai ilmu *qirā'āt* dengan kaedah yang diajar oleh guru (min=4.02, sp=3.93) dengan peratus responden sangat setuju 15.2% dan setuju 71.7%, item yakin dengan kemampuan dalam pengajian *qirā'āt* (min=4.06, sp=0.57) dengan peratus responden sangat setuju 19.6% dan setuju 67.4%, item keperibadian unggul oleh imam *al-Qurrā'* menambahkan minat mendalami dan mengkaji ilmu al-Quran (min=4.19, sp=0.49) dengan peratus responden sangat setuju 23.9% dan setuju 71.7% dan item meningkatkan takjub keagungan al-Quran dan memelihara *ḥabl min Allāh* dan *ḥabl min al-Nās* (min=4.28, sp=0.45) dengan peratus responden sangat setuju 28.3% dan setuju 71.7%.

Terdapat sembilan item di tahap sederhana tinggi iaitu item menghafaz matan Shāṭibī dengan baik (min=3.82, sp=0.67) dengan peratus responden sangat setuju 13.0%

dan setuju 58.7%, item menguasai teori *matan* Shāṭibī (min=3.95, sp=0.55) dengan peratus responden sangat setuju 13.0% dan setuju 69.6%, item menguasai bacaan *uṣūl qirā'āt* dan *farsh ḥurūf* (min=3.91, sp=0.58) dengan peratus responden sangat setuju 13.0% dan setuju 65.2%, item boleh membaca ayat-ayat al-Quran mengikut *Qirā'āt* Tujuh (min=3.95, sp=0.69) dengan peratus responden sangat setuju 17.4% dan setuju 65.2%, item mampu membaca *farsh ḥurūf* dalam surah al-Baqarah sehingga surah al-Taubah (min=3.71, sp=0.80) dengan peratus responden sangat setuju 13.0% dan setuju 52.2%, item menguasai bacaan *ishmām al-Ṣād* seperti *al-Zāy* (min=3.95, sp=0.94) dengan peratus responden sangat setuju 21.7% dan setuju 65.2%, item mahir bacaan *rawm* (min=4.00, sp=0.66) dengan responden sangat setuju 21.7% dan setuju 56.5%, item mampu menerangkan kaedah-kaedah bacaan *Qirā'āt* Sab'ah kepada masyarakat (min=3.86, sp=0.61) dengan responden sangat setuju 13.0% dan setuju 60.9% dan item mampu membaca al-Quran dengan pelbagai kaedah bacaan *Qirā'āt* (min=3.93, sp=0.61) dengan responden sangat setuju 15.2% dan setuju 63.0%.

Berdasarkan dapatan kajian dalam kalangan pensyarah menunjukkan secara puratanya pensyarah amat bersetuju dan berpuas hati dengan aspek-aspek hasil pembelajaran kalangan pelajar iaitu aspek kefahaman asas kaedah *Qirā'āt* Sab'ah, mahir membezakan bacaan *uṣūl qirā'āt* dengan *farsh ḥurūf*, menguasai istilah-istilah penting dalam pengajian *qirā'āt*, memahami *Qirā'āt* Sab'ah, mahir menyebut bacaan *Qirā'āt* dari segi *ḥadhaf alif* dan *hamzah*, mahir bacaan *saktah* pada *alif lām ta'rīf*, mahir bacaan *saktah* pada *shay*, mahir bacaan *saktah* pada *al-Mafṣūl*, menguasai bacaan *naql* ketika *waqf*, menguasai bacaan *ṣilah mīm jam'*, mahir bacaan *ibdāl*, mahir bacaan *tashīl*, dapat menguasai ilmu *qirā'āt* dengan kaedah yang diajar oleh guru, yakin dengan kemampuan dalam pengajian *qirā'āt*, keperibadian unggul oleh imam *al-Qurrā'* menambahkan minat mendalami dan mengkaji ilmu al-Quran dan meningkatkan takjub keagungan al-Quran dan memelihara *ḥabl min Allāh* dan *ḥabl min al-Nās*. Namun begitu, pensyarah

kurang bersetuju terhadap aspek hafazan *matan-matan* Qirā'āt al-Shāṭibī dengan baik, aspek penguasaan teori *matan al-Shāṭibī*, aspek penguasaan bacaan *uṣūl qirā'āt* dan *farsh ḥurūf*, aspek bacaan ayat-ayat al-Quran mengikut *Qirā'āt* Tujuh, aspek kemampuan membaca *farsh ḥurūf* dalam surah al-Baqarah sehingga surah al-Taubah, aspek penguasaan bacaan *ishmām al-Ṣād* seperti *al-Zāy*, aspek kemahiran bacaan *rawm*, aspek kemampuan menerangkan kaedah-kaedah bacaan *Qirā'āt* Tujuh kepada masyarakat dan aspek kemampuan membaca al-Quran dengan pelbagai kaedah bacaan *qirā'āt*.

Hasil dapatan terhadap penilaian pencapaian *qirā'āt* daripada perspektif pensyarah secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pensyarah berpuas hati dengan pencapaian *qirā'āt* para pelajar yang hampir memenuhi hasil pembelajaran kurikulum *qirā'āt*.

Walau bagaimanapun pensyarah berpendapat terdapat beberapa item yang masih belum berjaya dicapai dengan sempurna seperti item menghafaz *matan-matan* Qirā'āt Shāṭibī dengan baik, menguasai teori *matan al-Shāṭibī*, menguasai bacaan *uṣūl qirā'āt* dan *farsh ḥurūf*, boleh membaca ayat-ayat al-Quran mengikut Qirā'āt Sab'ah, mampu membaca *farsh ḥurūf* di dalam surah al-Baqarah sehingga surah al-Taubah, menguasai bacaan *ishmām al-Ṣād* seperti *al-Zāy*, mahir bacaan *rawm*, mampu menerangkan kaedah-kaedah bacaan *Qirā'āt* Tujuh kepada masyarakat dan mampu membaca al-Quran dengan pelbagai kaedah bacaan *qirā'āt*. Ini dibuktikan dengan kelapan-lapan item ini mencatatkan interpretasi min sederhana tinggi.

4.6.1(a) Penilaian Hasil Pembelajaran *Qirā'āt* Dari Perspektif Pelajar

Min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min bagi penilaian pencapaian *qirā'āt* bagi persepsi pelajar ditunjukkan dalam jadual 4.47. Min keseluruhan item penilaian hasil pembelajaran ialah 3.57 dan sisihan piawai 0.89 berada pada tahap sederhana tinggi.

Dapatan kajian menunjukkan satu item berada di tahap tinggi iaitu item meningkatkan takjub keagungan al-Quran dan memelihara *ḥabl min Allāh* dan *ḥabl min al-Nās* (min=4.08, sp=0.86) dengan responden sangat setuju 36.0% dan setuju 41.2%.

Jadual 4.47. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Interpretasi Min Hasil Pembelajaran dari Persepsi Pelajar

Penguasaan Pelajar	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Memahami asas kaedah Qirā'āt Sab'ah	1 0.7%	6 4.4%	30 22.1%	66 48.5%	33 24.3%	3.91	0.83	Sederhana Tinggi
Mahir membezakan bacaan <i>uṣūl qirā'āt</i> dengan <i>farsh ḥurūf</i>	1 0.7%	11 8.1%	40 29.4%	63 46.3%	21 15.4%	3.67	0.85	Sederhana Tinggi
Menguasai istilah-istilah penting dalam pengajian <i>qirā'āt</i>	3 2.2%	6 4.4%	41 30.1%	63 46.3%	23 16.9%	3.71	0.87	Sederhana Tinggi
Menghafaz <i>matan-matan</i> Qirā'āt al-Shātibī dengan baik	9 6.6%	12 8.8%	55 40.4%	54 39.7%	6 4.4%	3.26	0.92	Sederhana Tinggi
Menguasai teori <i>matan</i> al-Shātibī	17 12.5%	23 16.9%	57 41.9%	37 27.2%	2 1.5%	2.88	0.99	Sederhana Rendah
Menguasai bacaan <i>uṣūl qirā'āt</i> dan <i>farsh ḥurūf</i>	11 8.1%	14 10.3%	56 41.2%	48 35.3%	7 5.1%	3.19	0.97	Sederhana Tinggi
Boleh membaca ayat-ayat al-Quran mengikut <i>Qirā'āt</i> Tujuh	4 2.9%	13 9.6%	54 39.7%	55 40.4%	10 7.4%	3.39	0.87	Sederhana Tinggi
Mampu membaca <i>farsh ḥurūf</i> di dalam surah al-Baqarah sehingga surah al-Taubah	9 6.6%	25 18.4%	67 49.3%	31 22.8%	4 2.9%	2.97	0.89	Sederhana Rendah
Mahir menyebut bacaan <i>qirā'āt</i> dari segi <i>ḥadhaf alif</i> dan <i>hamzah</i>	5 3.7%	15 11.0%	51 37.5%	52 38.2%	13 9.6%	3.38	0.93	Sederhana Tinggi
Menguasai bacaan <i>ishmām al-Ṣad</i> seperti <i>al-Zāy</i>	9 6.6%	12 8.8%	41 30.1%	54 39.7%	20 14.7%	3.47	1.06	Sederhana Tinggi
Mahir kadar <i>ḥarakah</i> mad al-Munfaṣil dan mad al-Muttaṣil	3 2.2%	8 5.9%	38 27.9%	63 46.3%	24 17.6%	3.71	0.90	Sederhana Tinggi
Mahir bacaan <i>saktah</i> pada <i>alif lām ta'rīf</i>	4 2.9%	8 5.9%	37 27.2%	64 47.1%	23 16.9%	3.69	0.92	Sederhana Tinggi
Mahir bacaan <i>saktah</i> pada <i>shay</i>	5 3.7%	8 5.9%	38 27.9%	61 44.9%	24 17.6%	3.66	0.95	Sederhana Tinggi
Mahir bacaan <i>saktah</i> pada <i>al-Mafṣūl</i>	6 4.4%	2 1.5%	41 30.1%	65 47.8%	22 16.2%	3.69	0.91	Sederhana Tinggi

Jadual 4.47. Sambungan

Menguasai bacaan <i>naql ketika waqf</i>	4	5	40	63	24	3.72	0.90	Sederhana Tinggi
	2.9%	3.7%	29.4%	46.3%	17.6%			
Menguasai bacaan <i>ṣilah mīm jam'</i>	2	5	29	71	29	3.88	0.83	Sederhana Tinggi
	1.5%	3.7%	21.3%	52.2%	21.3%			
Mahir bacaan <i>ibdāl</i>	3	6	33	67	27	3.80	0.88	Sederhana Tinggi
	2.2%	4.4%	24.3%	49.3%	19.9%			
Mahir bacaan <i>tashīl</i>	2	6	36	68	24	3.77	0.84	Sederhana Tinggi
	1.5%	4.4%	26.5%	50.0%	17.6%			
Mahir bacaan <i>rawm</i>	2	9	35	68	22	3.72	0.86	Sederhana Tinggi
	1.5%	6.6%	25.7%	50.0%	16.2%			
Mampu menerangkan kaedah-kaedah bacaan <i>Qirā'āt</i> Tujuh kepada masyarakat	2	15	56	54	9	3.38	0.82	Sederhana Tinggi
	1.5%	11.0%	41.2%	39.7%	6.6%			
Dapat menguasai ilmu <i>Qirā'āt</i> dengan kaedah yang diajar oleh guru	1	12	52	58	13	3.51	0.81	Sederhana Tinggi
	0.7%	8.8%	38.2%	42.6%	9.6%			
Mampu membaca al-Quran dengan pelbagai kaedah bacaan <i>qirā'āt</i>	5	12	59	48	12	3.36	0.90	Sederhana Tinggi
	3.7%	8.8%	43.4%	35.3%	8.8%			
Yakin dengan kemampuan dalam pengajian <i>qirā'āt</i>	5	10	51	53	17	3.49	0.93	Sederhana Tinggi
	3.7%	7.4%	37.5%	39.0%	12.5%			
Keperibadian unggul oleh imam <i>al-Qurrā'</i> menambahkan minat mendalami dan mengkaji ilmu al-Quran	1	8	23	65	39	3.97	0.87	Sederhana Tinggi
	0.7%	5.9%	16.9%	47.8%	28.7%			
Meningkatkan takjub keagungan al-Quran dan memelihara <i>ḥabl min Allāh</i> dan <i>ḥabl min al-Nās</i>	2	2	27	56	49	4.08	0.86	Tinggi
	1.5%	1.5%	19.9%	41.2%	36.0%			
Min Keseluruhan						3.57	0.89	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Manakala terdapat dua puluh dua item sederhana tinggi iaitu item memahami asas kaedah *Qirā'āt Sab'ah* (min=3.91, sp=0.83) dengan responden sangat setuju 24.3% dan setuju 48.5%, item mahir membezakan bacaan *uṣūl qirā'āt* dengan *farsh ḥurūf*, (min=3.67, sp=0.85) dengan responden sangat setuju 15.4% dan setuju 46.3%, item menguasai istilah-istilah penting dalam pengajian *qirā'āt* (min=3.71, sp=0.87) dengan

responden sangat setuju 16.9% dan setuju 46.3%, item menghafaz *matan-matan* Qirā'āt Shāṭibī dengan baik (min=3.26, sp=0.92) dengan responden sangat setuju 4.4% dan setuju 39.7%, item menguasai bacaan *uṣūl qirā'āt* dan *farsh ḥurūf*, (min= 3.19, sp=0.97) dengan responden sangat setuju 5.1% dan setuju 35.3%, item boleh membaca ayat-ayat al-Quran mengikut *Qirā'āt* Tujuh (min=3.39, sp=0.87) dengan responden sangat setuju 7.4% dan setuju 40.4%, item mahir menyebut bacaan *qirā'āt* dari segi *ḥadhaf alif* dan *hamzah* (min=3.38, sp=0.93) dengan peratus responden sangat setuju 9.6% dan setuju 38.2%, item menguasai bacaan *ishmām al-Ṣād* seperti *al-Zāy* (min=3.47, sp=1.06) dengan peratus responden sangat setuju 14.7% dan setuju 39.7%, item mahir kadar *ḥarakah* mad al-Munfaṣil dan mad al-Muttaṣil (min=3.71, sp=0.90) dengan peratus responden sangat setuju 17.6% dan setuju 46.3%, item mahir bacaan *saktah* pada *alif lām ta'rīf* (min=3.69, sp=0.92) dengan responden sangat setuju 16.9% dan setuju 47.1%, item mahir bacaan *saktah* pada *shay* (min=3.66, sp=0.95) dengan responden sangat setuju 17.6% dan setuju 44.9%, item mahir bacaan *saktah* pada *al-Maḥṣūl* (min=3.69, sp=0.91) dengan responden sangat setuju 16.2% dan setuju 47.8%, item menguasai bacaan *naql* ketika *waqf* (min=3.72, sp=0.90) dengan responden sangat setuju 17.6% dan setuju 46.3%, item menguasai bacaan *ṣilah mīm jam'* (min=3.88, sp=0.83) dengan peratus responden sangat setuju 21.3% dan setuju 52.2%, item mahir bacaan *ibdāl* (min=3.80, sp=0.88) dengan peratus responden sangat setuju 19.9% dan setuju 49.3%, item mahir bacaan *tashīl* (min=3.77, sp=0.84) dengan responden sangat setuju 17.6% dan setuju 50.0%, item mahir bacaan *rawm* (min=3.72, sp=0.86) dengan peratus responden sangat setuju 16.2% dan setuju 50.0%, item mampu menerangkan kaedah-kaedah bacaan *Qirā'āt* Sab'ah kepada masyarakat (min=3.38, sp=0.82) dengan peratus responden sangat setuju 6.6% dan setuju 39.7%, item dapat menguasai ilmu *qirā'āt* dengan kaedah yang diajar oleh guru (min=3.51, sp=0.81) dengan responden sangat setuju 9.6% dan setuju 42.6%, item mampu membaca al-Quran dengan pelbagai

kaedah bacaan *qirā'āt* (min=3.36, sp=0.90) dengan responden sangat setuju 8.8% dan setuju 35.3%, item yakin dengan kemampuan dalam pengajian *qirā'āt* (min=3.49, sp=0.93) dengan peratus responden sangat setuju 12.5% dan setuju 39.0% dan item keperibadian unggul oleh imam *al-Qurrā'* menambahkan minat mendalami dan mengkaji ilmu al-Quran (min=3.97, sp=0.87) dengan responden sangat setuju 28.7% dan setuju 47.8%.

Terdapat dua item sederhana rendah iaitu item menguasai teori *matan* al-Shāṭibī (min=2.88, sp=0.99) dengan responden sangat setuju 1.5% dan setuju 27.2% dan item mampu membaca *farsh ḥurūf* di dalam surah al-Baqarah sehingga surah al-Taubah (min=2.97, sp=0.89) dengan responden sangat setuju 2.9% dan setuju 22.8%.

Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar amat bersetuju dengan hasil pembelajaran untuk meningkatkan takjub keagungan al-Quran dan memelihara *ḥabl min Allāh* dan *ḥabl min al-Nās* tetapi pelajar kurang bersetuju dengan aspek pencapaian *qirā'āt* memahami asas kaedah *Qirā'āt Sab'ah*, aspek mahir membezakan bacaan *uṣūl qirā'āt* dengan *farsh ḥurūf*, aspek penguasaan istilah-istilah penting dalam pengajian *qirā'āt*, aspek hafazan *matan-matan* *Qirā'āt Shāṭibī* dengan baik, aspek penguasaan bacaan *uṣūl qirā'āt* dan *farsh ḥurūf*, aspek kebolehan membaca ayat-ayat al-Quran mengikut *Qirā'āt* Tujuh, aspek kemahiran menyebut bacaan *qirā'āt* dari segi *ḥadhaf alif* dan *hamzah*, aspek penguasaan bacaan *ishmām al-Ṣād* seperti *al-Zāy*, aspek kemahiran kadar *ḥarakah* mad al-Munfaṣil dan mad al-Muttaṣil, aspek kemahiran bacaan *saktah* pada *alif lām ta'rīf*, aspek kemahiran bacaan *saktah* pada *shay*, aspek kemahiran bacaan *saktah* pada *al-Mafṣūl*, aspek penguasaan bacaan *naql* ketika *waqf*, aspek penguasaan bacaan *ṣilah mīm jam'*, aspek kemahiran bacaan *ibdāl*, aspek kemahiran bacaan *tashīl*, aspek kemahiran bacaan *rawm*, aspek kemampuan menerangkan kaedah-kaedah bacaan *Qirā'āt Sab'ah* kepada masyarakat, aspek dapat menguasai ilmu *qirā'āt* dengan kaedah yang diajar oleh guru, aspek kemampuan

membaca al-Quran dengan pelbagai kaedah bacaan *qirā'āt*, aspek yakin dengan kemampuan dalam pengajian *qirā'āt* dan aspek keperibadian unggul oleh imam *al-Qurrā'* menambahkan minat mendalami dan mengkaji ilmu al-Quran. Bahkan pelajar juga tidak mahir dalam aspek penguasaan teori matan al-Shāṭibī dan aspek kemampuan membaca *farsh ḥurūf* di dalam surah al-Baqarah sehingga surah al-Taubah.

Manakala hasil dapatan terhadap penilaian pencapaian *qirā'āt* daripada perspektif pelajar pula menunjukkan secara keseluruhannya pelajar kurang berpuas hati dengan penguasaan *qirā'āt* mereka.

Bahkan mereka juga amat tidak berpuas hati dengan aspek kemampuan membaca *farsh ḥurūf* di dalam surah al-Baqarah sehingga surah al-Taubah tetapi mereka amat berpuas hati bahawa penguasaan *qirā'āt* ini dapat meningkatkan takjub keagungan al-Quran dan memelihara *ḥabl min Allāh* dan *ḥabl min al-Nās*. Ini menunjukkan pelajar berpendapat bahawa pencapaian *qirā'āt* mereka masih berada di tahap sederhana dan memerlukan kepada peningkatan dan penambahbaikan.

4.6.1(b) Temu Bual Pensyarah Terhadap Penilaian Dalam Pencapaian *Qirā'āt*

Data temu bual menunjukkan lima belas orang pensyarah menunjukkan amat berpuas hati dengan penguasaan *qirā'āt* pelajar dalam memahami *manhaj-manhaj* bacaan imam berbanding dengan tiga orang pensyarah yang kurang bersetuju. Walau bagaimanapun semua pensyarah amat bersetuju bahawa pelajar kurang mahir dan kurang ingat *dalīl-dalīl matan qirā'āt*. Ini disokong dengan hasil keputusan ujian *shafawī qirā'āt* seperti jadual 4.48 di bawah.

4.6.2 Pencapaian Ujian *Shafawī Qirā'āt* Pelajar

Min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min bagi pencapaian Ujian *Shafawī Qirā'āt* ditunjukkan dalam jadual 4.48. Min keseluruhan item penilaian dari persepsi pelajar ialah 2.72 dan sisihan piawai 1.56 berada pada tahap sederhana rendah.

Dapatan kajian pencapaian ujian *shafawī qirā'āt* menunjukkan terdapat satu item sederhana tinggi iaitu item bacaan *qirā'āt* (min=3.33, sp=1.67) dengan responden

mendapat cemerlang 48.5% dan 0% baik, manakala satu item sederhana rendah iaitu item ujian *shafawī qirā'āt* (min=2.86, sp=1.65) dengan responden yang mendapat cemerlang 29.4% dan baik 7.4%. Satu item lagi berada di tahap rendah iaitu item bacaan *dalīl-dalīl matan* (min=1.98, sp=1.36) dengan responden yang mendapat cemerlang 11.8% dan baik 2.9%.

Jadual 4.48. Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Keputusan Ujian Shafawī Qirā'āt

Ujian Syafawi Qirā'āt	SL	L	S	B	C	Min	S.P	Interpretasi
Ujian <i>Shafawī Qirā'āt</i>	23	8	12	5	20	2.86	1.65	Sederhana Rendah
	33.8%	11.8%	17.8%	7.4%	29.4%			
Bacaan <i>Dalīl-dalīl matan</i>	37	13	8	2	8	1.98	1.36	Rendah
	54.4%	19.1%	11.8%	2.9%	11.8%			
Bacaan <i>Qirā'āt</i>	10	23	2	0	33	3.33	1.67	Sederhana Tinggi
	14.7%	33.8%	2.9%	0%	48.5%			
Min Keseluruhan						2.72	1.56	Sederhana Rendah

Sumber: Soal Selidik, 10 Januari-15 April 2014

Keseluruhannya, dapatan menunjukkan hasil penilaian pencapaian kurikulum *qirā'āt* kalangan pelajar dari persepsi pensyarah menunjukkan berada pada tahap tinggi berbanding dengan persepsi pelajar di tahap sederhana tinggi. Ini disokong dengan hasil pencapaian keputusan ujian *shafawī qirā'āt* menunjukkan keputusan yang kurang memuaskan iaitu di tahap sederhana rendah, ditambah dengan bacaan *dalīl-dalīl matan qirā'āt* menunjukkan pelajar kurang mahir menguasainya tetapi pelajar masih menguasai bacaan *Qirā'āt Sab'ah* mengikut imam-imam dan *rāwī* walaupun di tahap sederhana tinggi. Dapatan ini menunjukkan pelajar yang mengikuti kurikulum *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali* dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM mempunyai tahap kefahaman yang tinggi, walau bagaimanapun terdapat beberapa item yang berada di tahap rendah dan perlu diperbaiki iaitu item penguasaan teori dan *matan-matan Qirā'āt Sab'ah*.

4.7 PENUTUP

Bab ini telah membincangkan secara terperinci dapatan kajian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ. Dapatan kajian telah dibentangkan dengan mengemukakan pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* yang terdiri daripada seratus tiga puluh enam responden pelajar dan empat puluh enam responden pensyarah daripada DQ dan sembilan buah Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia.

Bagi aspek penilaian KQ yang merangkumi aspek keperluan, matlamat, objektif KQ, kesesuaian KQ, hasil pembelajaran dan penilaian sendiri pensyarah dan penilaian sendiri pelajar yang menunjukkan bahawa kerelevanan KQ daripada persepsi pensyarah berada di tahap yang tinggi dalam kesemua aspek tetapi hasil pembelajaran berada di tahap kurang memuaskan apabila digandingkan dengan objektif kurikulum KQ.

Begitu juga dengan penilaian sendiri pensyarah dan pelajar terdapat sedikit perbezaan anantara kedua-duanya, apabila pensyarah sangat berpuas hati sebagai pelaksana dalam silibus KQ tetapi kurang menekankan kepentingan hafazan semua *matan* *Qirā'āt al-Shāṭibī* dengan baik berbanding dengan pelajar yang merasa agak sukar menguasai KQ ditambah dengan masalah sikap malu dan berasa rendah diri dengan tahap kemampuan masing-masing.

Manakala penilaian kandungan KQ pula yang merangkumi kandungan kurikulum, peruntukan masa, dan kemudahan ABM serta BBM daripada perspektif pensyarah dan pelajar menunjukkan kesemua responden kurang bersetuju dengan elemen peruntukan masa serta kemudahan ABM serta BBM di dalam kandungan KQ berbanding dengan kandungan silibus KQ hanya para pensyarah yang amat bersetuju.

Aspek penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* pula menunjukkan semua responden pensyarah dan pelajar amat berpuas hati dengan kaedah p&p *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali* yang dilaksanakan dalam sesi pengajian berbanding dengan aspek aktiviti p&p *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali*, responden pensyarah sahaja yang amat

berpuas hati berbanding dengan pelajar yang mengakui kurang bersetuju tetapi dalam aspek kekerapan penggunaan ABM menunjukkan kedua-dua kumpulan responden kurang bersetuju.

Manakala penilaian pencapaian *qirā'āt* pula merangkumi hasil pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* daripada perspektif pensyarah berada di tahap yang tinggi berbanding dengan pelajar berada di tahap sederhana tinggi, ini disokong dengan pencapaian ujian *shafawī qirā'āt* pelajar berada di tahap sederhana rendah. Ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa item dalam hasil p&p KQ yang perlu kepada perhatian dan penambahbaikan kerana berada di tahap yang kurang memuaskan.

BAB V

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan kesimpulan serta rumusan keseluruhan hasil kajian ini. Kesimpulan ini akan dilakukan dalam tiga bahagian iaitu ringkasan kajian yang merangkumi metodologi, pemilihan sampel dan lokasi kajian dalam bahagian pertama. Manakala kesimpulan dan rumusan hasil kajian yang diadaptasi berdasarkan elemen utama Model Penilaian CIPP iaitu konteks, input, proses dan produk tetapi telah diubahsuaikan mengikut objektif kajian iaitu penilaian kurikulum, penilaian kandungan kurikulum, penilaian pelaksanaan kurikulum dan penilaian pencapaian kurikulum dalam bahagian kedua. Bahagian ketiga pula ialah implikasi kajian yang mengemukakan implikasi dapatan kajian ini terhadap kurikulum *qirā'āt* di Malaysia. Pada akhir bab ini juga, pengkaji mengemukakan cadangan-cadangan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, pihak pentadbir DQ dan MTQ, pelaksana kurikulum *qirā'āt* dan penyelidikan lanjutan.

5.2 RINGKASAN KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisa penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* yang dijalankan untuk menilai pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM yang dilaksanakan di Darul Quran (DQ) dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran (MTQ) di Malaysia. Kajian ini adalah bersifat deskriptif.

Pengajian *qirā'āt* merupakan salah satu mata pelajaran teras di dalam *bidang* shu'bah *qirā'āt* yang wajib diikuti oleh semua pelajar dalam program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM. Penilaian yang dibuat berdasarkan Model Penilaian CIPP yang dikemukakan oleh Stufflebeam tetapi tidak secara sepenuhnya dan telah diubahsuai mengikut kesesuaian kurikulum *qirā'āt* dan objektif kajian ini.

Selain daripada itu, objektif kajian penilaian ini dibuat untuk menilai gambaran sebenar kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* yang dilaksanakan di Darul Quran, JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia secara ilmiah. Secara terperinci kajian penilaian kurikulum *qirā'āt* ini dibuat dengan tujuan menilai pelaksanaannya di DQ dan MTQ dalam empat aspek utama iaitu:

- i. Untuk mengenalpasti kerelevanan kurikulum *qirā'āt* di Darul Quran dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran yang merangkumi keperluan kurikulum *qirā'āt*, matlamat kurikulum *qirā'āt*, objektif kurikulum *qirā'āt*, kesesuaian kurikulum *qirā'āt*, hasil pembelajaran kurikulum *qirā'āt* dan penilaian sendiri.
- ii. Untuk menilai kandungan kurikulum *qirā'āt* di Darul Quran dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran yang merangkumi kandungan silibus kurikulum Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali, peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan alat bantu mengajar.
- iii. Untuk menganalisis pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* yang dilaksanakan di Darul Quran dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran merangkumi kaedah, aktiviti dan kekerapan penggunaan ABM di dalam p&p Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali.
- iv. Untuk menilai pencapaian *qirā'āt* kalangan para pelajar Darul Quran dan Ma'ahad-ma'ahad Tahfiz al-Quran merangkumi pencapaian hasil pembelajaran dan pengajaran dan ujian *shafawī qirā'āt*.

Satu proses *triangulation of method* digunakan dalam kajian ini dengan kombinasi antara kajian kuantitatif dan kualitatif untuk meninggikan kesahan sesuatu kajian. Hasil dapatan daripada data-data kuantitatif dapat dilihat dengan lebih jelas menerusi hasil dapatan data-data kualitatif yang digabungkan dalam kajian ini. Secara tidak langsung menghasilkan gambaran keseluruhan bagi masalah yang dikaji dengan lebih kukuh dan mendalam. Data kuantitatif diperolehi dari soal selidik A yang diedarkan kepada pensyarah dan soal selidik B yang diedarkan kepada pelajar serta ujian *shafawī qirā'āt*.

Data kualitatif pula diperolehi menerusi pemerhatian dan temu bual yang dijalankan. Penyelidik telah membina sendiri keempat-empat instrumen berdasarkan kajian-kajian lepas, tinjauan literatur, pandangan pakar yang telah dilantik dan persetujuan penyelia. Kesemua instrumen ini juga telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan yang diperolehi bagi menjawab persoalan kajian.

Kajian ini dijalankan di Darul Quran JAKIM dan semua Ma'ahad Tahfiz al-Quran di seluruh Malaysia yang melaksanakan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM. Ini menjadikan penyelidik memilih sepuluh buah institusi tahfiz yang terlibat dalam kajian ini.

Pelajar shu'bah qirā'āt dan pensyarah *qirā'āt* di DQ dan MTQ dalam program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM merupakan dua kumpulan responden yang terlibat dalam kajian ini. Seramai 46 orang pensyarah yang terlibat dalam kajian soal selidik. Manakala hanya 18 orang daripada 46 responden pensyarah dipilih dalam temu bual dan seramai tiga orang pensyarah terlibat dalam pemerhatian. Manakala responden pelajar yang terlibat dalam kajian ini seramai 136 orang pelajar shu'bah qirā'āt di DQ dan MTQ. Mereka dikehendaki menjawab semua soalan soal selidik B yang diedarkan kepada mereka. Seramai 68 orang pelajar telah menjawab ujian *shafawī qirā'āt* dan 23 orang pelajar dipilih dalam temu bual. Di samping itu juga tiga sesi pemerhatian dalam kelas dilakukan.

Bagi responden pelajar, pemilihan bilangan sampel kajian dibuat adalah berdasarkan perkiraan persampelan oleh Krejcie dan Morgan (1971) dan berdasarkan kepada teknik persampelan *proportionate stratified random sampling*. Berdasarkan pemilihan bilangan sampel kajian pensyarah, mengikut perkiraan persampelan oleh Krejcie dan Morgan (1971) seramai 40 orang responden dipilih, namun oleh kerana jumlah pensyarah hanya seramai 46 orang, penyelidik telah memilih semua pensyarah yang terlibat dengan p&p kurikulum Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali. Penyelidik juga

telah memilih bilangan sampel untuk ujian *shafawī qirā'āt*, temu bual dan pemerhatian adalah berdasarkan persampelan bertujuan yang mana sampel dipilih berdasarkan pengalaman mereka dan bersedia untuk menjadi sampel dalam kajian ini.

Data-data kajian yang diperolehi dalam dua bentuk iaitu pertama data kuantitatif yang terdiri daripada data soal selidik pensyarah dan pelajar serta ujian *shafawī qirā'āt* dianalisis menggunakan pakej statistik untuk sains sosial (*Statistical Package for Social Sciences*) untuk memperoleh peratusan, min dan sisihan piawai. Manakala bentuk kedua ialah data kualitatif yang diperolehi melalui pemerhatian dan temu bual diperlukan untuk menyokong dan memperincikan data kuantitatif dalam penilaian proses pelaksanaan yang merangkumi tiga elemen penting iaitu kaedah, aktiviti dan kekerapan penggunaan yang dijalankan dalam Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali dalam menilai pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ.

5.3 KESIMPULAN DAN RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kesimpulan hasil dapatan kajian penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* dibincangkan dengan berpandukan empat komponen utama objektif kajian iaitu:

- i. Penilaian kurikulum *qirā'āt*.
- ii. Ppenilaian kandungan kurikulum *qirā'āt*.
- iii. Ppenilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt*.
- iv. Penilaian pencapaian kurikulum *qirā'āt*.

5.3.1 PENILAIAN KURIKULUM *QIRĀ'ĀT*

Perbincangan dapatan kajian penilaian kerelevanan kurikulum *qirā'āt* meliputi daripada tiga elemen penting iaitu elemen penilaian kerelevanan KQ yang merangkumi lima unsur daripada perspektif pensyarah iaitu keperluan kurikulum *qirā'āt*, matlamat, objektif, kesesuaian kurikulum *qirā'āt* serta hasil pembelajaran di DQ dan MTQ, elemen penilaian sendiri pensyarah dan elemen penilaian sendiri pelajar terhadap kurikulum *qirā'āt*.

Dapatan keseluruhan penilaian kurikulum *qirā'āt* menunjukkan min keseluruhan penilaian kerelevanan KQ berada pada tahap tinggi (min= 4.40, sp=0.65) bagi persepsi pensyarah, min interpretasi penilaian sendiri pensyarah juga berada di tahap tinggi iaitu (min=4.34, sp=0.65). Manakala penilaian sendiri pelajar pula berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.04, sp=0.85) dan persepsi pelajar terhadap tahap penguasaan kurikulum *qirā'āt* pada tahap sederhana rendah (min=2.57, sp=0.74).

Ini menunjukkan bahawa penilaian kurikulum *qirā'āt* yang dilaksanakan di DQ dan MTQ di Malaysia, di bawah pentadbiran JAKIM sangat memenuhi dan menepati dalam aspek kerelevanan yang merangkumi elemen keperluan, matlamat, objektif, kesesuaian dan hasil pembelajaran kurikulum *qirā'āt*. Namun hasil pembelajaran *qirā'āt* perlu selari dengan objektif kurikulum *qirā'āt*.

Begitu juga dengan persepsi penilaian yang dibuat terhadap pensyarah menunjukkan mereka mempunyai kebolehan dan kemahiran menguasai kurikulum *qirā'āt* dengan amat baik, tetapi tidak disokong kerana pelajar mempunyai persepsi negatif terhadap penguasaan *qirā'āt* mereka yang berada di tahap yang tidak memuaskan. Ini menunjukkan perlu ada penambahbaikan dari aspek hasil pembelajaran dan objektif kurikulum *qirā'āt*.

5.3.1 (a) Kerelevanan Kurikulum *Qirā'āt*

Kerelevanan KQ diukur dalam lima elemen utama iaitu keperluan kurikulum *qirā'āt*, matlamat, objektif, kesesuaian kurikulum *qirā'āt* serta hasil pembelajaran di DQ dan MTQ. Dapatan keseluruhan bagi kelima-lima elemen ini menunjukkan min keseluruhan berada pada tahap tinggi iaitu (min= 4.40, sp=0.65) dari persepsi pensyarah. Ini menunjukkan secara umumnya, kurikulum *qirā'āt* DQ dan MTQ memenuhi keperluan, matlamat, objektif, kesesuaian pendidikan dan hasil pembelajaran.

Kurikulum *qirā'āt* menepati sepenuhnya keperluan *qirā'āt* di Malaysia dan telah memenuhi keperluan *qirā'āt* di Malaysia dalam aspek menyempurnakan tuntutan fardhu

kifayah, menjamin kemutawatiran al-Quran, menghalang penyelewengan dan perubahan al-Quran, tahu rukun-rukun *qirā'āt* yang dapat diterima kesahihannya mesti bertepatan dengan salah satu rukun iaitu bertepatan dengan *maṣḥaf* rasm 'uthmānī, *wajh* bahasa Arab dan mempunyai *sanad* yang *ṣahīh*. Bahkan keperluan pendidikan *qirā'āt* juga dinyatakan dalam kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM.

Keperluan merupakan satu syarat terpenting dalam pembinaan dan pelaksanaan kurikulum dalam meningkatkan keberkesanan sesuatu program sehingga ke tahap yang berkualiti. Ini dapat dibuktikan dengan keperluan pendidikan di Malaysia memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan kurikulum pendidikan untuk melahirkan insan yang mempunyai kualiti yang seimbang dari segi pemilikan ilmu dan sahsiah sebagaimana dalam Falsafah Pendidikan Negara.⁴⁷⁹

Dalam elemen matlamat, kurikulum *qirā'āt* bertujuan untuk membentuk jiwa mencintai al-Quran, peningkatan ilmu dan iman, mengetahui terdapat hubung kaitnya dengan hukum-hukum fiqh, dapat membentuk akhlak, membantu dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran dengan bacaan *qirā'āt* pelbagai, membentuk jiwa yang komited dan prihatin dengan al-Quran sama ada daripada aspek spiritual dan dakwah dan mengetahui matlamat pendidikan *qirā'āt* dengan jelas kerana dinyatakan dalam kurikulum pendidikan *qirā'āt*. Dapatan ini menyokong pernyataan Sufean Hussin⁴⁸⁰ bahawa strategi perancangan kurikulum dan pelaksanaannya harus jelas supaya matlamat dapat dicapai dengan jelas. Oleh yang demikian kurikulum pengajaran *qirā'āt* perlu mampu untuk merealisasikan *qirā'āt* sebagai satu kemahiran bacaan al-Quran dengan pelbagai *qirā'āt*. Ini merupakan satu asas penting dalam pembinaan kurikulum *qirā'āt*.

Manakala objektif kurikulum *qirā'āt* telah menggariskan dan memfokuskan kepada keperluan kepentingan membaca al-Quran dengan sebutan yang betul melalui *talaqqī* dan *mushāfahah*, mengetahui bacaan imam-imam dan perawi-perawi *qirā'āt*,

⁴⁷⁹Ishak Ramly. Inilah Kurikulum Sekolah. (2003, cet.ke-3, Batu Caves: PTS Professional, 2008), 7-9.

⁴⁸⁰Sufean Hussin, Pendidikan di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah. Ed.ke-2, (2004, cet.ke-2, Kuala Lumpur: DBP, 2008), 556

menunjukkan keagungan al-Quran sebagai sebuah kitab perundangan syariat. Bahkan pensyarah sebagai pelaksana juga sangat memahami dan mengetahui dengan jelas objektif kurikulum *qirā'āt* kerana ia dinyatakan dalam kurikulum *qirā'āt* DQ dan MTQ.

Dapatan analisis kajian juga menunjukkan bahawa kesesuaian kurikulum *qirā'āt* yang dilaksanakan dalam program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, (JAKIM) sangat diterima dan dipersetujui oleh pensyarah. Oleh yang demikian falsafah program ini telah termaktub dalam Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM yang menggariskan bahawa untuk melahirkan pelajar bertakwa, berilmu dan bermanfaat kepada ummah, *Huffāz* yang mahir dalam pembacaan dan pengajian ilmu al-Quran dan ilmu *qirā'āt*, *Huffāz* dan *al-Qurrā'* yang berketrampilan, Pendakwah yang mahir dan bersesuaian dengan keperluan ummah, Imam yang bertauliah dan professional melalui ilmu-ilmu al-Quran, Pendidik yang bertauliah dan profesional melalui ilmu-ilmu al-Quran, *Huffāz* yang mahir dalam penguasaan bidang *qirā'āt*, *Huffaz* yang memahami tentang ilmu *qirā'āt* secara ilmi dan amali, *Huffaz* yang berkebolehan di dalam *Qirā'āt Sab'ah*.

Selain daripada itu juga, pensyarah amat berpuas hati dengan hasil pembelajaran yang telah dinyatakan dalam kurikulum *qirā'āt* tetapi kurang bersetuju dengan keselarian antara hasil pembelajaran *qirā'āt* dengan objektif kurikulum *qirā'āt*. Ini menunjukkan bahawa hasil pembelajaran dan objektif kurikulum *qirā'āt* perlu kepada pemurnian dan penambahbaikan dan dinyatakan dengan lebih jelas serta mendapat kerjasama yang baik daripada semua pihak untuk menjayakan objektif tersebut.

Kesimpulannya hasil dapatan menunjukkan bahawa kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ sangat relevan dilaksanakan di Malaysia bagi aspek keperluan, matlamat, objektif, kesesuaian dan hasil pembelajaran. Malahan pensyarah sangat berpuas hati dan amat bersetuju dengan semua item-item tersebut yang berada di tahap interpretasi min

tinggi tetapi penerimaan sebagai pelaksana kurikulum *qirā'āt* terhadap keseimbangan objektif dan hasil pembelajaran perlu diperinci dan dimurnikan. Ini jelas dapat dilihat pada item tersebut yang mendapat interpretasi min sederhana tinggi (min=3.86, sp=0.97).

Bahkan hasil dapatan terhadap penilaian kerelevanan kurikulum *qirā'āt* juga menunjukkan bahawa kurikulum *qirā'āt* bagi Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM sangat bertepatan dengan kurikulum *qirā'āt* di Malaysia, cuma perlu dimurnikan dalam aspek keseimbangan antara objektif dan hasil pembelajaran agar lebih tersusun dan terperinci serta dinyatakan dengan lebih jelas dalam kurikulum kalangan pelaksana kurikulum di DQ dan MTQ.

5.3.1 (b) Penilaian Kendiri Pensyarah

Dapatan analisis secara umumnya pensyarah mempunyai penilaian sendiri pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* yang tinggi dengan min penilaian sendiri pensyarah (min=4.34, sp=0.65) berada pada interpretasi min tinggi. Dapatan ini menunjukkan secara jelas bahawa pensyarah sangat suka terlibat dalam p&p kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ serta amat menyedari akan kepentingan kurikulum *qirā'āt* penting kepada para *Huffāz* al-Quran dan bersetuju bahawa kandungan kurikulum *qirā'āt* terdiri daripada *Qirā'āt* 'Ilm dan *Qirā'āt* Amali.

Malahan kebolehan pensyarah dalam penguasaan asas-asas kaedah menurut para imam *Qirā'āt* Sab'ah berada di tahap yang amat baik. Dapatan ini juga boleh dikaitkan dengan profil guru yang menunjukkan semua pensyarah (100%) berkelulusan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, dan (95.7%) kalangan mereka yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengkhususan *qirā'āt*, di tambah dengan (76.1%) yang memiliki sanad (ijazah) bacaan al-Quran *riwāyah* *Ḥafṣ 'an Āṣim* dan terdapat juga di kalangan guru yang memiliki *sanad* (ijazah) bacaan al-Quran *riwāyah* *Ḥafṣ 'an Āṣim*

iaitu (selain *riwāyah* Ḥafṣ ‘an Āṣim iaitu (54.3%). Walau bagaimanapun, pensyarah kurang berpuas hati dengan tahap hafazan keseluruhan *matan* Qirā’āt al-Shātibī.

Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pensyarah mempunyai sikap yang positif dalam p&p kurikulum *qirā’āt* dan penguasaan *qirā’āt* yang sangat baik, ditambah dengan tahap pendidikan dan kelayakan daripada luar negara tetapi tidak meletakkan kepentingan hafazan *mutun* sebagai salah satu penguasaan yang paling penting.

5.3.1 (c) Penilaian Kendiri Pelajar

Secara umum hasil analisis dapatan penilaian kendiri pelajar terhadap p&p kurikulum *qirā’āt* di tahap sederhana tinggi. Walau bagaimanapun dapatan menunjukkan pelajar sangat meminati ilmu *qirā’āt*, sangat suka belajar Qirā’āt ‘Ilm dan Qirā’āt Amali dan sangat bersetuju dengan pendapat bahawa kurikulum *qirā’āt* sangat penting dalam bidang Tahfiz al-Quran. Namun begitu hasil dapatan juga menunjukkan pelajar mengakui kesukaran menguasai kurikulum *qirā’āt* berada di tahap interpretasi min sederhana tinggi, ini ditambah dengan item tidak malu membaca Qirā’āt Sab’ah dan item saya tidak berasa rendah diri bila membaca Qirā’āt Sab’ah berada di tahap interpretasi min sederhana rendah.

Ini disokong dengan persepsi pelajar terhadap kurikulum yang dilaksanakan dalam pendidikan *qirā’āt* terhadap penguasaan *qirā’āt*, al-Quran dan ilmu tajwid secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana rendah. Persepsi ini memberikan kesan secara langsung terhadap proses dan hasil p&p yang akan dilakukan. Dapatan dalam kajian ini menunjukkan pelajar mempunyai persepsi negatif dengan penguasaan *qirā’āt*, al-Quran dan ilmu tajwid sedangkan ketiga-tiga tersebut mempunyai hubungan yang sangat rapat. Rogers⁴⁸¹ menekankan kepentingan persepsi dan kendiri seseorang yang akan memberi kesan kepada tingkah laku seseorang. Lantaran itu persepsi pelajar harus

⁴⁸¹Ee Ah Meng. Kursus Perguruan Lepas Ijazah Ilmu Pendidikan Pengetahuan dan Ketrampilan Ikhtisas (Semester 1), (2003, cet.ke-2, Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd, 2005), 155.

dibina ke arah yang lebih positif supaya dapat meningkatkan motivasi dan minat mereka terhadap pembelajaran *qirā'āt*.

Dapatan ini menunjukkan pelajar tidak mempunyai keyakinan yang tinggi untuk menguasai bidang *qirā'āt* kerana persepsi negatif yang ditunjukkan menggambarkan sikap mereka. Ini menyokong Ee Ah Meng⁴⁸² bahawa potensi afektif atau perasaan merujuk kepada keupayaan individu untuk mengubah sikap, nilai atau mengawal perasaan. Hasil kajian dalam persepsi pelajar menunjukkan dengan jelas persepsi negatif mereka yang perlu diberi perhatian serius oleh pihak-pihak berkaitan. Oleh yang demikian potensi dalam diri pelajar hendaklah diperkembangkan melalui pendidikan yang menyediakan pelbagai peluang untuk pengembangan potensi-potensi manusia.

Kajian ini jelas menunjukkan persepsi negatif pelajar terhadap tahap penguasaan kurikulum *qirā'āt* dari aspek tahap kesukaran, ditambah lagi dengan dua sikap mereka yang berasa malu dan tidak bangga membaca *Qirā'āt Sab'ah* menjadi halangan utama untuk menguasai *qirā'āt* dan perlu diberi perhatian yang tinggi serta diperbaiki dan bagi memupuk semula semangat dan sikap mereka agar lebih menguasai dan berketrampilan dalam bidang *qirā'āt*. Ini disokong dengan pernyataan⁴⁸³ bahawa konsep sendiri negatif juga menyebabkan pelajar mempunyai aras keyakinan diri yang rendah. Pendidik memainkan peranan yang penting dalam pembentukan dan pengekalan konsep sendiri positif antaranya dengan memperbanyakkan aktiviti-aktiviti yang sesuai, latihan yang berkesan dan sebagainya.

5.3.1 (d) Rumusan Penilaian Kurikulum *Qirā'āt*

Hasil rumusan dalam penilaian kurikulum *qirā'āt* mendapati bahawa terdapat tiga perkara utama yang wujud iaitu elemen penilaian kerelevanan KQ, elemen penilaian sendiri pensyarah dan elemen penilaian sendiri pelajar dalam kurikulum *qirā'āt* adalah seperti berikut:

⁴⁸² *Ibid.*

⁴⁸³ *Ibid.*, 199-200.

- i. Kajian mendapati kurikulum *qirā'āt* adalah relevan dengan keperluan *qirā'āt* di Malaysia. Kerelevanan ini meliputi empat elemen utama iaitu keperluan kurikulum *qirā'āt*, matlamat, objektif, kesesuaian kurikulum *qirā'āt* serta hasil pembelajaran di DQ dan MTQ. Walau bagaimanapun terdapat sedikit pemurnian dan penambahbaikan dalam elemen hasil pembelajaran dengan objektif KQ agar lebih tersusun dan dikemaskinikan agar lebih berkesan kerana pensyarah kurang bersetuju dengan keselarian antara hasil pembelajaran dengan objektif KQ berbanding dengan elemen-elemen lain objektif KQ dan hasil pembelajaran *qirā'āt* dinyatakan dengan jelas dalam kurikulum *qirā'āt* berada di tahap yang tinggi.
- ii. Penilaian sendiri pensyarah terhadap kurikulum *qirā'āt* adalah memuaskan dalam aspek minat serta pengetahuan yang tinggi terhadap kurikulum *qirā'āt*, di samping dengan kemampuan dan kebolehan yang baik di dalam *Qirā'āt Sab'ah*. Walau bagaimanapun terdapat satu elemen yang berada di tahap yang kurang memuaskan iaitu aspek hafazan matan *Qirā'āt Sab'ah* yang dilihat berada di tahap sederhana tinggi.
- iii. Penilaian sendiri pelajar terhadap KQ juga adalah sederhana. Pelajar merasakan bahawa kesukaran menguasai *qirā'āt* sehingga menimbulkan sikap malu dan tidak bangga ketika membaca *Qirā'āt Sab'ah*. Walau bagaimanapun pelajar mempunyai minat yang tinggi terhadap ilmu *qirā'āt* terutama *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali*, di tambah dengan kesedaran pelajar terhadap kepentingan ilmu *qirā'āt* dalam bidang tahfiz al-Quran. Bahkan persepsi pelajar terhadap tahap penguasaan *qirā'āt* adalah tidak memuaskan.

Dapatan ini menunjukkan tahap sederhana rendah terhadap ketiga-tiga item penguasaan iaitu al-Quran, *al-Qirā'āt* dan Tajwid. Ini menunjukkan sikap dan keyakinan pelajar terhadap penguasaan *qirā'āt* perlu diberi perhatian serius.

5.3.2 PENILAIAN KANDUNGAN KURIKULUM *QIRĀ'ĀT*

Penilaian kandungan kurikulum dimulakan dengan membincangkan sukatan kandungan kurikulum *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali*, diikuti dengan peruntukan masa dan kemudahan alat bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran kurikulum *qirā'āt*.

5.3.2 (a) Kandungan Silibus Kurikulum *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali*

Dapatan penilaian kandungan silibus kurikulum *qirā'āt* mendapati kandungan kurikulum *qirā'āt* yang dilaksanakan dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM berada pada tahap tinggi daripada perspektif pensyarah. Manakala daripada perspektif pelajar pula berada di tahap interpretasi min sederhana tinggi. Ini menunjukkan perbezaan tahap persetujuan antara pelajar dan pensyarah dalam penilaian kandungan silibus kurikulum *qirā'āt*.

Pensyarah amat berpuas hati dan bersetuju dengan kandungan silibus kurikulum *qirā'āt* yang membantu pelajar dalam penguasaan *qirā'āt* bagi aspek mengetahui biografi para imam *Qirā'āt Sab'ah* di dalam matan al-Shāṭibī serta hubungan dengan *rāwī* masing-masing, bacaan surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Baqarah dengan pelbagai bacaan *Qirā'āt Sab'ah*, kaedah *uṣūl qirā'āt* dari surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Baqarah, sebutan seperti *taqlīl*, *taghlīz lām*, *tarqīq rā'* dan sebagainya, bacaan *qirā'āt* secara *ifrād* dari awal surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Baqarah, mahir bacaan *qirā'āt* secara *ifrād* dari ayat ke ayat serta kemampuan memperbetulkan kesalahan bacaan al-Quran menurut *ṭarīq al-Shāṭibī*.

Ini dapat dibuktikan dengan tujuh item penilaian kandungan silibus kurikulum *qirā'āt* berada di tahap interpretasi min tinggi, walau bagaimanapun terdapat dua item berada di tahap interpretasi min sederhana tinggi yang menunjukkan pensyarah merasakan bahawa pelajar tidak mampu dalam penguasaan *farsh ḥurūf* dari surah al-Fatihah hingga surah al-Taubah serta matan al-Shāṭibī. Situasi ini disokong dengan hasil temu bual semua pensyarah bahawa masa p&p yang diperuntukkan tidak mencukupi

untuk pelajar menguasai matan al-Shāṭibī dan *farsh ḥurūf* dari surah al-Fatihah hingga surah al-Taubah dengan mahir dan baik.

Manakala pelajar masih merasakan kurang mampu menguasai kandungan kurikulum Qirā'āt Sab'ah seperti elemen biografi *qurrā'* dan *rāwī*, bacaan surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Baqarah dengan pelbagai bacaan *qirā'āt*, kaedah *uṣūl qirā'āt* dari surah al-Fatihah hingga surah al-Taubah, matan al-Shāṭibī, sebutan bacaan seperti *taqlīl*, *taghlīz lām*, *tarqīq rā'* dan sebagainya serta bacaan *qirā'āt ifrād*. Ini dibuktikan dengan lapan item berada di tahap interpretasi min sederhana tinggi. Ini menunjukkan kandungan silibus kurikulum *qirā'āt* berada di tahap yang tinggi dalam menguasai p&p Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali, sehingga pelajar merasakan kurang mampu untuk memperbetulkan kesalahan bacaan *qirā'āt* menurut ṭarīq al-Shāṭibī.

Manakala aspek menguasai *farsh al-Ḥurūf* dari surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Taubah berada di tahap sederhana rendah. Ini menunjukkan bahawa pelajar juga merasakan tidak mampu untuk menguasai aspek tersebut dan ini akan menjejaskan pencapaian *qirā'āt* dalam menguasai pengajian *qirā'āt* di DQ dan MTQ.

Dapatan analisis kajian ini jelas mendapati terdapat perbezaan antara pensyarah dan pelajar dalam kandungan buku teks kurikulum *qirā'āt* di mana pensyarah berpendapat bahawa kandungan kurikulum sangat penting dan membantu pelajar dalam penguasaan *qirā'āt* tetapi pelajar merasakan mereka tidak mampu menguasai kandungan kurikulum *qirā'āt*.

5.3.2 (b) Peruntukan Masa P&P Pengajian *Qirā'āt*

Dapatan analisis kajian ini mendapati bagi aspek peruntukan masa yang diberikan dalam kurikulum *qirā'āt* berada di tahap sederhana dengan kedua-dua min keseluruhan pelajar dan pensyarah berada pada tahap interpretasi min sederhana tinggi. Ini menunjukkan bahawa pensyarah dan pelajar masih tidak berpuas hati sepenuhnya dengan peruntukan masa yang ada dalam pengajaran kurikulum *qirā'āt* sebanyak satu

semester iaitu 16 minggu untuk menguasai bacaan *farsh ḥurūf* surah al-Baqarah dan surah Ali Imran, satu semester untuk memahami biografi Qurrā' 'Asharah dan lima semester untuk mahir dan menguasai Qirā'āt Sab'ah.

Ini disokong dengan persepsi pensyarah terhadap peruntukan masa pengajian *qirā'āt* yang tidak mencukupi, satu semester untuk menghafaz *matan qirā'āt* dan satu semester untuk menguasai surah al-Baqarah mengikut ṭarīq al-Shāṭibī.

Manakala pelajar juga kurang berpuas hati dengan aspek peruntukan masa satu semester menguasai surah al-Fatihah mengikut ṭarīq al-Shāṭibī dan satu semester memahami dua *rubu'* surah al-Baqarah mengikut ṭarīq al-Shāṭibī. Malahan pelajar kurang bersetuju terpaksa memperuntukkan masa tambahan khusus untuk mempelajari Qirā'āt Amali di luar waktu p&p. Ini disokong dengan hasil temu bual pelajar bahawa pengurusan rutin harian yang padat dengan penumpuan hafazan al-Quran agak terjejas dengan peruntukan masa tambahan untuk pengajian *qirā'āt*. Kelemahan paling ketara dalam aspek peruntukan masa yang tidak mencukupi di mana min bagi elemen ini berada pada interpretasi min sederhana rendah dalam elemen masa pengajian *qirā'āt*, satu semester untuk menghafaz *matan qirā'āt*, satu semester untuk menguasai surah al-Baqarah mengikut ṭarīq al-Shāṭibī dan satu semester menguasai menguasai *bacaan farsh ḥurūf* surah al-Nisa' hingga surah al-Taubah. Ini merupakan elemen yang memerlukan perhatian serius dan tindakan segera agar kelemahan ini dapat diperbaiki.

Walau bagaimanapun pensyarah amat berpuas hati dengan aspek peruntukan satu semester menguasai surah al-Fatihah mengikut ṭarīq al-Shāṭibī dan satu semester memahami dua *rubu'* surah al-Baqarah mengikut ṭarīq al-Shāṭibī adalah sesuai dan mencukupi. Ini menunjukkan bahawa sukatan silibus yang tidak melebihi dua helai halaman al-Quran untuk satu semester mampu meningkatkan penguasaan dan kemahiran pengajian *qirā'āt*. Ini disokong dengan peruntukan masa khusus untuk mengajar Qirā'āt Amali. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa masa pengajaran

kurikulum *qirā'āt* dalam kelas kurang mencukupi daripada persepsi pensyarah dan pelajar yang terlibat dengan p&p kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ.

5.3.2 (c) Kemudahan ABM Dalam P&P Kurikulum *Qirā'āt*

Dapatan analisis kajian kemudahan ABM dalam proses p&p pengajian *qirā'āt* menunjukkan pensyarah amat bersetuju dengan penggunaan ABM dan BBM yang berkesan akan mengukuhkan p&p *qirā'āt* tetapi pensyarah dan pelajar kurang berpuas hati dengan kemudahan ABM yang disediakan. Malahan pensyarah juga kurang berpuas hati dengan ABM dan BBM untuk mengajar *qirā'āt* dibekalkan oleh pihak DQ atau MTQ. Ini menimbulkan sikap tidak puas hati dalam kalangan pelajar apabila mereka kurang bersetuju dengan kesesuaian penggunaan guru dalam ABM dan BBM kerana ABM yang berkesan dan sesuai akan meningkatkan pengukuhan p&p *qirā'āt*.

Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa kemudahan ABM masih berkurangan dan penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran kurikulum *qirā'āt* masih di tahap sederhana dan mereka merasakan bahawa pihak DQ dan MTQ mesti menyediakan secukupnya dan membekalkan kemudahan ABM kepada para pensyarah agar matlamat dan objektif kurikulum *qirā'āt* dapat dicapai dengan sempurna dan dapat meningkatkan penguasaan pelajar terhadap kurikulum *qirā'āt*.

5.3.2 (d) Rumusan Penilaian Kandungan Kurikulum *Qirā'āt*

Hasil analisis dapatan penilaian kandungan kurikulum *qirā'āt* boleh dirumuskan dalam tiga perkara utama yang merangkumi kandungan kurikulum *qirā'āt*, peruntukan masa pengajaran dan kemudahan ABM yang disediakan dalam p&p.

- i. Kandungan kurikulum *qirā'āt* berdasarkan kajian mendapati responden pensyarah telah menyatakan sangat bersetuju dengan kandungan kurikulum *qirā'āt*. Namun begitu pelajar merasakan kurang bersetuju dengan item-item kandungan silibus kurikulum *qirā'āt*. Kandungan kurikulum ini seharusnya diambil perhatian dalam menyusun strategi dan perancangan dalam

pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* serta perlu dinilai dalam penilaian kurikulum *qirā'āt* terutama dalam penguasaan *farsh ḥurūf* dari surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Taubah.

- ii. Manakala peruntukan masa pengajaran masih sederhana dan masih kurang mencukupi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua pihak responden iaitu pensyarah dan pelajar berpendapat masa pengajaran dan pembelajaran perlu ditambah. Kekurangan waktu p&p yang sedia ada ini menyebabkan pertambahan masa khusus lain dalam kurikulum.
- iii. Penggunaan ABM yang berkesan akan mengukuhkan p&p *qirā'āt* diterima dan dipersetujui sepenuhnya oleh responden pensyarah tetapi kemudahan ABM yang disediakan berada di tahap sederhana dan amat terhad. Ini menyebabkan pelajar merasakan bahawa pensyarah kurang menggunakan kemudahan ABM yang bersesuaian dalam proses p&p. Oleh itu penyediaan bekalan perlu dipertingkatkan bersama kemahiran aplikasi terhadap ABM tersebut.

5.3.3 PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM *QIRĀ'ĀT*

Dapatan hasil penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* menunjukkan min keseluruhan berada pada tahap sederhana tinggi dari persepsi pensyarah dan pelajar yang merangkumi lima elemen penting yang terdiri daripada kaedah, aktiviti p&p *qirā'āt* telah dibahagikan mengikut *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali* serta kekerapan penggunaan ABM. Ini menunjukkan masih terdapat kelemahan yang perlu kepada pemurnian dan penambahbaikan dalam pelaksanaan kurikulum ini.

Kekuatan yang terdapat dalam pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* ini ialah kaedah p&p *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali*. Ini dibuktikan dengan min keseluruhan terhadap kaedah berada pada tahap tinggi sama ada pensyarah atau pelajar. Ini jelas menunjukkan

bahawa elemen kaedah p&p Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali ini perlu dikekalkan dan diperkukuhkan supaya dapat mengoptimumkan pencapaian pelajar.

Kelemahan yang dapat diperolehi daripada hasil dapatan kajian ini menunjukkan penggunaan ABM berada di tahap yang tidak memuaskan dari perspektif pensyarah dan pelajar. Ini menggambarkan penggunaan ABM perlu kepada perubahan yang besar dan tindakan segera agar kelemahan ini dapat diperbaiki seberapa segera yang mungkin kerana berada di tahap sederhana rendah.

5.3.3 (a) Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Qirā'āt 'Ilm

Dapatan hasil kajian mendapati pensyarah sangat berpuas hati dengan kesemua item-item kaedah p&p Qirā'āt 'Ilm. Pensyarah sering menggunakan kaedah kuliah dan syarahan, kaedah soal jawab dalam p&p, kaedah menyuruh pelajar menghafaz *matan*, kaedah membuat soalan *matan* dan *sharh* dalam kitab secara spontan, kaedah tugasan, kaedah membantu pelajar memahami maksud *matan* dan *sharh*, kaedah menyuruh pelajar membuat ulangkaji *matan-matan qirā'āt* untuk tajuk-tajuk yang akan dipelajari, kaedah lakaran dan penggunaan medium bahasa Melayu dalam p&p. Penggabungan kaedah-kaedah ini sangat baik untuk penguasaan *qirā'āt*.

Manakala kaedah p&p Qirā'āt 'Ilm menurut pelajar menunjukkan bahawa pelajar juga turut bersetuju dengan semua elemen-elemen kaedah tersebut tetapi elemen kaedah kuliah dan syarahan, pembentangan, penggunaan buku teks dan kaedah lakaran dan lukisan untuk menerangkan makna perkataan *qirā'āt* masih memerlukan pemurnian dan penambahbaikan kerana berada di tahap sederhana tinggi.

5.3.3 (b) Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Qirā'āt Amali

Pensyarah merasakan bahawa kaedah p&p Qirā'āt Amali sudah mencukupi dan perlu dikekalkan kerana mereka menggunakan semua kaedah-kaedah tersebut dalam p&p Qirā'āt Amali termasuk kaedah hafazan, *talaqqī* dan *mushāfahah*, *tikrār* tanpa melihat buku, kaedah *tasmī'* contoh *wajh-wajh* bacaan *qirā'āt*, kaedah membaca *qirā'āt* di

hadapan kelas melihat *maṣḥaf* rasm ‘uthmānī, kaedah meminta pelajar menjawab secara lisan soalan-soalan *qirā’āt* secara amali yang dikemukakan tanpa melihat buku, kaedah membantu pelajar memahami perbezaan *wajh-wajh* bacaan *qirā’āt* yang diperdengarkan, kaedah mpendengarkan *wajh-wajh* bacaan *qirā’āt* mengikut sebutan yang betul kepada pelajar sebagai bacaan contoh, kaedah penggunaan teknik *sharh* dalam bahasa Melayu ketika pengajaran bentuk-bentuk bacaan *qirā’āt* dan kaedah memberi peluang yang sama kepada pelajar menyebut *wajh-wajh qirā’āt* secara bergilir-gilir.

Walaupun dapatan kaedah tidak banyak membuat pembetulan kesalahan semasa pelajar membaca menurut *ṭarīq al-Shāṭibī* berada di tahap sederhana rendah menurut perspektif pensyarah dan pelajar, ini menggambarkan pensyarah dan pelajar sangat komited dalam p&p *Qirā’āt Amali* untuk memahami dan menguasai *Qirā’āt Sab’ah* dengan baik dan pelajar juga bersetuju bahawa pendidik memainkan peranan yang penting dalam proses p&p sehingga banyak membuat pembetulan kesalahan semasa pelajar membaca menurut *ṭarīq al-Shāṭibī*.

Malahan pelajar juga menyukai kaedah-kaedah *Qirā’āt Amali* yang digunakan oleh pensyarah. Penumpuan terhadap kaedah hafazan dan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* merupakan kelebihan dalam kaedah *Qirā’āt Amali* untuk menguasai *qirā’āt* sebagaimana yang diaplikasikan oleh Rasulullah s.a.w dan para sahabat. Walau bagaimanapun pelajar kurang berpuas hati dengan kaedah *tikrār* tanpa melihat buku dan sering menjawab secara lisan soalan-soalan *qirā’āt* secara amali yang dikemukakan tanpa melihat buku.

5.3.3 (c) Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran *Qirā’āt* ‘Ilm

Dapatan hasil kajian dalam aktiviti p&p *Qirā’āt* ‘Ilm menunjukkan perbezaan antara pensyarah dan pelajar di mana pensyarah sangat berpuas hati dan bersetuju dengan

kekerapan penggunaan elemen-elemen aktiviti p&p Qirā'āt 'Ilm berbanding dengan pelajar kurang berpuas hati dan kurang bersetuju.

Walau bagaimanapun aktiviti yang sering digunakan pensyarah dalam proses p&p Qirā'āt 'Ilm serta sering mendapat perhatian dan memenuhi kepuasan hati pelajar ialah aktiviti membuat rumusan dan kesimpulan bentuk-bentuk bacaan *qirā'āt* yang digunapakai oleh imam dan *rāwī-rāwīnya* serta memberi peluang yang sama kepada semua pelajar untuk membaca *qirā'āt* dalam kelas serta penggunaan bahasa yang mudah dan jelas dalam sesi p&p amat membantu para pelajar dalam pemahaman dan penguasaan *qirā'āt*. Namun begitu pensyarah kurang menggalakkan pelajar dalam membuat lakaran peta minda. Ini menyebabkan pelajar juga kurang melakukan aktiviti membuat lakaran peta minda dalam semasa kelas *qirā'āt*. Ini menunjukkan bahawa aktiviti ini perlu kepada penambahbaikan dan pemurniaan dari aspek p&p Qirā'āt 'Ilm.

Di dalam aktiviti-aktiviti p&p Qirā'āt 'Ilm menunjukkan pelajar juga kurang melakukan aktiviti-aktiviti Qirā'āt 'Ilm seperti *sharh rumūz ifrād* dan *rumūz jam* dalam *matan*, perbincangan secara halaqah, latihan di dalam kelas, pembentangan di dalam kelas, soal jawab di dalam kelas saya sangat seronok dengan waktu p&p *qirā'āt* yang ditetapkan dan memberi tugas tajuk p&p yang akan datang untuk persediaan pelajar. Malahan pelajar juga menunjukkan komitmen yang tidak sepenuhnya dalam kehadiran waktu kelas p&p *qirā'āt* yang ditetapkan dan minat yang tidak tinggi dengan merasa kurang seronok dengan waktu p&p *qirā'āt*.

Ini menggambarkan semua aspek aktiviti-aktiviti p&p Qirā'āt 'Ilm perlu dipertingkatkan dan diberi perhatian kerana mendapat min sederhana tinggi daripada perspektif pelajar bahkan mereka juga berasa kurang seronok dengan waktu p&p Qirā'āt 'Ilm dan kurang setuju dengan item selalu hadir pada waktu yang ditetapkan.

5.3.3 (d) Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Qirā'āt Amali

Dapatan kajian dalam aktiviti p&p Qirā'āt Amali menunjukkan juga terdapat perbezaan antara min persetujuan pensyarah yang tinggi berbanding dengan pelajar yang sederhana tinggi. Walau bagaimanapun pensyarah dan pelajar amat berpuas hati dengan aktiviti-aktiviti yang amat kerap dilaksanakan iaitu aktiviti hafazan, tunjuk cara bacaan al-Quran secara bertajwid dengan *qirā'āt* yang betul melalui proses *talaqqī* dan *mushāfahah*, peluang yang sama untuk mempraktikkan bacaan Qirā'āt Amali berulang kali, memperdengarkan contoh bacaan *qirā'āt* dan menunjukkan contoh-contoh ayat al-Quran berkaitan matan al-Shāṭibī.

Pensyarah juga sering menggunakan aktiviti-aktiviti p&p Qirā'āt Amali lain seperti aktiviti pembentangan ujian amali dan kerja kursus Qirā'āt Amali. Namun begitu pensyarah kurang memberi galakan kepada pelajar dalam aktiviti perbincangan matan al-Shāṭibī sebelum kelas bermula dan aktiviti mempraktikkan bacaan *qirā'āt* dalam solat dengan situasi yang sebenar semasa menjadi imam. Ini menyebabkan pelajar juga kurang melakukan kedua-dua aktiviti tersebut. Situasi ini perlu diberi perhatian untuk meningkatkan penguasaan *qirā'āt* lebih-lebih lagi pelajar juga kurang bersetuju dengan aktiviti pembentangan ujian amali. Bahkan penggunaan makmal al-Quran juga amat kurang dilaksanakan, ini dibuktikan dengan min interpretasi kedua-dua responden menunjukkan tahap sederhana rendah dan disokong dengan hasil temu bual menunjukkan sebahagian besar MTQ tidak mempunyai prasarana dan fasiliti makmal al-Quran yang serba lengkap.

5.3.3 (e) Kekekapan Penggunaan ABM dalam Pengajaran dan Pembelajaran *Qirā'āt*

Penggunaan buku teks serta buku rujukan dan papan tulis merupakan penggunaan ABM yang paling kerap dan paling popular digunakan di dalam kelas daripada perspektif pensyarah dan pelajar. Ini dapat dilihat dalam pemerhatian yang dilakukan dalam

pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* yang dilaksanakan oleh pensyarah-pensyarah yang terlibat.

Dapatan menunjukkan penggunaan kaset rakaman dan perisian *qirā'āt*, komputer, LCD serta OHP dan jaringan internet merupakan alat-alat yang kurang digunakan. Bahkan penggunaan radio atau televisyen serta kad imbasan dan kad manila pada tahap sangat kritikal dan hampir tidak digunakan oleh pensyarah. Ini diperhatikan dalam temu bual bahawa pensyarah berhadapan dengan kesukaran untuk mengaplikasikan ICT dalam pengajaran mereka kerana kekurangan perisian kursus khusus untuk pengajaran kurikulum *qirā'āt*. Pensyarah juga kurang didedahkan dengan cara-cara penggunaan ABM dalam p&p.

Manakala pelajar juga bersetuju dengan kekerapan penggunaan ABM lain seperti radio atau televisyen, kaset rakaman atau perisian *qirā'āt*, komputer atau LCD atau OHP, jaringan internet dan kad imbasan atau kad manila di tahap kekerapan yang rendah. Data temu bual bersama pelajar juga menunjukkan hanya enam orang pelajar sahaja yang bersetuju ABM yang berbentuk elektronik digunakan dalam p&p *qirā'āt* seperti penggunaan radio dan MP3 tetapi dalam kekerapan yang sederhana. Ini disokong dengan dapatan kajian Ab. Halim 2006⁴⁸⁴ menunjukkan tahap penggunaan ABP dalam p&p Pendidikan Islam masih berada di tahap yang tidak memuaskan terutama alat-alat yang berbentuk ICT dan elektronik.

Bahkan Kamarul Azmi Jasmi⁴⁸⁵ juga menyatakan keberkesanan p&p berkait rapat dengan kaedah yang digunakan oleh guru dalam kelas antaranya penggunaan teknologi terkini dan p&p interaktif yang akan menjadikan proses p&p lebih menarik.

Dapatan kajian jelas menunjukkan pensyarah selalu menggunakan buku teks atau buku rujukan dan papan tulis dalam p&p kerana mereka terikat dengan kaedah

⁴⁸⁴ Ab Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. *Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 27-28.

⁴⁸⁵ Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran* Ed. per-1, (2007, cet.ke-5, Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2012), 59-62.

tradisional dan cara pengajian mereka di Timur Tengah sebelum ini. Ini dibuktikan dalam temu bual yang dijalankan dengan pensyarah-pensyarah yang terlibat dengan pelaksanaan kurikulum ini.

5.3.3 (f) Rumusan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum *Qirā'āt*

Dalam penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* ini terdapat lima perkara yang boleh dirumuskan merangkumi kaedah p&p *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali*, aktiviti p&p *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali* serta kekerapan penggunaan ABM. Secara umumnya kajian ini mendapati dalam dua elemen penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* dari aspek kaedah p&p *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali* menurut pensyarah dan pelajar adalah sama iaitu memuaskan tetapi elemen aktiviti *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali* menggambarkan pensyarah berpendapat tahap aktiviti-aktiviti adalah lebih baik berbanding dengan pendapat pelajar tetapi elemen kekerapan penggunaan ABM dalam proses p&p *qirā'āt* menunjukkan pensyarah dan pelajar bersetuju dengan tahap sederhana rendah. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum *qirā'āt* yang perlu kepada penambahbaikan dan peningkatan. Rumusan-rumusan terhadap penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* ini adalah seperti berikut:

- i. Amalan kaedah kuliah dan syarahan merupakan kaedah yang paling asas dalam p&p kurikulum *qirā'āt* dan yang selalu digunapakai oleh pensyarah. Melalui kaedah *Qirā'āt 'Ilm* ini juga melibatkan aplikasi kaedah soal jawab dalam p&p, kaedah menyuruh pelajar menghafaz *matan*, kaedah membuat soalan *matan* dan *sharh* dalam kitab secara spontan, kaedah tugasan, kaedah membantu pelajar memahami maksud *matan* dan *sharh*, kaedah menyuruh pelajar membuat ulangkaji *matan-matan qirā'āt* untuk tajuk-tajuk yang akan dipelajari dan kaedah lakaran dan penggunaan medium bahasa Melayu dalam p&p.

Kaedah kuliah dan syarahan yang digunakan dalam kelas pengajian Qirā'āt 'Ilm kurang diberi perhatian oleh pelajar. Ini menyebabkan objektif p&p Qirā'āt 'Ilm tidak tercapai sepenuhnya sekiranya kaedah kuliah dan syarahan tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Manakala kaedah pembentangan juga kurang mendapat tempat yang sepatutnya dalam proses pelaksanaan Qirā'āt 'Ilm menurut pelajar. Ini boleh menjejaskan penilaian berterusan yang termaktub di dalam rancangan mengajar.

Begitu juga dengan kaedah penggunaan buku teks serta kaedah lakaran dan lukisan untuk menerangkan makna perkataan *qirā'āt* juga kurang digemari oleh pelajar.

- ii. Dalam aspek kaedah p&p Qirā'āt Amali menggambarkan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* serta hafaz *mutūn* merupakan kaedah utama di dalam penguasaan Qirā'āt Amali. Malahan pensyarah amat komited dengan membuat banyak pembetulan kesalahan semasa pelajar membaca menurut *ṭarīq* al-Shāṭibī dan pelajar juga memberi respon yang baik dalam proses p&p Qirā'āt 'Amali.

Ada dua kaedah yang perlu diberi penekanan dan peningkatan dalam p&p Qirā'āt Amali daripada perspektif pelajar iaitu kaedah *tikrār* tanpa melihat buku dan sering menjawab secara lisan soalan-soalan *qirā'āt* secara amali yang dikemukakan tanpa melihat buku.

- iii. Berdasarkan dapatan kajian, pensyarah sering melaksanakan aktiviti-aktiviti p&p Qirā'āt 'Ilm yang berbentuk membuat rumusan dan kesimpulan bentuk-bentuk bacaan *qirā'āt* yang digunapakai oleh imam dan *rāwī-rāwīnya* serta memberi peluang yang sama kepada semua pelajar untuk membaca *qirā'āt* dalam kelas dan penggunaan bahasa yang mudah dan jelas dalam sesi p&p

amat membantu para pelajar dalam pemahaman dan penguasaan *qirā'āt* tetapi aktiviti membuat lakaran peta minda kurang diamalkan oleh pensyarah.

Di samping itu, pelajar juga kurang terlibat dengan aktiviti-aktiviti *sharh rumūz ifrād* dan *rumūz jam'* dalam *matan*, perbincangan secara *halaqah*, latihan, pembentangan, soal jawab dalam kelas, tugas tajuk p&p yang akan datang dan pelajar berasa kurang seronok dengan waktu p&p *qirā'āt* yang ditetapkan

- iv. Di dalam aktiviti p&p *Qirā'āt Amali* aspek aktiviti perbincangan *matan Shāṭibī* sebelum kelas bermula kurang dilaksanakan oleh pensyarah. Di samping itu aktiviti mempraktikkan bacaan *qirā'āt* dalam solat dengan situasi yang sebenar semasa menjadi imam-imam di masjid perlu dipergiatkan supaya pelajar boleh menguji tahap pencapaian mereka serta menambahkan usaha mereka dalam memelihara hafazan al-Quran.

Penggunaan makmal al-Quran juga amat kurang digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kurikulum *qirā'āt*. Ini dilihat dalam pemerhatian yang dijalankan ke atas pensyarah yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti p&p kurikulum *qirā'āt* banyak dijalankan dalam bilik kelas pengajian.

- v. Kekekapan Penggunaan ABM

Penggunaan ABM dalam pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* adalah sangat kurang dan terhad walaupun mereka mengetahui kepentingannya dan peranannya dalam penguasaan *qirā'āt*. Penggunaan hanya kepada ABM yang asas iaitu buku teks serta buku rujukan dan papan tulis. Penggunaan alat elektronik terutama yang berasaskan ICT seperti kaset rakaman dan

perisian *qirā'āt*, komputer, LCD serta OHP dan jaringan internet kurang digunakan.

Manakala radio atau televisyen serta kad imbasan dan kad manila hampir tidak dimanfaatkan dalam pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt*. Ini merupakan perkara yang serius yang memerlukan perhatian sewajarnya oleh pelbagai pihak.

5.3.4 PENILAIAN PENCAPAIAN KURIKULUM *QIRĀ'ĀT*

Penilaian dalam pencapaian yang diperolehi oleh pelajar setelah mengikuti kurikulum *qirā'āt* dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM akan menentukan sejauh mana program atau kurikulum *qirā'āt* yang telah dicapai dan matlamat yang telah ditetapkan. Pencapaian dan kemampuan pelajar merupakan satu penanda aras yang menentukan kejayaan dan keberkesanan sesuatu program atau kurikulum.

Dapatan daripada penilaian penguasaan kurikulum *qirā'āt* merangkumi dua elemen iaitu persepsi terhadap hasil pengajaran dan pembelajaran serta pencapaian *shafawī qirā'āt* pelajar. Dua kesimpulan tersebut adalah seperti berikut iaitu:

5.3.4 (a) Persepsi Terhadap Hasil Pengajaran dan Pembelajaran *Qirā'āt*

Hasil daripada penilaian ini ialah pencapaian dan kemampuan pelajar menunjukkan dua hasil dapatan kajian yang berbeza, daripada aspek pensyarah berada di tahap memuaskan berbanding pelajar berada di tahap kurang memuaskan.

Walau bagaimanapun aspek hasil penilaian pencapaian dalam mempelajari kurikulum *qirā'āt* dapat meningkatkan takjub keagungan al-Quran dan memelihara *ḥabl min Allāh* dan *ḥabl min al-Nās* berada di tahap memuaskan. Ini menunjukkan bahawa hasil pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* berjaya memenuhi salah satu Falsafah Program Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM ialah membentuk generasi al-Quran yang bertakwa, berilmu dan bermanfaat kepada pembangunan ummah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pensyarah dan pelajar kurang berpuas hati dengan penguasaan dan kemahiran dalam hafazan *matan-matan* Qirā'āt al-Shātibī, bacaan *uṣūl qirā'āt* dengan *farsh ḥurūf*, bacaan ayat-ayat al-Quran mengikut *Qirā'āt* Tujuh, bacaan *ishmām al-Ṣād* seperti *al-Zāy*, bacaan *rawm*. Malahan pensyarah juga kurang berkeyakinan dengan kemampuan pelajar mereka untuk menerangkan kaedah-kaedah bacaan Qirā'āt Sab'ah kepada masyarakat dan membaca al-Quran dengan pelbagai kaedah bacaan *qirā'āt*. Ini turut diakui oleh para pelajar shu'bah qirā'āt dan disokong dengan hasil temu bual pelajar bahawa untuk mencapai tahap penguasaan *qirā'āt* yang memuaskan, para pelajar perlu menyambung pengajian di peringkat ijazah dalam bidang pengkhususan *qirā'āt* ke institusi pengajian terutama di Timur Tengah.

Bahkan pensyarah juga kurang berpuas hati dengan pencapaian dan penguasaan pelajar dalam teori *matan* al-Shātibī dan bacaan *farsh ḥurūf* di dalam surah al-Baqarah sehingga surah al-Taubah.

Manakala para pelajar juga kurang menguasai dan kurang mahir dalam bab-bab asas kaedah Qirā'āt Sab'ah, istilah-istilah penting dalam pengajian *qirā'āt*, bacaan *qirā'āt* dari segi *ḥadhaf alif* dan *hamzah*, bacaan kadar *ḥarakah* mad al-munfaṣil dan mad al-Muttaṣil, bacaan *saktah* pada *alif lām ta'rīf*, bacaan *saktah* pada *shay*, bacaan *saktah* pada *al-Mafṣūl*, bacaan *naql* ketika *waqf*, bacaan *ṣilah mīm jam'*, bacaan *ibdāl* dan bacaan *tashīl*. Malahan penguasaan pelajar di tahap kurang memuaskan dalam ilmu *qirā'āt* dengan kaedah yang diajar oleh guru dan mereka juga kurang berkeyakinan dengan kemampuan dalam pengajian *qirā'āt* dan keperibadian unggul oleh imam *Qurrā'* kurang menambahkan minat mendalami dan mengkaji ilmu al-Quran. Sehubungan dengan itu, satu penambahbaikan secara berterusan perlu dilakukan untuk mempertingkatkan dan memperkasakan tahap pencapaian dan penguasaan kurikulum *qirā'āt*. Bahkan penguasaan teori *matan* al-Shātibī serta kemampuan membaca *farsh ḥurūf* dalam surah al-Baqarah sehingga surah al-Taubah juga berada di tahap agak

lemah serta tidak memuaskan dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya kerana dapatan kajian menunjukkan ia perlu kepada perubahan secara agresif.

5.3.4 (b) Pencapaian Ujian *Shafawī Qirā'āt* Pelajar terhadap KQ

Dapatan analisis min keseluruhan keputusan ujian *shafawī qirā'āt* menunjukkan secara umumnya berada di tahap sederhana rendah, bahkan pencapaian pelajar dalam bacaan *qirā'āt* berada di tahap kurang memuaskan dan belum berjaya dicapai sepenuhnya oleh pelajar. Begitu juga dengan keputusan bacaan *dalīl-dalīl matan* juga dalam kalangan pelajar juga berada di tahap lemah dan perlu kepada perhatian dan penambahbaikan yang sewajarnya secara menyeluruh kerana para pelajar tidak menguasai dan tidak mengingati *dalīl-dalīl matan* al-Shāṭibī dengan responden yang mendapat cemerlang 11.8% dan baik 2.9%. Dapatan ini disokong dengan kajian Abd Rahman Abd Ghani⁴⁸⁶ yang berpendapat tahap penguasaan ilmu *qirā'āt* di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat masih lagi di peringkat sederhana dan kemampuan pelajar untuk mengaplikasikan dan mengamalkan *qirā'āt* masih di peringkat lemah.

Hasil daripada penilaian ini menunjukkan tahap pencapaian dan penguasaan pelajar terhadap kurikulum *qirā'āt* berada di tahap tidak memuaskan lebih-lebih lagi di dalam aspek kemampuan bacaan *dalīl-dalīl matan* dalam keadaan kritikal kerana pencapaian mereka lemah. Ini berdasarkan interpretasi min yang berada di tahap rendah yang memerlukan perubahan secara menyeluruh. Walau bagaimanapun tahap kemampuan bacaan *qirā'āt* pelajar berada di tahap yang agak memuaskan, cuma perlu kepada penambahbaikan secara berterusan kerana berada di tahap sederhana tinggi.

5.3.4 (c) Rumusan Penilaian Pencapaian Kurikulum *Qirā'āt*

Dua perkara yang boleh dirumuskan dalam penilaian pencapaian kurikulum *qirā'āt* yang merangkumi penilaian produk merangkumi persepsi terhadap pengajaran dan pembelajaran kurikulum *qirā'āt* dan pencapaian keputusan *shafawī qirā'āt*.

⁴⁸⁶Abd Rahman Abd Ghani et.al. "Kurikulum Pengajian dan Permasalahan *Qirā'at* di KUIS: Kajian di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat", Jurnal Pengajian Islam VI (2012), 98.

- i. Secara umumnya penilaian pencapaian *qirā'āt* daripada persepsi pensyarah dan pelajar terhadap hasil pengajaran dan pembelajaran kurikulum *qirā'āt* menunjukkan bahawa tidak memenuhi sepenuhnya objektif dan hasil pembelajaran pendidikan *qirā'āt* di DQ dan MTQ dan memerlukan pemurnian dan penambahbaikan yang berterusan.

Bila diperincikan aspek-aspek pencapaian kurikulum *qirā'āt*, hasil dapatan mendapati pensyarah sangat berpuas hati dengan hasil pengajaran mereka terhadap kurikulum *qirā'āt* dan perlu dikekalkan tetapi aspek hafazan *matan-matan* Qirā'āt al-Shāṭibī dengan baik, penguasaan teori matan al-Shāṭibī, bacaan *uṣūl qirā'āt* dan *farsh ḥurūf*, kemampuan membaca ayat-ayat al-Quran mengikut *Qirā'āt* Tujuh, kemampuan bacaan *farsh ḥurūf* dalam surah al-Baqarah hingga surah al-Taubah, penguasaan bacaan *ishmām al-Ṣād* seperti *al-Zāy*, penguasaan bacaan *rawm*, kemampuan menerangkan kaedah-kaedah bacaan Qirā'āt Sab'ah kepada masyarakat dan kemampuan membaca al-Quran dengan pelbagai kaedah bacaan *qirā'āt* berada di tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa pensyarah bersetuju pelajar mampu menguasai aspek-aspek ini dengan baik dalam kurikulum *qirā'āt* tetapi memerlukan usaha penambaaian secara berterusan supaya dapat dipertingkatkan lagi ke tahap yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun dapatan kajian ini menunjukkan hanya satu aspek sahaja daripada perspektif pelajar yang berada di tahap tinggi dan perlu dikekalkan iaitu aspek meningkatkan takjub keagungan al-Quran dan memelihara *ḥabl min Allāh* dan *ḥabl min al-Nās*.

Manakala semua aspek-aspek ini berada di tahap sederhana iaitu kefahaman asas kaedah Qirā'āt Sab'ah, aspek kemahiran membezakan bacaan *uṣūl qirā'āt* dengan *farsh ḥurūf*, aspek penguasaan istilah-istilah

penting dalam pengajian *qirā'āt* , aspek hafazan *matan-matan* Qirā'āt al-Shāṭibī dengan baik, aspek penguasaan bacaan *uṣūl qirā'āt* dan *farsh ḥurūf*, aspek kebolehan membaca ayat-ayat al-Quran mengikut *Qirā'āt* Tujuh, aspek kemahiran menyebut bacaan *qirā'āt* dari segi *ḥadhaf alif* dan *hamzah*, aspek penguasaan bacaan *ishmām al-Ṣād* seperti *al-Zāy*, aspek kemahiran kadar *ḥarakah* mad al-Munfaṣil dan mad al-Muttaṣil, aspek kemahiran bacaan *saktah* pada *alif lām ta'rīf*, aspek kemahiran bacaan *saktah* pada *shay*, aspek kemahiran bacaan *saktah* pada *al-Mafṣūl*, aspek penguasaan bacaan *naql* ketika *waqf*, aspek penguasaan bacaan *ṣilah mīm jam'*, aspek kemahiran bacaan *ibdāl* dan aspek kemahiran bacaan *tashīl* dan aspek kemahiran bacaan *rawm*, aspek kemampuan menerangkan kaedah-kaedah bacaan Qirā'āt Sab'ah kepada masyarakat dan aspek dapat menguasai ilmu *qirā'āt* dengan kaedah yang diajar oleh guru, aspek kemampuan membaca al-Quran dengan pelbagai kaedah bacaan, aspek keyakinan dengan kemampuan dalam pengajian *qirā'āt* dan aspek keperibadian unggul oleh imam *Qurrā'* menambahkan minat mendalami dan mengkaji ilmu al-Quran. Aspek-aspek ini menunjukkan kemampuan pelajar menguasai Qirā'āt al-Shāṭibī dari aspek Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali, tetapi memerlukan usaha yang berterusan supaya dapat memantapkan lagi penguasaan *qirā'āt* dalam kalangan pelajar.

Aspek yang kritikal dalam pencapaian *qirā'āt* ialah penguasaan teori matan al-Shāṭibī dan kemampuan membaca *farsh ḥurūf* di dalam surah al-Baqarah hingga surah al-Taubah. Dua aspek ini perlu diberi perhatian yang segera dan memerlukan perubahan secara besar-besaran.

- ii. Ini disokong dengan keputusan *shafawī qirā'āt* yang berada di tahap sederhana rendah. Dapatan ini disokong dengan dua aspek yang kurang

diberi penekanan dan perhatian oleh pelajar iaitu aspek sering menjawab secara lisan soalan-soalan *qirā'āt* secara praktikal yang dikemukakan tanpa melihat buku dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran *Qirā'āt Amali*. Bahkan aspek bacaan *qirā'āt* berada di tahap kurang memuaskan. Ini disokong dengan dapatan kurang penekanan diberikan terhadap aktiviti-aktiviti p&p *Qirā'āt* 'Ilm yang merangkumi *sharh rumūz ifrād* dan *rumūz jam'* dalam *matan*, perbincangan secara *halaqah*, latihan di dalam kelas, pembentangan di dalam kelas dan soal jawab dalam kelas.


Manakala aspek kemampuan bacaan *dalīl-dalīl matan* al-Shāṭibī berada di tahap lemah. Penglibatan pelajar yang kurang dalam aktiviti-aktiviti p&p *Qirā'āt Amali* seperti aktiviti perbincangan *matan* al-Shāṭibī sebelum kelas bermula dan aktiviti mempraktikkan bacaan *qirā'āt* dalam solat dengan situasi yang sebenar semasa menjadi imam ditambah dengan penggunaan makmal al-Quran juga amat kurang dilaksanakan turut menyumbang kepada faktor-faktor pelajar tidak mampu menguasai dan mengingati *dalīl-dalīl matan* al-Shāṭibī dengan baik.

Sebagai kesimpulan, berdasarkan dapatan kajian yang telah diperolehi serta rumusan yang telah dibuat, penyelidik ingin mengemukakan satu model penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt*. Rajah 5.1 di bawah menunjukkan model penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* yang menunjukkan pensyarah dan pelajar merupakan dua pihak yang terlibat secara langsung di dalam model ini. Terdapat empat komponen yang ditunjukkan di dalam model ini. Komponen pertama ialah komponen keperluan, matlamat, objektif, kesesuaian, hasil pembelajaran yang digariskan dalam kurikulum *qirā'āt*. Kedudukan komponen pertama yang tinggi di puncak rajah 5.1 yang

menggambarkan peranan pensyarah amat penting dalam menentukan kejayaan pelajar.

Bagi memastikan kejayaan ini, pensyarah melaksanakan interaksi secara langsung dengan pelajar melalui komponen kedua dengan melibatkan penilaian sendiri pensyarah dan pelajar dalam komponen pertama iaitu merangkumi kandungan kurikulum *qirā'āt*, peruntukan masa dan kemudahan ABM. Komponen kedua ini melibatkan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum yang dilatih dan pelajar yang terlibat dengan p&p kurikulum *qirā'āt*. Ini menunjukkan kaitan yang rapat antara komponen pertama dengan komponen kedua dan komponen kedua akan menentukan komponen ketiga yang menyediakan proses pelaksanaan di mana pensyarah akan mengimplementasikan setiap kaedah Qirā'āt 'Ilm serta kaedah Qirā'āt Amalī, aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran Qirā'āt 'Ilm dan Qirā'āt Amali serta kekerapan penggunaan ABM di dalam proses pelaksanaan *qirā'āt*. Setelah digunakan setiap sumber dan setiap langkah dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang diimplementasikan, hasil pengajaran dan pembelajaran boleh diukur pencapaiannya berdasarkan komponen ketiga yang mencorakkan komponen keempat ialah pencapaian pelajar yang mengikuti kurikulum tersebut yang menjadi fenomena yang lebih pelbagai. Pencapaian yang kurang memberangsangkan perlu diambil kira dalam memurnikan dan mempertingkatkan tiga komponen di atas.

Rajah 5.1. Model Penilaian Pelaksanaan Kurikulum *Qirā'āt*



5.4 IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini telah memberikan satu penilaian yang jelas dan lengkap tentang pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM yang dilaksanakan di Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran di Malaysia. Dapatan-dapatan kajian ini menimbulkan beberapa implikasi terhadap pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* mengikut objektif dan persoalan kajian.

5.4.1 Implikasi Penilaian Kurikulum *Qirā'āt*

Dalam aspek penilaian kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ mendapati secara umumnya interpretasi min keseluruhan aspek yang merangkumi keperluan kurikulum *qirā'āt*, matlamat, objektif, kesesuaian kurikulum *qirā'āt*, hasil pembelajaran, penilaian sendiri pensyarah dan penilaian sendiri pelajar terhadap kurikulum *qirā'āt* berada pada keputusan penilaian inkremental. Keputusan ini membawa implikasi bahawa aspek ini

masih memerlukan pemurnian dan penambahbaikan yang perlu diteliti dan dirancang untuk dilaksanakan oleh pihak-pihak yang sewajarnya. Ini bermakna elemen-elemen yang terdapat dalam kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ yang sedia ada berada di tahap sederhana pelaksanaannya tetapi bukan secara menyeluruh cuma pada aspek-aspek tertentu yang perlu diberi perhatian.

Dalam aspek keperluan kurikulum *qirā'āt*, matlamat, objektif dan kesesuaian kurikulum *qirā'āt* menunjukkan dapatan yang kukuh iaitu di tahap homeostatik kerana difahami sejauh mana kepentingannya dan mendapat komitmen yang baik dari semua pihak yang terlibat tetapi aspek hasil pembelajaran menampakkan perlu dikemaskini agar selari dengan objektif kurikulum *qirā'āt* kerana berada di tahap interpretasi min sederhana tinggi. Walaupun dapatan objektif KQ menunjukkan hasil dapatan yang kukuh dan hasil pembelajaran *qirā'āt* dinyatakan dengan jelas dalam kurikulum *qirā'āt* tetapi aspek hasil pembelajaran perlu kepada penambahbaikan bagi memastikan kejayaan dalam proses pelaksanaan kurikulum *qirā'āt*.

Aspek kedua dalam penilaian ini menggambarkan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum *qirā'āt* juga tidak berpuas hati dengan penguasaan hafazan keseluruhan matan *Qirā'āt al-Shāṭibī*, secara khususnya penguasaan hafazan masih berada di tahap baik tetapi perlu kepada sedikit pemurnian untuk mengekalkan kekuatan pelaksanaan kurikulum *qirā'āt*. Ini dibuktikan apabila item pensyarah menghafaz dengan baik keseluruhan matan *Qirā'āt al-Shāṭibī* berada pada interpretasi min sederhana tinggi.

Aspek ketiga ialah menunjukkan aspek ketidaksukaran menguasai kurikulum *qirā'āt* berada di tahap inkremental dari persepsi pelajar. Ini bermakna aspek ini perlu kepada sedikit penambahbaikan dan dimurnikan kembali agar tercapai kejayaan pelaksanaan kurikulum *qirā'āt*. Begitu juga dengan jati diri pelajar menampakkan pelajar bersikap malu dan rendah diri apabila membaca *Qirā'āt Sab'ah* berada di tahap

tidak memuaskan dan memerlukan satu inovasi besar-besaran dan usaha yang segera untuk meningkatkan kredibiliti dan penampilan pelajar di dalam pengajian *qirā'āt*.

Malahan ini disokong dengan persepsi pelajar terhadap *qirā'āt*, al-Quran dan tajwid berada di tahap neomobolistik yang memerlukan perhatian serius dan perubahan segera secara besar-besaran kerana menampakkan pelajar mempunyai persepsi negatif dalam pembelajaran dan pengajaran pendidikan *qirā'āt*.

Oleh yang demikian satu bentuk penambahbaikan perlu dilakukan terhadap beberapa kelemahan yang dikemukakan yang melibatkan latihan, penerangan dan analisis semula. Ini sangat perlu dilaksanakan agar pelaksana kurikulum dapat memahami dan menerima sepenuhnya kurikulum ini dengan lebih baik dalam memperbaiki proses pelaksanaan dan keberkesanan kurikulum *qirā'āt* yang lebih efektif.

5.4.2 Implikasi Penilaian Kandungan Kurikulum *Qirā'āt*

Implikasi terhadap aspek penilaian kandungan kurikulum *qirā'āt* berada di tahap inkremental yang memerlukan kepada pemurnian dan penambahbaikan secara kecilan yang berterusan dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Ini menunjukkan kandungan silibus kurikulum *qirā'āt* ini adalah mantap tetapi memerlukan sedikit penambahbaikan. Pelaksana kurikulum tidak menerima sepenuhnya item-item kandungan kurikulum *qirā'āt*. Ini dapat dilihat dalam dua item kandungan KQ iaitu penguasaan *farsh ḥurūf* dari surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Taubah dan penguasaan matan al-Shāṭibī berada di tahap kurang memuaskan. Ini bermakna dalam penilaian kandungan kurikulum *qirā'āt*, keputusan perubahan kepada aspek kandungan silibus di tahap neomobilistik tetapi aspek masa dan kemudahan ABM berada di tahap inkremental. Ini menunjukkan ketiga-tiga aspek berada teguh tetapi masih perlu dimurnikan untuk mengekalkan pencapaian kurikulum *qirā'āt* dalam proses pelaksanaan.

Manakala aspek kandungan silibus kurikulum dari persepsi pelajar menggambarkan tiada aspek yang berada di tahap memuaskan, hampir keseluruhan aspek berada di tahap memerlukan sedikit pemurniaan dan penambahbaikan iaitu aspek elemen biografi *qurrā' dan rāwī*, bacaan surah al-Fatihah hingga akhir surah al-Baqarah dengan pelbagai bacaan *qirā'āt*, kaedah *uṣūl qirā'āt* dari surah al-Fatihah hingga surah al-Taubah, matan al-Shāṭibī, sebutan bacaan seperti *taqlīl, taghlīz lām, tarqīq rā'* dan sebagainya serta bacaan *qirā'āt ifrād*. Ini dibuktikan dengan lapan item berada di tahap interpretasi min sederhana tinggi sehingga pelajar berasa kurang mampu untuk memperbetulkan kesalahan bacaan *qirā'āt* menurut ṭarīq al-Shāṭibī. Bahkan terdapat dua aspek yang menggambarkan keputusan neomobilistik yang perlu kepada satu usaha yang inovatif dan perubahan besar dalam aspek penguasaan *farsh ḥurūf* dari surah al-Fatihah hingga surah al-Taubah.

Dalam aspek peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran secara umumnya menunjukkan tahap inkremental yang memerlukan sedikit perubahan. Hanya tiga aspek yang berada di tahap tinggi iaitu peruntukan masa satu semester untuk menguasai surah al-Fatihah mengikut ṭarīq al-Shāṭibī mencukupi, satu semester memahami dua *rubu'* surah al-Baqarah mengikut ṭarīq al-Shāṭibī adalah sesuai dan memperuntukkan masa khusus untuk mengajar *qirā'āt*. Perubahan yang perlu dilakukan di sini ialah dari aspek penggunaan masa dan kualiti masa bukan perubahan kepada kuantiti masa kerana aspek-aspek lain hanya berada di tahap inkremental yang memerlukan sedikit penambahbaikan. Tetapi terdapat beberapa kelemahan lain dalam aspek peruntukan masa yang perlu kepada perubahan besar yang melibatkan kuantiti masa daripada persepsi pelajar iaitu empat aspek yang berada di tahap neomobilistik dari aspek kecukupan masa pengajian yang merangkumi peruntukan satu semester untuk menghafaz *matan qirā'āt*, satu semester untuk menguasai surah al-Baqarah mengikut

ṭarīq al-Shāṭibī dan satu semester menguasai bacaan *farsh ḥurūf* surah al-Nisa' hingga surah al-Taubah.

Kemudahan ABM berada di tahap inkremental yang tidak melibatkan perubahan besar-besaran, hanya perlu kepada penambahbaikan sedikit dalam aspek penggunaan ABM dan kecukupan bekalan ABM. Tahap kepuasan hati pensyarah terhadap penyediaan bekalan oleh pihak pentadbiran DQ dan MTQ juga baik tetapi memerlukan sedikit pengemaskinian bagi melancarkan proses pelaksanaan kurikulum *qirā'āt*, ini disokong dengan hasil dapatan menunjukkan bahawa pensyarah amat bersetuju tentang penggunaan ABM yang berkesan akan mengukuhkan penguasaan *qirā'āt*. Begitu juga dengan pelajar yang bersetuju dengan kecukupan ABM dalam p&p *qirā'āt* dan bersetuju dengan penggunaan ABM yang sesuai dan berkesan akan meningkatkan tahap pencapaian kurikulum *qirā'āt* di tahap inkremental tetapi masih perlu diperbaiki supaya mutu dan kualiti p&p kurikulum *qirā'āt* dipertingkatkan.

5.4.3 Implikasi Penilaian Pelaksanaan Kurikulum *Qirā'āt*

Aspek penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* adalah satu aspek yang penting dan kompleks dalam pendidikan *qirā'āt*. Keputusan keseluruhan dalam semua aspek-aspek ini menggambarkan tahap inkremental. Walaupun dapatan keputusan aspek-aspek penilaian pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* seperti kaedah *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali*, aktiviti-aktiviti pengajaran *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali* ialah homostatik yang perlu dikekalkan keseimbangan yang sedia ada dalam pelaksanaan kurikulum *qirā'āt*. Namun terdapat perubahan inkremental perlu dilakukan dalam aspek kaedah-kaedah pembelajaran *Qirā'āt 'Ilm* iaitu kaedah kuliah dan syarahan, pembentangan, penggunaan buku teks, lakaran dan lukisan untuk menerangkan makna perkataan *qirā'āt*. Ini bermakna aspek-aspek ini akan melibatkan sedikit perubahan.

Aspek kaedah-kaedah pembelajaran *Qirā'āt Amali* yang terlibat dengan proses pemurnian ialah aspek kaedah *tikrār* tanpa melihat buku dan sering menjawab secara

lisan soalan-soalan Qirā'āt Amali yang dikemukakan tanpa melihat buku. Begitu juga dengan keputusan kaedah pengajaran dan pembelajaran Qirā'āt Amali dalam aspek tidak banyak membuat pembetulan kesalahan semasa membaca menurut ṭarīq al-Shāṭibī berada di tahap neomobilistik yang memerlukan perubahan besar-besaran yang perlu diberi perhatian serius dan tindakan segera.

Aspek aktiviti pengajaran Qirā'āt 'Ilm yang perlu kepada tahap penambahbaikan tetapi secara kecilan iaitu aspek membuat lakaran peta minda semasa kelas *qirā'āt*. Manakala dari aspek aktiviti pembelajaran Qirā'āt 'Ilm juga hanya memperlihatkan satu aspek sahaja berada di tahap homostatik iaitu aspek penggunaan bahasa yang mudah dan jelas dalam pengajaran dan pembelajaran. Manakala aspek-aspek lain dalam aktiviti pembelajaran Qirā'āt 'Ilm berada di tahap keputusan inkremental yang perlu sedikit usaha penambahbaikan.

Aspek aktiviti pengajaran Qirā'āt Amali yang memerlukan kepada sedikit penambahbaikan ialah aspek melibatkan pelajar dengan situasi sebenar supaya mempraktikkan bacaan *qirā'āt* dalam solat semasa menjadi imam.

Begitu juga aspek aktiviti pembelajaran Qirā'āt Amali hanya tiga aspek sahaja yang terlibat dengan perubahan inkremental iaitu sedikit pemurnian dalam aspek aktiviti perbincangan matan al-Shāṭibī sebelum kelas bermula, praktikal bacaan *qirā'āt* dalam solat sebagai imam dan pembentangan ujian amali.

Terdapat satu aspek yang menampakkan keputusan neomobilistik iaitu perubahan secara besar dalam aspek sering membawa pelajar ke makmal al-Quran. Ini menunjukkan bahawa penggunaan makmal al-Quran amat kurang dilaksanakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Aspek ini perlu diberi perhatian serius kerana tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dalam proses pelaksanaan kurikulum *qirā'āt*.

Kekerapan penggunaan ABM dalam pengajaran kurikulum *qirā'āt* berada di tahap neomobilistik yang memerlukan perubahan secara besaran terutama dalam aspek penggunaan kaset rakaman, perisian *qirā'āt*, komputer, LCD, OHP dan jaringan internet dan ini dikukuhkan lagi dengan hasil dapatan pembelajaran kekerapan penggunaan ABM yang juga menampakkan keputusan metamorphik yang memerlukan perubahan keseluruhannya. Ini bermakna penggunaan ABM yang berbentuk ICT amat kurang digunakan dan perlu perubahan besar dan dikemaskini secara menyeluruh terhadap sistem pendidikan *qirā'āt* lebih-lebih lagi pelaksana kurikulum juga mengakui keberkesanan penggunaan ABM boleh membantu tahap pencapaian pelajar.

Hanya terdapat dua aspek sahaja dalam pengajaran dan pembelajaran kurikulum *qirā'āt* yang berada di tahap homostatik iaitu aspek buku teks atau buku rujukan dan papan tulis. Manakala penggunaan radio serta televisyen dan kad imbasan serta kad manila menampakkan keputusan metamorphik yang memerlukan perubahan menyeluruh. Bahkan penggunaan ABM bersifat elektronik juga memerlukan perubahan secara menyeluruh kerana amat kurang dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* kerana pensyarah lebih menggemari dan lebih yakin dengan penggunaan kaedah tradisional.

5.4.4 Implikasi Penilaian Pencapaian *Qirā'āt*

Kajian ini mendapati implikasi penilaian pencapaian *qirā'āt* menghasilkan keputusan neomobilistik perlu dilakukan dalam pencapaian serta penguasaan pengajian *qirā'āt*. Aspek yang memerlukan perubahan secara besar-besaran ialah aspek pencapaian keputusan ujian *shafawī qirā'āt*. Walau bagaimanapun terdapat satu aspek yang berada di tahap teguh iaitu aspek hasil pengajaran kurikulum *qirā'āt* yang wajar dikekalkan. Ini meletakkan penilaian pencapaian *qirā'āt* berada di tahap sederhana. Hanya terdapat sembilan aspek yang memerlukan usaha penambahbaikan iaitu aspek hafazan *matan-matan al-Shāṭibī*, aspek teori *matan al-Shāṭibī*, aspek bacaan *uṣūl qirā'āt* dan *farsh*

ḥurūf, aspek bacaan ayat-ayat al-Quran mengikut *Qirā'āt Tujuh*, aspek bacaan *farsh huruf* di dalam surah al-Baqarah sehingga surah al-Taubah, aspek bacaan *ishmām al-Ṣād* seperti *al-Zāy*, bacaan *rawm* dan aspek kemampuan menerangkan kaedah-kaedah bacaan *Qirā'āt Sab'ah* kepada masyarakat dan membaca al-Quran dengan pelbagai kaedah bacaan *qirā'āt*.

Aspek meningkatkan takjub keagungan al-Quran dan memelihara *ḥabl min Allāh* dan *ḥabl min al-Nās* sahaja yang berada di tahap teguh dan perlu dikekalkan dalam hasil pembelajaran. Manakala aspek-aspek lain berada di tahap inkremental yang perlu kepada inovasi dan sedikit penambahbaikan yang berterusan

Dalam aspek bacaan *qirā'āt* memerlukan sedikit perubahan dan penambahbaikan yang berterusan tetapi aspek bacaan *dalīl* memerlukan perubahan besar yang lebih efektif perlu dilakukan untuk memperbaiki kemampuan dan kebolehan pelajar menguasai kurikulum *qirā'āt*.

5.5 CADANGAN

Secara keseluruhannya, objektif kajian untuk menilai pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* yang dilaksanakan di dalam Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, JAKIM di DQ dan MTQ di Malaysia telah berjaya dicapai. Kesemua hasil dapatan bagi setiap sub komponen telah memberikan bentuk perubahan yang perlu dilakukan dalam menjadikan pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* ini lebih efektif dan berkesan. Kesemua konstruk mempunyai hubungan yang sangat signifikan antara satu sama lain dalam menjayakan pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ di Malaysia.

Dapatan yang dibincangkan mendedahkan kekuatan yang sedia ada dalam pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ. Begitu juga terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan yang dikesan dalam proses pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* ini yang memerlukan kepada pemurnian. Kekuatan dan kelemahan ini juga memerlukan

perancangan dan tindakan yang terperinci serta berbeza mengikut tahap yang telah dibincangkan.

Oleh yang demikian, beberapa langkah dan cadangan dikemukakan dalam kajian ini bagi membantu semua pihak terlibat dalam usaha mempertingkatkan serta membuat penambahbaikan untuk menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran yang lebih cemerlang dalam menghasilkan penguasaan *qirā'āt* yang sangat memuaskan.

5.5.1 Cadangan kepada Kementerian Pelajaran dan KPT

Pendidikan *qirā'āt* adalah bidang yang penting dalam pendidikan tahfiz al-Quran kerana pendidikan *qirā'āt* menjamin *manhaj* bacaan dan sebutan kalimah-kalimah al-Quran dan *ṭarīq* menunaikannya dari segi persamaan dan perselisihan serta menyandarkan setiap bentuk bacaan kepada perawinya. Malahan kepentingan mempelajari kurikulum *qirā'āt* ialah tuntutan fardhu kifayah dan pengajian *qirā'āt* juga menjamin sumber-sumber yang dipindahkan (*al-Naql*) secara *ṣahīḥ* dan *mutawātir* daripada imam *qirā'āt* yang bersambung *sanad* mereka dengan Rasulullah SAW. Ia juga merupakan satu matlamat untuk mengetahui dan memahami kitab Allah secara teori dan amali yang digunakan oleh para ulama salaf.

Oleh yang demikian berdasarkan kepentingan-kepentingan tersebut, pihak Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam penggubalan sesuatu kurikulum pelajaran dalam sistem pelajaran di Malaysia dapat bersama-sama terlibat dalam membina dan menggubal kurikulum *qirā'āt* agar matlamat, objektif dan kandungan silibus selari dengan Falsafah Pendidikan Negara. Ini secara tidak langsung dapat memperkasakan proses pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di Malaysia dan sudah pasti akan membantu perkembangannya dengan lebih meluas.

Pihak kementerian perlu menjadikan pendidikan *qirā'āt* sebagai sebahagian daripada kurikulum dalam pendidikan negara di semua peringkat pengajian bermula

dari peringkat rendah sehingga peringkat IPT dan mengambil kira keperluan masyarakat dalam mewujudkan budaya cintakan al-Quran serta masyarakat yang celik al-Quran dengan menyediakan silibus kurikulum *qirā'āt* yang bersesuaian.

Subjek ilmu *qirā'āt* yang dilaksanakan di Institusi-institusi Pengajian Tinggi perlu dinaiktaraf sebagai satu sub bidang dalam bidang pengajian Islam di peringkat IPT. Secara tidak langsung akan membuka ruang perjawatan kepada golongan profesional yang berlatar belakang pengkhususan *qirā'āt* sebagai tenaga pengajar yang akan melaksanakan kurikulum *qirā'āt*.

Bahkan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* seperti bahan ABM dan tenaga-tenaga pakar dalam bidang ICT dalam aspek bekalan dan penggunaannya boleh diambilalih oleh pihak kementerian untuk menyediakan peruntukan yang cukup dalam aspek ABM seperti perisian *qirā'āt* yang perlu diusahakan dan diperbanyakkan.

Pihak kementerian juga perlu mewujudkan institusi pengajian tinggi dalam bidang pengajian Islam yang mempunyai pengkhususan bidang *qirā'āt* seperti idea penubuhan universiti. Pendidikan *qirā'āt* boleh dijadikan salah satu subjek elektif di dalam bidang pengajian Islam dan boleh dipelajari oleh semua pelajar dalam pelbagai bidang. Secara tidak langsung ini akan dapat melahirkan golongan profesional dan ilmuan yang mempunyai nilai tambah dalam ilmu pengetahuan iaitu kemahiran dalam bidang *qirā'āt*.

5.5.2 Cadangan kepada Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran

Pendidikan *qirā'āt* merupakan satu sub bidang pengajian yang dilaksanakan di DQ (JAKIM) dan MTQ perlu memantau dan membuat permurnian serta penambahbaikan dari semasa ke semasa dalam melahirkan *huffāz* yang benar-benar kompeten dalam pengajian *qirā'āt*.

Penyediaan latihan, kursus dan bengkel sama ada jangka panjang atau jangka pendek perlu diberi perhatian dalam memberi maklumat-maklumat perguruan terutama aspek pengajaran dan pembelajaran. Hasil dapatan menunjukkan 97.8% di kalangan pensyarah yang terlibat dengan p&p kurikulum *qirā'āt* tidak memiliki kelayakan ikhtisas dalam perguruan. Ini menyebabkan pensyarah amat menggemari kaedah tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* lebih-lebih lagi kajian mendapati majoriti pensyarah mendapat pendidikan di luar negara. Pensyarah memiliki kemampuan yang tinggi dalam ilmu *qirā'āt* tetapi kemampuan itu perlu kepada latihan dan kursus yang tersusun supaya dapat memberi sumbangan dalam proses pengajian *qirā'āt*.

Peruntukan masa perlu dikaji semula dan ditambah baik dalam sistem pendidikan *qirā'āt* lebih-lebih lagi subjek *Qirā'āt Amali* yang memfokuskan kaedah *talaqqī dan mushāfahah*. Berdasarkan dapatan kajian peruntukan satu semester untuk menghafaz *matan qirā'āt*, satu semester untuk menguasai surah al-Baqarah mengikut *ṭarīq al-Shāṭibī* dan satu semester menguasai bacaan *farsh ḥurūf* surah al-Nisa' hingga surah al-Taubah perlu dibincangkan untuk meningkatkan kemampuan pelajar dalam pengajian *qirā'āt*.

Kemudahan infrastruktur dan prasarana DQ dan MTQ perlu dipertingkatkan. Kelas pengajian, kelengkapan bilik kuliah, makmal komputer dan makmal al-Quran yang kondusif perlu diwujudkan dalam keadaan yang terkawal dengan pemantauan dan penyelenggaraan perlu dilakukan dari semasa ke semasa untuk menjamin kelangsungan proses pengajaran dan pembelajaran yang selesa.

Kemudahan ABM dan kaedah penggunaannya yang berorientasikan teknologi maklumat dan bersifat elektronik perlu disempurnakan selaras dengan perkembangan ICT. Begitu juga dengan bahan-bahan pengajaran yang interaktif khusus untuk proses pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* seperti perisian *qirā'āt* perlu dibina untuk memantapkan penguasaan *qirā'āt*. Perkara ini secara tidak langsung akan menjadikan

penggunaan masa yang berkualiti dan akan mengurangkan bebanan pensyarah dalam melatih pelajar-pelajar yang berdikari sehingga meningkatkan jati diri dan rasa tanggungjawab dalam diri mereka.

5.5.3 Cadangan kepada Pelaksana Kurikulum

Pensyarah merupakan kayu ukur penentu kejayaan dan kegagalan dalam sesuatu kurikulum kerana mereka bertanggungjawab dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kurikulum. Mereka perlu menyedari golongan pelajar kini sangat obses dengan dunia ICT. Lantaran itu pensyarah perlu mempunyai kemahiran dalam menggunakan dan mengendalikan peralatan-peralatan ICT dengan mengikuti kursus dan bengkel yang disediakan. Pensyarah perlu mengaplikasikan kaedah pengajian secara tradisional dengan kaedah masa kini.

Malahan pensyarah juga perlu sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan mereka dengan membuat penyelidikan dan kajian terhadap pelaksanaan kurikulum *qirā'āt*. Secara tidak langsung pensyarah akan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan penyelidikan yang menemukan kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan.

5.5.4 Cadangan kepada Penyelidikan Lanjutan

Kajian yang dijalankan ini telah dapat memberikan gambaran secara terperinci kepada proses pelaksanaan kurikulum *qirā'āt* di DQ dan MTQ. Walau bagaimanapun batasan kajian hanya tertumpu kepada *Qirā'āt 'Ilm* dan *Qirā'āt Amali* dan penilaian juga terhadap kepada empat elemen sahaja iaitu kurikulum, kandungan, pelaksanaan dan pencapaian *qirā'āt*. Penyelidikan terhadap pendidikan *qirā'āt* ini juga masih di peringkat permulaan dan masih belum meluas seperti bidang-bidang penyelidikan lain di Malaysia. Sehubungan dengan itu, terdapat banyak ruang dalam bidang *qirā'āt* yang belum dikaji dan dibincangkan. Oleh itu penyelidik mencadangkan kepada penyelidik-penyelidik

pada masa hadapan memberi tumpuan kepada faktor-faktor yang dinyatakan di bawah ini:

- i. Dicadangkan kajian seperti ini diperluaskan dengan mengkaji sampel yang terdiri daripada seluruh institusi pengajian *qirā'āt* swasta yang menggunakan kurikulum *qirā'āt* sendiri.
- ii. Kajian lanjutan berkaitan mengenalpasti hubungan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan tahap penguasaan *qirā'āt* boleh dilakukan. Kajian ini akan dapat mengenalpasti kaedah yang terbaik dalam pencapaian *qirā'āt* yang seharusnya diberi penekanan. Secara tidak langsung akan menyumbang ke arah penguasaan *qirā'āt* yang berkesan.
- iii. Kajian lanjutan juga boleh dilakukan dengan menggunakan reka bentuk kajian lain seperti bentuk kajian kualitatif, kajian eksperimen dan sebagainya supaya permasalahan yang berlaku dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* dapat diperhalusi dengan terperinci dan diberi jalan penyelesaian yang terbaik.

BIBLIOGRAFI

BUKU BAHASA MELAYU

Ab Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, *Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011.

Ab Rahim Selamat, *Pengurusan Sekolah Bestari*. Johor: Penerbit Badan Cemerlang Sdn Bhd, 2005.

Abd Rahim Abd Rashid, *Falsafah Budaya dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003.

Abdul Fatah Abdul Malik dan Mohd Majid Konting, *Memahami Penyelidikan Pendidikan: Satu Pengenalan*. Serdang: Fakulti Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia, 1993.

Abdul Rahim Hamdan, *Pengajian Kurikulum Ed.per-1*. Skudai, Johor: UTM, 2007.

Ahmad Mahdzan Ayob, *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983.

Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam: KPLI Pengajian Islam & JQAF*. Ed. ke-2. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd, 2011.

Ahmad Mohd Salleh. *Pendidikan Islam Falsafah, (Sejarah dan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran)*. Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd, 2004.

Al-Na'imi, Abdullah al-Amin, *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994.

Al-Shaybanī, 'Umar Muḥammad al-Thoumī, *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah: Falsafah Pendidikan Islam*, dirumikan oleh Hassan Langgulung. cet.per.1, Jakarta: Bulan Bintang, 1979.

Al-Sūrī, 'Abd al-Fattāh Abū Ghuddah al-Halabī, *Al-Rasūl al-Mu'allim*, dirumikan oleh Shuhadak Mahmud dalam 40 teknik Rasulullah Mengajar (Seremban: al-Azhar Media, 2013).

Aziz Yahya et.al, *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, 2007.

Azizi Yahya et.al., *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Wangsa Melawati, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd, 2007.

Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, Malaysia Sdn Bhd, 2006.

Ee Ah Meng, *Ilmu Pendidikan Pengetahuan dan Ketrampilan Ikhtisas*. Shah Alam: Fajar Bakti. 2005.

- Ghazali Darusalam, *Pedagogi Pendidikan Islam*. Terb.1. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 2001.
- Ibn Khaldūn, *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
- Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2001.
- Imam Barnadib, *Arti dan Sejarah Metode Pendidikan*. T.C Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-KIP, 1982.
- Imam Barnadib, *Sistem-sistem Filsafat Pendidikan c.iv*. Jogjakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, 1969.
- Ishak Ramly, *Inilah Kurikulum Sekolah*. 2003; cet.ke-3, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd, 2008.
- Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, *Laporan, Kementerian Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, Ed.per-1. Cet.per-1, UTM: Skudai Johor, 2007.
- Kamus Dewan*, Ed. ke-4 cet.per-1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
Kementerian Pendidikan Malaysia, *Akta Pendidikan 1996* {Peraturan-peraturan (Kurikulum Kebangsaan) Pendidikan 1997}. Kuala Lumpur: KPM, 1997.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, *Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982.
- Lay Yoon Fah dan Khoo Chwee Hoon, *Pengenalan kepada Pendekatan Kuantitatif dalam Penyelidikan Pendidikan*. Sabah: Universiti Malaysia Sabah, 2013.
- Mohammad Najib Abdul Ghafur, *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia: Skudai, 2001.
- Mohd Daud Hamzah, *Penerokaan Teori Kurikulum*. Kuala Lumpur: DBP, 1993.
- Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. 1990; cet. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Mohd Rahim Jusoh, *Pengenalan Ilmu Qirā'āt*. Selangor: Mahsuri Sdn.Bhd., 2001.
- Mohd Shaffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995.
- Mohd Yusuf Ahmad, *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005.
- Mok Soon Sang, *Pengurusan Kurikulum*. Puchong, Selangor: Multimedia, 2009.

- Mok Soon Sang. *Literature dan Kaedah Penyelidikan*. Terb.1. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd, 2009.
- Najib Tun Razak, *Amanah Tahun Baru 1999*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999.
- Nik Azis Nik Pa, *Isu-isu Kritikal dalam Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab*. Selangor: Hazrah Enterprise, 2007.
- Nik Aziz dan Ng See Ngean, “*Kajian Tentang Pelaksanaan Matematik KBSM: Fenomena Tahun Pertama 1989 dan Kedua 1990*”. Laporan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 1991.
- Noor Hisham Md.Nawi, *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam*. cet.per-1, Perak: UPSI, 2011.
- Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, Malaysia Sdn. Bhd, 2010.
- Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif (Pengenalan kepada Teori dan Metod)*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009.
- Othman Talib, *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2013.
- Pharmjit Singh dan Chan Yuen Fook, *Panduan Komprehensif Penulisan Cadangan Penyelidikan*. Shah Alam: UPENA, UITM, 2010.
- Rahim Abdullah, *Asas Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications& Distributors, 2001.
- Rahim Jusoh, *Pengenalan Ilmu Qirā'āt*. Batu Caves, Selangor: Mahsuri Timur, 2001.
- Raja dan Ayadurai Ietchumanan, *Tamadun Dunia*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1999.
- Richard L.Levin and David S.Rubin, *Statistic Untuk Pengurusan* terj. Susila Munisamy dan Halimah. Petaling Jaya: Rintice Hall, 2000.
- Sabitah Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd, 2005.
- Saedah Siraj, *Kurikulum Masa Depan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2008.
- Saedah Siraj, *Perkembangan Kurikulum, Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Alam Pintar Enterprise, 2000.
- Samaruddin Rejab & Nazri Abdullah, *Panduan Menulis Tesis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982.

Sharifah Nor Puteh, *Penyemakan Semula Kurikulum Persekolahan*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia 2000.

Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Universiti Putra Malaysia: Serdang, 2002.

Sufean Hussin, *Pendidikan di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Ed.ke-2. 2004; cet.ke-2, Kuala Lumpur: DBP, 2008.

Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan dalam Panduan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd 2003.

Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal dan tesis)*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications&Distributors Sdn.Bhd, 2005.

Syed Alwi Tarmizi et.al, *Isu Semasa Pengajian Quran dan Sunnah*. Nilai, Negeri Sembilan: FPQS KUIM, 2005.

Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. DBP: Kuala Lumpur, 1992.

Vincet Pang dan Denis Lajium, *Penilaian dalam Pendidikan*.Sabah: UMS, 2010.

Wawan Djunaedi, *Sejarah Qirā'āt*. Indonesia: Jakarta, Pustaka STAINU, 2008.

Yap Yee Khiong, Wan Chwee Seng dan Ismail Abu Bakar, *Pengukuran dan Penilaian dalam Pendidikan*. Petaling Jaya: Heinemann Educations Books (Asia) Ltd, 1987.

Yusup Hashim, *Konsep dan Perkembangan Kurikulum dan Instruksi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2000.

Yusup Hashim, *Teknologi Pengajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd, 1998.

BAHASA ARAB

Al-Quran

‘Abbās, Faḍl Ḥasan, *al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah wa mā Yata'allaqu bihā*. ‘Amman: Dār al-Nafā'is, 1428H/ 2008M.

‘Abd al-Latīf, ‘Amad bin Sayf bin ‘Abd al-Rahmān, *Āthār Ḥalaqāt Tahfīz al-Qur'ān al-Karīm ‘Alā al-Taḥsīl al-Dirāsī wa al-Qayyīm al-Khuluqīyyah*. Cet.per-1, Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su’ūdiyyah: Dār Kunūz Ishbiliyyan, 1431H/2010M.

‘Iṭr, Ḥasan Ḍiyā’ al-Dīn. *Al-Aḥruf Sab’ah wa Manzilah al-Qirā'āt minhā*. Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 1988.

‘Uthmān, Husnī Shaykh, *Ḥaq al-Tilāwah*. ‘Amman: Dār Juhaynah, 1424H/2004M.

‘Uthmān, Husnī Shaykh, *Uṣūl Tadrīs al-Tajwīd ‘alā Riwāyah Haḥṣ ‘an ‘Āsim min Ṭarīq al-Shāṭibīyyah*. cet.per-1, Mekah al-Mukarramah: Dār al-Ṭayyibah al-Hadrā’, 1426H/2005M.

Abādī, Al-Fayrūz, “*Qarā’a*,” dalam *Al-Qāmūs al-Muhīt*. Beirut: Mua’ssasah al-Risālah 1419H/1998M.

Abū al-Khayr, Muḥammad, *Al-Uṣūl wa al-Thawābit lil Qurrā’ min Ṭarīq al-Shāṭibīyyah*. Ṭanṭā: Dār al-Ṣaḥābah lil Turāth, 1422H/2002M.

Abū Sulaymān, Ṣābir Ḥasan, *al-Taysīr fī al-Qirā’āt al-Sab’ al-Mashūrah wa Tawjīhahā*. Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub, 1415H/1994M.

Al-‘Abaydī, Fathī, *Al-Jam’ bi al-Qirā’āt al-Mutawātirah* (cet. per-1, Beirut: Dār Ibn Ḥizām, 1427H/2006M.

Al-‘Asqalānī, Aḥmad ‘Alī bin Hajar, *Fath al-Bārī Sharh Ṣaḥīh al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1421H/2000M.

Al-Baylī, Aḥmad, *Al-Ikhtilāf bayna al-Qirā’āt*. Beirut: Dār al-Jīl, 1404H/1984M.

Al-Bazmūl, Muḥammad ‘Umar bin Sālim, *Al-Qirā’āt wa Āthāruhā fī al-Tafsīr wa al-Aḥkām*. Jilid 1. Riyadh: Dār al-Hijrah, 1417H/1996M.

Al-Dabbā’, ‘Alī Muḥammad, *Al-‘Idā’ah fī Bayān ‘Uṣūl al-Qirā’āt*. Mesir: al-Mursalāt, 1404H/1985M.

Al-Dabbā’, ‘Alī Muḥammad, *Kitābān fī al-Qirā’āt al-Ashr. (taḥqīq) Ibrāhīm ‘Utawah ‘Iwaḍ*. Kaherah: Maktabah wa Maṭba’ah al-Bābī al-Halabī 1404H/1974M.

Al-Dakhīl, Dakhīl ibn ‘Abdullāh, *Iqra’ al-Qur’ān al-Karīm Manhajuhu wa Shurūṭuhū wa Asālībuhu wa Adābuhu*. Jeddah: Markaz al-Dirāsāt wa al-Ma’lūmāt al-Qur’āniyyah bi Ma’ahad al-Imām al-Shāṭibī, 1429H/2008M.

Al-Dānī Abī ‘Umar, ‘Uthmān ibn Sa’īd, *Al-Taysīr fī al-Qirā’āt al-Sab’a*. Ṭanṭā: Dār al-Ṣaḥābah li al-Turāth, 1427H/2006M

Al-Dānī, Abū ‘Amrū ‘Uthmān bin Sa’īd, *Kitāb al-Taysīr fī al-Qirā’āt al-Sab’*. Beirut, Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1426H/2005M.

Al-Dhahabī, Abū Abd Allāh Muḥammad ibn Aḥmad, *Ma’rifah al-Qurrā’ al-Kibār ‘alā Ṭabaqāt wa al-‘Aṣr*. Beirut: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997.

Al-Dimyāṭī, Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Abd al-Ghānī, *Ithāf al-Fuḍalā’ al-Bashar bi al-Qirā’āt al-‘Arba’ ‘Ashr*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1419H/1998.

Al-Ḥabash, Muḥammad, *Al-Qirā’āt al-Mutawātirah: wa atharuhā fī al-Rasm al-Quranī wa al-Aḥkām al-Shar’iyyah*. Beirut: Dār al-Fikr, 1419H/1999M.

Al-Ḥabash, Muhammad, *Kaifa Taqra’ al-Qur’ān*. Cet. per-1, Suriyyah: Dār al-‘Ashma’, 1419H/1998M.

Al-Jazarī, Abī al-Khayr Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Yūsuf al-Dimashqī Ibn, *Al-Nashr fī al-Qirā’āt al-‘Ashr*. Jilid 1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1423H/2002M.

Al-Jazarī, Abī Shāmah al-Dimashqī, *Ibrāz al-Ma’ānī min Hirz al-Amānī fī al-Qirā’āt al-Sab’*. Kaherah: Maktabah wa Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1402H/1891M.

Al-Majīdī, ‘Abd al-Salām Maqbal, *Talaqqī al-Nabī Alfāz al-Qur’ān al-Karīm*. Cet.per-1, Beirut, Lubnan: Mu’assash al-Risālah, 1421H/2000M.

al-Nawawī, Mahyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf, *al-Minhāj fī Sharh Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Ḥajjāj al-Musammā Ikhtṣārān Sharh Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār al-Khayr, 1414H/1994M.

Al-Nuḥḥās, ‘Alī Muḥammad Tawfiq, *Muqaddimah fī ‘Ulūm al-Qirā’āt*. Ṭantā: Dār al-Ṣaḥābah li al-Turāth, 1425H/2004M.

Al-Qādī, ‘Abd al-Fattāḥ *Al-Wāfi fī Sharh al-Shāṭibiyyah*. Jumhuriyyah Miṣr al-‘Arabiyyah: Dār al-Salam, 1429H/2008.

Al-Qādī, ‘Abd al-Fattāḥ, *al-Budūr al-Zāhirah fī al-Qirā’āt al-‘Ashr al-Mutawatirah min ṭāriq al-Shāṭibiyyah wa al-Durrah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arābī, 1401H/1981M.

Al-Qādī, ‘Abd al-Fattāḥ, *al-Budūr al-Zāhirah fī al-Qirā’āt al-‘Ashr al-Mutawātirah min ṭariqay al-Shāṭibiyyah wa al-Durrah*. Kaherah: Maktabah ‘Isā al-Bāb al-Ḥalabī, 1415H/1955M.

Al-Qādī, ‘Abd al-Fattāḥ, *Al-Wāfi fī Sharh al-Shāṭibiyyah*. cet.per-1, al-Qāherah: Dār al-Salam, 1423H/2003M.

Al-Qardāwī, Yūsuf, *Al-Ḥal al-Islāmī Farīdah wa Ḍarūrah*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1993.

Al-Qaṭṭān, Mannā’, *Mabāḥith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Kaherah: Maktabat Wahbat, 1996. Al-Qaṭṭān, Mannā’, *Nuzūl al-Qur’ān ‘alā Sab’ah Aḥruf*. al-Qāherah: Maktabat Wahbah, 1991M/1411H.

Al-Qaysī, Alī Muḥammad Makkī bin Abī Ṭālib, *al-Kashf ‘an Wujūh al-Qirā’āt al-Sab’ wa ‘Ilalluhā wa Hujajihā (taḥqīq)* ‘Abd al-Raḥīm al-Ṭarhūnī. Jil.1. al-Qāherah: Dār al-Ḥadīth, 1428H/2007M).

Al-Ra’īnī al-Andalusī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Sharīh, *Al-Kāfi fī al-Qirā’āt al-Sab’ (taḥqīq)* Aḥmad Maḥmūd ‘Abd al-Samī’ al-Shafī’ī. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1421H/2000M.

Al-Suyūfī, ‘Abd Raḥmān Abī Bakr, *Al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Jilid pertama. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1427H/2006M.

Al-Zafzaf, Muḥammad, *al-Ta’rīf bi al-Qur’ān wa al-Ḥadīth*. Kuwait: Maktabah al-Fallāḥ, 1984M /1404H.

Al-Zarkashī, Badr al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd Allāh, *Al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Kaherah: Maktabah ‘Isā al-Bāb al-Ḥalabī, 1972.

Al-Zuḥaylī, Wahbah, *Al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī’at wa al-Manḥaj*. Juzu’ 5-6. Damshiq: Dār al-Fikr, 1423H/2003M.

Ḥabash, Muhammad, *al-Shāmil fī al-Qirā’āt al-Mutawātirah*. Damshiq: Dār al-Fikr dan Beirut: Dār al-Fikr al-Muā’şir, 1422H/2001M.

Ibn al-Jazarī, Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Yusuf, *Ṭayyibah al-Nashr fī al-Qirā’āt al-‘Ashr*. Madinah: Maktabah Dār al-Hūdā, 1415H/1994M.

Ibn al-Jazarī, Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Yusuf, *Munjid al-Muqri’īn*. Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah, 1977.

Ibn al-Jazarī, Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Yusuf ibn al-Jazarī, *Taḥbīr al-Taysīr fī al-Qirā’āt al-‘Ammah al-‘Asharah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983.

Ibn al-Jazarī, Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Yūsuf, *Munjid al-Muqri’īn wa Murshīd al-Ṭālibīn*. Kaherah: Maktabah al-Qudsī, 1400H/1980M.

Ibn al-Jazarī, Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Yūsuf, *Sharḥ Ṭayyibah al-Nashr*. Mesir: Dār al-‘Ammah lil Ma’āhid al-Azhariyyah, 1412H/1992M.

Ibn al-Jazarī, Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Yūsuf, *Ṭayyibah al-Nashr fī al-Qirā’āt al-‘Ashr*. Madinah: Maktabah Dār al-Hūdā, 1414H/1994M.

Ibn Jinnī, Abī al-Faṭḥ ‘Uthmān, *Al-Muḥtasab fī Tibyīnī Wujūh Syawādh al-Qirā’āt wa al-Īdāḥ ‘anhā*. Jilid 1. al-Qāherah: al-Majlis al-‘A’lā al-Shu’ūn al-Īslāmiyyah, 1415H/1994M.

Ibn Zanjalah, Abū Zar’ah ‘Abd Raḥman ibn Muḥammad, *Ḥujjah al-Qirā’āt*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2001.

Muḥaysin, Muḥammad Muḥammad Sālim, *Al-Irshādāt al-Jaliyyah fī al-Qirā’āt al-Sab’ min Ṭarīq al-Shāṭibiyyah*. Kaherah: al-Idārah al-‘Ammah lil Ma’āhid al-Azhariyyah, 1402H/1982M.

Muḥaysin, Muḥammad Sālim, *Al-Hādī Sharḥ Ṭayyibah al-Nashr fī al-Qirā’āt al-‘Ashr wa al-Kashf ‘an ‘Ilal al-Qirā’āt wa Tawjīhihā*. Beirut: Dār al-Jīl, 1417H/1997M.

Muḥaysin, Muḥammad Sālim, *al-Mughnī fī Tawjīh al-Qiraat al-‘Ashr al-Mutawātirat*. Beirut Dār al-Jīl dan Kaherah: Maktabah al-Kulliyah al-Azhariyyah, 1413H/1993M.

Muḥaysin, Muḥammad Sālim, *al-Muhadhdhab fī al-Qirā’āt al-Ashr wa tawjīhihā min ṭarīq Tayyibah al-Nashr*. Kaherah: al-Idārah al-‘Ammah lil Ma’āhid al-Azhariyyah, 1412H/1992M.

Muḥaysin, Muḥammad Sālim, *Fī Riḥāb al-Qur’ān al-Kārim*. Juzu’ 1. Beirut: Dār al-Jīl, 1409H/1989M.

Qābah, ‘Abd al-Ḥalīm bin Muḥammad al-Hādī, *Al-Qirā’āt al-Qur’āniyyah tārikhuha, thubūtuḥā, ḥujjiyatuhā wa aḥkamuhā*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1999.

Qābah, ‘Abd Ḥalīm ibn Muḥammad al-Hādī, *al-Qirā’āt al-Qur’āniyyah: Tārikhuḥā, Thubūtuḥā, Ḥujjiyatuhā, wa Aḥkamihā*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1999.

Qabbanī, Muḥammad Rashīd Rāghīb, *al-Tibyān fī Aḥkām Tilāwah al-Kitāb al-Mubīn*. Beirut: Dār al-Ma’rifah 1420H/1999M.

Quṭb, Ḥasan ‘Abbās, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharh al-Nawawī*, Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub, 1423H/2003M.

Sa’īd al-‘Abd Allāh, Muḥammad ‘Abd al-Ḥakīm, *al-Ma’mūl fī Sharh al-Uṣūl yahtawī ‘alā Sharh li Uṣūl al-Shāṭibiyyah*. Sūriyyah: al-Maktabah al-‘Arabiyyah, 1422H/2001M.

Sayyib, Khayr al-Dīn. *Al-Qirā’āt al-Qur’āniyyah wa Athāruhā fī al-Ikhtilāf al-Aḥkām al-Fiḥriyyah*. Beirut, Lubnan: Dār Ibn Ḥazam, 1429H/2008M.

Sayyid Lashīn Abū al-Faraḥ dan Khālīd Muḥammad al-Ḥāfiẓ, *Taqrīb al-Ma’ānī fī Sharh Ḥirz al-Amānī wa wajh al-Tahānī fī al-Qirā’āt al-Sab’*. Madinah: Maktabah Dār al-Zamān li al-Nashr wa al-Tawzī, 1413H /1993M.

Sha’bān, Muḥammad Ismā’īl, *al-Qirā’āt Aḥkāmuhāwa Maṣḍaruhā* Ed.ke-2. Kaherah: Dār al-Salām, 1420H/1999M.

Sharaf, Jamal al-Dīn Muḥammad, *Muṣḥaf Dār al-Ṣaḥābah fī al-Qirā’āt al-‘Ashr al-Mutawātirah min Ṭarīq al-Shāṭibiyyah wa al-Durrah*. Ṭantā: Dar al-Ṣaḥābah, 1426H/2006M.

Sharīf Kamal ‘Azb, *Kaifa Taqra’ al-Qur’ān al-Kārim wa Tahfazuhu wa Tajawwaduhu*. Cet. per-1, al-Qāherah: Dār al-Taqwā, 1421H/2001M.

Shu’lah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad bin al-Ḥusyan al-Mūshilī, *Sharh Shu’lah ‘alā al-Shāṭibiyyah*. Jamal al-Dīn Muḥammad Sharaf (*taḥqīq*) Ṭantā: Dār al-Ṣaḥābah li al-Turath, 1428H/2008M.

Ṣubḥī Ṣāliḥ, *Mabāḥith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 1409H/1990M.

Wulad Abbah, Muḥammad al-Mukhtar, *Tārīkh al-Qirā'āt fī al-Mashrīq wa al-Maghrīb*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. 2008.

BAHASA INGGERIS

A S Hornby, *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*. Oxford New York: Oxford University Press, 1998.

Allan C.Ornstein dan Francis P.Hinkins, *Curriculum Foundations, Principles and Issues*. Ed. ke-5. United State: Pearson Internatinal Edition, 2009.

Charles M.Judd, Eliot R.Smith and Louise H.Kidder, *Research Methods in Social Relations* International Edition, Sixth Edition. London: Harcourt Brace Jovonavich College Publishers, 1991.

Daniel L.Stufflebeam and Anthony, J.Shinkfield, *Systematic Evaluation: A Self Intructional Guide to Theory and Practice*. Boston: Kluwer-Nojhf Publishing, 1984.

Denzin, Norman.K., *The Research Act: A Theoretical introduction to Sociological Methods*. Ed. ke-2 New York: Mc Graw-Hill, 1978.

Fraenkel Jack R. and Norman E.Wallen, *How to Design and Research*. United State of America: Mc Graw Hill, Inch, 1996.

Howard Wainer & Henry I.Braun, *Test Validity*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Association Publishers, 1988.

J.Stanley Ahman, *Aspects of Curriculum Evaluation: A Synopsis*.USA: Colarado State University, 1986

John W.Best dan James V.Kahn, *Research in Education*. Ed.ke-6. United State of America: Ally&Bacon, 1998.

L.Gay, *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*. New York: Macmillan Publishing Company, 1992.

Madaus, G.F., Scriven, M.S., & Stufflebeam, D.L., *Evaluation Models, Viewpoints on Educational and Human Services Education*. Boston: Kluwer-Nijhoff Publishing, 1993.

Neuman, W.Lawrence, *Social Research Method: Qualitative and Quantitative Appraoches*. Ed. ke-5, Needham Heights: Allyn and Bacon, 2003.

Nunally J.C, *Psychometric Theory* Ed.ke-2, United State of America: Mc Graw hill, 1978.

Pallant, Julie, *SPSS Survival Manual A step by step guide to data analysis using SPSS*. Ed.ke-4. Australia: Allen&Unwin, 2011.

Patton, Micheal Q., *How to Use Qualitative Metods in Evaluation*. USA: SAGE Publications.Inc., 1987.

Richard M.Jager, *Survey Research Methods in Education: Complementary Methods for Research in Education*. Washington: American Educational Research Association, 1998.

Robert V.Krejcie dan Darylen W.Morgan, *Determining Sample Size for Research Activitie dalam Educational and Psychological Measurement*”, Vol. 30. Duluth: University of Minnersota, 1970.

Stufflebeam, Daniel L., *The CIPP Model for Evaluation*. Dordrecht: Kluwer Academic Publisher International Handbook of Education, 2003.

Stufflebeam, Daniel L., *The Relevance of The CIPP Evaluation Model for Educational Accountability*. Ohio State University: Columbus, 1971.

Uma Sekaran, *Research Methods For Bussiness A Skill-Building Approach Ed.ke-4*. Inc: US Amerika: John Wiley&Sons, 2003.

MAKALAH

Hazaruddin Baharudin, “Pengajian Tahfiz al-Quran di Malaysia: Perbandingan antara Cara Moden dan Tradisional” *Jurnal Darul Quran* 3. (cet. per-1, Kuala Lumpur :DQ, JAKIM,1997.

Muhammad Uthman el-Muhammady, “Pendidikan Islam Menurut al-Nadwi: Satu Analisis” *Jurnal Usuluddin* 11 Cet.per-1, Bah.Peng.Usuluddin APIUM (2000.

Sharifah Norshah bani Syed Bidin et.al, Pelaksanaan Manhaj Rasulullah dalam p&p Kelas al-Quran bagi Golongan Dewasa, *Jurnal Keluaran Khas*, Disember 2011 (Terengganu: Fak.Pengajian Kontemporari Islam UNISZA.

Stufflebeam, D.L & Shienkfield, A.J. The Relevance of CIPP Evaluation Model for Educationalaccountability. *Journal of Research and Development in Education* Fall, 1971.

Wan Mohamad Abd Aziz, “Permasalahan Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran” *Jurnal Darul Quran*, bil. 4. Cet.per-1, 1998.

Wan Mohamad Wan Abd Aziz, “Peranan *Huffāz* al-Quran di Alaf Baru Antara Kejutan dan Perancangan” *Jurnal Darul Qur’an* 4 cet. per-1. 1998.

BAHAN YANG TIDAK DITERBIT

Ab Rahman al-Qari Abdullah, “Pengajian Tahfiz al-Quran dan *al-Qirā’āt* di Kelantan: Tumpuan Terhadap Sumbangan Dato’ Hj Muhammad Nor bin Ibrahim.” Tesis kedoktoran, Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam: Kuala Lumpur, 2011.

Ab Rahman al-Qari bin Abdullah, “Bacaan al-Quran menurut Nafi’: Kajian di Ma’ahad Tahfiz al-Quran Pulau Chondong, Kelantan.” Tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, Akademi Peng.Islam, Kuala Lumpur, 2003.

Abdul Jalal bin Abdul Manaf, “Pengetahuan Pedagogi Kandungan dalam Kalangan Guru Ilmu *Qirā’āt* di Malaysia.” Tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013.

Abd Rahman Abd Ghani dan Zainora, “Pengajian dan Permasalahan *Qirā’āt* di IPT: Kajian di Jabatan Tahfiz al-Quran dan *al-Qirā’āt* , KUIS.” Prosiding, Seminar Keb.Penyelidikan dan Pendidikan *Qirā’āt* , Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qirā’āt , KUIS, Bangi, Selangor 24-25 Disember 2010.

Adnan Mat Ali, “Sejarah Pertumbuhan *Qirā’āt* al-Quran.” Tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005.

Aishah binti Juri, “Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu *Qirā’āt* di Darul al-Quran dan KUIS.” Tesis kesarjanaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, 2009.

Alias Mat Saad, “Penilaian Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik KPTM.” Prosiding, Seminar Penyelidikan Siswazah UKM, Selangor: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.

Azhar Ahmad (2006), “Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah.” Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006.

Azizi Hj. Yahaya, “Satu Penilaian Terhadap Keberkesanan Program Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah Di Malaysia Berdasarkan Model KIPP.” Tesis kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 1998.

Azmil bin Hashim, “Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Ma’ahad Tahfiz al-Quran Negeri.” Tesis kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 2010.

Brosur Penubuhan Ma’ahad Tahfiz al-Quran *wal Qirā’āt* Negeri Sembilan.(t.t).

Brosur Sejarah Penubuhan Ma’ahad Tahfiz al-Quran MAIK , t.t.

Buletin Jabatan Tahfiz Kolej Pengajian Islam Johor. 2008.

Darul Quran, JAKIM, “Persidangan Pengetua-pengetua Ma’ahad Tahfiz al-Quran Negeri Peringkat Kebangsaan kali ke 22” (laporan peperiksaan, Darul Quran, JAKIM, 29 Mac 2011

Darul Quran, Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan *al-Qirā’āt* (2005, cet-2, Kuala Kubu Bharu, Selangor: DQ, JAKIM, 2010.

Darul Quran, Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan *al-Qirā’āt* (2005, cet.ke-3, Kuala Kubu Bharu, Selangor: DQ, JAKIM, 2012.

Darul Quran, Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran dan *al-Qirā’āt* (Kuala Kubu Bharu, Selangor: DQ, JAKIM, 2005.

Ghazali Darussalam dan Mohd Khairi Hussin, “Penilaian Tahap Amalan Pelaksanaan Kursus Pengajian Islam Dan Hubungannya Dengan Tingkah Laku Pelajar Institusi

Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Di Malaysia.” Prosiding of the Global Summit on Education (GSE2013), Kuala Lumpur, World Conferences.net, 11-12 Mac 2013.

Ghazali Darussalam, “Keberkesanan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (Pengkhususan Pengajian Islam) di Maktab-Maktab Perguruan Malaysia.” Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003.

Ghazali Yusri et al., “Penilaian Kemahiran Lisan dalam Kurikulum Bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM).” Prosiding, Seminar Penyelidikan Siswazah UKM, Selangor: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010).

Hayati Hussin et.al, “Silibus Pengajian *Qirā’āt* di University Muhammad V Morocco dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor: Kajian Perbandingan.” Prosiding, Seminar ICIED, Bangi, Selangor: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaya, 29 November-1 Disember 2010.

Ikmal Zaidi Hashim, “Abu Bakr Ibn Mujahid dan Sumbangannya Terhadap Perkembangan Ilmu *Qirā’āt* Berasaskan Kitab al-Sab’ah.” Tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008.

Ikmal Zaidi Hashim, “Sumbangan Sheikh Abdullah al-Sanquri (Tok Senggora) sebagai ulama Nusantara yang masyhur terhadap Pengajian al-Quran di dalam Kitabnya “Mawrid al-Zam’ān fī mā yata’allaq bi Tajwīd al-Qur’ān.” Prosiding, Seminar Warisan al-Quran dan al-Hadith Nusantara, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008.

Kertas kerja penubuhan Ma’ahad Tahfiz al-Quran *wal Qirā’āt* Kerajaan negeri Perlis (1987).

Laporan Aktiviti dan Program Tahun 2007-2010, Unit Kurikulum, Cawangan Akademik, Darul Quran.

Laporan Seminar Keb.Penyelidikan dan Pendidikan *Qirā’āt* , Jabatan Tahfiz al-Quran dan *al-Qirā’āt* , KUIS, Bangi, Selangor. 24-25 Disember 2010.

Md Yunus Abd Aziz dan Mohamad Khair Hasb al-Rasoul, “Penilaian terhadap Kurikulum Pengajian Islam yang menggunakan Bahasa Arab sebagai Bahasa Pengantar.” Prosiding, Seminar Hasil Penyelidikan KUIIM 2003.KUIIM. Nilai, Negeri Sembilan), 179.

Mohamad Rabeh Abdullah, (2010) “Penilaian Pelaksanaan Kurikulum al-Azhar di Sekolah Menengah Agama Jabatan Agama Islam Selangor.” Tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010

Muhammad Fairuz A.Adi et.al, “Silibus Pengajian *Qirā’āt* di Ma’ahad *Qirā’āt* Shubrā di Mesir dan Darul Qur’an JAKIM: Kajian Perbandingan.” Prosiding Seminar ICIED, Bangi, Selangor: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaya, 29 November-1 Disember 2010), 439.

Muhammad Firdaus bin Muhammad Tarmizi, Latar belakang MTQN Perak INTIM (fail Unit Kemasukan Ma’ahad Tahfiz al-Quran Negeri Perak INTIM t.th.

Muhammad Hana Pizi Abdullah, “Pengajian *al-Qirā’āt* di Ma’ahad Tahfiz Majlis Agama Islam Kelantan: Suatu Kajian Terhadap Riwayah Shu’bah.” Tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007.

Noraini Idris, Penyelidikan dalam Pendidikan (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, Malaysia Sdn. Bhd, 2010), 172.

Penubuhan MTQMSA (fail dokumen, Ma’ahad Tahfiz al-Quran Masjid Syaidina Ali, 2011.

Rahim Jusoh, “Pengajian *Qirā’āt* Sepuluh di UIAM,” Prosiding Seminar Keb.Pendidikan dan Penyelidikan, KUIS: Bangi, Selangor, pada 24-25 Disember 2010.

Sabitah Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial* 2009 (cet.per-1, Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd, 2005.

Sabri Mohamad et al., “Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran *Qirā’āt* Pengantar *Qirā’āt* dan Hafazan di UKM.” Prosiding, Seminar Keb.Penyelidikan dan Pendidikan *Qirā’āt* , Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qirā’āt , KUIS, Bangi, Selangor. 24-25 Disember 2010.

Sedek Ariffin, “Kaedah Bacaan *Qirā’āt* Hamzah: Kajian di Darul Quran, Kuala Kubu Bharu, Selangor.” Tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008.

Sharun Nizam bin Muhammad Sukarman, “Keberkesanan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran *al-Qirā’āt Al-Sab’* Di Kelas Kemahiran Al-Quran Di Sekolah Menengah Agama Negeri Selangor Darul Ehsan.” Tesis kesarjanaan, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, 2006.

Siti Saudah binti Hj. Hassan, “Pembinaan Bahasa Arab Berasaskan *Qirā’āt* .” Tesis kedoktoran, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991.

Unit Akademik, Senarai Pelajar di DQ dan MTQN, Darul Quran 2012.

Yusof Abdul Kadir, “Analisis Diskrepansi Pelaksanaan Kurikulum *Sab’ah* di Sebuah Sekolah Menengah.” Tesis kesarjanaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2007.

Zahiah binti Haris@Harith, “Pendidikan Islam di Institusi Pendidikan Guru Malaysia di Zon Utara: Kajian Kaedah dan Keberkesanannya.” Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012.

Zawawi Ismail, “Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama.” Tesis kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 2008.

LAMAN SESAWANG

IKMAS, “Latar belakang IKMAS”, Laman sesawang dicapai pada 29 April 2013 oleh: <https://ms-my.facebook.com/IKMAS>.

INSPI, “Latar belakang INSPI”, Laman sesawang dicapai pada 10 Oktober 2013, [https://ms-my.facebook.com/Institut Pengajian Islam](https://ms-my.facebook.com/Institut.Pengajian.Islam)
IQT Terengganu, “Latar belakang IQT” laman sesawang dicapai 8 April 2013, [www. http://iqt.terengganu.gov.my/April_2013](http://iqt.terengganu.gov.my/April_2013)

JAIM, “Penubuhan MTQMSA”, Laman sesawang yang dicapai pada 1 April 2013, <http://www.jaim.edu.my/>

JAKIM, “Darul Quran”, laman sesawang Jakim dicapai 12 September 2011 <http://www.islam.gov.my/jakim>.

JHEAINS, “Ma’ahad tahfiz al-Quran Negeri Sabah”, Laman sesawang yang dicapai pada 12 April 2013, <http://www.jheains.sabah.gov.my/>

JHEAINS, “Pelajaran dan Diploma Tahfiz al-Quran”. Laman sesawang dicapai 29 Mac 2014, [www.jheains.ns.gov.my/bhgn pelajaran/Diploma Tahfiz al-Quran](http://www.jheains.ns.gov.my/bhgn_pelajaran/Diploma_Tahfiz_al-Quran).

KITAB,” Sejarah Penubuhan KITAB”, Laman sesawang dicapai pada 5 Oktober 2013 oleh <http://www.kitab.edu.my/>

KUIN, “Sejarah Penubuhan KUIN”, laman sesawang dicapai 5 Mac 2013, <http://www.insaniah.edu.my/>

Ma’ahad Tahfiz, laman sesawang dicapai 19 Januari 2012, [http://www .islam.gov.my/informasi/islam/pelbagai/ma’ahad.html](http://www.islam.gov.my/informasi/islam/pelbagai/ma'ahad.html)

MTP, “Sistem Pengajian”, Laman sesawang yang dicapai pada 2 Mei 2013, <http://www.tahfizpahang.edu.my>.

MTQ MAIK, “Sejarah MTQ MAIK”, laman sesawang dicapai 15 Mac 2013, <http://maahadtahfiz.e-maik.my/profil/latar-belakang-mtq/sejarah-mtqmaik>

TEMU BUAL

Ab Malek bin Ab Manap (Ketua Jabatan al-Quran, Darul Quran, JAKIM) dalam temu bual dengan penulis, 2 Jun 2013.

Abdul Jalal bin Abdul Manaf (Pensyarah *Qirā’āt*, DQ, JAKIM) dalam temu bual dengan penulis, 10 April 2014.

Abu Hassan Basori bin Abdullah (Ketua Jabatan Pengajian Tahfiz, IQT) dalam temu bual dengan penulis, 19 Mac 2014.

Ahmad Redzuan bin Amat (Ketua Unit DiplomaTahfiz) MTQN Pahang dalam temu bual dengan penulis, 24 Disember 2013.

Borhanuddin bin Abdul Rahman (Pensyarah *Qirā’āt*, IQT, Terengganu) dalam temu bual dengan penulis, 10 September 2013 dan 7 April 2014.

Dayang Masni Datu Saribu (Ketua Unit Tahfiz al-Quran dan *al-Qirā’āt* , MTQ Negeri Sabah) dalam temu bual dengan penulis, 13 April 2014.

Humaidi Radzli, (Penolong Pensyarah, MTQMSA) dalam temu bual dengan penulis, 18 Mac 2014.

Ikmal Shukri bin Zulkifli (Pensyarah *Qirā'āt* di DQ) dalam temu bual dengan penulis, 10 Julai 2013 dan 29 Mac 2014.

Informan 1, (Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, UNISZA), dalam temu bual dengan penulis, 3 Jun 2012.

Informan II (Pelajar *Qirā'āt*, Semester enam DQ), dalam temu bual dengan penulis, 10 April 2014.

Kadri bin Hj.Abd Hamid (Pengetua MTQ Kedah), dalam temu bual dengan penulis pada 2 Februari 2013.

Kamar Shah bin Ismail (Pensyarah *Qirā'āt*, ITQAN, Negeri Sembilan), dalam temu bual dengan penulis, 6 April 2014.

Mohamed Tahir bin Abd Manap (Pensyarah *Qirā'āt*, dan Ketua Unit HEP, Darul Quran) dalam temu bual dengan penulis, 10 Oktober 2013.

Mohd Fadly Hisyam bin Mat Jun (Timbalan Pengetua I Bah.hal Ehwal Akademik MTQN Kelantan) dalam temu bual dengan penulis pada 17 April 2013.

Mohd Fazli Ibrahim, (Penolong Pengarah, Unit Peperiksaan DQ) dalam temu bual dengan penulis, 15 Oktober 2013

Mohd Najmuddin bin Ismail (Pensyarah *Qirā'āt*, MTQ, MAIK) dalam temu bual dengan penulis, 7 April 2014.

Mohd Nazri Abdullah (Ketua Unit Kurikulum Darul Quran), dalam temu bual dengan penulis, 4 Februari 2013.

Mohd Shukeri bin Mohd Nor (Pengetua MTQ, MAIK) dalam temu bual dengan penulis pada 1 September 2013.

Mohd Zuhaidi bin Abd Rahman, Penyelaras Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, dalam temu bual dengan penulis pada 24 Disember 2013.

Muhammad Aizuddin bin Abdullah (Pensyarah *Qirā'āt*, MTQMSA) dalam temu bual dengan penulis, 25 Mac 2014.

Nadiyah binti Jaamat (Pensyarah *Qirā'āt*, di MTQMSA) dalam temu bual dengan penulis, 10 Oktober 2013.

Nazeri Abdullah, (Ketua Unit Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, IKMAS) dalam temu bual dengan penulis, 1 Mei 2013.

Norizzani bte Abu Mansor, (Penolong Pegawai,Unit Pentadbiran. MTQMSA) dalam temu bual dengan penulis, 28 Februari 2014.

Osman bin Ahmad (Pensyarah *Qirā'āt*, di MTQ INTIM, Perak) dalam temu bual dengan penulis, 13 Julai 2013.

Pelajar Banat Shu'bah Qirā'āt, (ITQAN, Negeri Sembilan), dalam temu bual dengan penulis, 16 Mac 2014.

Pelajar-pelajar Semester Lima Kelas Ibn Kathīr (Darul Quran) dalam temu bual dengan penulis, 14 Ogos 2013.

Rafidah Mohd Said (Ketua Jabatan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, MARSAH) dalam temu bual dengan penulis, 5 November 2013.

Rasidah Ashaary (Pensyarah *Qirā'āt*, di IQT, Terangganu) dalam temu bual dengan penulis, 10 September 2013.

Saifuldin bin Mohad Nawawi (Timbalan Pengetua Unit Tahfiz) dalam temu bual dengan penulis, 2 Januari 2013.

Shukri bin Zulkifli (Pensyarah *Qirā'āt*, di DQ) dalam temu bual dengan penulis, 10 Julai 2013.

Usamah bin Mohd Muhsin (Pensyarah *Qirā'āt*, MTQMSA) dalam temu bual dengan penulis, 25 Mac 2013.

Wan Muhammad Ridwan bin Wan Abdullah (Unit Pentadbiran MTQ Kelantan) dalam temu bual dengan penulis, 19 November 2013.

Yazid bin Mohd Salleh (Pensyarah *Qirā'āt*, di KITAB) dalam temu bual dengan penulis, 7 Oktober 2013.

Zainul bin Ahmad (Pengetua Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat, Perlis) dalam temu bual dengan penulis, 19 Disember 2013.